

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 45

Isnin

10 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2015 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.1 hingga B.40	(Halaman 27)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 23)
Usul Anggaran Pembangunan 2015 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.6 dan P.7	(Halaman 27)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 143)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Isnin, 10 November 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato'. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah impak kewangan, ekonomi dan kesan-kesan lain kepada negara selain dari kesejahteraan kehidupan akibat dari krisis air di negeri Selangor.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar yang bertanyakan soalan pada pagi ini yang berkaitan dengan krisis air di negeri Selangor dan kesannya kepada kesejahteraan rakyat dan juga ekonomi negara.

Krisis bekalan air di negeri Selangor ini telah bermula pada tahun 2012 di mana pada waktu itu sudah ada gangguan bekalan air sama ada ke bekalan domestik ataupun bekalan industri. Ini kerana di Selangor ataupun bekalan air ke negeri Selangor ini juga bekalan air ke Kuala Lumpur dan juga ke Putrajaya. Saya boleh sebut di sini akaun keseluruhan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah 1.9 juta akaun untuk bekalan air.

Akibat daripada kelangsungan kekurangan air mentah yang akhirnya pada tahun 2014, tahun ini sampailah ke kemuncaknya iaitu dikenakan catuan bekalan air yang telah pun bermula pada Mac 2014 dan telah dihentikan catuan itu pada 1 Mei 2014 berikutan dengan beberapa langkah susulan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Selangor.

Secara langsungnya, kesan kepada kesejahteraan rakyat dan juga kepada ekonomi antaranya adalah salah satunya ialah kesan besar kepada beberapa jenis industri seperti industri memproses makanan dan minuman, industri getah, industri kimia, industri elektrik dan elektronik dan serta juga industri pelancongan. Ada kilang yang terpaksa membatalkan tempahan dan ada juga yang terpaksa mengalihkan operasi buat sementara waktu ke kawasan lain.

Berdasarkan maklumat yang diterima dari Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) 30 buah syarikat telah mengalami kerugian besar akibat daripada pengagihan air berjadual yang dilaksanakan pada awal tahun ini. Antaranya ialah Nestle yang telah mengalami kerugian RM15 juta sehari, Monin Asia menganggarkan kerugian sebanyak RM11.2 juta sebulan dan Panasonic terpaksa melepaskan tempahan sebanyak RM40 juta. Di samping itu, kekurangan bekalan air di Lembah Klang sejak tahun 2012 telah mengakibatkan sebanyak 855 permohonan kebenaran merancang terpaksa ditangguhkan kelulusannya.

Berikutan itu banyak projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan mengikut rancangan pelabur-pelabur. Keadaan ini telah menjejaskan keyakinan pelabur terhadap di Selangor dan juga Kuala Lumpur. Saya menjangkakan keadaan ini hanya akan pulih menjelang tahun 2017 dengan siap sepenuhnya Loji Rawatan Air Langat 2. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang memberi jawapan yang begitu jelas. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, masalah air adalah amat kritikal di Selangor ini dan saya begitu khuatir ia akan menjejaskan ekonomi bukan sahaja di negeri Selangor tetapi ekonomi dan juga kualiti hidup di negara kita ini.

Hal ini kerana kita lihat seperti yang telah dinyatakan, pelaburan asing telah di *divertkan* kepada negeri lain dan juga kepada negara-negara luar dan juga pembangunan perumahan yang dimaksudkan tadi yang kita merancang untuk ratusan ribu unit khususnya di Selangor yang memerlukan 300 gela satu unit dengan *reserve* satu setengah hari mengikut piawaian kita dan juga menjejaskan peluang-peluang pekerjaan dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi yang kecil.

■1010

Projek yang besar di Selangor. Di pinggiran Selangor, saya difahamkan menggunakan balik air dari Putrajaya ataupun air dari negeri-negeri lain dan juga air daripada Persekutuan. Seperti mega-mega *mall* menggunakan semula air dari Putrajaya. Jadi soalan saya, apakah peranan pihak kementerian yang secara langsung ataupun tidak secara langsung untuk mengatasi masalah air di Selangor ini yang menjejaskan ekonomi negara pada amnya. Apatah lagi desas desus yang menyatakan bahawa syarikat-syarikat air di negeri Selangor ini akan diambil alih oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri. Ini kerana seperti mana yang Selangor sering nyatakan memperjuangkan hak asasi manusia, sebenarnya keperluan air yang cukup dan stabil adalah hak asasi rakyat kita khususnya di Selangor. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar sekali lagi yang bertanyakan soalan tambahan berkaitan dengan kebimbangan apa yang akan terjadi dengan masa hadapan bekalan air di Lembah Klang, Selangor, Kuala Lumpur dan juga Putrajaya. Sukalah saya menyebut bahawa bekalan air di Selangor, di Kuala Lumpur dan Putrajaya seperti yang saya sebut bahawa ia bergantung kepada bekalan air mentah daripada beberapa buah sungai dan juga empangan.

Sumber yang paling besar sekali dibekalkan air, datang daripada Sungai Selangor, keduanya datang daripada Sungai Tinggi, ketiganya datang daripada Sungai Langat,

keempatnya datang daripada Sungai Klang Gate. Jadi ini antara beberapa buah sungai dan juga empangan yang telah membekalkan bekalan air. Empangan yang paling banyak sekali bekalan air yang dibekalkan untuk dirawat ialah datang daripada Empangan Sungai Selangor, 60% daripada bekalan air terawat di ketiga-tiga wilayah ini datang daripada Sungai Selangor.

Berasaskan daripada persetujuan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil alih syarikat-syarikat konsesi yang akan diletakkan di bawah satu anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Jadi, konsesi-konsesi ini, mereka telah pun berunding antara syarikat-syarikat konsesi dengan Kerajaan Negeri Selangor atas konsep '*willing buyer, willing seller*', dengan izin.

Saya jangkakan ia telah sampai ke peringkat akhir untuk dimuktamadkan. Jadi, apabila syarikat ataupun bila anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mengambil alih kesemua konsesi ini berdasarkan kepada seperti saya sebutkan tadi '*willing buyer willing seller*', maka anak syarikat Selangorlah yang akan mengendalikan keseluruhan bekalan air sama ada dari segi rawatannya, dari segi penghantarannya sama ada kepada domestik dan kepada industri.

Tanggungjawab Kerajaan Pusat melalui KeTTHA, pertama ialah kita sebagai *regulator*, SPAN sebagai *regulator* kepada syarikat-syarikat ini dan apabila dia telah *migrate*, bersetuju di bawah WASIA untuk *migrate* dan bekalan air terawat itu juga menjadi sebahagian daripada tanggungjawab di bawah KeTTHA. Jadi maknanya operasi akan dibuat oleh kerajaan negeri, kita sebagai *regulator* dan juga air mentah dikuasai ataupun dikontrol oleh kerajaan negeri dan kita akan melihat bagaimana *operation* operator air ini beroperasi di negeri Selangor ini.

Jadi kita harap bahawa kalaulah kata nanti benar seperti mana Yang Berhormat Kuala Kangsar sebut, diambil alih oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, kita dapat melihatlah bagaimana proses – Semuanya empat konsesi. Konsesi air ada empat, Puncak Niaga, SYABAS, ABASS Konsortium dan satu lagi yang belum dimulakan rundingan adalah dengan SPLASH. Jadi kita melihatlah bagaimana anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor ataupun apa juga syarikat yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor itu dapat melaksanakan pembekalan air seperti mana yang diharapkan. Ini kerana seperti yang disebut Yang Berhormat Kuala Kangsar, air adalah merupakan salah satu perkara yang sangat *basic need* yang sangat penting kepada kehidupan kita.

Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan wang yang banyak untuk menentukan bahawa bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ini berada pada tahap yang sangat memuaskan. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi, krisis air di Selangor bermula pada tahun 2012. Pada masa itu air di Selangor dan di Kuala Lumpur semua dikawal, *maintain* oleh agensi Kerajaan Pusat iaitu agensi SYABAS. Jadi saya rasa adalah patut saya kata ini semua salah SYABAS, krisis air di Selangor pada masa itu. Saya ada dua soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, mengapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu soalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya campur dua soalan kepada satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah sebut satu, dua.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kenapa tiada tindakan yang tegas, yang serius diambil terhadap pencuci kereta di tepi-tepi jalan di seluruh Selangor dan Kuala Lumpur, tangkap mereka. Sampai sekarang, di tepi jalan, mana-mana *corner* pun ada pencuci kereta RM4, RM5. Ini salah satu pembocoran air yang serius di Selangor dan Kuala Lumpur. Juga saya hendak tanya, kandungan perjanjian *restructure* air di Selangor, mengapa *declassify* sebagai OSA? Apa kena-mengena dengan pembelian roket, senjata api? Ia tidak ada kena-mengena dengan nasional sekuriti. Jadi saya hendak tanya, satu alasan yang diberikan oleh kerajaan kepada orang awam, mengapa perjanjian *restructuring of air* di Selangor *declassify* sebagai OSA? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Segambut, tindakan tegas kepada pencuci kereta. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Segambut, kita ini ada tiga kerajaan. Satu namanya kerajaan tempatan (*local authority*), keduanya kerajaan negeri dan ketiganya Kerajaan Persekutuan. Ada kuasa-kuasa yang diletakkan di bawah kerajaan tempatan. Yang Berhormat selaku Ahli Parlimen Segambut, saya tidak tahulah dalam majlis bandar raya yang mana...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kuala Lumpur. *[Disampuk]*

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Oh, bukan Selangor hendak tanya ini, Kuala Lumpur.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Akan tetapi Kuala Kangsar yang tanya soalan ini, dia bukan Kuala Selangor.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak apa, mana-mana pun tidak apa. Cuma kita hendak katakan bahawa ada hal ini yang berkaitan di bawah kuasa kerajaan tempatan. Jadi kalaulah sampai peringkat yang krisis, contohnya saya beri macam Sungai Selangor hari ini, pagi tadi kita *check* di Sungai Selangor 51% jumlah air dalam empangan. Akan tetapi kalau Sungai Selangor sudah jatuh kepada 30% jumlah air dalam empangan, maka pada waktu itu kita isytiharkan dia sebagai krisis Dan tindakan Menteri bertanggungjawab di KeTTHA boleh mengeluarkan arahan di bawah Akta WASIA untuk menentukan semua usaha-usaha air yang tidak boleh- macam cuci kereta, siram pokok bunga, semua itu boleh diambil tindakan. Akan tetapi dalam keadaan biasa, ia adalah di bawah tindakan majlis-majlis kerajaan tempatan.

■1020

Itu yang pertama Yang Berhormat sebut. Betullah, sebuah kereta RM4, RM5. Akan tetapi saya ingat kalau Yang Berhormat pergi suruh tutup kedai itu pun, saya ingat mereka pun tidak tutup jugalah melainkan satu tindakan diambil secara undang-undang. Keduanya, mengenai dengan kenapa diletakkan perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dan negeri di bawah OSA. Jadi saya ingat, Yang Berhormat Menteri KeTTHA dalam penggulungan pada minggu lepas telah

menggulung dengan penuh jawapan. Jadi saya tidak payah ulang dalam Dewan ini Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

2. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sekolah pendidikan khas bagi kanak-kanak kelainan upaya di Malaysia yang menyediakan pendidikan khusus untuk kanak-kanak kelainan upaya selain daripada kanak-kanak pekak, bisu dan buta; dan
- (b) apakah perancangan kementerian bagi menyediakan pendidikan khusus bagi kanak-kanak yang mempunyai permasalahan pembelajaran seperti kanak-kanak penghidap *Autism*, *Dyslexia* dan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* atau ADHD.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Ampang atas soalan berkaitan dengan pendidikan khas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meminda peraturan pendidikan yang berkaitan dengan pendidikan khas. Peraturan-peraturan pendidikan baharu ini tidak menghadkan sekolah khas kepada murid kurang upaya penglihatan dan pendengaran sahaja.

Sehingga ini, terdapat 28 buah sekolah rendah pendidikan khas (SPK), dua buah sekolah menengah pendidikan khas (SMPK) dan tiga buah sekolah menengah pendidikan khas vokasional (SMPKV). Selain daripada sekolah khas, Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyediakan peluang pendidikan kepada murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah harian biasa dengan mewujudkan program pendidikan khas integrasi (PPKI). Sehingga bulan Jun 2014, terdapat 1,387 buah sekolah rendah dan 725 buah sekolah menengah yang menawarkan PPKI.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada tahun 2013 hingga tahun 2025, pendidikan MBK dirancang mengikut kompetensi murid iaitu murid berkefungsian tinggi, sederhana dan rendah. Pemantapan program pendidikan *inclusive* yang dilaksanakan pada tahun 2014 akan memberi peluang bagi MBK berkefungsian tinggi pelajar bersama rakannya yang lain dalam kelas biasa di sekolah harian biasa. MBK yang berkefungsian sederhana dan rendah akan ditempatkan di PPKI yang menyediakan pendidikan berbentuk kemahiran dan kemahiran asas.

Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan program khas bagi murid bermasalah pendidikan spesifik *Dyslexia* dan terdapat 49 buah program rendah dan 15 buah program menengah. Kementerian Pendidikan Malaysia juga bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan untuk membantu pendidikan bagi lain-lain kategori MBK. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya cuma ingin *highlight* di sini kerana kebelakangan ini Timbalan Menteri ramai ibu bapa seolah-olah ada satu trend bahawa ramai anak-anak menghadapi masalah *Autism*, ADHD dan sebagainya. Jadi saya lihat sistem pembelajaran OKU

ini atau pendidikan khas ini harus dipertingkatkan kerana sistem susulan untuk peringkat *secondary* dan *advance* nampaknya agak kekurangan di Malaysia ini. Jadi kita lihat anak-anak yang telah pergi ke sekolah di peringkat *primary*, ibu bapanya menghadapi kesusahan untuk menghantar mereka ke peringkat yang lebih susulannya, *secondary* ataupun *advance*.

Jadi kita harap kita akan dapat – kerana anak-anak yang menghadapi ADHD ini dan sebagainya, mereka mempunyai tahap seperti tadi Timbalan Menteri sebutkan kompetensi yang bertahap-tahap. Jadi, sekiranya kalau mereka ini kita dapat *classify*kan mereka, *categorize* kan mereka mengikut tahap mereka, saya percaya kita boleh melahirkan saintis, *engineer* dalam kalangan mereka dalam bidang profesional seperti apa terjadi yang dapat dilaksanakan di luar negara.

Jadi saya cuma mengharapkan bahawa ada satu sistem yang lebih mantap untuk mengendalikan anak-anak dalam kategori ini kerana saya lihat ramai ibu bapa yang terperangkap dalam membiayai persekolahan pendidikan anak-anak dalam kategori ini dan jadi kementerian harus membuat sesuatu agar memberi sistem sokongan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak sedemikian.

Saya cuma hendak cadangkan, kerana PERMATA selalu diheboh-hebohkan sebagai satu agensi kerajaan yang sangat prihatin terhadap anak-anak. Kenapa tidak PERMATA memperkasakan pendidikan khas ini agar ia lebih khusus, lebih *structured* dan hasilnya lebih jelas. Jadi wang yang digunakan, yang diambil berjuta-juta setiap tahun, kita dapat hasil yang jelas, yang *clear* bahawa PERMATA ini memperkasakan anak-anak kurang upaya dalam negara ini. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Ampang atas satu cadangan yang saya anggap adalah yang berkaitan dengan keperluan untuk mempertingkatkan pendidikan khas dan cadangan ini diterima secara positif kerana dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, memang pendidikan khas diberi fokus. Sistem pendidikan khas di Malaysia sekarang dibahagikan kepada lima dimensi. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ampang tadi yang berkaitan dengan untuk *identify* kan pelajar-pelajar mengikut kategori.

Sebenarnya ini merupakan langkah yang pertama yang disebut dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di Bab 4, muka surat 16 hingga 20 iaitu yang berkaitan dengan *identification* dengan awal intervensi dan sokongan penjagaan kesihatan. Jadi sistem, proses dan kemudahan sedia ada untuk *identify* kan awal murid berkeperluan khas menjalankan intervensi dan menyediakan sokongan penjagaan kesihatan yang berterusan untuk murid yang memerlukan pendidikan khas memang dalam rancangan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri, apabila kita bercerita pasal pendidikan, mungkin persoalan yang saya kemukakan ini terkeluar daripada tajuk tetapi saya mahu supaya Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada mereka tahu atau tidak. Ini kerana di kawasan saya, ada tiga buah sekolah:

Sekolah Kebangsaan Abaka; Sekolah Kebangsaan Melati Burut; dan, Sekolah Kebangsaan Ladang Tiger.

Ketiga-tiga buah sekolah ini di bawah kawasan jagaan syarikat Sime Darby Sdn. Bhd. tetapi apa yang mendukacitakan sekarang ialah, sekolah-sekolah ini tahun depan akan ditutup, dipindahkan ke satu tempat yang berjauhan daripada kampung yang saya sebutkan tadi. Mungkin Sime Darby berfikirannya memberi kenderaan, *transportation* untuk anak-anak pekerja mereka tetapi bagaimana dengan orang-orang kampung yang bersekolah di sana.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Sime Darby sebuah agensi kerajaan yang mengaut keuntungan berbilion ringgit setiap tahun. Kenapa perkara begini berlaku? Kenapa kementerian kalau bersetujukah atau tidak, sebab saya tidak tahu, sebab saya pun tidak diberitahu benda ini kita dapat tahu bahawa sekolah-sekolah ini akan ditutup. Jadi kita minta kalau boleh Kementerian Pendidikan campur tangan dan saya akan mengutus surat kepada Menteri, kalau boleh sama ada soalnya kementerian tahu atau tidak, sekolah-sekolah ini ditutup.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, kalau tidak berkaitan, boleh tak dijawab Yang Berhormat ya.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Memang soalan ini tidak ada berkaitan dengan pokok persoalan tetapi kes ini akan dikaji. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya ada merasmikan satu program bersama dengan kanak-kanak *autism*. Mereka ini dibiayai oleh sebuah NGO yang dinamakan NASOM di bawah *National Autism Society of Malaysia*. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian pernah bekerjasama dengan NGO-NGO ini untuk membantu mereka ini dalam memberikan dana ataupun insentif kepada pusat-pusat jagaan, contohnya macam *autism* ini, dalam memastikan mereka dapat berkongsi dana ataupun insentif daripada kerajaan untuk membantu kanak-kanak *autism* ini. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah lagi bilangan guru dan juga pendidik yang boleh mengajar anak-anak kita ini melalui pendidikan khas di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah yang dibiayai oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang berkaitan dengan kerjasama dengan NGO. Adakah latihan diberikan kepada guru-guru yang mengajar pelajar yang memerlukan keperluan atau *special needs*. Jadi, berkaitan dengan memberi dana, saya dalam jawapan saya sudah bagi tahu bahawa kita bekerjasama dengan NGO. Selain daripada bekerjasama dengan NGO, Kementerian Pendidikan Malaysia juga bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Kesihatan; Kementerian Sumber Manusia.

Kerjasama atau kolaborasi ini bukan hanya kita tumpukan kepada pemberian dana tetapi dalam bentuk yang lain seperti latihan. Yang berkaitan dengan latihan untuk guru-guru, memang

latihan diberi. Kursus atau program juga dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Masters program* juga ditawarkan di Universiti Malaya. Di Melaka kita mengadakan satu *centre* di mana kita panggil *SEAMEO SEN Special Education Needs* di Melaka untuk memberikan latihan kepada guru-guru. Sekian, terima kasih.

3. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah status perancangan Ibu Pejabat Polis Daerah Bintulu akan dinaiktarafkan dengan diketuai oleh Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) memandangkan balai polis Kawasan Perindustrian Sama laju difahamkan akan diketuai ACP apabila mula beroperasi; dan
- (b) apakah sebabnya sekiranya tiada perancangan tersebut.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang khusus oleh Yang Berhormat Bintulu ini elok saya cakupi beberapa persoalan yang ada kaitan dengannya. Di mana Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melakukan kajian menyeluruh untuk menaikkan taraf, pangkat dan pengukuhan jawatan di balai-balai polis serta di ibu-ibu pejabat polis daerah.

Justeru, PDRM sedang membuat kajian menyeluruh sama ada di Semenanjung, Sabah ataupun Sarawak untuk dikemukakan kepada agensi Pusat, khususnya pihak JPA bagi menggantikan kriteria atau, dengan izin SCORE yang ditetapkan sebelum ini yang mana ianya diguna pakai bagi tujuan menaikkan taraf, pangkat, penambahan keanggotaan, mewujudkan balai atau ibu pejabat polis yang baru. Kajian yang sedang dibuat ini berdasarkan kepada kedudukan balai serta fungsi dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan melalui kategori-kategori sama ada balai itu ialah balai metropolitan atau balai polis bandar, luar bandar, pulau-pulau, sempadan antarabangsa, lapangan terbang antarabangsa atau domestik serta pelabuhan-pelabuhan.

Serta sama ada balai polis itu berada di kawasan pedalaman seperti di kawasan FELDA, perkampungan orang Asli, kampung-kampung baru dan kategori yang lain. Jika kajian tersebut diterima pakai kelak, kedudukan pangkat ketua balai polis daerah atau ketua balai serta perjawatan di daerah dan balai-balai akan dapat mengimbangi beban tugas dan peranan bagi setiap balai berkenaan. Lebih besar peranan dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan, maka lebih tinggi dan lebih banyak perjawatan yang bakal diperoleh oleh balai-balai berkenaan.

KDN juga mengambil kira faktor-faktor, antaranya faktor ekonomi yang melihat dari segi pekerjaan, tahap ekonomi, penduduk, kawasan industri, kawasan perbankan dan lain-lain lagi. Keduanya, faktor kompleksiti penugasan, ini termasuk mengambil kira kewujudan sesebuah balai itu yang kita panggil mesti ada, dengan izin, *must have* atau patut ada, dengan izin, *should have*. Elok jika ada, dengan izin, *nice to have* itu kategori kedua. Kategori ketiga ialah faktor geografi bagi sesebuah kawasan iaitu sistem perhubungan atau kemudahan asas. Faktor keempat ialah faktor kependudukan iaitu berpandukan kepada jumlah penduduk komposisi kaum dan taburan penduduk.

Untuk Sarawak, 28 daerah telah kita letakkan ibu pejabat polis daerah dan 83 balai. Ini termasuk Bintulu di mana memang kami ada perancangan untuk menaikkan ibu pejabat polis daerah Bintulu dan kita akan masukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, *insya-Allah* dalam *rolling plan* yang pertama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri bagi jawapan yang begitu panjang lebar. Saya mahu bagi tahu sedikit pandangan daripada rakyat Bintulu. Rakyat Bintulu memang ada persoal, macam contoh tadi Yang Berhormat Menteri kata ada SCORE itu projek itu. Fasal rakyat ada sedih sedikit nampak SCORE punya projek itu punya balai sudah berjawatan ACP. Itu *means* ACP bukan kita hendak nama cantik sahaja fasal dia anggota yang begitu tambah. Akan tetapi Bintulu sampai hari ini memang terima kasihlah, satu kali lagi saya ucap terima kasih Menteri ambil perhatian atas Rancangan Malaysia Kesebelas di *rolling plan* pertama diangkat membantu tolong naik tarafkan Bintulu punya balai.

Akan tetapi di sini saya mahu minta Menteri jangan lupa nanti macam dulu dua kali Rancangan Malaysia. Pelan memang sudah daripada bekas Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, janji juga ada bagi surat sama saya sudah masuk Rancangan Malaysia tapi dua rancangan sudah habis tapi belum masuk lagi. Jadi, kemungkinan kedudukan kewangan kita itu masa tidak mampu tetapi rakyat sekarang persoal, kita punya penduduk-penduduk di Bintulu hari-hari bertambah. Jadi, kita berbincang sama balai, balai tidak cukup anggota menjalankan tugas.

Bintulu begitu luas geografi, *I mean the area is very big*, dengan izin. Dua, saya ada kemungkinan ini ada luar sikit, saya semalam baru saya punya kawasan saya ada berbincang ada lagi kalau boleh minta Menteri kalau balai naik taraf, jangan lupa tambahlah kenderaan. Kalau boleh kali ini itu kenderaan jangan pakai lagi Waja, fasal Bintulu banyak kawasan luar bandar. Selalu Waja sudah masuk satu kali ladang, keluar tinggal *steering* sahaja. Minta Menteri tolong kalau boleh bantu sedikit. Minta Menteri kasi jelas kepada untuk saya punya rakyat, Bintulu. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersimpati dengan Yang Berhormat Bintulu. Saya fikir kalau MPV itu tinggal *steering*, saya ingat tanggungjawab Ahli Parlimen berkenaan untuk membantu polis bagi membeli MPV yang baru. Saya seriusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan bahawa kami telah mengenal pasti petempatan untuk pembinaan IPD baru di Bintulu ini.

■1040

Kami juga masih terbuka sebenarnya jika ada cadangan melakukan *land swap* bagi pembinaan IPD Bintulu berkenaan, di mana kami telah merancang khususnya bahagian logistik telah merancang projek ini turut melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran balai polis sendiri, bangunan sokongan dan kemudahan lain seperti dewan serba guna, surau, kantin serta

perumahan pegawai dan anggota PDRM. Untuk Samalaju, saya ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak berhajat untuk meletakkan seorang pegawai polis yang berpangkat ACP bagi mengetuai Balai Polis Samalaju tetapi lebih baik ACP itu diletakkan di IPD Bintulu, bukan di Samalaju. Dalam hal ini untuk di Samalaju, kami setakat ini telah menggunakan masih menggunakan *cabin modular* dan *insya-Allah* kita telah memperoleh tanah seluas 7.7 ekar daripada Bintulu Development Authority bagi pembinaan balai polis kekal di Samalaju.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom baru lulus Ijazah Sarjana semalam.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa kurangnya Tuan Yang di-Pertua. Sudah lulus PhD. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan naik taraf dan juga pembinaan balai-balai polis di seluruh negara. Saya melihat bahawa memang menjadi keperluan kepada kita dari semasa ke semasa Yang Berhormat Menteri, untuk memastikan keselamatan bukan sahaja di bandar termasuklah di luar bandar.

Dalam soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, apakah pihak kementerian juga mempunyai perancangan untuk menaiktarafkan sistem komunikasi yang kita lihat hari ini memainkan peranan dalam soal keselamatan sebagai contoh? Adakah pihak kementerian memastikan sistem komunikasi yang ada di PDRM di seluruh negara tidak mudah dicerobohi oleh musuh-musuh ataupun orang-orang yang cuba melemahkan jaringan-jaringan komunikasi yang ada di seluruh PDRM? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi saya ingin mengucapkan tahniah di atas penganugerahan PhD kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ijazah Masters kepada Yang Berhormat Tenom. [*Tepuk*]

Kurang tepukan nampaknya. [*Tepuk*] Bukan mudah sebenarnya hendak buat PhD. Ada yang mengisytiharkan PhD sebagai dengan izin, *permanent head damage*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya pasti Yang Berhormat Menteri pun pernah melalui proses yang sama.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya, betul. Lapan tahun. Tuan Yang di-Pertua, untuk keselamatan luar bandar ini, kami pastikan *insya-Allah* keselamatan ini turut mengambil kira faktor-faktor komunikasi kerana terdapat beberapa lompong dari segi yang dipanggil sebagai *blackspot* untuk sesuatu kawasan terutamanya di Sabah ataupun Sarawak. Kami sedang menaikkan taraf pada sistem C4i.

C4i ini ialah satu sistem yang lebih canggih lagi dan komunikasi ini dibuat secara satelit dan ianya dapat meliputi seluruh kawasan tanpa adanya dengan izin *blackspot* tadi. Saya yakin dalam Rancangan Malaysia Kesebelas perkara ini akan diambil kira kerana langkah-langkah awal telah dilakukan dan tentulah umpamanya di kawasan Samalaju di mana contohnya tidak kurang daripada RM78 bilion nilai pelaburan telah dibuat di Samalaju. Ini tentunya menjadi satu kawasan yang sensitif, yang harus diambil kira dari segi peralatan komunikasi yang terkini dan tercanggih, terima kasih.

4. **Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah pihak Eastern Steel telah mengemukakan laporan terperinci kajian alam sekitar (EIA) bagi tujuan pembinaan kilang mereka di Teluk Kalong, Terengganu dan apakah statusnya sekarang.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu projek *propose integrated iron and steel mill at Teluk Kalong industrial estate*, mukim Teluk Kalong Kemaman, Terengganu oleh Eastern Steel Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan laporan EIA terperinci ataupun *detailed Environmental Impact Assessment* dari Jabatan Alam Sekitar pada 27 Januari 2010. Berdasarkan pemerksaan Jabatan Alam Sekitar pada 25 Ogos 2014 mendapati *steel making plant, iron making plant* dan *sinter plant* telah 57% siap. Manakala oksigen *plant* 95% siap. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Laporan awal *primary EIA report* untuk Eastern Steel telah mendapati lebih kurang 15% penduduk sekitar Teluk Kalong mengalami penyakit lelah dan *respiratory related breathing problem*. Ini kemungkinan besar berkaitan wujudnya kilang Perwaja sejak tahun 1980-an. Jadi, tentang kilang jenis Eastern Steel ini, ianya sebenarnya tidak benar di Australia dan Brazil atas sebab-sebab EIA dan juga kesihatan. Di sana mereka hanya boleh ambil keluar besi tetapi tidak benar dibakar di Australia dan Brazil tetapi dibawa keluar sahaja. Biji besi yang akan dibakar di Eastern Steel mengandungi sulfur yang amat tinggi dan adalah perlu satu sistem kawalan yang lebih ketat dikenakan.

Dengan harga besi yang turun kita percaya pihak pengeluar mungkin akan cuba menurunkan kos *production* mereka. Jadi, sekarang ini akan timbul pelbagai persoalan kerana kebelakangan ini pula didapati ramai pekerja kilang Eastern Steel yang telah mula bertugas termasuk *safety officer* telah meninggalkan Eastern Steel atas sebab-sebab tidak puas hati keadaan pekerjaan. Perlu diingat, pada awal pembinaan Eastern Steel ini pula, seramai 80 pekerja adalah dari negara China dan ini tidak menguntungkan langsung dari segi peluang pekerjaan atau ekonomi tempatan.

Jadi persoalannya di sini, dengan permulaan yang kurang baik dan juga senario kesihatan yang banyak risiko yang agak tinggi atas kesihatan orang tempatan, apakah jaminan kerajaan untuk memberi kawalan dan pemantauan pencemaran alam yang ketat atas operasi Eastern Steel supaya tidak membahayakan atau memudaratkan kesihatan orang tempatan atas sebab-sebab yang dikatakan tadi. Ini perlulah satu pemantauan yang amat ketat dan luar daripada kebiasaan, sekian terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat ke atas keprihatinan terhadap operasi industri seperti ini. Kilang besi ini mana-mana pun kilang besi seharusnya dipantau dengan lebih kerap lagi. Kilang besi ini apabila DEIA nya telah diluluskan, ada 50 syarat kesemuanya. Jadi syarat-syarat ini masalah perlu dipatuhi oleh industri ini, *integrated steel plant* ini. Oleh itu, apa yang dikeluarkan daripada cerobong adalah amat penting. Jika ada kawasan

perumahan yang berhampiran dengan ini, maka ianya akan memberi kesan yang buruk kepada penduduk-penduduk seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ada orang sudah kena pelbagai penyakit. Walaupun demikian, sebab ini tidak siap lagi, Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau supaya syarikat ini mematuhi 50 syarat yang amat diperlukan.

■1050

Apabila ia sudah beroperasi, maka pemantauan akan lebih kerap lagi dibuat dengan rapi dan memastikan bahawa apa yang dikeluarkan, 'a.s.a.p' daripada cerobong itu tidak mengandungi bahan-bahan kimia yang tinggi. Ia mesti di bawah standard Jabatan Alam Sekitar dan di bawah standard dunia di dalam *emission* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya nak bawa masalah yang hampir sama yang saya telah pun bawa dalam Dewan yang mulia ini pada penggal yang dahulu iaitu masalah kilang sawit di Sungai Tengah ini. Yang Berhormat Menteri hari itu berjanji macamlah jawapan Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi bahawa pemantauan, pemantauan, pemantauan akan terus dibuat tetapi sampai hari ini, sampai semalam, saya melawat di kampung itu, keadaan sama juga berlaku.

Jadi siapa yang nak memantau ini, Yang Berhormat Menteri? Di mana lagi kita nak bagi tahu masalah ini? Sampai di Dewan yang mulia ini masih juga tidak ada tindakan. Sungai-sungai di mana air buangan ini *discharge* dah sampai busuk dah tapi Jabatan Alam Sekitar tak bau lagi. Jadi di mana saya nak bawa masalah ini, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Yang ini sebenarnya ada pemantauan tetapi yang pertamanya, Jabatan Alam Sekitar perlu memantau bagaimanakah kilang ini beroperasi. Ini amat penting kerana *effluent* yang dikeluarkan di dalam sungai mesti mematuhi *standard bay* iaitu peraturan pengeluaran *effluent*. Mesti mematuhi *standard bay* di mana BOD (*biochemical oxygen demand*) seharusnya 50% dan COD – 100% dan kurang. Kalau ia melebihi, jika Jabatan Alam Sekitar memantau, maka kilang ini boleh didenda.

Saya akan bincang dengan pegawai di Jabatan Alam Sekitar tentang perkara ini dan minta mereka turun ke padang lapangan untuk menilai supaya sungai itu tidak tercemar. Kita tak mahu sungai kita tercemar di dalam negara ini tetapi terlalu banyak kilang yang kalau pegawai tidak turun ke padang dan memantau mereka, waktu malam pula mereka mengeluarkan dan menghasilkan bahan-bahan tercemar dan dikeluarkan ke dalam sungai. Ini ialah satu permasalahan yang berlaku di negara kita di mana-mana pun apabila pegawai tidak ada, mereka buat kerja yang tidak baik seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat atas membawa perkara ini sekali lagi.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya buat satu lagi tambahan soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat itu. Terima kasih Yang Berhormat, cukuplah ya.

5. **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan bilakah Majlis Kawal Selia Umrah akan mengeluarkan sub-lesen umrah kepada syarikat-syarikat yang terlibat supaya rakyat tidak akan tertipu syarikat-syarikat tidak bertanggungjawab yang menggunakan alasan kes jemaah umrah terkandas, kegagalan mendapat visa, penundaan tarikh penerbangan jemaah umrah dan sebagainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *Walaikumussalam.* Tuan Yang di-Pertua, Majlis Kawal Selia Umrah ataupun kita panggil singkatan MKSU telah ditubuhkan pada 28 Ogos 2014 di mana majlis ini akan bertindak sebagai badan penyelaras yang mengawal selia perkara-perkara berhubung pengendalian pakej umrah di samping menjadi pusat sehati terhadap sebarang aduan yang berkaitan dengan pengendalian umrah. Ahli-ahli MKSU terdiri daripada beberapa buah kementerian, jabatan dan agensi yang telah dilantik termasuklah dua buah badan persatuan iaitu Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan (MATTA) dan Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA).

Cadangan pengeluaran sub lesen umrah merupakan salah satu langkah bagi menangani isu penipuan pakej umrah. Secara prinsipnya, cadangan ini telah dipersetujui oleh majlis ini namun sebelum pelaksanaannya boleh dikuatkuasakan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan perlu terlebih dahulu mendapatkan maklum balas daripada agensi-agensi pelancongan yang terlibat secara langsung di dalam pengendalian pakej umrah ini dan agensi-agensi pelancongan lain yang berhasrat untuk menceburi bidang ini terhadap syarat-syarat yang dicadangkan untuk pengeluaran sub lesen umrah. Konsultasi ini penting bagi memastikan semua agensi pengendali umrah dapat memahami hasrat kerajaan untuk mengatasi isu penipuan pakej umrah dan membuat persediaan yang sewajarnya untuk mematuhi syarat baru ini kelak.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan itu tadi. Kita lihat apabila berlakunya kes-kes yang melibatkan jemaah umrah yang terkandas berada di lapangan terbang amat memilukan hati kita kerana harapan mereka untuk menunaikan ibadat hancur. Orang kampung dah tahu, dah buat kenduri dan sebagainya dan ini kita lihat disebabkan oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab dan mungkin disebabkan oleh beberapa faktor luar jangka yang menyebabkan terjadinya perkara tersebut.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kementerian boleh membantu dan melindungi agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat yang kecil yang baru sahaja memulakan perniagaan mereka apabila berlakunya perkara-perkara sedemikian sebab kalau syarikat besar berlakunya kes-kes contohlah baru-baru ini ada berlakunya wabak *MERS-CoV* yang menyebabkan beberapa jemaah terkandas, mereka boleh memulangkan balik duit jemaah itu semula tetapi bagaimana dengan syarikat-syarikat kecil. Mereka terpaksa gulung tikar dan nama mereka dengan izin, *tarnish* disebabkan oleh insiden tersebut.

Keduanya, adakah kerajaan ataupun pihak kementerian bercadang untuk memperketat lagi pemilikan agensi pelancongan khususnya yang melibatkan pelancongan umrah dan haji ini bagi mengelakkan penipuan daripada berlaku. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat dari Masjid Tanah. Beginilah Yang Berhormat, kita kena betul-betul membuat keputusan iaitu dalam kita mengendalikan urusan umrah ini, adakah tujuan utama kita ialah untuk mewujudkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat kecil untuk terlibat dalam umrah ataupun kita nak melindungi rakyat yang mungkin akan tertipu hasil daripada wujudnya banyak syarikat kecil yang tidak sepatutnya sebenarnya mengendalikan urusan umrah. Kementerian saya memilih untuk melindungi rakyat.

Sebab itu kita punya keutamaan ialah untuk memastikan mereka yang berhasrat untuk pergi ke umrah ini mesti diberikan perlindungan kerana mereka hendak mengerjakan satu ibadah dan juga mereka telah menyimpan wang begitu banyak dan dukacitalah kalau sekiranya mereka ini tertipu oleh kerana kurang kemampuan syarikat kecil untuk mengendalikan umrah ini.

Sebab itu daripada segi kita, kerajaan, kita mahu melindungi rakyat. Kita mensyaratkan hanya 59 setakat ini syarikat yang dibenarkan untuk mengendalikan pelancongan umrah ini kerana untuk pergi ke sana, macam Yang Berhormat sebut tadilah, kalau ada terkandas kah, apa kah, di mana mereka nak pergi. Syarikat yang berdaftar yang 59 itu mesti bertanggungjawab. Maka oleh kerana itu dari segi kementerian saya, kita mesti memastikan iaitu bahawa hanya syarikat yang berkemampuan dan layak sahaja boleh menguruskan pelancongan umrah ini. Setakat ini, 59 syarikat telah didaftarkan yang boleh mengendalikan urusan umrah yang memerlukan kepada mereka untuk meletakkan deposit sebanyak RM200,000 dan juga mereka perlu menyediakan RM60,000 kepada *International Air Transport Association (IATA)*.

■1100

Jadi untuk mereka layak menjadi syarikat yang dibenarkan untuk menguruskan umrah, mereka terlebih dahulu perlu meletakkan deposit sebanyak RM260 ribu seperti yang saya sebut sebentar tadi. Namun kalau kita hendak membantu syarikat kecil, sebab itulah dalam jawapan saya sebentar tadi, saya kata iaitu kita membenarkan syarikat-syarikat yang 59 buah ini mengadakan MoU dengan syarikat kecil untuk membolehkan mereka membantu syarikat besar itu. Akan tetapi pada akhirnya yang bertanggungjawab itu ialah syarikat yang 59 buah itu yang didaftarkan. Jumlah 59 buah syarikat ini tidaklah terhad kepada 59 sahaja, mana-mana syarikat yang lain yang mahu didaftarkan sebagai syarikat yang boleh menguruskan umrah, maka perlulah mereka memenuhi syarat yang telah disebutkan tadi iaitu meletakkan deposit RM200 ribu kepada Kerajaan Arab Saudi dan juga RM60 ribu dengan IATA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama, *Shen Deyong, Justice and Executive Vice President, Supreme People's Court of China* dan Duta Besar Republik Rakyat China ke Dewan yang mulia ini. Semoga kehadiran delegasi ini akan mengeratkan lagi hubungan Parlimen Malaysia dan Republik Rakyat China. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa Kementerian Yang Berhormat mengutamakan jemaah umrah daripada syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab, saya bersetuju. Apa yang lebih penting yang harus dilihat di sini ialah seperti kata Yang Berhormat tadi bahawa Kementerian Yang Berhormat menggalakkan supaya 59 buah syarikat ini mengambil syarikat-syarikat pengendali umrah itu bernaung di bawah mereka dan memang itu pun amalan yang berlaku selama ini. Cuma saya hendak minta ialah bagaimana kalau boleh Kementerian sendiri yang melakukan proses tersebut kerana syarikat-syarikat yang lain daripada 59 itu ialah syarikat yang memang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, yang 59 itu ialah yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan juga berdaftar dengan *muassasah*, yang lain itu yang tidak dapat itu maknanya mereka tidak dapat dengan *muassasah*.

Jadi apa kata, kalau boleh Kementerian Yang Berhormat menyenaraikan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Yang Berhormat supaya mereka itu telah pun diletakkan sebagai syarikat yang akan berada di dalam sistem payung di bawah syarikat 59 ini. Saya minta bahawa penjelasan daripada Yang Berhormat, bilakah penguatkuasaan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tempoh hari kerana kalau tidak silap saya bulan Disember ini, visa umrah akan mula dikeluarkan dan orang pun akan mula mengerjakan umrah supaya jemaah-jemaah umrah yang dah berdaftar dengan syarikat-syarikat ini dapat membuat pilihan yang lebih tepat. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat punya soalan itu baik, cuma saya hendak sebut di sini, daripada segi Kementerian kita tidak menghalang mana-mana syarikat yang 59 itu mengadakan MoU dengan mana-mana syarikat lain. Akan tetapi kita tidak mahu mengembangkan penguatkuasaan kita kepada syarikat tambahan yang tadi sebab untuk penguatkuasaan, unit kita perlu memastikan supaya jumlahnya itu mestilah jumlah yang berpatutan untuk memastikan penguatkuasaan kita itu boleh dilaksanakan dengan baik. Akan tetapi yang 59 ini saya sebut sebentar tadi, ia tidak tertutup, ia boleh bertambah lagi tetapi ia mesti mendapatkan *muassasah* dan juga ia mesti meletakkan deposit, itu penting kerana kalau tidak boleh buat, kita tidak dapat hendak melindungi jemaah umrah tadi.

Jadi kalau sekiranya apabila kita membenarkan 59 buah syarikat ini mengadakan MoU, kita mahu 59 buah syarikat ini dia yang bertanggungjawab kepada syarikat-syarikat kecil ini. Kita tidak menghalang, kita benarkan, bermakna kita iktiraf boleh, perkara ini boleh dilakukan dan bukan merupakan satu kesalahan.

Akan tetapi kalau apa-apa yang berlaku, kita tidak akan cari syarikat yang kecil, kita akan cari syarikat yang besar tadi, dialah bertanggungjawab di atas mungkin kesilapan yang dilakukan oleh syarikat kecil. Jadi yang penting di sini, kita benarkan mereka mengadakan MoU dengan syarikat kecil untuk menggalak penglibatan syarikat bumiputera dalam industri ini tetapi saya ingin ingatkan kalau apa-apa yang berlaku, maka syarikat yang berdaftar dengan kita sahaja

yang kita akan ambil tindakan. Soal dia hendak ambil tindakan ke atas anak buah dia, itu hal dia tetapi dia mesti bertanggungjawab kepada anak-anak buah dia yang merupakan syarikat yang menandatangani MoU dengan dia untuk mengendalikan jemaah umrah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penguatkuasaan. Memang betul, musim haji pun dah habis, sekarang sudah masuk musim umrah, maka kementerian saya telah memastikan bahawa kita akan bertindak di atas perkara ini dan penguatkuasaannya ialah pada 1 Januari 2015.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bulan Disember ini belum lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Belum lagi tetapi walaupun belum lagi, ia menjangkau masuk, kita tunggu, kalau dilakukan bulan Disember, dia tidak akan lari sebab mari bulan Januari, kita akan ambil tindakan kepada dia sebab pada ketika itu undang-undang sudah ada, peraturan sudah ada. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. Soalan ini penting. Pertama sekali saya hendak ucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan yang begitu pantas mengambil tindakan apabila saya berdepan dengan pengalaman baru-baru ini seramai 144 orang tertipu dan teraniaya dan berada di Madinah Al-Mukaramah apabila mereka tidak dapat pulang kerana ditipu oleh syarikat. Jadi saya telah menguruskannya.

Persoalan saya pada hari ini dan pandangan saya kepada kementerian juga, memandangkan apabila rakyat jemaah ditipu, lazimnya mereka merasakan itu adalah tanggungjawab pihak Lembaga Urusan Tabung Haji. Justeru, jadi mereka kata Tabung Haji, ini silap Tabung Haji, mana pengerusi Tabung Haji. Jadi itulah di antara perkara yang lazimnya berlaku tetapi hari ini *Alhamdulillah* semua rakan-rakan di sini dan belah sana sudah tahu bahawa ini bukan tanggungjawab. *Regulator* ialah Kementerian Pelancongan. Jadi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang begitu pantas mengambil tindakan.

Saya hendak tambah sedikit sahaja, cuma memang benar kementerian sudah wujudkan satu sekretariat untuk memantau agensi-agensinya ataupun syarikat-syarikat ini. Cuma saya pohon agar Polis Diraja Malaysia, pihak SPRM dapat dimasukkan ke dalam sekretariat tersebut seperti MATTA dan sebagainya kerana ia sekali gus boleh memantau kerana bulan Januari ini akan buka balik dan ramai jemaah kita, sebab apa - untuk makluman Dewan yang mulia ini, kalau sesiapa yang hendak melaksanakan ibadah umrah, paling minimum kosnya adalah yang boleh masuk akal ialah RM4,500. Ini ada yang mereka ambil RM2,999 dan RM3,050 dan sebagainya. Ini tidak mampu sebab hotel dan tambang pun tidak lepas. Jadi ini rakyat harus tahu. Kadang-kadang mereka kata ini yang paling murah, jadi tampal di tiap-tiap tiang pokok dan sebagainya mempromosikan.

Jadi saya yakin dan percaya Kementerian Pelancongan dapat memainkan peranan yang begitu pantas dan peranan yang begitu cekap untuk melaksanakan masalah yang kita hadapi. Ini ialah masalah kita bersama. Jadi sekali lagi saya hendak minta dalam sekretariat tersebut

mintalah pihak Menteri KDN pun ada, minta pihak polis dan juga SPRM duduk dalam sekretariat tersebut untuk memantau kerana baru-baru ini yang 144 orang ini, mereka minta pihak Tabung Haji bawa balik, tidak boleh. Saya tidak boleh keluarkan duit sewenang-wenangnya.

Akhirnya Yang Amat Berhormat Pekan telah mengarahkan Biro Kebajikan UMNO untuk membayar sebanyak RM150 ribu untuk membawa mereka itu pulang. Jadi UMNO juga yang akhirnya membela rakyat tetapi tidak apa, terima kasih. Kita akan terus membela rakyat tanpa kira fahaman dan ideologi politik, dulu, kini dan selamanya. Terima kasih.

■1110

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji bukan agensi yang patut dipersalahkan kalau sekiranya berlaku penipuan bagi urusan umrah. Ini kerana nama pun Tabung Haji bukan tabung umrah ya. Jadi saya hendak sebut di sini bukan Tabung Haji yang bertanggungjawab tetapi MOTAC kementerian saya. Kementerian saya di bawah jawatankuasa ini bertanggungjawab penuh di atas segala apa perkara yang berbangkit dalam soal urusan umrah ini. Itu pertama.

Kedua, saya sebut di sini Yang Berhormat RM4,500 pun tidak cukup. MOTAC telah menentukan yang betul-betul kalau sekiranya hendak mengendalikan umrah mana-mana syarikat yang menawarkan kurang daripada RM4,900, itu memang tipu. Jadi saya harap kalau ada papar di Pokok Sena kah atas pokok. Tidak, atas pokok sena saya sebut bukan Yang Berhormat Pokok Sena. *[Ketawa]* Kan dia letak kain rentang kata umrah RM3,900, RM4,000 tidak betul, itu tidak betul. Dia mesti tidak kurang daripada RM4,900. Jadi RM4,500 pun tidak betul Yang Berhormat ya, RM4,900.

Ketiga saya hendak sebut sini iaitu *[Disampuk]* Ya? Itu kita tidak bertanggungjawab, kalau kena tipu pergi cari Yang Berhormat Pokok Sena kah yang betulnya ataupun Yang Berhormat Permatang Pauh pergi cari. Ini buah pauh, pokok sena semua boleh cari dia orang. Ketiga, Yang Berhormat saya hendak bacakan ahli-ahli Majlis Kawal Selia Umrah.

- (i) KPK, kementerian saya;
- (ii) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK),
- (iv) Kementerian Luar Negeri;
- (v) PDRM, Menteri dia ada di sini;
- (vi) Kementerian Pengangkutan;
- (vii) Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (viii) Suruhanjaya Persaingan Malaysia;
- (ix) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- (x) Lembaga Tabung Haji, ada masuk sebagai ahli;
- (xi) Persatuan ejen MATTA tadi;
- (xii) Bumitra.

Kita juga meletakkan iaitu bawah kita, *open ended*. Mana-mana yang kita fikirkan seperti cadangan Yang Berhormat Baling baik, iaitu SPRM juga kita terbuka untuk masukkan mereka sebagai ahli Majlis Kawal Selia Umrah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Soalan No. 6 – Y.B. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) tidak hadir]

7. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah projek pembangunan di luar bandar yang dikategorikan sebagai projek sakit dan projek tertangguh serta berapakah kos sebenar yang melibatkan projek tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak berpantunlah terus kepada jawapan Yang Berhormat. Sehingga kini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hanya mempunyai 19 projek yang dikategorikan sebagai projek sakit dan tiada projek yang tertangguh. Jumlah projek sakit tersebut hanya mewakili 1.5% daripada keseluruhan 1,308 projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah RMKe-10. Kos projek sakit tersebut adalah sebanyak RM562.21 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang tepat. Umum mengetahui bahawa setiap projek yang dicadangkan oleh kerajaan akan membawa manfaat kepada rakyat. Akan tetapi apa yang berlaku ialah kelewatan yang melampau sedangkan projek yang dicadangkan oleh kerajaan itu memang sangat penting kepada rakyat.

Jadi saya ingin bertanya apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk memastikan kelewatan yang begini tidak berlaku? Serta apakah juga tindakan yang diambil daripada kontraktor? Adakah kementerian mengadakan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain di bawah Dasar *National Blue Ocean Strategy*? Seperti JKR, Pejabat Daerah dan sebagainya untuk memastikan agar banyak pihak yang membantu kementerian supaya tidak berlaku kelewatan yang melampau, yang merugikan rakyat ini. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengambil tindakan sewajarnya dengan pemantauan rapi dan kemajuan projek dan menamatkan kontraktor yang bermasalah serta mengadakan proses tender sebut harga semula untuk melantik kontraktor penyelamat atau untuk menyiapkan projek bagi projek sakit yang tersebut itu. Sebagai contoh, kementerian juga ada Bahagian Pembangunan Dan Pemantauan Projek, baik di peringkat kementerian di Putrajaya mahupun di negeri-negeri melalui pejabat cawangan negeri untuk mengendalikan pemantauan rapi itu.

Saya ingin memberi contoh kepada Yang Berhormat kes-kes di mana kontraktor projek sakit yang telah ditamatkan. Kontraktor penyelamat telah dilantik untuk menyiapkan projek-projek terbabit. Ini antara yang beberapa buah projek sakit tadi ialah MRSM Arau, MRSM Sungai

Besar Selangor, projek Jalan Ulu Pandan di Bintulu, projek bekalan air luar bandar, sistem retikulasi Negeri Sembilan di antara beberapa buah projek sakit, 9 buah projek sakit telah saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan kerjasama dengan agensi-agensi ataupun kementerian-kementerian kerajaan yang lain. Sememangnya kita mengadakan perhubungan ataupun kerjasama yang baik lebih-lebih lagi dengan agensi ataupun jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian kerajaan di peringkat negeri di mana projek-projek ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berikutan kemunculan para peniaga asing di Kuala Lumpur, baik yang membuka kedai perniagaan, penjaja, berapa jumlah yang berjaya dikesan dan diambil tindakan dan apakah rancangan DBKL terhadap masyarakat asing membuka perniagaan di Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, penglibatan warga asing dalam aktiviti perniagaan di Kuala Lumpur adalah tidak dinafikan. Bagi peniaga asing yang membuka perniagaan di premis-premis seperti kedai atau bangunan, mereka adalah tertakluk di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 1986. Walau bagaimanapun warga asing tidak dibenarkan sama sekali terlibat dalam aktiviti penjajaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh mengambil tindakan termasuk kompaun dan pembatalan lesen sekiranya syarikat-syarikat asing ini melanggar undang-undang yang diperuntukkan berkaitan premis perniagaan mereka. Sementara bagi mana-mana individu atau kumpulan warga asing yang bertindak sebagai penjaja akan diambil tindakan sita terhadap barangan mereka dan tangkapan oleh Jabatan Imigresen bagi yang tiada permit. Sehingga September 2014, sebanyak 3,808 tindakan sita telah diambil ke atas warga asing yang bertindak sebagai penjaja. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,664 penjaja warga asing disita di kawasan Bukit Bintang.

Selain itu terdapat penjaja tempatan yang menggaji warga asing sebagai pembantu atas alasan tiada warga tempatan yang ingin bekerja dengan mereka. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak membenarkan perkara ini berlaku sama sekali kerana kluatir penjaja tempatan ini menjual atau menyewakan gerai mereka kepada warga asing.

Justeru itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja warga asing dari semasa ke semasa. Sehingga September 2014, sebanyak 290 penjaja telah dikompaun dan 330 penjaja telah dibatalkan lesen kerana menggunakan pembantu pekerja warga asing.

■1120

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setakat ini tidak menghalang mana-mana warga asing untuk membuka perniagaan di bandar raya Kuala Lumpur selagi mana syarikat mereka adalah berdaftar secara sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan para peniaga asing membanjiri pusat bandar Kuala Lumpur, saya difahamkan bahawa bilangan pendatang asing khususnya dari negara Indonesia, Bangladesh seramai lebih dari tiga juta. Satu angka yang amat membimbangkan rakyat jelata dan masyarakat pendatang asing ini yang di tangga nombor tiga terbesar di Malaysia ini.

Mengapakah kerajaan tidak mengambil satu tindakan yang untuk memastikan bahawa pembanjiran pendatang asing ini akan menjadi satu masalah sosial dan ekonomi di negara kita. Saya ingin tahu juga walaupun ada banyak aduan dibuat, tetapi tiada penguat kuasa dilakukan oleh DBKL khususnya di Jalan Tun Tan Siew Sin. Dahulu bekas di Jalan Silang. Sepanjang jalan dipenuhi oleh peniaga-peniaga dari Bangladesh. Lantas, papan tanda kedai ini pun ditulis dalam bahasa Bangladesh. Walaupun aduan dibuat tetapi tidak ada dilakukan penguat kuasa. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, DBKL memang menjalankan penguatkuasaan. Mereka menjalankan penguatkuasaan setiap dua hari sekali. Dalam penguatkuasaan itu, kita telah banyak mengambil tindakan. Baru-baru ini kita telah pun masukkan golongan ini dalam Ops di mana kita menjalankan Ops untuk mencegah peniaga asing meniaga atau menjaja di Kuala Lumpur.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kita telah banyak mengambil tindakan dan menurunkan papan tanda seperti yang dimaklumkan tetapi perkara ini memang berleluasa, tidak dinafikan dan kita teruskan dengan tindakan-tindakan penguatkuasaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga hari ini DBKL telah meluluskan 60,000 daripada 70,000 permohonan lesen. Berbanding bandar raya dunia yang lain, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah peniaga kecil paling tinggi. Melihatkan ini pemberian lesen ini tidak dikawal. Usaha merealisasikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang 2020 mungkin akan terjejas. Dengan kehadiran lambakan warga asing yang melakukan aktiviti perniagaan di bahu-bahu jalan dan sebagainya, kehadiran mereka ini juga menarik ramai lagi golongan-golongan mereka dan ini akan menimbulkan masalah sosial, masalah jenayah, kerosakan harta awam dan juga masalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah sebarang akta yang membolehkan kementerian menghantar pulang masyarakat asing yang mempunyai pas kerja yang sah tetapi menjaja tanpa kebenaran dan adakah mereka ini atau pun adakah mereka ini hanya dikenakan denda?

Soalan yang kedua, adakah pihak berkuasa boleh meluluskan permit kebenaran? Adakah pihak berkuasa akan meluluskan permit perniagaan kepada masyarakat asing sekiranya mereka memohon mengikut saluran yang tertentu? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan Serai, sudah berkali-kali saya pun mengulangi di dalam Dewan ini, penjaja asing tidak diberikan lesen. Mereka tidak boleh menerima lesen sah daripada Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun kita dapati banyak rakyat Malaysia yang mempunyai peluang perniagaan atau pun penjajaan di negara ini memberi lesen mereka untuk digunakan. Kita juga ada masalah yang kedua di mana rakyat-rakyat asing ini berkahwin dengan wanita-wanita kita dan mereka menggunakan nama isteri mereka untuk mendapatkan lesen.

Walaupun bagaimanapun, daripada garis panduan dan undang-undang yang kita ada, sebarang penjaja asing tidak dibenarkan mendapat lesen untuk menjaja di Kuala Lumpur. Berkenaan soalan yang terlebih dahulu tentang boleh dihantar pulang, itu bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

9. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mengenai persepsi terhadap penternakan masih dikaitkan dengan kemiskinan, tidak moden, hanya aktiviti luar bandar dan pilihan terakhir kerjaya merupakan halangan utama. Nyatakan langkah-langkah dan pelan strategik mengatasi masalah kebergantungan mengimport bekalan daging dan tahap keberkesannya terhadap negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahitaala wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat sahabat saya dari Gerik.

Soalannya dua perkara. Pertama, bagaimana hendak meningkatkan pengeluaran daging supaya dapat mengatasi masalah kebergantungan kepada import. Keduanya masalah kemiskinan di kalangan penternak. Ini dua saya hendak saya jawab. Ya, betul kita pada masa ini kita mengimport begitu tinggi sekali. Pengeluaran negara cuma 53,800 tan metrik. Manakala, permintaan ialah 180,835 tan metrik. Jadi, yang diimport ialah 127,035 tan metrik. Tahap yang kita capai setakat ini, pengeluaran dalam negara cuma 29.8%, *below* 30%. Itu daging lembu dan kerbau.

Manakala kambing pula kita cuma mengeluarkan pada tahun 2013 23,630 metrik tan. Kita mengimport 23,630 metrik tan. Jadi, tahap pengeluaran negaranya sangat rendah pada masa ini. Jadi, kita perlu meningkatkan pengeluaran. Masalahnya sekarang ini berbagai-bagai skim dan insentif yang telah dibuat oleh kerajaan. Namun, nampak gayanya pencapaiannya agak tidak begitu besar sebagaimana yang kita harapkan.

Contoh langkah-langkah yang telah diambil ialah umpamanya kita telah menyediakan *feedlot-feedlot satellite farm* di merata negara. Kita ada 63 *satellite farm* yang telah dibina dan penyertaan daripada pengusaha atau pun penternak begitu sedikit sekali. Sebagai mana saya sebutkan dalam sesi Parlimen sebelum ini dahulu iaitu kita menggalakkan pengusaha-pengusaha atau pun penternak. Akan tetapi nampaknya setakat ini belum dapat sambutan yang begitu baik.

Selain daripada itu, kita menggalakkan juga penternakan secara integrasi di ladang-ladang sawit, syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby, FELCRA, FELDA dan sebagainya. Mereka mempunyai ladang kelapa sawit beratus ribu hektar. Boleh digunakan untuk menternak lembu dan juga kambing tetapi sambutan daripada syarikat-syarikat besar ini pun begitu nampaknya agak mengecewakan. Tidak ada sambutan. Mungkin *business* lain lebih menguntungkan. Menternak mungkin bagi dia orang tidak begitu lumayan. Jadi, sambutan kurang. Masa suntuk, jadi kalau Yang Berhormat hendak tahu yang lain-lain itu boleh jumpa saya lah dekat luar kah, di mana-mana, kita cerita. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi satu jawapan tentang pertanyaan saya.

■1130

Soalan tambahan saya, di IPT tempatan jurusan yang berkaitan dengan pertanian sering dianggap sebagai jurusan yang bermain dengan lumpur dan tanah semata-mata serta tidak glamor oleh sesetengah golongan masyarakat. Malah ada setengah segelintir pelajar universiti yang mahu menukar jurusan lantaran mendapat jurusan yang berkaitan dengan pertanian. Malahan kebanyakan golongan muda sebolehnya mengelak daripada memilih jurusan pertanian ketika mengisi borang permohonan UPU untuk memasuki IPTA.

Kenyataan ini berdasarkan pengalaman Mahasiswa Turun Parlimen (Mantap) baru-baru ini yang berada di bawah jagaan saya di mana beliau merupakan mahasiswa daripada sebuah IPTA tempatan yang mengambil jurusan agroteknologi. Soalan saya apakah pandangan kementerian terhadap trend ini selaku kementerian yang bertanggungjawab memastikan sektor pertanian negara berkembang maju dan menjadi penyumbang kepada KDNK negara. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada masa lagi boleh jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh, seminit dua lagi.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Sudah cukup masa, seminit dua ya. Jadi kita hendak mengubah persepsi sekarang ini bila generasi mudah sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, kotor dan lekeh dan sebagainya sebenarnya tidak betul. Apa yang kita hendak galakkan ini bukan dia hendak jaga lembu, bukan hendak jaga kandang. *That is you know for the labourer.* Itu Bangla boleh buat, Indonesia boleh buat, Myanmar boleh buat. *You employ them.*

Seorang Ahli: Yang lokal macam mana? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Itu Yang Berhormat lah jaga kandang lembu. Suruh *local, you are talking very not realistic.* Pergi cium tahi lembu, Yang Berhormat buat. Kita hendak masyarakat Malaysia menjadi *entrepreneur, agropreneur*, dia jadi *businessman.* *He is the owner of the company, he own the company, he is the manager, he is the director, he is the proprietor,* ini dia. Dia macam juga industri lain macam bina rumah, *you are developer, you are*

sitting in the office doing all the management work, board work and all that but the construction work is by the workers. Workers can be local, can be foreigner depend.

Akan tetapi masalahnya kalau tidak cukup orang macam mana? Jadi inilah masalahnya kita tidak realistik. Kalau hendak cerita banyak kita boleh *discuss* di tempat lainlah tetapi hendak cakap tadi Yang Berhormat Gerik cakap tadi kita hendak galakkan generasi muda. *We want to tell the younger generation*, kita hendak dia orang jadi usahawan, jadi *entrepreneur*, jadi peniaga yang menguruskan syarikat-syarikat penternakan, pertanian bukan hendak buat kerja buruh. Kerja buruh dia boleh *employ*, dia boleh gaji orang-orang untuk mengerjakannya. Kalau dia *graduate* ada *degree*, ada *masters degree* tidak akan dia hendak buat *labour work*. *Labour work is for the workers*. Dia buat sebagai *businessman*, sebagai *director*, sebagai - saya ulang-ulang benda yang sama juga. Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, setakat itu sesi jawab lisan untuk pagi ini Yang Berhormat. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) saya jemput Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.00 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa 11 November 2014. Terima kasih.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya usul-usul seumpama ini tidakkah bercanggah dengan Akta Buruh iaitu mendera kita sehingga larut malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebab itu kita buat dalam bentuk usul, Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, Lumut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lumut, *point of order?*

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Peraturan 20 berhubung risalah mesyuarat. Oleh kerana saya melihat pembentangan bajet Kementerian Pendidikan, kalau kita rujuk kepada Kertas Order 42/2014 kita lihat Kementerian Pendidikan, saya jemput Ahli-ahli Mesyuarat dan juga Tuan Yang di-Pertua untuk lihat muka surat 625.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Apa ini Yang Berhormat, risalah?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Risalah mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Apa yang bercanggah dengan Peraturan 20, Yang Berhormat?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya lihat dokumen yang disertakan mungkin tidak mengikut peraturan Akta Kewangan. Kalau kita lihat buku yang akan dibincangkan ataupun akta yang akan dibincangkan nanti, pada muka surat 21 kita lihat Kementerian Pendidikan membentangkan pelajaran dan juga di muka surat 645 kita lihat Pendidikan Tinggi seolah-olah Kementerian Pendidikan membentangkan dua kementerian di dalam Kementerian Pendidikan. Adakah ini boleh diteruskan perbincangan ataupun sebaliknya?

Untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu dikatakan oleh sahabat kita ini daripada *The Star* mengatakan, "*There are MP's who can't even read financial statements. Do we expect them to participate in serious debate to arrive at a good decision*". Oleh kerana itu saya bangkitkan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Untuk perkara 20, risalah-
risalah hendaklah dibawa ke dalam Mesyuarat hanyalah oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh seorang Menteri atau Pengerusi Jawatankuasa hendak dihantar kepada Setiausaha. Saya rasa yang itu dipenuhi Yang Berhormat. *So, you talking about the content of the risalah, saya dimaklumkan on the issue of the content...*

Ya memang pun tertera dalam risalah yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan Bahagian A, Pelajaran dan Bahagian B, Pendidikan Tinggi. Saya rasa tidak ada percanggahan dalam perkara 20 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Adakah ia tidak menunjukkan dua kementerian di dalam satu kementerian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, itu istilah daripada kementerian dan tidak bercanggah dari segi laporan dan prosedur peraturan mesyuarat, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini fasal usul 18(1)...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya ingin membangkitkan persoalan Peraturan Mesyuarat 18(1), saya hendak kemukakan usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sudah ditolak kan?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak akan membacakan usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah ditolak, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya tahu. Saya hendak mendapatkan penjelasan sebab ditolak usul saya. Usul saya berkaitan dengan tanah rizab Melayu yang merupakan satu isu yang besar yang sedang diperkatakan kerana penyusutan tanah rizab Melayu itu telah sebanyak 12% di sekitar Semenanjung ini yang hanya tinggal 1.6%...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang itu sudah masuk sudah. Sudah masuk bacalah itu. Tidak payah baca.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini penolakan usul ini disebut oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa ini adalah di bawah urusan kerajaan negeri, senarai negeri sedangkan apa yang saya kemukakan ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang dalam proses untuk merayu untuk dibaca, jadi kalau merayu ia dibuat dalam bentuk usul, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta penjelasan, saya kemukakan ini ialah berasaskan kepada perkara Perlembagaan Persekutuan 76(4) sebab Kerajaan Pusat juga mempunyai bidang kuasa untuk memperuntukkan, meminda apa-apa mengenai Parlimen ini hal berkaitan dengan tanah. Begitu juga peruntukan melalui Perlembagaan Persekutuan menubuhkan Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keanggotaannya adalah Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri untuk menyelaraskan urusan tanah termasuk tanah rizab Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi kenapa kita tidak boleh membincangkan di Parlimen ini kerana inilah tempat yang sangat wajar untuk membincangkan penyelesaian kepada masalah kekurangan dan penyusutan tanah rizab Melayu yang begitu ketara yang gagal ditangani oleh Majlis Tanah Negara sebagai penyelaras terhadap isu-isu berkaitan dengan tanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Usul yang sudah ditolak dalam kamar yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan tidak boleh dibahas dalam Dewan. Jadi kalau Yang Berhormat tidak bersetuju, tidak puas hati dengan keputusan itu boleh buat secara usul Yang Berhormat kepada keputusan yang dibuat oleh Tan Sri Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi saya mempersoalkan bahawa..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pada peringkat ini saya tidak boleh mengubah keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tahu, tetapi persoalannya sekarang saya hendak merakamkan bahawa tidak sewajarnya Tuan Yang di-Pertua Dewan terlepas pandang isu tanah rizab Melayu ada di bawah tanggungjawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat dengar apa yang saya katakan. Kalau Yang Berhormat so *very particular about standing order*, yang Yang Berhormat buat sekarang ini pun bercanggah dengan *standing order*. Kalau hendak pertikaikan keputusan Speaker mesti dibuat dalam bentuk usul. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi saya rakamlah rasa kecewa saya bahawa Speaker yang tidak sepatutnya terlepas pandang dalam isu yang cukup jelas dalam Perlembagaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila.

■1140

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015
Bacaan Kali Yang Kedua
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Pertama]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi semua kementerian.

11.42 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM176,931,731,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 bagi Maksud-maksud bekalan B.1 hingga B.13, B.20 hingga B.25, B.27 hingga B.32, B.40, B.42 hingga B.43, B.45 hingga B.48, B.60 dan B.62 hingga B.64 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih dari RM50,499,994,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2015 bagi Maksud-maksud pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.20 hingga P.25, P.27 hingga P.32, P.42 hingga P.43, P.45 hingga P.48, P.60, P.62 hingga P.64 dan P.70 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai lampiran A dan lampiran B Kertas Perintah 41 Tahun 2014 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2015 telah pun dibentangkan. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberi dalam Kertas Perintah 41 Tahun 2014 dan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 tahun 2014. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, lazimnya perbahasan pada peringkat jawatankuasa kita hadkan masa tidak melebihi masa 10 minit bagi setiap Ahli Yang Berhormat.

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] - Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2015] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Marang.

11.44 pg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi. Saya akan sertai perbahasan B.6 Butiran 020000 – Unit Perancang Ekonomi, Butiran 490300 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Butiran 490900 – Kehakiman Syariah, Butiran 160000 – Maritim dan Butiran 020000 – SPRM.

Secara ringkas sahaja Tuan Pengerusi, berhubung dengan butiran yang pertama, Butiran 020000. Dalam keadaan kita mencapai Wawasan 2020 yang kita uar-uarkan yang menjadi cita-cita kita bersama, saya lihat bahawa perancangan lebih diberi penekanan ke arah pendapatan tinggi, ke arah teknologi tinggi tanpa memberi penekanan yang lebih kepada pembangunan insan yang menjadi asas kepada kemajuan sesebuah negara. Tanpa dinafikan betapa perlunya pendapatan tinggi, teknologi tinggi, tetapi tanpa pembangunan insan yang sempurna dan cukup akan membawa kecanggungan dan akan melakukan kesilapan-kesilapan yang boleh meruntuhkan pembangunan yang ditegakkan dan akan berlaku yang dikejar tidak dapat, yang sudah ada berciciran.

Bahkan, sejarah manusia merakamkan bagaimana kaum-kaum yang terdahulu yang menempa kemajuan yang sangat hebat dengan pendapatan tinggi tetapi melampau di antara satu sama lain, kaum yang mencapai teknologi tinggi melampau juga, runtuh kaum Ad, kaum Samud, kaum Firaun pada zaman dahulu. Jerman dan Jepun di abad yang lalu yang mencapai teknologi yang sangat tinggi tetapi tanpa kemanusiaannya, Tuhan menyebut.. *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]* Puncanya ialah kerana manusia yang melakukan kejahatan walaupun maju dan tinggi teknologinya. Jerman dan Jepun yang mencapai teknologi yang tinggi di abad yang lalu tetapi ada manusia yang melampau yang mencetuskan perang dunia yang kedua, bukan sahaja merosakkan manusia yang lain bahkan meruntuhkan negara itu sendiri dan kita semua tahu bagaimana negara itu bangkit semula dengan cepat menjadi kuasa besar pada hari ini sama ada dalam aspek ekonomi ataupun politik dengan memulakan pembangunan insan. Di sinilah perlunya pembangunan insan.

Negara Arab yang mendapat hasil yang banyak, bagaimana pendapatannya sangat tinggi tetapi tidak memberi apa-apa makna dan erti. Duit banyak, hasil banyak tetapi insan Arab walaupun dia Islam, kita semua tahu, tidak memberi apa-apa makna. Di sinilah maka Allah SWT menyebut dalam Quran sebagai satu contoh, kaum Bani Israel... *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]*

Bani Israel tidak puas hati kerana Nabi mereka mencadangkan Talut menjadi raja yang memimpin kerana Talut ini tidak ada duit, pendapatannya tidak tinggi, tidak boleh bagi pendapatan tinggi. Lalu Nabi mereka mengatakan dia seorang yang berilmu dan seorang yang mempunyai jati diri yang kuat. Maka jati diri yang kuat, ilmu yang kuat, mengikut Islam ialah pembinaan iman, akhlak, ilmu yang berkaitan dengan bukan sahaja ilmu akhlak, ilmu imannya termasuklah ilmu sains dan teknologi yang perlu digabungkan kesemua perkara ini.

Hal ini perlu diberi peranan kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada JAKIM, kepada badan-badan Islam yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya membuat kajian yang lebih serius yang bersungguh untuk menjiwai Islam ini di dalam semua urusan pentadbiran dan pusat-pusat pengajian tinggi untuk membangun manusia yang mempunyai jati diri yang dapat mengambil manfaat daripada hasil-hasil dan sumber alam yang telah sedia ada.

■1150

Kebetulan tanah air kita mempunyai sumber alam yang sangat baik sama ada darat dan laut. Mempunyai tenaga manusia yang tersendiri, masyarakat majmuk yang patut digabungkan masyarakat majmuk ini mengikut keistimewaan yang ada pada masing-masing tetapi tidak diolah dengan cara yang sebaiknya. Sumber alam yang ada itu pun kadang-kadang yang diolah contohnya maritim, ada dalam butiran yang disebut tadi, maritim yang menguatkuasakan sumber alam maritim yang mengakibatkan kesusahan kepada nelayan-nelayan, mengaut tanpa batas, tanpa sempadan, musnahkan tempat-tempat pembiakan yang menjadi punca dalam sumber hasil nelayan-nelayan kita sendiri. Di sinilah Tuhan mengatakan; *[Membaca potongan ayat Al-Quran] Maksudnya; "Kalau sekiranya Allah menjadikan rezeki melimpah ruah kepada manusia tanpa sempadan, kadang-kadang mereka melampau batas maka perlu diqadarkan batas"*.

Kita mempunyai hasil yang banyak, sumber laut yang banyak tetapi bila kita mengeluarkan lesen-lesen kepada orang-orang tertentu menyebabkan mereka melampau. Bukan mengutip hasil, memusnahkan sumber hasil. Di antaranya juga contohnya adalah baik kerajaan mengeluarkan subsidi kepada nelayan-nelayan tetapi mereka yang melampau ini jual minyak subsidi untuk berniaga minyak pula bukan untuk kemudahan. Ini ialah satu kelemahan yang perlu diatasi.

Seterusnya dalam hal ini, saya ingin membangkitkan juga peranan Islam di dalam perlembagaan. Kita sepatutnya hendaklah memerdekakan fikiran kita daripada Suruhanjaya Reid yang mentafsirkan perlembagaan. Islam sebagai agama persekutuan. Kita mestilah mentafsirkan Islam itu sebagaimana ajaran Islam itu sendiri. Bebaskan daripada kepompong tarif Suruhanjaya Reid yang membataskan Islam dalam hal-hal yang tertentu yang tidak menjayakan Islam sebagai agama yang sempurna, yang lengkap, yang boleh menyelesaikan masalah. Padahal kita perlu menyedari bahawa pengaruh Islam banyak dalam sistem pemerintahan barat khususnya British. Oleh kerana kita mewarisi sistem British dan British merupakan paling banyak mewarisi sistem pengajian Islam melalui orientalis dalam pentadbirannya, dalam kehakimannya, dalam berbagai-bagai perkara banyak dipengaruhi termasuklah sistem demokrasi Barat itu sendiri, mereka tak tahu nak amalkan demokrasi nak ubah kerajaan, mereka menyembelih, membunuh raja-raja dan penyokong-penyokong mereka setelah mereka mengkaji kitab-kitab Islam yang berkait dengan sistem pemerintahan.

Baru mereka tahu cara pilihan raya termasuklah dalam mengendalikan urusan pentadbiran mengikut feudalisme, mengikut jabatan-jabatan, skim gaji. Ini banyak dipengaruhi oleh Islam cumanya British ini tak ada roh, tak ada perhitungan dosa dan pahala. Kita masukkan sahaja perhitungan ini dalam sistem kerajaan kita. Ini peranan JAKIM, peranan badan-badan Islam dalam Jabatan Perdana Menteri. Termasuklah bila roh ini tidak ada dalam penguatkuasaan undang-undang, kita gagal, tak berjaya mengatasi masalah jenayah. Walaupun undang-undang itu sangat keras, undang-undang bunuh mandatori kepada pengedar dadah, undang-undang sebatan namun tidak menakutkan penjenayah. Puncanya ialah kerana tidak ada yang Tuhan

sebut dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya; “*Cegahan daripada Allah*”.

Di sini terdapat perbezaan di antara syariat Islam dengan undang-undang barat. Syariat Islam ada roh, aspek spiritual di dalamnya walau undang-undangnya dianggap sebagai tidak keras. Sebatannya tidak memecahkan kulit, tidak mencederakan badan cuma di khalayak yang ramai. Boleh memalukan pelaku dan memberi pengajaran kepada orang lain. Ini, disebut dalam penjara, pecah kulit, cacat, tak memberi kesan. Yang kena hukum itu mungkin berkesan tapi masyarakat tak ada kesan. Di sinilah peranan media yang perlu menyebarkan kepada umum mengenai hukuman-hukuman ini, bukan menyebarkan jenayah itu, bukan menyebarkan filem-filem jenayah untuk mengajar jenayah tetapi menyebarkan perkara yang mendidik masyarakat. Contohnya hukum bunuh, mati kepada penjenayah walaupun di sana ada negara Barat tak setuju hukuman bunuh ini. Islam mengatakan hukuman bunuh itu baik.

Cuma bila mana hukuman bunuh dilaksanakan, Barat dia lebih simpati kepada penjenayah kadang-kadang, tak simpati kepada mangsa. Itu Barat, kita tak boleh pakai fikiran mereka. Sepatutnya kita simpati kepada mangsa bukan penjenayah. Penjenayah pun ada simpati, sebagai contohnya Islam menganjurkan [*bercakap dalam bahasa Arab*] ertinya; “*Bila kamu bunuh, bunuh dengan cara yang baik*”. Kita masih lagi menggunakan kaedah tali gantung untuk cekik, ini cara purba, cara zaman dahulu. Padahal di sana ada yang perlu dikaji secara saintifik yang lebih tidak menyakitkan, bius kah apa, kah. Kajian-kajian sains perlu dibuat. Ini dianjurkan oleh Islam.

Di antaranya ialah masalah Lembaga Pengampun sebagai contoh, undang-undang qisas, Lembaga Pengampunan. Hari ini Lembaga Pengampunan tak melibatkan mangsa jenayah. Orang tertentu yang jadi ahli Lembaga Pengampunan iaitulah Raja, Perdana Menteri, Peguam Negara dan orang yang ditetapkan. Mengikut Islam, hak pengampunan ini ada. Pengampunan diberi kepada mangsa jenayah. Oleh sebab itu mangsa jenayah perlu ditanya dalam masalah pengampunan ini. Ini perkara Islam, inilah peranan jabatan-jabatan Islam di bawah Pejabat Perdana Menteri.

Badan Pencegah Rasuah perlu disempurnakan lagi, perlu dibantu. Tidak cukup dengan sebab itulah tidak berkesan. Di sana, bukan sahaja pencegah rasuah, dalam Islam ada hisbah, *ombudsman* bukan sahaja nak memantau pegawai itu dirasuah atau tak rasuah, bukan nak lantik dia pun. Dalam Islam ada hisbah ombudsman. Ini dipakai oleh setengah-setengah negara, setiap pegawai penting yang nak dilantik. Menteri yang nak dilantik pun akan dihadapkan di hadapan jawatankuasa Parlimen, dalam bentuk *senate*. Didedahkan peribadi dia sama ada baik ataupun buruk, bijak ataupun tidak.

Boleh tak boleh sebelum diberikan jawatan itu dan termasuk masa dia sekolah, apa perangai dia, diketahui. Kalau dia berubah atau tak berubah, itu diketahui. Kita pakai lantik secara spontan begitu sahaja maka berlakulah akibat-akibat yang sangat negatif selepas itu. Itu ialah pandangan saya dalam perkara ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang.

11.57 pg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di peringkat jawatankuasa di bawah Butiran 01000 Urusan Parlimen. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Parlimen ini merupakan badan yang tertinggi membuat undang-undang dan kita juga mengamalkan pemisahan kuasa. Kita ada *legislator*, eksekutif dan juga *judiciary*. Soalnya hari ini Tuan Pengerusi, bahawa saya daripada pengalaman saya dah lima penggal dalam Parlimen, kita cukup rasa sedih kerana sejak akhir-akhir ini, kita sebagai Ahli-ahli Parlimen tidak mahu menghormati institusi kita sendiri. Kalau kita sebagai Ahli Parlimen tidak menghormati institusi kita sendiri, bagaimana kita nak harap rakyat di luar sana menghormati kita sebagai Ahli-ahli Parlimen.

Kita tahu dalam Parlimen ini bebas kita nak bercakap, cakaplah apa pun kecuali jangan bercakap yang bercanggah dengan Akta Hasutan dan kita boleh didakwa di mahkamah. Saya nak ambil contoh Tuan Pengerusi, beberapa kenyataan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen kita. Yang Berhormat Permatang Pauh pernah mengeluarkan kenyataan tindakan Parlimen menggantung Surendran membuktikan Barisan Nasional memperbodohkan dan menghina sistem demokrasi Malaysia. Ahli Parlimen Bagan pernah juga menyatakan bahawa Barisan Nasional menyalahgunakan majoriti yang dimiliki mereka dalam Dewan Rakyat untuk menafikan proses demokrasi dalam Parlimen. Yang Berhormat Puchong menyatakan Parlimen mengetepikan hak Ahli Parlimen untuk bersuara dengan bebas sebagai membincangkan isu rakyat, malah Yang Berhormat dari Subang pun pernah membuat kenyataan yang mengatakan bahawa Parlimen hanya merupakan *rubber stamp*.

Tuan Pengerusi, saya lihat perkara ini timbul, kecoh antara Ahli Parlimen ini kerana saya tengok dalam Ahli Parlimen ini dia ada tiga kategori. Kategori yang pertama, ada Ahli Parlimen, dia bercakap tetapi dia tak tahu apa yang dia cakap. Kategori yang kedua, dia tak pandai tetapi dia memandai-mandai. Kategori yang ketiga, dia memang pandai, tahu undang-undang tetapi dia nak memutarbelitkan undang-undang. Tiga kategori ini jadi saya nak ulas tiga ini Tan Sri.

■1200

Yang pertama kategori Ahli Parlimen yang dia tidak pandai, tetapi dia tidak tahu apa yang dia cakap. Saya ambil contoh, Ahli Parlimen Gombak. Ini orang kata Ahli Parlimen seperti burung kakak tua. Bagaimana seorang Ahli Parlimen boleh mengatakan negara kita mengamalkan kebebasan perlembagaan. Dalam perlembagaan kita menjamin kebebasan beragama, betul. Kita tidak nafikan bahawa negara Malaysia mengamalkan kebebasan beragama. Sebab itu kita lihat semua agama bebas mengamalkan agama masing-masing.

Malah kalau menyambut hari-hari perayaan, kita bagi *public holiday*. *No problem*. Tidak ada kecoh langsung. Akan tetapi Ahli Parlimen Gombak hendak kena faham. Saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Marang yang mengatakan kita kena faham roh perlembagaan ini. Sebab itu kita kena baca kebebasan beragama dijamin di bawah Artikel 11. Akan tetapi ianya mesti tertakluk kepada Artikel 11(4) yang berikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk membuat

undang-undang supaya agama-agama lain tidak boleh, didakwahkan, disebarikan di kalangan orang-orang Islam. Ini kena faham.

Tidak ada kebebasan mutlak. Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua, di negeri Selangor telah dibuat satu undang-undang, Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988, apa maksudnya? *No problem*. Hendak sebarikan Islam, sebarlah. Tetapi mesti tertakluk kepada undang-undang, apa yang tidak boleh dibuat supaya agama bukan Islam tidak boleh disebarikan di kalangan orang-orang Islam. Ini hendak kena faham. Kita tidak hendak orang-orang Islam ini murtad.

Bagaimana Ahli Parlimen Gombak yang merupakan Menteri Besar boleh bercakap di hadapan, perjumpaan dengan DAP, tengok video. Kita boleh tengok. Saya banyak kali faham apa maksud Menteri Besar, Ahli Parlimen Gombak yang hari ini dia menjadi Menteri Besar, seolah-olah memberikan gambaran bebas, apa hendak buat, buatlah. Tidak boleh. Sebab itu sebagai Menteri Besar saya kata, dia tidak tahu kah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti, bagi saya habis. Nanti, *don't worry*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi Yang Berhormat Lenggong dahulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti dahulu. Saya hendak bagi tahu, bagaimana sebagai seorang Menteri Besar, dia tidak tahu kah enakmen agama ini ada. Enakmen Ugama Bukan Islam ini ada. Jadi, kalau hendak bercakap kebebasan, ayuh. Saya hendak cabar Ahli Parlimen Gombak...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sabarlah. Inilah masalah Ahli Parlimen...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Point of order*, peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang, peraturan mesyuarat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Peraturan mesyuarat sebab tadi...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tahu peraturan mesyuarat berapa? Tolonglah cakap berapa.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi, Yang Berhormat Pokok Sena ditolak untuk membincangkan isu tanah rizab Melayu,.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, atas peraturan mesyuarat ke berapa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dengar dahulu, dengar dahulu.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi Tuan Pengerusi menolak soalan dari Yang Berhormat Pokok Sena sebab isu tanah rizab Melayu itu adalah isu negeri. Sekarang

Yang Berhormat Tanjong Karang bawa isu negeri, iaitu hal ehwal tentang agama. Yang dibincang pun enakmen negeri Selangor. Jadi saya tidak nampak relevannya. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua konsisten dalam perkara ini. Hujah-hujah ini tidak patut dibawa dalam Dewan ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya terpaksa respons kepada itu. Ada perbezaan Yang Berhormat. Perbezaan di mana Speaker perlu untuk *exercise discretion*. Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pokok Sena itu, Yang Berhormat Pokok Sena minta spesifik di bawah 18(1). Jadi apabila melibatkan Peraturan Mesyuarat 18(1) seperti begitu, tindakan yang perlu dibuat ialah bagaimana fatwa Yang Berhormat mengenai begitu. Akan tetapi oleh kerana ianya berkaitan lebih kepada kuasa-kuasa negeri, maka tidaklah kita benarkan.

Akan tetapi dalam soal begini Yang Berhormat, Yang Berhormat semua faham apabila saya terlampau tegas untuk menjalankan tugas, saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tidak akan senang hati kerana tidak boleh berbahas. Suatu ketika dahulu, saya ditegur oleh Yang Berhormat Ipoh Timur pada ketika itu Yang Berhormat Gelang Patah sekarang. Dibilangnya, *"This Speaker is a speaking Speaker"*, *see* kerana saya selalu mengingatkan. Kalau saya tegur Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai begitu, seharusnya saya tegur tadi Yang Berhormat Marang dengan mukadimah ucapan kerana dalam peringkat jawatankuasa mesti semua spesifik. *Is it?* Akan tetapi dalam soal begini Yang Berhormat, oleh kerana perbincangan itu, saya mahu supaya ia lancar, kadang-kadang saya pilih *advantage* seperti dalam main bola. Kalau kena *slide* pun kalau ada *fault*, kalau yang tadi kena *slide* itu masih bawa bola, *dribble* tidak apa, *I let it go*. Akan tetapi dalam hal sekarang, saya rasa boleh kalau saya tidak tegur. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang amat arif. Tuan Pengerusi, saya kata tadi kategori Ahli Parlimen. Ini Yang Berhormat Batu ialah masuk kategori Ahli Parlimen yang pertama. Dia cakap, dia tidak tahu apa yang dia cakap. Saya cakap tadi Ahli Parlimen, Ahli Parlimen Gombak. Dia lupa barangkali, Menteri Besar itu Ahli Parlimen Gombak. Saya bercakap kategori Ahli Parlimen bagaimana yang boleh jadi kecoh kerana ada Ahli Parlimen, dia cakap macam burung kakak tua. Dia tidak tahu apa yang dia cakap, contoh macam Yang Berhormat Batu. Dia tidak boleh faham kah yang saya cakap ini kategori yang pertama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tanjong Karang...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Tanjong Karang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Mungkin Ahli Parlimen Batu ini tergolong dalam golongan burung kakak tua.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tanjong Karang...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Parlimen yang sedang berdiri, sila duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang duduk, Yang Berhormat Lenggong duduk, Ahli Yang Berhormat yang lain semua duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, kalau semua ikut peraturan, bangun saya bagi jalan. *No problem*. Tidak payah kecoh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang duduk Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 37, dalam soal mencelah begini, Ahli Parlimen sebetulnya tidak payahlah Speaker kata, "*Eh Ahli Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang berdiri*". Kecuali yang berdiri itu di belakang, dia tidak nampak. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Tanjong Karang sedang berhujah, selepas itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berdiri, dia tidak bagi laluan, jangan *insist* kerana itu adalah hak dia.

Jangan ganggu kerana Peraturan Mesyuarat 41(e) mengatakan bahawa kalau seseorang Ahli Yang Berhormat sedang bercakap kita tidak boleh ganggu. Jadi, tolong saya Ahli Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang. Sebelum Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan jangan terus berdiri, terus bercakap. Tidak boleh begitu Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya sokong Tuan Pengerusi. Sebelah sana pun sama, sebelah sini pun sama.

Tuan Pengerusi: Semua sama.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lenggong minta elok-elok.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, yang saya ikut peraturan. Saya bagi Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Pada saya sebenarnya mereka faham, mereka tahu peraturan. Akan tetapi sengaja mahu menimbulkan suasana yang tidak baik, suasana yang tidak tenteram atas alasan tertentu, barangkali kepentingan politik. Sebab itu Yang Berhormat Tanjong Karang, saya percaya oleh sebab kita Ahli-ahli Parlimen, sebarang perkara yang kita sebut kita cakup akan dicontohi, diikuti malah menjadi ikutan.

Sebab itu Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju kalau saya hendak cadangkan kalau mana-mana Ahli Yang Berhormat yang melanggar sebagaimana yang Yang Berhormat sebut tadi, melanggar dan kita tidak boleh ia dicontohi dan berlaku lagi pada masa akan datang, tindakan perlu diambil mengikut peraturan. Sebab apa, kebebasan memang diberi dalam negara ini. Kita berhak bercakap, kita mempunyai hak memberi pandangan. Akan tetapi pandangan dan apa yang kita cakap mesti tertakluk kepada undang-undang. Bukan bermakna kebebasan, boleh kita cakap semua perkara.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Setuju. Masalah dia dengan pihak belah sana, dia orang ini rasa dia orang ini *above the law*, imuniti. Tidak boleh. Dalam Parlimen

kita tengok. Berapa kali kita ambil tindakan gantung Ahli Parlimen sebelah sana, apa yang berlaku? Akhirnya kecoh, tidak ada keputusan. Sebab apa Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kata tadi, saya tidak habis cakap lagi kategori yang pertama ini.

Kategori yang pertama Ahli Parlimen bercakap, dia tidak faham apa yang dia cakap. Saya nak sambung lagi, Ahli Parlimen Gombak ini. Bagaimana sebagai seorang Ahli Parlimen, saya tidak cakap sebagai Menteri Besar, sebagai Ahli Parlimen bagaimana? Takkan dia tak tahu undang-undang? Kalau kes dalam mahkamah, mana boleh kita boleh pertikaikan. Dalam Parlimen ini pun sama. Makna kes yang sudah difailkan dalam mahkamah, kita tidak boleh bincang. Bagaimana seorang Ahli Parlimen boleh bercakap dengan begitu semangat meminta *Sisters in Islam*, *Sisters in Islam*...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Dalam mahkamah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Pergi jumpa dengan mufti di Selangor. Akan tetapi akhirnya mufti negeri Selangor tidak mahu jumpa dengan alasan Menteri Besar Selangor kata kes sedang dalam mahkamah.

■1210

Ini menunjukkan mufti negeri Selangor lebih bijak daripada Ahli Parlimen, lebih pandai lagi sebab dia faham. Sepatutnya kalau hendak tunjuk pandai, dia kena bagi tahu, nasihat *Sisters in Islam* ini **withdraw the** case. Lepas **withdraw the** case barulah dia boleh jadi orang tengah menyelesaikan di antara *Sisters in Islam* dengan pihak mufti. Ini sebagai contoh. Ini kategori yang pertama. Saya hendak pergi kategori yang kedua.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kejap, saya hendak bagi *cut*. Okey saya bagi. Saya ulang kategori kedua lepas ini. Tidak apa saya bagi, saya bagi.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas laluan yang diberikan. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya ingin bertanyalah macam yang diberikan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi ialah macam hendak menghukumkan kita ini semua. Saya rasa tugas kita bukan hendak menghukum, kita mendengar saja dan kita berhujah dan kita memberikan peluang kepada semua. Itu pendahuluan. Soalan saya ialah tentang tadi Yang Berhormat Tanjong Karang mengatakan tentang hak berdakwah atau mengubah agama ini atau memurtadkan orang ini tidak boleh diberikan kepada sesiapa yang lain untuk memurtadkan orang Islam kerana Islam merasakan bahawa itu suatu yang sensitif, yang mereka rasakan bahawa agama lain tidak boleh memurtadkan dia.

Saya hendak tanya bagaimana pula perasaan orang lain yang bukan beragama Islam. Kalau kita berdakwah kepada mereka, adakah mereka suka bahawa kita memurtadkan keluarga mereka yang bukan beragama Islam? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih banyak. Ini daripada PAS ya? Sedih kalau PAS cakap macam ini. Kita faham tapi Presiden PAS bercakap sudah, roh *is* roh dalam perlembagaan. Islam ialah agama persekutuan. Agama-agama lain bolehlah diamalkan dengan dalam keadaan harmoni. Ertinya mana-mana pihak yang cuba meletakkan

agama lain sama taraf dengan agama Islam, *it's a contradict* kepada perlembagaan. Kemudian, tidak cukup itu saja, dia bagi pula kebebasan beragama. Artikel 11. Begitu juga dengan Artikel 12. Saya tidak mahu ulas Artikel 11. Tadi saya kata, sebab itu Yang Berhormat, kerajaan negeri...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Saya tanya perasaan orang yang bukan beragama Islam...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat saya faham.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: ...Adakah mereka merasai sebahagian daripada orang Islam. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia bukan soal fasal. Soalnya ialah undang-undang, perlembagaan. Kalau ikut perasaan, ini yang jadi kecoh. Orang-orang pembangkang ingat perasaan dia betul. Ha, ini jadi kecoh. Bangun suka hati. Ini contoh, ikut perasaan, Yang Berhormat Batu lah. Siapa suruh...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya isunya sekarang ini..

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, ini contoh...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh, bagi laluan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Contoh orang kalau hendak ikut perasan orang macam Yang Berhormat Batu ini, sampai esok pun saya tidak akan habis berucap.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Masa saya sepuluh minit.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hendak bagi laluan atau tidak?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti, saya bagi, saya bagi habis kejam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk, duduk dulu. Yang Berhormat Batu juga duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang duduk. Duduk. Bolehkah sekali sekala ambil perhatian juga kepada perasaan Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Saya rasa itu yang penting dalam waktu berbahas kerana kalau perasaan Tuan Pengerusi tidak diambil kira, susah kita hendak bermesyuarat. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang. Masa, jangan lupa masa. Tadi saya dengar diberi sepuluh minit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, maksud saya, tidak saya hendak beritahu perasaan. Baik, kalau kata Ahli Parlimen setuju dengan pendapat apa yang dikata hendak jaga perasaan. Hapuskan undang-undang ini. Undang-undang ini yang menyebabkan perasaan orang lain tidak boleh dilaksana, undang-undang ini ada Yang Berhormat. Hapuskanlah. Mana boleh perasaan mengatasi undang-undang? Tidak boleh. *This*

is problem dengan pembangkang. Hendak *above the law*, ikut perasaan hati dia. Baik, itu saya tidak mahu ulas banyak.

Kategori yang kedua ialah Ahli Parlimen yang bercakap, dia tidak pandai tetapi hendak memandai-mandai. Contohnya ialah Ahli Parlimen Sepang, ada Yang Berhormat Sepang? Ahli Parlimen Shah Alam, Ahli Parlimen Parit Buntar. Isu apa, isu mengenai *Sisters in Islam*. Saya hendak bagi contoh bagaimana dia boleh memberikan satu kenyataan bahawa membela *Sisters in Islam*. Kalau betul-betul hendak membela *Sisters in Islam*, dia kena adil. Janganlah dengar laporan *Sisters in Islam*, terus buat kenyataan. Pergilah jumpa Jawatankuasa Fatwa. Dengar kedua-dua belah pihak. Ini tidak.

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh, boleh, okey saya bagi.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih dibagi laluan. *Insyallah* minggu depan saya akan berjumpa dengan Majlis Fatwa. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih banyak. Macam itulah, tapi janganlah buat kenyataan lebih awal.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jangan jumpa dulu. Kita jangan, bab-bab agama ini kita jangan kita hendak jadi populis, jangan, ini masalah saya setuju dengan Ahli Parlimen Marang. Susah, kita jangan hendak jadi popular. Kemudian, ada di antaranya yang hipokrit, *sorry*, masalahnya yang PAS ini dia tidak ikut bos. Semua bercanggah. Majlis Syura punya pendapat pun disanggah, pendapat Presiden PAS pun disanggah.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi sebab masalah PAS ini...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia banyak bos, banyak bos.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Masalah PAS ini...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sudah keluar dari batas perbincangan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tun M, *Sir*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Jadi hanya dalam ini sangkaan jahat semua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, dalam perbincangan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya akan bagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Semua yang cakap ada dalam kerajaan. Jagalah perasaan Tuan Pengerusi, bercakap saja. Jaga perasaan Tuan Pengerusi itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini hanya juga cuba menghina, menyindir Ahli Parlimen yang lain.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tidak mahu bangun tapi dia mendesak saya bangun Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya dari dulu tenang saja.

Tuan Pengerusi: Perasaan Tuan Pengerusi sudah tidak dijaga.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Melalut.

Tuan Pengerusi: Duduk dulu Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk dulu yang semua yang berdiri, duduk dulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi sikit, yang saya cakap PAS...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang, masa Yang Berhormat Tanjong Karang tidak mengizinkan. Gulung, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Last, last.* Tapi Tuan Pengerusi, masa dia kacau. Kena ambil kira juga supaya adil.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia melalut itu Tuan Pengerusi. Tengok perasaan Tuan Pengerusi, kesian tahu tidak?

Tuan Pengerusi: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jangan kacau dia.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Last, last.* Yang ini *problem.* *Problem* baru, kita sebut PAS, PKR yang lebih melompat. Menunjukkan PKR pun hendak *control* PAS. Ini sebagai contoh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Semangat, semangat satu padu itu. Kena faham.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak bagi contoh Tuan Pengerusi, ini kenyataan. Saya hendak bagi tahu sebagai contoh, saya hendak bagi tahu, Ahli Parlimen Sepang pada 15 April 2005, sebelum Ahli Parlimen Sepang menjadi wakil rakyat, dia datang ke kawasan pos pengundi pusat, dia cakap apa, ini ha, haramkan *Sisters in Islam*, kata pemuda PAS Wilayah. Ini kenyataan ini.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini kenyataan ini, 2005. Kejaplah.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya rasa tidak adil dia bercakap sedangkan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Dia itu tidak ada. Yang kedua isu *Sisters in Islam* ini telah dibawa, diheret kepada masalah lain.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kita bukan mengharamkan atau isu apa, kita datang hendak bincang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sudahlah Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat cakaplah. Yang Berhormat jangan bercakaplah, ini *floor* saya.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kemudian mengheret isu parti di dalam Dewan ini apa hal?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini kita cakap benda-benda yang apa. Kenapa bincang Majlis Syura bertentangan dengan presiden, itu tidak patut.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, boleh duduklah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Parit Buntar, ini *floor* saya.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kalau hendak cakap bab politik, kita cakap di luar, jangan cakap dalam Dewan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat duduklah. Karang Yang Berhormat cakaplah.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, tolong duduk.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya tidak boleh terima kalau dia bercakap tentang parti saya mengikut suka hati dan dengan rela hati dia. Ini tidak betul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya cakap...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Melainkan dengan sangka jahat, niat jahat, memburukkan parti di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Sila, sila Yang Berhormat duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit Buntar dia tidak faham.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya minta ditarik balik. Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya kata ini ialah tingkah laku, perangai Ahli Parlimen.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tarik balik cakap dia itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, sila duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Parit Buntar, tolong duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak menunjukkan betapa hipokritnya Ahli-ahli Parlimen sebelah sana...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Sisters in Islam*, lain cerita. Orang cakap cerita ini, dia cerita fasal ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Sewaktu dulu menentang....

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Apa punya Ahli Parlimen, buat malu saja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, sekarang hendak jadi hero, minta Yang Berhormat Tanjong Karang letak jawatan...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kita dekat Parlimen, bagi selesai masalah, bukan bagi timbul masalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa, Yang Berhormat boleh cakap, tidak ada *problem*.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Parit Buntar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini satu tidak faham. Apakah pindaan Parlimen mengatakan saya tidak boleh bercakap.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Apa cakap, mengarut. Ahli Parlimen apa macam ini cakap.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, menjadi tugas Ahli Parlimen....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Menggugat tugas Ahli Parlimen datang ke Parlimen.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Hendak cakap Ahli Parlimen, cakap *legislative* lah. Jangan bercerita fasal parti ini, parti itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang duduk. Yang Berhormat Parit Buntar, sila duduk.

Beberapa Ahli: [*Riuh*]

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Riuh*]

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah. Yang Berhormat Lenggong sudah.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Lenggong pun duduklah. Sembang saja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bila kena, marah.

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat sakit hati apa fasal?

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya orang PAS, fasal apa saya tidak sakit hati. Yang Berhormat Kinabatangan siapa dia.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Permatang Pauh hendak berhujah sekarang. Yang Berhormat Tanjong Karang sudah. Sudah, sudah siap. Sila Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Letak jawatan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi saya bangun untuk bicarakan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sudah habis masa? Sudah habis masa sudah.

Tuan Pengerusi: Sudah Yang Berhormat. Saya sudah bagi tahu tadi Yang Berhormat supaya gulung.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: ...B.1 - Parlimen...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak habis tiga lagi kategori. Baru dua kategori saja.

Tuan Pengerusi: Tidak apa, terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kategori ketiga tidak sempat lagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tunggu tahun depan.

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

Tuan Pengerusi: Sila, sila, sila.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: ...B.1

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Ketawa]* ...3,000...

Tuan Pengerusi: Masuk-masuk Yang Berhormat Pokok Sena bercakap fasal begitu buat apa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak ada Yang Berhormat Pokok Sena, duduk Yang Berhormat Pokok Sena. Nanti disuruh Yang Berhormat Pokok Sena keluar balik. Sudahlah Yang Berhormat Pokok Sena, sudahlah. Sila, sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: ...Keluasan skop yang sedia ada. Menyentuh Parlimen wajar, kerana Tuan Pengerusi pun ada, sekarang Tuan Pengerusi mula menjalankan tugas, ada menyentuh tentang keperluan untuk menganjurkan satu pertemuan, mengadakan beberapa langkah memperkenalkan beberapa langkah untuk reformasi Parlimen kerana peraturan-peraturan yang sedia ada itu banyak yang difikir sudah tidak lagi wajar dan sesuai dengan keadaan semasa.

■1220

Saya ingin menggesa Tuan Pengerusi memulakan dalam kadar segera jawatankuasa untuk memperbaiki perjalanan Parlimen. Walaupun Tuan Pengerusi, dalam beberapa kenyataan berulang kali mempertahankan peraturan yang ada tetapi saya menggesa supaya melihat semula beberapa cadangan termasuk dari kalangan Ahli-ahli BN yang telah mengemukakan dan sudah ada pada makluman Tuan Pengerusi sendiri. Ini termasuk tentang ruang perbahasan lebih terbuka, kaedah-kaedah mengemukakan usul dan juga keupayaan ataupun membuat usul supaya ada yang disebut *Prime Minister question time*, di mana Perdana Menteri boleh hadir dan

menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Parlimen secara langsung dalam keadaan satu jam setiap minggu dan sebagainya.

Ini beberapa langkah reformasi kerana kita terima baik keputusan, memberikan kemudahan kepada Ahli Parlimen termasuk pembantu penyelidik dan sebagainya seperti yang dicadangkan oleh kerajaan tetapi ia tidak saya rasa selaras sekiranya tidak disusuli dengan langkah segera memperbaiki dan *the form* Parlimen yang diucapkan dan dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua sejak awal lalu. Saya ingat dalam perjumpaan sejak tahun 2008.

Jabatan Audit Negara – B.3 Pengauditan. Saya ingin menyentuh secara ringkas sahaja iaitu Jabatan Audit Negara pada tiap tahun dan kali ini baru mengemukakan laporan. Akan tetapi ada satu cadangan khusus yang harus kita berikan perhatian kerana tiap tahun teguran itu agak sama, perselingkuhan dan kecuaiian, pembaziran malah ada mirip ke arah rasuah, itu berterusan. Ia menelan angka dan jumlah yang besar. Jumlah itu mungkin dipertikai tetapi kalau tanpa ketirisan, kebocoran dan rasuah seperti mengikut teguran Ketua Audit Negara, saya percaya penjimatan itu telah akan menjangkau lebih pada puluhan bilion ringgit. Maka harus ada cadangan khusus untuk memastikan kecuaiian, ketirisan dan pembaziran ini tidak berterusan.

Saya menyentuh B.6 JPM ini, 020000 – Unit Perancang Ekonomi. Saya hendak baca dua butiran 020200 Perancangan Ekonomi dibaca sekali dengan 00102 Projek Kemiskinan Semenanjung Sabah dan Sarawak. Diberi pengakuan dan telah saya sentuh dalam ucapan bajet bagaimana Lebuhraya Pan Borneo kos yang agak tinggi walaupun penjelasan diberikan tetapi tidak memuaskan. Akan tetapi kita ingin menggesa supaya ia disegerakan. Satu projek yang telah diumumkan saban kali dan sejak tahun 2010 atau 2009 tetapi belum ada satu langkah. Yang dipertikaikan hanyalah, yang nampak sekarang menjadi pertikaian ialah kontrak diberikan kepada kalangan tertentu tanpa proses tender terbuka dan tanpa memberikan ruang penyertaan rakan-rakan, syarikat-syarikat dari Sabah dan Sarawak.

Satu 1BestariNet juga saya ingin persoalkan kerana RM1.5 bilion tetapi kita tidak dapat satu laporan atau penjelasan tentang manfaat kepada para pelajar termasuk Sabah dan Sarawak.

210200 – Hubungan Antarabangsa dan ini berkaitan lebih kepada JPM kerana sementara kita mengalu-alukan pemilihan Malaysia di Majlis Keselamatan PBB mulai 1 Januari tahun depan tetapi saya agak kesal kerana sehingga hari ini belum ada kenyataan keras daripada Perdana Menteri atau kerajaan tentang apa yang berlaku baru-baru ini tentang kedurjanaan Israel mencerooboh Masjid Al-Aqsa. Ini menyebabkan Jordan yang cukup berhati-hati dalam menangani masalah ini terpaksa memanggil pulang dutanya di Israel sebagai tanda protes tindakan yang zalim itu kerana bukan sahaja bagi umat Islam tetapi kesucian Baitulmuqaddis pun adalah kesucian yang dipelihara oleh kesemua agama tetapi kerana kedudukan Masjid Aqsa khusus itu menyentuh sentimen dan perasaan umat Islam seluruh dunia.

Jabatan Peguam Negara B.8. Saya akan elak untuk menyentuh hal-hal yang bersangkutan paut langsung dengan apa yang berlaku dalam pengalaman kes saya tetapi saya ingin membuat teguran kerana langkah-langkah yang diambil oleh pendakwaan terpilih itu berterusan. Sebaik

selesai pendengaran di Mahkamah Persekutuan, saya telah menggesa Perdana Menteri dan kerajaan supaya hentikan tindakan-tindakan yang agak keterlaluan, mendera dan mendakwa tokoh-tokoh pembangkang, akademik dan pelajar-pelajar. Janganlah jadikan Peguam Negara itu sebagai alat dan perkakas untuk penderaan ini. Walaupun dinafikan, saya tahu ada perbahasan tentang Akta Hasutan dan sebagainya tetapi kita tahu ini dijadikan senjata politik untuk menekan.

Yang paling akhir yang amat mendukacitakan, selain daripada tokoh politik, tokoh akademik seperti Profesor Azmi Shahrom dan Profesor Aziz Bahri, maknanya ada satu usaha untuk menimbulkan rasa dan budaya takut, *culture of fear* di negara kita, tidak boleh bahas. Ini sekarang telah menyentuh kedudukan mahasiswa. Perkembangan terbaru penangkapan di Sabah termasuk Fahmi Zainol, Presiden PMUM. Saya agak kesal dan ingin membantah cara pengendalian kerajaan, sudah tentunya dari universiti itu ikut arahan tetapi universiti sampai melarang mahasiswa yang dipilih, Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya itu ialah persatuan yang dipilih menganjurkan majlis. Kemudian cara, tekanan yang dibuat oleh universiti. Itu bukan sahaja merendahkan martabat universiti, merendahkan martabat profesor sendiri.

Profesor itu adalah orang yang bersetuju supaya ada, menggalakkan orang *profess*, menggalakkan percambahan ilmu, perbahasan, wacana yang segar. Kalau dirasakan tidak benar, tidak betul, ada ruang boleh beri jawapan. Kita punya anak-anak di sekitar umur itu, saya percaya Tuan Pengerusi faham juga bahawa dia diberikan kebebasan, kelonggaran, ada kenyataan-kenyataan kita rasa tidak sesuai ataupun keras, cara kita jawab ialah untuk mengadakan wacana, dialog dan teguran, bukan untuk menekan dan menakutkan mereka. Ini yang berlaku saya terlanjur Universiti Malaya, saya pernah di sana, UIA yang pernah saya jadi presiden begitu lama tetapi sudah menjadi satu gedung ilmu yang mengongkang pemikiran dan kebebasan akademik dan berfikir. Saya harap, saya bukan minta penjelasan tetapi satu ketegasan supaya memberikan ruang perbincangan yang lebih terbuka kepada mahasiswa.

B.9 – Butiran 003000, Siasatan Perisikan di bawah SPRM. Kita telah mengeluarkan banyak kenyataan. Laporan telah dikeluarkan, puluhan malah kita telah mengambil pendekatan untuk mengadakan dialog khusus dengan SPRM tahun lalu. Saya terima baik kesediaan mereka memberikan pandangan dan sebagainya. Akan tetapi sejak itu pun tidak ada tindakan yang tegas dan berkesan. Kita tengok umpamanya isu tragedi Cameron Highlands, 5 November 2014. Umum dianggap kejadian tanah runtuh dan banjir itu berkaitan dengan penguatkuasaan yang lemah yang dikaitkan juga dengan rasuah. Jadi sebab itu SPRM masuk. Dalam keadaan yang heboh ini, SPRM pun turut serta dalam media untuk menunjukkan ketegasan mereka.

Akan tetapi kebimbangan saya ialah setelah satu dua minggu atau satu dua bulan, hal ini tenggelam dan tindakan tidak diambil. Kalaupun diambil tindakan, hanya di peringkat bawah. Oleh yang demikian, janganlah jadikan tragedi Cameron Highlands ini, satu lagi contoh di mana SPRM walaupun sejak saya ingat kenyataan Dato' Mustafa akui SPRM tahun lalu telah mendakwa seorang peneroka haram. Ini bukan perkara baru, tahun lalu sudah didakwa maknanya ada tindakan tetapi kecuaiannya berterusan dan menelan dan meragut nyawa mereka yang tidak bersalah.

Namun saya tidak hanya mengkhususkan di Cameron Highlands tetapi saya hendak menunjukkan bahawa ada kebimbangan sekarang tentang lemahnya, kurang daya dan kesungguhan, keberanian untuk SPRM bertindak terutama bagi perasuah-perasuah besar dalam negara kita.

■1230

B.6 secara keseluruhannya saya sentuh sedikit pada peringkat akhir ini ialah untuk menyatakan bahawa perbelanjaan mengurus Jabatan Perdana Menteri tahun 2015, RM6.2 bilion berbanding dengan RM5.87 bilion pada tahun 2013. Akan tetapi beberapa persoalan yang tidak jelas. Umpamanya, Majlis Keselamatan Negara yang banyak mainkan peranan politik dalaman bukan soal keselamatan. Akan tetapi ada di bawah Butiran 500300 di bawah tajuk Majlis Keselamatan Negara, RM522 juta dibelanjakan. Untuk apa? Kita mahu satu penjelasan oleh Menteri, mengapa satu peruntukan begitu besar tanpa penjelasan?

Padahal untuk perumahan rakyat RM25 juta, *low income household* RM100 juta tetapi untuk satu belanja MKN yang tidak dijelaskan, RM522 juta. Perbelanjaan pembangunan Jabatan Perdana Menteri RM13.03 bilion berbanding RM10.85 juta tahun 2013. Akan tetapi penjelasan yang kita perlukan ialah yang disebut dana fasilitasi RM2.5 bilion, projek khas RM1.61 bilion, koridor pembangunan RM1.1 bilion.

Jadi, kita sebut perkara ini kerana ia merujuk juga kepada isu pokok yang kita bincangkan selama ini bermula daripada perbahasan Thomas Piketty, *Capital in the 21st Century* tentang kesenjangan atau lebarnya jurang pendapatan golongan maha kaya dengan miskin di negara kita. Saya rujuk juga dan saya ulang kajian Dr. Lee Hwok Aun, UM dan Dr. Mohd. Khalid, Khazanah yang dibentangkan pada 5 November 2014 di Universiti Malaya. Perangkaan dari *Household Income Survey* diguna pakai oleh kerajaan bercanggah daripada situasi sebenar berdasarkan angka pendapatan sektor swasta, awam dan *National Property Information Centre*. Ini kenyataan yang agak serius yang perlu dijawab kerana Mohd. Khalid ini dari Khazanah dan Dr. Lee dari Universiti Malaya.

Akan tetapi bila mereka menyentuh bahawa kajian yang dibuat oleh kerajaan itu bercanggah dengan angka sebenar, ini membimbangkan. Ini kerana *Household Income Survey* tidak mengambil kira pendapatan setiap individu untuk setiap isi rumah. Akan tetapi pendapatan isi rumah secara kasar dan tidak membezakan pendapatan yang dijana individu dan pendapatan kasar. Oleh kerana masa, saya tidak akan menjelaskan secara terperinci, cuma hendak menyentuh bahawa ini yang menyebabkan persepsi bahawa kajian yang dibuat oleh kerajaan sengaja hendak mengurangkan angka yang menunjukkan jurang golongan kaya miskin itu terus melebar dalam negara kita. Ini diperkukuh oleh kajian Profesor Fatimah Kari dari Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan, Universiti Malaya yang menunjukkan – saya harap jangan ambil tindakan disiplin pula pada profesor-profesor yang saya sebut ini. Ini laporan mereka bukan dia sampaikan kepada saya, saya cari sendiri.

Ini yang menunjukkan menerusi potongan subsidi kerajaan secara berperingkat rakyat terutama isi rumah Melayu dan bumiputera yang miskin adalah golongan yang paling terkesan.

Setiap yang disebut oleh kerajaan sebagai penstrukturan subsidi, maknanya pembatalan atau pengurangan subsidi kesan paling parah ialah kepada Melayu dan bumiputera sama ada di bandar atau luar bandar termasuk Kinabatangan. Kadar kemiskinan dijangka akan kembali. Ini satu yang cakap serius, cukup serius tetapi tidak direspons. Mengikut kajian ini, mengikut angka kesan kepada bumiputera ialah ia akan kembali seperti dari segi nisbah kaya miskin, jurang bandar desa sama seperti tahun 1970 tatkala Almarhum Tun Abdul Razak melancarkan Dasar Ekonomi Baru.

Kalau dianggap hujah dan kajian Fatimah Kari ini tidak munasabah patut Unit Perancang Ekonomi boleh berikan penjelasan dan menyanggahnya. Model ekonomi yang diguna pakai Dr. Fatimah juga menunjukkan pemotongan subsidi sekarang akan memberi kesan buruk kepada orang Melayu dan orang Cina, India di bandar dan desa. Maknanya diberikan semangat 1Malaysia ini, sama-sama miskin. Kalau dahulu maknanya ada kaya miskin, sekarang ini dari pemerataan kemiskinan. Itu mungkin satu kejayaan.

Kesan pemotongan subsidi bahan api umpamanya. Kajian mendapati pertambahan sebanyak 37.5% bumiputera bandar, 23.3% bumiputera luar bandar akan berada dalam risiko miskin tegar kerana pemotongan subsidi ini. Kalau kita Ahli Parlimen anggap ini sebagai satu angka yang boleh kita 'kesampingkan' maknanya dalam beberapa tahun akan datang, kita akan berulang bincang dengan kadar kemiskinan tegar yang bertambah. Ini yang dianggap kategori berisiko tinggi kerana pemotongan subsidi ataupun apa yang disebut oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagai penstrukturan ekonomi kerana pengurusan ekonomi yang sangat lembap dan membebankan rakyat miskin.

Saya pohon rakan-rakan daripada Barisan Nasional memberi perhatian terutama isu kemiskinan tegar dan penstrukturan subsidi yang akan membebankan golongan miskin dengan angka yang dibawa dan dihujahkan dalam perbahasan kita. Bahawa cukup bukti menunjukkan sumbangan kerajaan ini lebih memperkayakan golongan kaya, kroni, atasan dan rakyat banyak terkesan dengan harga barang dan kehidupan yang sempit. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: MP dari Sarawak.

12.37 tgh.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan membincangkan iaitu perkara B.6 di bawah satu Butiran 100000 – Biro Pengaduan Awam. Jadi pada masa ini Tuan Pengerusi, di Sarawak saya banyak menerima maklumat bahawa kes-kes yang berkaitan dengan syariah di mana khususnya kepada penduduk yang berpendapatan rendah banyak memerlukan bantuan khidmat biro guaman ini. Akan tetapi apa yang dimaklumkan kepada saya bahawa jumlah mahkamah, pegawai *lawyer* syariah ini yang menjawat di Kuching, yang menjaga kawasan selatan, di Sibu dan juga Miri. Di satu stesen ini ada beberapa orang sahaja. Di Miri hanya ada dua orang, di Sibu ada dua orang, sedangkan

kes apa yang saya difahamkan kepada saya pada masa ini melebihi 300 lebih kes yang belum selesai.

Jadi, kalaulah boleh ianya dapat, kita mintalah kepada pihak kerajaan dalam tahun Bajet 2015 ini untuk menambah jumlah *lawyer* syariah ini di stesen-stesen Kuching, Sibul dan Miri ini. Bila menyentuh tentang Miri ini saya hendak menyentuh di Limbang, juga kes-kes khususnya di Limbang dan di Lawas. Di mana rakyat itu ada juga yang memerlukan bantuan khususnya rakyat yang berpendapatan rendah. Akan tetapi masalahnya yang di Limbang ini di *handle* oleh pegawai-pegawai dari Miri. Untuk ke Limbang ini macam-macamlah, kena atur *schedule flight* lagi, macam-macam. Mereka terpaksa membuat mereka punya *timetable* lainlah, di mana Miri itu menjaga Bintulu, menjaga Miri dan sebagainya. Di mana dengan izin, *everything can be done in a day trip*, bila-bila sahaja. Akan tetapi bila di Limbang ini macam-macam lagi, kena lalu sempadan, kena guna kapal terbang, mereka hakim-hakim syariah ini sendiri pun terpaksa beberapa kes yang dapat diselesaikan. Jadi saya mintalah kepada kerajaan sekiranya untuk Limbang dan Lawas, kalaulah ada unit Biro Guaman ini juga diadakan. Yang saya sentuh ini bukan hanya sentuh bidang syariah sahaja tetapi juga sivil. Akan tetapi saya difahamkan sivil tidak lah berapa sangat masalahnya sebab mereka banyak juga *choices to other* tetapi yang syariah ini agak kurang.

■1240

Jadi, saya merayu kepada kerajaan kalau boleh untuk menambah pegawai-pegawai ini supaya dapat menyelesaikan banyak kes-kes yang tertangguh dan kalau boleh menubuhkan satu unit di Limbang untuk Lawas dan Limbang.

Satu lagi ialah perkara 2000 iaitu tentang bangunan mahkamah, bantuan tentang bangunan mahkamah itu sendiri. Dahulu, semasa *the previous minister* Datuk Mohamed Nazri di mana ada ura-ura untuk membina bangunan mahkamah yang baru untuk di kawasan Limbang tetapi masa ini cerita itu sudah tidak timbul lagi sebab keadaan pada masa ini memang betul mahkamah yang ada di Limbang itu betul-betul *cramp*. Ia ditempatkan dalam bangunan persekutuan yang lama, *it just one of the office building, office room* di Limbang itu. Jadi, kalau boleh perkara yang pernah disebut ini, iaitu di mana tapaknya pun sudah pun di *identify* di bandar baru Limbang. Jadi, kalau bolehlah kita minta kepada kerajaan supaya merealisasikan pembinaan bangunan mahkamah baru untuk Limbang ini. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Gelang Patah, Gelang Patah dahulu.

12.41 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mahu sebut Biro Tatanegara Jabatan Peguam Negara dan Perancangan Ekonomi dan akhirnya Peguam Negara. Tuan Pengerusi sebenarnya dengan izin *we had a* – menghadapi satu *supreme irony ironis* ketika kerajaan terus menyebabkan inisiatif *Global Movement of Moderates* yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kali ini di Persidangan APEC di Beijing.

Yang Amat Berhormat pula tidak pernah berkeadaan begitu lemah dan *impotent* di negara sendiri untuk menangani anasir-anasir kebencian, tidak bertoleransi dan ekstremisme daripada mula menunjukkan sikap buruk mereka. Pada hari BERNAMA melaporkan bahawa cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai *Global Movement of Moderates* dipuji di mesyuarat menteri-menteri luar APEC sebelum persidangan APEC ke-22, seorang bekas menteri UMNO telah menyerang inisiatif *Global Movement of Moderates* sambil mendakwa bahawa fanatik Kristian di Malaysia telah merampas konsep kesederhanaan Yang Amat Berhormat dan menggunakannya untuk kepentingan sendiri.

Bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zainuddin Maidin mendakwa bahawa Melayu dan Islam sudah ditekan akibat daripada konsep kesederhanaan ini menegaskan bahawa terdapat tanda-tanda bahawa konsep itu berada pada landasan yang salah. Beliau yang mengiakan kenyataan oleh Timbalan Ketua Pemuda UMNO, Datuk Khairul Anwar yang menyatakan bahawa kesederhanaan adalah tidak sesuai untuk isu-isu tertentu dan mendakwa pula bahawa itulah pendapat dan fikiran akar umbi UMNO. Beliau pun menyebut bahawa konsep kesederhanaan ini mesti diletakkan pada tempat yang betul dan digunakan pada waktu yang tepat dan tidak sesuai digunakan apabila ia melibatkan pergelutan agama dan mengutamakan undang-undang syariah.

Tan Sri Zainuddin berkata bahawa Khairul adalah tepat dalam mengatakan bahawa adalah lebih baik untuk berjuang hingga ke hujungnya kerana sekiranya terlalu asyik dengan hal kesederhanaan, ini akan menghasilkan umat Islam yang biasa-biasa sahaja dan bukannya Muslim yang teguh beriman. Beliau menulis blognya dengan berkata Perdana Menteri berjaya dalam usahanya untuk mempromosikan imej Malaysia di luar negara. Sebagai contoh negara Islam sederhana tetapi mendatangkan kesan yang negatif dalam negara.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu terlibat dalam satu polemik keagamaan tetapi *thesis* bekas menteri UMNO ini yang mendakwa mewakili hasrat akar umbi UMNO adalah sangat merisaukan kerana beliau nampaknya mencadangkan bahawa Islam bukanlah agama kesederhanaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tidak, nanti, nanti ya. Itu adalah satu tindakan yang merugikan untuk Malaysia dan juga untuk Islam terutamanya pada ketika kita melihat kebangkitan, kefanatikan dan ekstremisme di seluruh dunia. Contohnya seperti dakwaan sendiri kelahiran semula khalifah Islamic State yang telah melaksanakan kempen keganasan secara sistematik terhadap kelompok berlainan mazhab, pembunuhan beramai-ramai dan memancung kepala sambil merekrut antara 20,000 ke 30,000 pengikut dari seluruh dunia termasuk dari Malaysia melalui media sosial dan menarik minat mereka di antara usia 14 ke 13 dengan menggunakan skrip-skrip yang cukup baik untuk menerangkan kenapa tafsiran jihat mereka adalah satu kewajipan dalam Islam.

Jangan tersalah faham. Mereka dan Islam tidak diserang di Malaysia. *The kaum Malays and Islam are not under IS in Malaysia.* Sebaliknya kepelbagaian kaum, agama, dan budaya di Malaysia yang sedang diserang oleh pihak-pihak ekstremisme yang tidak bertoleransi yang cuba

menjadikan kesederhanaan satu kata kesat di Malaysia. Ketika Yang Amat Berhormat menyampaikan ucapan pertamanya di Persidangan Agung PBB pada September 2010, sewaktu beliau pertama kali merangka cadangan *Global Movement of Moderates* ini, beliau secara terbuka memuji Presiden Amerika Syarikat Barack Obama atas pendirian terbukanya yang berani dalam menangani *Islamophobia* dengan mengutuk cadangan membakar Al-Quran oleh seorang paderi dari Florida dan meminta Obama untuk memperkasa para *moderate* membawa bersama kumpulan-kumpulan bukan kerajaan dan pergerakan masyarakat supaya lebih ramai dapat melihat kepentingan mengambil pendirian sederhana.

Baginya sendiri, sehingga kini Yang Amat Berhormat masih tidak bersedia untuk melakukan apa yang Obama lakukan yang beliau sendiri puji untuk mengecam Presiden PERKASA, Ibrahim Ali atas ugutannya mahu membakar Bible. Di Persidangan PBB dan Forum Antarabangsa, Yang Amat Berhormat menyeru kesepakatan atau *collisions* pada para *moderate*. Dalam ucapan terbaru di Persidangan PBB untuk kali yang ketiganya, Yang Amat Berhormat menyatakan agenda kesederhanaan untuk dunia apabila beliau menyatakan dengan izin, *the fight against extremism is not about Christian versus Muslim or Muslim versus Jews but moderate versus extremist of all religions with therefore need to rally a collisions of moderates, those meaning to reclaim the religion and pursuit their path to peace*. Amat menyedihkan dan mengejutkan bahawa setelah beliau mendakwa agenda kesederhanaan di Forum Dunia sepanjang empat tahun lampau, Yang Amat Berhormat masih lagi belum berjaya untuk menggerakkan sebuah *collisions of moderates* di kalangan UMNO dan Barisan Nasional sendiri untuk menuntut semula agama mereka dan menurut jalan ke arah keamanan dan kesederhanaan.

Seperti yang selalu disebut sekiranya kita dapat melihat sifat agama melalui *window* kesederhanaan, kita akan dapat mengenali nilai-nilai sejagat yang dikongsi oleh semua agama. Nilai-nilai ini adalah keamanan, keharmonian dan kebahagiaan sebenar yang akan muncul apabila pengikut setiap agama menjauhi sikap terlampau dalam mengamalkan agama dan perilaku seharian dalam kehidupan. Rakyat Malaysia berhak bertanya kenapa pemimpin-pemimpin serta Ahli-ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional ingin menyertai pakatan para *moderate* atau *collisions* menentang ekstremisme semua agama di dalam dan di luar negara demi membina masa depan berasaskan keamanan, keharmonian dan keselamatan untuk semua tanpa mengira agama.

Baru-baru ini, riuh rendah di kalangan pihak yang tidak toleran dan kelompok ekstremis semakin kuat dan lebih mendesak dari retorik-retorik baru kebencian in toleransi dan ekstremisme semakin menjadi kebiasaan termasuklah pembangkang atau posisi terhadap pembinaan gereja di PJ walaupun sebenarnya tanah tersebut telah dikhususkan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk pembinaan gereja 13 tahun dahulu pada tahun 2001.

■1250

Desakan nyaring supaya menutup sekolah rendah Cina dengan alasan ia mengakibatkan konflik perkauman. Kekecohan untuk cuba mengakibatkan ketegangan antara kaum dan agama

mengenai air mineral halal yang diletakkan gambar Lord Murugan di Batu Caves dengan tujuan pelancongan. Rampasan buku dan CD Kristian yang dibeli di Indonesia untuk dibawa pulang ke Sabah. Keengganan mendakwa Ibrahim Ali yang mengugut mahu membakar *bible* berbahasa Melayu dengan alasan dia mempertahankan kesucian Islam dan dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan sementara Peguam Negara melancarkan *big crits* dan menangkap dan mendakwa menggunakan Akta Hasutan.

Semalam Ketua Wanita UMNO, Dato' Sri Shahrizat Jalil telah turut bergabung dengan mereka yang menentang pemansuhan Akta Hasutan dan menjanjikan satu tandatangan dalam kempenya walaupun beliau tidak mempunyai komen tentang sikap *double standard* Peguam Negara dalam pendakwaan terpilih dan pertuduhan jahat terhadap pemimpin Pakatan Rakyat, aktivis dan intelektual serta terus bisu mengenai skandal RM250 juta *National Feedlot Corporation* yang melibatkan ahli keluarganya.

Melayu dan Islam tidak diserang *under seige in Malaysia* tetapi sebenarnya UMNO yang telah sedang terkepung dan sedang wujud usaha terdesak untuk menyamakan serangan terhadap UMNO. Ini sebagai Melayu dan Islam dan ini adalah satu *fallacy* yang sangat hebat. Adakah kita sedang menuruti jalan *Talibanisation* hanya supaya UMNO dapat terus kekal berkuasa di Malaysia.

Walaupun soalan ini dikemukakan oleh *Malaysian Insider* dua hari lalu, ia pastinya merunsingkan ramai rakyat Malaysia seperti yang ditulis di ruangan ulasan *The Malaysian Insider*, dengan izin, "*Just like what happened in Afghanistan after the fight to rid Soviet occupiers, those without political power used religion and race to win over and control the population. It happened there and it appears to be an emerging tactic here*". Tuan Pengerusi, inilah yang sepatutnya ditegah oleh *Global Movement Moderates* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kecenderungan ke arah *Talibanisation*.

Sewaktu ucapan saya mengenai Belanjawan 2015, saya telah tanya tentang janji Peguam Negara untuk menyemak semula dakwaan hasutan terhadap Dr. Azmi Shahrom dan yang lain-lain tetapi tidak ada jawapan pun daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab tentang isu ini. Sudah dua bulan berlaku sejak Peguam Negara berjanji untuk menyemak semula pendakwaan Akta Hasutan. Adakah ini telah dilakukan, siapa yang melakukannya semakan tersebut atau adakah Yang Berhormat Menteri langsung tidak tahu-menahu tentang ini?

Penjelasan Peguam Negara tentang kenapa Ibrahim Ali tidak didakwa atas ugutannya mahu membakar *bible* berbahasa Melayu telah menambah garam di luka kerana ia bukan sahaja gagal memenangi kembali mereka yang sangsi malah diterima dengan caci-maki dan ditolak mentah-mentah oleh majoriti para pengkritik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Tanjong Karang berdiri.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ya, nanti habis yang ini dahulu ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Masa yang singkat. Lebih teruk lagi ia memperkukuhkan persepsi bahawa punca...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagi jalan tidak? Sedikit, sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ya, nanti sedikit ya, persepsi bahawa hujah...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak sentuh sedikit sahaja. Dia cakap banyak benda yang tidak betul.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Bahawa Ibrahim Ali patut menikmati peraturan undang-undang kerana dia mempertahankan kesucian Islam dan dilindungi Perkara 11(4), Perlembagaan Persekutuan bukan sahaja celik akal dan menyimpan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak beri penjelasan. Boleh, bagilah jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagilah jalan. Ya, saya minta dengan baik... [*Dewan riu*] Tidak apalah suruh balik ceramahlah di kampung.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: ...Akan tetapi menggunakan bahawa Peguam Negara telah gagal dalam tanggungjawabnya untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang dan melindungi perpaduan antara kaum dan juga agama serta keharmonian di dalam negara dan pelbagai kaum, budaya dan agama. Jabatan Peguam Negara menyatakan bahawa setelah konteks dikaji secara keseluruhan kenyataan Ibrahim Ali tidak termasuk ke kategori menghasut.

Adakah ini wujud konteks tertentu yang membolehkan seseorang mengugut mahu membakar *bible*? Adakah wujud sebarang konteks tertentu di mana mengugut membakar kitab-kitab suci agama lain dibolehkan contohnya Tripitaka untuk Buddha, *Vedas for Hindu*, Torah untuk Yahudi, Guru Granth Sahib agama Sikh dan Tao Te Ching untuk agama Taoism. Adakah juga wujud justifikasi *contextual* untuk membolehkan ugutan membakar Al-Quran? Pastinya tidak, tidak boleh ada justifikasi dalam konteks apa pun untuk mengugut membakar kitab suci mana-mana agama di dalam negara Malaysia yang berbilang agama.

Jika kita mahu mengekalkan kesefahaman antara agama, keharmonian dan keamanan. Memetik kata-kata daripada Perdana Menteri untuk melampaui toleransi dan menerima malah melainkan pelbagai multi-etnik agama dan budaya di Malaysia. Seperti mana kita mesti ada *zero tolerance* terhadap rasuah begitulah juga kita patut ada *zero tolerance* dengan sebarang ugutan untuk membakar mana-mana kitab suci di Malaysia. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bersedia untuk mengumumkan dasar tidak toleransi di Malaysia terhadap ugutan membakar kitab suci mana-mana agama supaya menjadi contoh sebuah negara sederhana kepada negara-negara yang lain.

Saya bagi jalan kepada Yang Berhormat daripada Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Yang Berhormat terima kasih. Sebab itu tadi saya cakap kalau kita hendak cakap kena berlandaskan kepada

undang-undang. Saya tidak mempertahankan sesiapa. Saya cakap soal undang-undang, Yang Berhormat. Mengenai, *even Cabinet* pun memang ada buat 10 *points* itu tetapi ia tertakluk kepada undang-undang negeri.

Okey, Sabah, Sarawak memang sebab di Sabah, Sarawak kita tidak ada enakmen macam di negeri Selangor. Di negeri Selangor memang tidak boleh sebab ada undang-undang ini. Begitu juga saya yang saya tengok ucapan Yang Berhormat tadi rujuk kepada Bekas Menteri Penerangan, apa salah kalau dia cakap mempertahankan hak orang Melayu. Dijamin dalam perlembagaan mempertahankan agama Islam..

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Adakah Yang Berhormat seorang *moderate*? Berdiri dengan Perdana Menteri atau Yang Berhormat seorang ekstremis, siapa?... [Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk, duduk saya cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Sokongkah *moderate* di luar negara atau menentang? *Declare your stand, declare your stand first...* [Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya, saya hendak *declare*. Baik dengar, baik dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: *Declare your stand, takut declare your stand...* [Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ini menunjukkan beliau bukan seorang *moderate* dia menentang Perdana Menteri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagilah peluang jawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya jawab, saya jawab.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat takut pula.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya jawab. Bagilah saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Adalah petunjuk bahawa kita ada *zero tolerance* terhadap apa-apa seruan untuk membakar buku suci apa-apa agama. Ada yang setuju.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Gelang Patah sekarang bagilah dia hendak jawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagilah saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: *Declare your stand, what your stand. Are you moderate, are you extremis?*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, duduklah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Gelang Patah duduklah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak *declare*, saya hendak *declare* di dalam Dewan ini. Dengar baik-baik.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: *What your stand?*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dengarlah dahulu. Saya *declare* bahawa saya sebagai Ahli Parlimen, rakyat Malaysia yang mematuhi undang-undang dan

perlembagaan berdasarkan kepada lima Rukun Negara. Ini soal prinsip kita. Kita bukan macam DAP, cauvinis, perkauman.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jawablah. Jawablah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jawablah jangan memutar belit.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Jawab soalan dahulu. Tidak beranikah. Apa komunis?... [Dewan riuh]

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: *Moderate* atau ekstremis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Putar belit, putar belit. Jawab sahaja.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tarik perkataan komunis... [Dewan riuh]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tarik balik perkataan Komunis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Tanjong Karang putar belit. Bila suruh jawab dia jawab... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah, sudah. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri sila duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Itu pedoman saya dari dahulu hingga sekarang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat duduk, sila duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Raja putar belit dari dahulu hingga sekarang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini yang dikatakan perkauman. Tuan Pengerusi saya sudah beritahu *stand* saya. Dia tanya *stand* saya. Saya cakaplah mempertahankan agama. Sebab itu saya cakap tadi bab-bab agama ini kita serah kepada undang-undang. Hari ini kita tengok apa yang berlaku di dalam kes Enakmen Tatacara Jenayah Negeri Sembilan biar mahkamah tentukan.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Adakah setuju Ibrahim Ali- atas, adakah setuju? Adakah setuju ini *moderate* atau ekstremis?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Maksud saya kita tidak boleh menuduh seseorang kalau mereka bercakap, bercakap pertahankan hak dan perlembagaan yang merupakan perkauman. Itu tidak betul. Barang sesiapa yang mempersoalkan kedudukan perlembagaan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sudahlah buang masa ini, sudah, sudah, sudah. Tidak payah.

Tuan Lok Siew Fook [Seremban]: Perdana Menteri pun malulah ini Yang Berhormat Tanjong Karang... [Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sesiapa yang mempersoalkan perlembagaan itulah perkauman. Sesiapa yang mempersoalkan perlembagaan itu yang betul. Janganlah hendak salah apa yang orang pertahankan apa yang ada di dalam perlembagaan. Kalau tidak sokong perlembagaan semua ini komunis.

Tuan Pengerusi: Sudahlah Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Siapa yang suruh berdiri ini, duduklah.

Tuan Pengerusi: Yang berdiri itu duduk. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lenggong berdiri... [*Dewan riuh*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak payah raja melalut ini suruh berhentilah. Kita berhenti rehat.

Tuan Pengerusi: Saya terpaksa angkat bakul sendiri. Saya rasa dalam hal ini saya yang paling *moderate*... [*Tepuk*] Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat. Sila.

[*Majlis Mesyuarat bersidang semula*]

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat kita tangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari*]

[*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang*]

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gelang Patah sudah habis ya? 10 minit ya. Yang Berhormat Kinabatangan, sila.

2.32 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Seputeh ini bising. Saya Tuan Pengerusi ingin mengambil kesempatan untuk menyinggung beberapa perkara iaitu Suruhanjaya Kehakiman, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Unit Perancang Ekonomi dan juga Urusan Parlimen.

Menyentuh tentang kehakiman, saya ingin membahaskan dalam sudut mahkamah negeri Sabah iaitu baru-baru ini saya bersama dengan Hakim Besar Sabah dan Sarawak turun ke sebuah kampung yang terpencil. Kampung ini kalau *digoogle* Tuan Pengerusi tidak akan dapat dalam *Google*. Ia seolah-olah *the lost world*. Jadi kita pergi perjalanan lebih kurang 10 jam, 10 jam itu memang amat meletihkan.

Walau bagaimanapun, tujuan misi kita iaitu untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat saya di Kinabatangan iaitu membawa bersama-sama mahkamah bergerak dan juga membawa Jabatan Pendaftaran Negara, membawa doktor-doktor klinik dan juga memberi khidmat

masyarakat dan sebagainya. Malang sekali program mahkamah bergerak ini tidak ada di Semenanjung, tidak juga di Sarawak. Ia berlaku cuma di Sabah. Oleh kerana ia isu terpencil maka program mahkamah bergerak ini tidak ada peruntukan langsung. Dari mana peruntukan ini dapat ialah hasil sumbangan daripada pemimpin-pemimpin dan juga daripada mana-mana pihak yang sudi menyumbang.

Jadi oleh kerana itu saya melihat masalah ini sebagai satu masalah. Saya mengesyorkan kepada kerajaan terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, tidak ada di sini. Yang Berhormat Menteri kehakiman tidak ada, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, satu orang pun tidak ada. Saya tidak tahu. Ya, ada satu. Minta maaf, ada satu orang.

Jadi saya mahu program mahkamah bergerak ini dijadikan sebagai program nasional di mana kalau boleh dibagi peruntukan khusus. Saya cadangkan kalau boleh RM1 juta satu tahun pun memadai, sebab mahkamah bergerak ini kena bergerak ke kampung. Di Sabah lain. Kalau mahkamah tidak bergerak, masalah *endorsement* dokumen-dokumen surat lahir dan juga kad pengenalan tidak dapat dibuat. Jadi, kalau ditunggu orang kampung datang maka alamatnya bertambahlah penduduk tempatan yang tidak beridentiti. Itu sebab pembangkang kata di Kinabatangan banyak PTI. Mana ada PTI sana? Yang ada orang yang tidak beridentiti. Itu sahaja masalahnya. Bayangkan 152 kilometer. Jalan pun tidak baik.

Jadi dalam hujah saya ini, program seumpama ini harus diberi perhatian. Bagi peruntukan yang secukupnya. Bagi peruntukan RM1 juta satu tahun untuk mahkamah bergerak dan bagi peruntukan itu *direct* kepada Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Jangan lagi diletakkan di Persekutuan di Kuala Lumpur. Sebab apabila diletak di Kuala Lumpur, hakim di Sabah kena memohon secara terperinci. Jadi kerja yang cepat menjadi lambat sebab terlampau banyak prosedur dan sebagainya.

Lagipun apabila hakim membawa anggota dia turun, maka sudah tentu pegawai-pegawai pertengahan pun ikut turun dan gaji mereka ini berapa sahaja dan perlulah dibayar elaun. Yang hakim-hakim mungkin tidak perlulah menuntut tapi pegawai-pegawai pertengahan itu mereka kena menuntut elaun mereka tetapi elaun ini dibayar melalui Kuala Lumpur juga. Jadi apa maknanya? Macam mana kita hendak *empower* kuasa Hakim Mahkamah Sabah dan Sarawak itu. namanya besar Hakim Besar Sabah dan Sarawak tapi kuasanya tidak ada. Dahsyat.

Jadi saya bukan menyinggung soal-soal hakim tapi Ketua Hakim Negara harus melihat perkara ini sebagai satu keperluan. Untuk pelantikan jawatan-jawatan di Sabah, bagilah Hakim Sabah dan Sarawak itu buat keputusan. Ini saya tengok apabila ada 10 orang, dari Sabah dan Sarawak satu dua orang. Lapan orang dari Semenanjung. Nama Hakim Sabah dan Sarawak tapi dieksport orang dari Semenanjung. Bukan kita anti Semenanjung tapi bagilah orang-orang Sabah dan Sarawak ini kepercayaan. Bagilah Hakim Besar Sabah dan Sarawak ini kuasa. Apabila mereka hendak bergerak minta kereta, dibagi kereta yang tidak ada mutu untuk masuk luar bandar.

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, dua kereta mahkamah tersadai sebab keretanya tidak *qualified*, tidak layak masuk kampung. Bagilah *four wheel drive* untuk menyelesaikan masalah. Saya harap dua orang Yang Berhormat Menteri ada di sini sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebab perkara ini amat mustahak untuk diselesaikan. Kalau tidak, masalah ini akan di situlah timbul apabila perkara-perkara begini berlaku, rakyat Sabah ada yang menggunakan media sosial. Lebih baik Sabah keluar daripada Semenanjung sebab kita dianaktirikan. Perkara-perkara sebeginilah sebetulnya yang kita tidak mahu berlaku tetapi berlaku juga. Jadi saya cadangkan rumusannya untuk perjalanan mahkamah bergerak ini supaya peruntukan diberi khusus untuk mahkamah bergerak di negeri Sabah ini dan peruntukan itu harus disalurkan kepada Jabatan Kehakiman negeri Sabah itu sendiri.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Pengerusi [Datuk' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan dan terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju ini soal Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Dari segi pentadbiran perkhidmatan awam yang perkhidmatan Semenanjung kalau datang ke Sabah elaunnya lain, lebih tinggi dan dari Sabah bertugas di sini jauh lebih rendah. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya elaun ini di 1Malaysia kan sebab masa sudah tiba. Kalau yang Sarawak datang ke Sabah, Sabah datang ke Sarawak dan sebagainya dari segi elaun perumahan, elaun wilayah dan sebagainya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tuaran, kita dua ini sudah lama. Sudah penat berbicara soal ini. Lima tahun hingga tujuh tahun yang lalu Yang Berhormat Tuaran pun ada menyuarakan persoalan ini, saya pun begitu tetapi sampai hari ini tidak juga boleh direalisasikan.

■1440

Saya cukup hairan kenapa jadi begini. Pegawai yang dihantar, orang Semenanjung dihantar ke Sabah dan Sarawak, elaun dia tinggi. Elaun perumahan dia tinggi, orang Sabah datang, itu sebab apabila ada pegawai dari Sabah dihantar ke Semenanjung dia tidak mahu datang sebab elaun dia rendah. Macam dia warganegara Malaysia kelas ketiga, macam di India ada kasta. Jadi mintaklah mana-mana kementerian yang bertanggungjawab fasal ini. Jangan lagi tahun depan saya dan Yang Berhormat Tuaran berbicara nada yang sama lagi. Selaraskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Alah, sedikit saja ya, jangan kacau saya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bagi dua minit. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Banyak terima kasih kepada sahabat saya dari Kinabatangan. Saya tadi rasa bangga kerana ini suara tadi bilang kenapa orang Sabah begitu, datang ke Semenanjung tidak

kena kadar bayaran *special* elaun. Akan tetapi kalau dari Semenanjung pergi sana, tapi kena bayar. Kedua, inilah kita punya perasan, rasa tidak ada keadilan, rasa *hot*. Jadi saya mahu tanya juga Yang 'Amat Berhormat' Kinabatangan...

Beberapa Ahli: [*Riuh*]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat lah, Yang Berhormat Kinabatangan, kita dengar dari Perdana Menteri dia ada, dia umum kata di Pan Borneo akan bagi, *awarded* kepada *company* dari Semenanjung, itu UEM dan lain-lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu..

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Nanti lah, nanti saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, isu yang ditimbulkan mengenai elaun kakitangan awam dan juga hakim.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang itu belakang. Yang ini...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Nanti boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, okey.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia salah masuk ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebanyak tujuh. Okey, terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia melencong Tuan Pengerusi. Isu lain iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kita sudah bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini satu peningkatan iaitu Suruhanjaya tetapi malangnya pengambilan staf masih di *control* oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi kita kasi dia besar, tapi kita *control*. Jadi, apabila melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, sudah tentu kelewatan, kelambatan pengambilan pegawai-pegawai itu berlaku.

Jadi bagilah, saya mahu minta Jabatan Perkhidmatan Awam lepas lah, bagi mereka kuasa macam polis. Boleh menentukan pegawai mana dia mahu, berapa orang dia lantik. Ini apabila berlaku, itu sebab rasuah kita makin orang pembangkang kata meningkat, sebab kadang-kadang tidak cukup *man power*. Hendak lantik tunggu bertahun. JPA tindakan dia, tidak tahulah JPA ini. Dari dulu saya sudah tidak yakin dengan JPA ini. Kurang keyakinan saya sebab mereka tidak cekap menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat dan kerajaan.

Jadi tolong tengok-tengok JPA ini, di bawah kementerian mana, JPA ini tolong kaji lah. Mereka tidak cekap menjalankan tugas mereka. Mereka lambat, lalai mengakibatkan rakyat marah, negara kita mundur kerana perbuatan mereka.

Seorang Ahli: Dahsyat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Satu lagi iaitu Unit Perancang Ekonomi. Apabila kita melawat sudah tentu jalan raya ini, bayangkan 152 kilometer, kalau di

Semenanjung, saya jalan 152 kilometer 1 ½ jam setengah Tuan Pengerusi, tetapi jalan yang kami lalui ke Kampung Inaram, 10 jam baru sampai. Bayangkan. Jadi saya mahu minta Unit Perancang Ekonomi tolong masukkan dalam *rolling plan*, Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu pertama, jalan raya Kampung Inaram daripada jalan tanah liat dinaik tarafkan kepada jalan *gravel* pun okeylah, 152 kilometer dan lagi satu jalan raya Karamuar juga harus diberi perhatian oleh EPU dan juga jalan raya Kampung Balak.

Seperti awal-awal saya kata tadi, di Sabah ini sudah kecil saja isu jalan raya, isu air bersih, isu api elektrik tetapi ada tukang panas, tukang kipas. Apabila ada tukang kipas dia kata lebih baik kita keluar dari Malaysia sebab jalan raya kita berpuluh-puluh tahun, Kerajaan Persekutuan tidak peduli. Ini masalah. Jadi sebetulnya masalah itu bukan begitu. Tidak apa, bukan harusnya keluar tetapi kita suarakan kepada pemerintah dan pemerintah harus ambil perhatian. Unit Perancang Ekonomi harus ambil perhatian masalah-masalah yang sebegini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Isu terakhir yang berlaku, satu, Majlis Keselamatan Negara memperuntukkan satu peruntukan membina rumah di Kampung Pelangi, Pekan Kota Kinabatangan, tetapi rumah ini sudah kita buat proses undi, sudah berjalan, sudah satu tahun, masih belum lagi diserahkan kepada, tujuannya dia itu memindah mangsa banjir. Daripada mangsa banjir, dipindah ke rumah itu. Sampai sekarang belum ada pemindahan.

Jadi saya pun hairan. Minta siapa yang *in charge* MKN ini cuba buka minda, buka mata, jangan lalai. Apabila kita lalai kita tewas. Mesti mahu efisien, mesti mahu proaktif. Rumah sudah siap, pindahlah. Orang kampung dulu tidak mahu pindah tapi kita yakinkan, maka mereka bersedia untuk berpindah tetapi sampai sekarang tidak ada proses perpindahan. Cabutan undi, nama-nama sudah selesai. Ini pembaziran namanya.

Jadi MKN pun bertindak ikut kemahuanlah. Jangan terlampau jauh ke belakang. Kita mahu menuju negara maju dan sebagainya dan yang terakhir iaitu Suruhanjaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berapa kali terakhir ini? Ini masalah saya ini. Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mengalu-alukanlah langkah Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengesyorkan cadangan untuk penambahan kerusi-kerusi baru, persempadanan baru pilihan raya sama ada Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri. Kawasan saya ini Tuan Pengerusi besarnya, besar daripada negeri Tuan Pengerusi, besar dari Pahang tetapi satu Parlimen dengan dua Dewan Undangan Negeri sahaja. Jadi untuk kali ini, saya meminta kepada SPR walaupun tidak boleh ditambah kawasan Parlimen, tambahlah satu kerusi Dewan Undangan Negeri di Kinabatangan untuk memudahkan kita memberi perkhidmatan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

2.47 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 10 minit ya Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh 10 minit saja. Bukan lebih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tadi lama juga. Terima kasih kerana saya terus diberi peluang untuk bersama membahaskan peringkat Jawatankuasa ini, peringkat Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menyentuh berkaitan dengan, pertama ialah berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri iaitu 010600 - Kabinet Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan. Perlembagaan ini kerana perkara yang saya bangkit pagi tadi dalam usul iaitu berkaitan dengan tanah rizab Melayu yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perdana Menteri dan kadang-kadang bergilir, Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri menjadi Pengerusi Majlis Tanah Negara dan saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya dalam isu ini.

Sejauh mana kerajaan sendiri melalui Majlis Tanah Negara ini melihat persoalan pengurangan tanah rizab Melayu yang begitu ketara seperti yang saya sebut dalam usul saya pada pagi tadi yang tidak diterima oleh Tuan Yang di-Pertua, yang sangat membimbangkan kita dan sejauh mana peranan kerajaan sendiri melalui Kabinet dalam hendak memastikan pelaksanaan penguatkuasaan peruntukan di dalam perlembagaan yang mensyaratkan mana-mana pihak berkuasa, kerajaan negeri yang mengambil tanah rizab Melayu hendaklah diganti dengan kadar yang sama, keluasan yang sama.

Apa yang berlaku sekarang ini pengurangan tanah rizab itu menunjukkan penguatkuasaan kepada perlembagaan negara kita itu tidak berlaku sedangkan bagi saya inilah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dalam hal berkaitan dengan Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan ini untuk memastikan supaya penguatkuasaan dan kedaulatan perlembagaan itu akan dapat dipertahankan, apatah lagi ia menyentuh kepentingan orang-orang Melayu. Kedua, saya ingin menyebut berkaitan dengan B.4 - SPR iaitu berkaitan dengan deposit bahan cetak dalam pilihan raya. Walaupun deposit bahan cetak itu diberikan kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan, tetapi ada juga kita membayarnya melalui SPR. Contoh di negeri Kedah dalam pilihan raya yang lalu. Kita bayar melalui SPR, kita tidak bayar *direct* kepada kerajaan tempatan.

■1450

Jadi yang menguruskan pembayaran kepada kerajaan tempatan itu ialah pihak SPR. Akan tetapi persoalannya, apabila selesai pilihan raya adalah berlaku, saya tidak menafikan bahawa kawasan-kawasan yang tidak dibersihkan sebaik mungkin. Lalu akhirnya pihak kerajaan tempatan mengatakan bahawa, mereka mengambil duit tersebut tetapi bila kita tanya kepada SPR, SPR kata, pihak kerajaan tempatan telah pun mengatakan bahawa kawasan itu tidak dibersihkan. Akan tetapi tidak dinyatakan berapa jumlah kos pembersihan yang dilakukan oleh pihak kerajaan tempatan terhadap satu-satu kawasan pilihan raya.

Jadi sepatutnya pihak kerajaan tempatan hanya mengambil kos, bukan mengambil keseluruhan. Umpamanya, kalau *state* RM3,000, Parlimen RM5,000. Sepatutnya ia hanya ambil kos. Bila kita tanya, berapa kos SPR akan kata, "Itu kamu mengurus dengan kerajaan tempatan." Sedangkan duit kita bayar kepada SPR. Jadi sepatutnya SPR lah yang berhubung meminta penjelasan daripada pihak kerajaan tempatan untuk menyatakan berapa kos sebenarnya. Jadi lebih daripada kos pengurusan pembersihan tersebut hendaklah dikembalikan kepada calon yang bertanding.

Jadi saya minta penjelasan bahawa ini berlaku kepada SPR Negeri Kedah kerana SPR minta kita sendiri, calon-calon menghubungi meminta penjelasan daripada pihak kerajaan tempatan. Sedangkan sepatutnya sudah ada satu mekanisme, prosedur yang jelas bahawa kerajaan tempatan kalau hendak duit ini daripada SPR, kamu kena beri berapa kos, tunjukkan berapa *invois* dan sebagainya, supaya ia hanya bayar, SPR hanya bayar kepada mereka mengikut kos pembersihan. Jadi lebih itu dibagi kepada calon-calon yang bertanding.

Kemudian berkaitan dengan Audit – B.3 berkaitan dengan Audit. Saya ingin mendapat penjelasan kerana isu yang timbul baru-baru ini, yang didedahkan oleh media dan sebagainya, dan isu ini pernah saya bawa dalam Kementerian Pertanian iaitu isu Beras ST15 Super Tempatan (ST15). Beras ini maknanya untuk kegunaan orang-orang berpendapatan rendah, orang susah, orang miskin dan sebagainya.

Kerajaan telah memperuntukkan 40 ribu matriks tan untuk Semenanjung, dan 20 ribu matriks tan untuk Sabah dan Sarawak untuk setiap bulan bermakna bahawa 60 ribu matriks tan. Kalau mengikut apa yang telah pun berlangsung sejak tahun 2008 sampai tahun 2011, kita telah membelanjakan RM1.8 bilion, daripada RM2.1 bilion yang telah diperuntukkan. Saya percaya, bermula daripada tahun 2011 sampai ke hari ini, saya percaya sudah pun menjangkau RM2 bilion peruntukan yang telah kita belanja untuk beras ini. Akan tetapi isunya ialah beras itu tidak berada di pasaran seperti yang diharapkan secukupnya. Ini telah pun diakui oleh banyak pihak, dan baru-baru ini pun *Harian Metro* sekali lagi membongkar isu ini yang menunjukkan berlaku ...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya Yang Berhormat Pendang, rakan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Pengerusi, apakah Yang Berhormat Pokok Sena sedar bahawa sebahagian besar daripada Beras ST15 ini dibeli oleh pemborong-pemborong dan menggredkan semula, dan menjual dengan harga yang lebih mahal. Mereka mengambil keuntungan yang lebih dalam soal itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul, betul sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pendang, rakan saya sempadan dengan saya. Itulah yang berlaku yang saya bangkit dalam Kementerian Pertanian sebelum ini. Bahawa berlaku ketirisan 'tukar baju' daripada pakej pek ST15 akhirnya jadi ST5 dan ST10. Jadi mereka mendapat, kadang-kadang orang yang mendapat, syarikat-syarikat yang mendapat- saya ada senarai nama-nama syarikat

ini yang pernah diberikan kepada saya oleh Kementerian Pertanian. Mereka ini pemborong-pemborong dan juga syarikat ini mendapat, setengah mereka itu tidak ada kilang pun, tidak ada kilang, depa jual invois. Jadi satu tan dia jual antara RM250 ke RM350 satu tan. Bayangkan kalau dia dapat 400 tan sebulan, kalau kali dengan RM300 pun sudah atas angin, dia dapat duit atas angin. Tidak perlu buat sesuatu, dia jual atas angin.

Kemudian orang yang beli kuota dia itu, orang ini akan buka kampit itu, kemudian tidak jual dengan kadar harga ST15 dia akan buat macam nisbah yang disebut oleh Yang Berhormat Pemandang iaitu ST5 dengan ST10. Sedangkan dia beli dengan kadar murah, harga subsidi yang ditanggung oleh kerajaan, dan ditanggung oleh rakyat. Jadi saya hendak bangkit berkali-kali persoalan ini, saya ada senarai nama tetapi tidak diendahkan oleh Kementerian Pertanian. Oleh sebab itu, saya hendak minta sebab Audit yang dibuat, saya tidak ingat tahun berapa Audit ini yang ada di tangan saya ini. Kalau tidak silap saya, Audit 2011 yang ada di tangan saya, ia buat audit berkaitan dengan ST15 ini Tuan Pengerusi. Akan tetapi Audit macam hanya mengenal pasti persoalan kesalahan-kesalahan yang tidak berpijak kepada persoalan-persoalan pokok yang besar.

Kalau sebaliknya, bila Audit mengatakan bahawa prestasi dari segi pengedaran beras ini dia berpuas hati. Beras ini memang ada di pasaran dia kata, dia pergi *check* dan sebagainya, ada di pasaran. Akan tetapi apa yang berlaku, yang berbangkit ialah, tidak sampai kepada jumlah 40 ribu matriks tan satu bulan untuk Semenanjung, dan 20 matriks tan untuk Sabah dan Sarawak.

Jadi saya hendak minta sekali lagi supaya Audit, adakah audit bersedia untuk melakukan satu kali lagi audit. Audit yang menyeluruh, yang menyentuh bukan sahaja cara penagihan dan sebagainya tetapi pemilihan syarikat-syarikat dan sebagainya. Untuk mengenal pasti mana syarikat-syarikat yang telah tidak melakukan tanggungjawab yang sebenarnya. Ini sangat penting untuk memastikan bahawa ketirisan ini tidak terus berlaku yang akan merugikan wang rakyat.

Akhir sekali- saya tahu Tuan Pengerusi memerhati saya tadi. Akhir sekali saya hendak dapat penjelasan berkaitan dengan Audit ini, iaitu audit berkaitan dengan pengurusan Program Hari Belia Negara. Saya hendak minta bahawa, adakah Audit telah pun membuat satu audit yang berkaitan dengan pengurusan Program Hari Belia Negara. Ini sebab, apa yang dibuat oleh Audit sebelum ini yang juga menyentuh serba sedikit berkaitan dengan Hari Belia itu, dia bukan kepada pengurusan Hari Belia tetapi kepada pengagihan pembayaran peruntukan kebajikan dan sebagainya, tetapi ada kaitan, ada menyentuh soal Hari Belia. Akan tetapi tidak kepada secara spesifiknya berkaitan dengan pengurusan Hari Belia Negara.

Jadi saya hendak minta penjelasan ini kepada pihak kerajaan khususnya kepada pihak Jabatan Audit untuk memperjelaskan berkaitan dengan hal-hal isu yang seperti ini. Ini kerana saya difahamkan, kalau mengikut rancangan awalnya hari ini, kita telah dibentangkan atas meja kita, iaitu Laporan Audit, Siri 3, Tahun 2013. Akan tetapi mengikut laporan awalnya mengikut rancangan awalnya, ada satu audit yang berkaitan dengan pengkhususan yang berkaitan dengan pengurusan Hari Belia Negara antara tahun 2011 dan tahun 2013, akan dibentangkan pada Jun

yang lepas dalam Laporan Audit Negara, Siri 2. Akan tetapi sampai sekarang, saya tidak bertemu pada Laporan Audit Negara, Siri 2 mahupun Siri 3- saya *check* tidak ada satu pun laporan Audit. Kali ini tidak ada Laporan Audit berkaitan dengan Kementerian Belia, apatah lagi pengkhususan kepada yang berkaitan dengan pengurusan Hari Belia Negara. Ini sebab saya lihat bahawa pengurusan Hari Belia Negara ini begitu besar perbelanjaannya. Jadi memerlukan kepada beberapa perkara yang perlu diperjelaskan oleh pihak Audit.

Jadi sebab itu, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan soal Hari Belia untuk tahun 2011, tahun 2012, tahun 2013 pengurusan Hari Belia.

Kemudian berkaitan dengan perolehan kerajaan di KBS, di Jabatan Belia- sumbangan tunai Tabung Amanah KBS, dan pihak-pihak yang terlibat dan sebagainya. Ini sangat penting untuk kita memastikan supaya Audit itu boleh memberikan tumpuan secara yang menyeluruh untuk memastikan Hari Belia itu diuruskan dengan baik, dengan sempurna. Senyum elok, memang manis Tuan Pengerusi, memang manis senyumnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oleh sebab itu banyak orang berkenan dekat dia [*Ketawa*] Banyak orang berkenan. Senyum yang manis itu cukup menawan.

Jadi saya minta penjelasan ini...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya tiada masa tambahan diberikan [*Ketawa*]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiada masa tambahan diberikan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Eh! Tidak apa lawa. Dia macam kalau...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup cukup. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau P. Ramlee pak mentua dia kata lawa itu, dia bagi masa lagi, dia tambah duit lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kata, "Isteri bapak lawa." [*Ketawa*] Jadi saya ucap terima kasihlah kepada Tuan Pengerusi yang memberikan peluang kepada saya. Saya harap jawapan yang jujur daripada pihak yang terlibat. Terima kasih.

■1500

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun. Lepas Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Lembah Pantai lepas itu Yang Berhormat Putatan ya.

3.00 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tuan Pengerusi, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Diberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 di peringkat Jawatankuasa berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin menyentuh perkara 010300 dan juga 010400 berkaitan dengan Kawal Selia FELDA dan juga Seranta FELDA. Jadi unit ini ditubuhkan adalah sebahagian daripada untuk merealisasikan hasrat dan amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri yang bertanggungjawab secara langsung tentang FELDA agar setiap program pembangunan warga FELDA diberikan fokus serta perhatian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun, orang FELDA di kiri dan kanan kita.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Saya mengalu-alukan kehadiran...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Orang-orang Jengka 19 dan Jengka 20.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: ...Secara kebetulan. Dari bahagian?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bahagian Parlimen Kuala Krau.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: *Alhamdulillah*, Parlimen Kuala Krau. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan tentang program pelaksanaan pengurusan estet ataupun ladang FELDA yang melibatkan peneroka terutama sekali yang berkaitan dengan tanaman semula. Jadi ada satu kes di FELDA Lubuk Merbau bahagian Padang Terap, bukan di Jerlun, di mana ketika ini sedang berjalan program tanaman semula di peringkat satu dan dua. Jadi kita pun hairan bagaimanakah program tanaman semula getah ini boleh mengambil masa hampir dah tiga tahun tetapi belum selesai. Cumanya kita nak supaya bahagian seranta dan juga kawal selia FELDA di JPM ini turut memantau tentang perjalanan pengurusan estet ataupun ladang-ladang di FELDA ini kerana ianya mengambil masa yang terlampau lama.

Jadi kita hairan bagaimanakah satu program tanaman semula tidak dirancang dengan baik sehinggakan mengambil masa yang begitu lama. Benih anak getah pun tak ada, kemudian bila dah kesuntukan masa, kita takut dia menghantar kerja-kerja yang substandard tanpa menghantar benih yang sesuai, yang patut ditanam di kawasan-kawasan FELDA. Kita sedar bahawa hari ini kebanyakan peneroka FELDA dah pun berumur, dah pun meningkat umur usia yang lanjut, jadi mereka tidak mampu untuk menguruskan sendiri.

Maka dilantiklah kontraktor menjalankan kerja-kerja tanaman semula tetapi apa yang kita lihat, kualiti ataupun mutu kerja yang dilaksanakan amat menyedihkan. Jadi sudah tentulah kita hendak supaya bahagia seranta dan juga kawal selia FELDA yang diberikan peruntukan di JPM ini dapat menyiasat dan seterusnya memberi laporan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, pihak PM sendiri untuk memastikan bahawa pelaksanaan kerja-kerja tanaman semula ini berjalan lancar dan mengambil masa yang begitu singkat supaya akhir sekali peneroka ataupun keluarga mereka dapat menoreh semula getah yang ditanam dalam tempoh mungkin tujuh tahun.

Seterusnya perkara yang berkaitan dengan MKN atau Majlis Keselamatan Negara iaitu Kepala 040500 dan juga 040000 dan juga 500300. Jadi kita tahu bahawa MKN bertanggungjawab secara langsung dengan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan-pengurusan bencana dalam negara. Jadi kita tahu di negara kita ini kadang-kadang dilanda dengan pelbagai bencana tak kira sama ada banjir, ribut, taufan dan sebagainya. Jadi sudah tentulah kita mengharapkan kepada pihak MKN ini dapat mengatasi, menyelesaikan masalah terutama sekali dalam perkara-perkara berbentuk bantuan baik pulih rumah yang kena ribut dan sebagainya.

Sering kali kita menerima laporan bantuan yang diterima ini agak lambat. Mungkin masalah yang berkaitan dengan antara kerjasama jabatan MKN, JKM, pejabat daerah dan sebagainya tetapi yang masalah ialah sekiranya bencana itu besar, bencana itu melibatkan kerosakan yang banyak, maka sudah tentu kita hendak supaya MKN ini dapat mencari satu jalan yang cepat untuk mengatasi masalah. Contohnya baru-baru ini di Pendang dan juga di kawasan Alor Setar ada ribut yang besar kemudian sudah tentulah kerosakan juga tinggi dan menyebabkan bumbung rumah terbang ke sana sini tetapi nak ganti itu agak lambat. Jadi kita harapkan MKN yang mendapat peruntukan yang saya kira agak banyak dapat bertindak dengan cepat melalui SOPnya yang mudah dan yang dapat diguna pakai oleh semua pihak.

Seterusnya Tuan Pengerusi, perkara berkaitan dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional, 210000 yang mendapat peruntukan yang saya kira agak banyak, RM185 juta. Kita tahu bahawa jabatan ini memainkan peranan yang cukup penting dalam usaha untuk nak *integrated* perpaduan rakyat yang kita tahu Malaysia mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Namun hari ini kita tengok kerapuhan terhadap hubungan masyarakat, hubungan antara kaum begitu ketara di mana kita tengok banyak perkara yang agak sedih, kita tengok unsur-unsur negatif yang boleh memecahbelahkan masyarakat sedangkan kita sedar, setelah kita merdeka lebih dari hampir dah 60 tahun, 57 tahun kita membangunkan negara kita ini melalui pelbagai usaha dan kesefahaman antara kaum. Namun akhir-akhir ini kita nampak kelonggaran yang ada yang menyebabkan orang-orang dah mula rasa kurang hormat di antara satu sama lain.

Kita juga sedar setelah pelbagai akta dihapuskan dan juga digantikan, antaranya ISA dan juga OE, maka rakyat Malaysia makin berani untuk menyuarakan pandangan tetapi yang kita bimbang adalah adakah cara kita berani menyuarakan pandangan ini boleh menyebabkan rosaknya hubungan dan juga keharmonian di antara kaum dalam negara. Jadi akhir-akhir ini ramai orang bercakap tentang Akta Hasutan 1948 sama ada nak dihapuskan, nak digantikan dan sebagainya.

Cuma persoalannya ialah adakah kita sedar bahawa selama ini kita yang berbangga dengan Malaysia yang bermasyarakat majmuk, hidup aman damai, rukun dan harmoni sebenarnya kerana terdapat akta-akta tertentu yang dapat menjamin keharmonian tersebut. Jadi, apakah perlu kita nak menghapuskan sesuatu akta sehingga akhir sekali menyebabkan keharmonian yang ada ini rosak dan masa depan negara dan juga hubungan kaum jahanam.

Jadi ini perlu dan kita hendak supaya Jabatan Perpaduan Negara ini juga memainkan peranan yang penting sebab kita jarang-jarang dengar peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Kita pun tak tahu dengan bajet yang begini banyak, kita harapkan jabatan ini dapat memainkan peranan supaya terutama sekali anak-anak muda dapat saling memahami baik dari segi sejarahnya dan yang lebih penting adalah hala tuju masa depan negara. Kalau kita biarkan hubungan kaum yang mungkin dah makin rapuh ini mungkin setengah-setengah pihak lupa sejarah dan tak faham sejarah, maka kita bimbang negara Malaysia yang kita cintai ini akan menjadi rosak di masa depan.

Seterusnya berkaitan dengan NCER, NCIA - 320000 yang mendapat peruntukan juga lebih kurang RM22 juta. Kita harapkan juga NCIA ini dapat memainkan peranan bukan hanya sekadar nak menumpukan kepada aktiviti berkaitan dengan pengilangan, industri dan sebagainya tetapi juga mestilah memberikan fokus yang jauh lebih banyak terhadap pembangunan fizikal dan juga pembangunan industri pertanian terutama sekali di Kedah dan juga di Wilayah Utara yang melibatkan NCIA ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Jadi kita hendak supaya NCIA juga dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dengan industri padi contohnya MADA untuk meningkatkan lagi bidang-bidang R&D, penyelidikan dan pembangunan supaya kita dapat meningkatkan contohnya hasil tanaman dan sebagainya. Jadi janganlah NCIA ini hanya sekadar berbangga dengan peningkatan pelaburan dan sebagainya namun dalam masa yang sama kita harus sedar bahawa industri pertanian juga memerlukan bantuan daripada NCIA untuk meningkatkan lagi hasil masing-masing.

Seterusnya sebelum akhir sekali, yang kedua terakhir berkaitan dengan Pembangunan Industri Halal ataupun HDC (*Halal Development Corporation*). Jadi kita pun sedar bahawa pada mulanya HDC ini memang diletakan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kali ini pun masih ada peruntukan P.6, 06100, tak banyak peruntukan di bawah JPM. Namun yang lebih penting adalah bagaimana peranan HDC ini dapat dimainkan dengan lebih berkesan sebab kita tahu sebenarnya di kalangan negara-negara Islam seluruh dunia melihat kalau kita bercakap soal berkaitan dengan industri halal ini, mereka melihat Malaysia sebagai negara contoh yang perlu diikuti. Kita sedar bahawa dalam HDC ini melibatkan bukan hanya JPM malahan MITI, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga JAKIM sendiri.

■1510

Jadi kita tahulah bahawa di bawah MITI ini mungkin tumpuan diberikan terhadap mengeluarkan hasil-hasil barangan proses industri yang telah diproses dan hendak dijadikan barangan halal. Namun kita juga sedar di bawah Kementerian Pertanian, kita terlibat dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan tempat sembelihan dan juga barangan diimport sama

ada barangan daging dan sebagainya dan juga sudah tentu barang-barangan yang dieksport dari Malaysia. Jadi kita tidak mahu *Halal Development Corporation* ini tidak mengambil ruang dan kesempatan untuk hendak membantu Kementerian Pertanian dan juga kementerian-kementerian lain untuk memasarkan barangan halal ini ke negara-negara yang memang mahu, yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Jadi kita hendak supaya kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri sendiri meletakkan peranan *Halal Development Corporation* ini di satu tempat yang memang aktif, memang memainkan peranan yang betul-betul berkesan sebab kalau kita lihat bahawa daripada negara Thailand sendiri, mereka juga hendak mengeksportkan barangan keluaran mereka melalui Malaysia untuk mendapatkan sijil halal dan sebagainya. Namun banyak masalah yang dihadapi antara jabatan ataupun kementerian ini yang menyebabkan HDC ini tidak dapat tab ataupun mengambil peluang-peluang yang ada di peringkat yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali berkaitan dengan penyelarasan program pembangunan kemiskinan ataupun P.6 – 71000 yang mendapat peruntukan RM198 juta. Jadi kita sedar bahawa dalam program ini sudah tentu melibatkan program-program hendak membaiki rumah dan juga hendak membina rumah baru terutama sekali di luar bandar. Kita tahu bahawa di bawah program ini melibatkan ICU, KKLW, pengarah pembangunan negeri dan juga pejabat daerah. Diwujudkan *focus group* supaya dapat ditentukan orang-orang yang betul-betul layak menerima bantuan-bantuan berkenaan. Namun akhir sekali yang kita hairan ialah kenapa apabila contohnya macam di kawasan saya sendiri untuk tahun 2014 ini diluluskan 55 buah rumah untuk bina baru tetapi akhir sekali hanya sampai peruntukan untuk cukup membina lima buah rumah sahaja.

Kemudian untuk membaiki rumah, kita mendapat kelulusan setelah *focus group* ini bermesyuarat, membuat kajian, penelitian dan sebagainya, mendapat 67 buah rumah diluluskan untuk dibaiki. Namun peruntukan hanyalah untuk 12 buah rumah. Jadi sedangkan dalam masa yang sama juga, di bawah JPM juga ada PR1MA yang memang hendak membina ratusan ribu rumah untuk rumah permulaan dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama juga kita perlu ingat bahawa ramai lagi orang-orang di luar bandar yang memerlukan rumah dan juga memerlukan pembaikan rumah.

Jadi kita harapkan supaya *focus group* yang diwujudkan bersama di antara ICU, KKLW, SDO dan juga pejabat daerah dan sebagainya agensi-agensi yang berkaitan supaya dapat memberi tumpuan dan akhirnya dapat memberi manfaat kepada rakyat yang termiskin dan juga rakyat yang memerlukan.

Begitu jugalah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi iaitu dengan memberi bantuan peralatan, mesin dan sebagainya, dapatlah diberikan kepada mereka yang betul-betul layak tanpa hanya sekadar kita buat untuk melepaskan batuk di tangga dan akhirnya bantuan yang diberikan itu tidak ke mana, sedangkan orang yang patut dapat dan sedang menjalankan usaha mereka, tidak diberikan perhatian.

Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.14 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang kepada Lembah Pantai. Saya terus pergi kepada Maksud Perbekalan B.8 di bawah Butiran 070000 di bawah pendakwaan. Sebanyak RM8.6 juta dibelanjakan Tuan Pengerusi dan saya ingin menyatakan di sini dakwaan pertama yang sering kita sebut di sini ialah bagaimana Peguam Negara tidak profesional dalam mengemukakan pelbagai dakwaan khusus daripada jawapan Parlimen yang saya dapati sejak tahun 2013 dan juga 2014, kebanyakannya daripada anggota Parlimen belah Pakatan Rakyat.

Saya lihat sebelum pilihan raya tahun 2012, tidak ada satu pun pendakwaan menggunakan Akta Hasutan. Saya ingin tanya kepada Menteri yang berkait khusus yang menjaga Jabatan Peguam Negara, kenapakah semua pendakwaan ini berlangsung atau dilaksanakan setelah pertemuan 60 Ketua Bahagian UMNO dengan Peguam Negara sendiri sejeurus sebelum pendakwaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *just to refresh you on* Peraturan Mesyuarat 36(8). Kelakuan dan sifat Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja, Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Dewan Negeri, hakim-hakim dan orang yang menjalankan keadilan mahkamah, *be careful on that* peraturan mesyuarat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih di atas nasihat dan saya rujuk kepada laporan media dalam semua yang saya sebut pada hari ini khusus antara pertemuan. Pertemuan ini dimaklum dan diketahui oleh pihak media. Jadi saya mahu tanya kerana kredibiliti dan profesionalisme Jabatan Peguam Negara ini milik kita semua. Kalau Peguam Negara dilihat sebagai melaksanakan dan suka melakukan pendakwaan terpilih, makanya semua kita tercalit. Jadi saya berharap ada jawapan yang jelas dalam bab ini.

Bagi pihak Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Padang Serai termasuk juga Yang Berhormat Batu, ramai betul Yang Berhormat yang menunggu jawapan, Yang Berhormat Seputeh minta maaf, saya tunggu *save the best for last* dengan izin. Ini sangat-sangat penting kerana kita tidak mahu sekadar mengkritik kerajaan, sekadar membawa tanggungjawab kita untuk menyuarakan suara rakyat, kita diambil tindakan, itu satu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membawakan di sini berkait dengan Akta Hasutan. 2013/2014 itu yang saya sebut, tambahan yang mengeruhkan keadaan juga ialah bagaimana kebangkitan golongan akademik, suara mereka juga disekat. Pemimpin seperti Adam Adli, Fahmi Zainol, Ketua Pembangkang sudah sebut tadi, saya tidak mahu ulangi. Saya hendak maklumkan secara keseluruhan menunjukkan satu suasana yang amat negatif buat Malaysia. Kita memang mengalami defisit demokrasi dan defisit belanjawan yang amat serius.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membawakan di sini antara masalah utama yang kita hadapi juga adalah bagaimana dalam Maksud Perbekalan B.4 – Pilihan Raya Umum di bawah tanggungjawab SPR. Saya teliti di sini dan didapati SPR mendapat lebih kurang RM7.6 juta bagi

teknologi maklumat di bawah Butiran 010300. Malangnya sehingga ke hari ini sudahlah kami yang mengharapkan ada jawatankuasa baru yang mengepalai tugas untuk persempadanan semula pilihan raya seperti yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Parlimen Khas. Semua anggota Parlimen Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat meluluskan rekomendasi-rekomendasi tersebut.

Malangnya barisan SPR sedia ada yang didapati menerusi keputusan Mahkamah Rayuan, hakim menyatakan pihak-pihak yang membawa kes dakwat kekal yang gagal dilaksanakan oleh SPR ada hak untuk membawa kepada sidang mahkamah. Jadi pada saya, kalau jelas pimpinan SPR yang sedia ada telah gagal dalam melaksanakan salah satu inti pati yang terpenting dalam pilihan raya umum yang bebas dan adil iaitu pelaksanaan dakwat kekal. Itu isu lama, saya pasti Yang Berhormat Arau lebih tahu tentang ini tetapi masalahnya kita tidak ada pilihan lain, terpaksa bergantung pada badan SPR sedia ada. Tidak dilaksanakan cadangan daripada Jawatankuasa Parlimen, itu satu.

Keduanya Tuan Pengerusi, yang amat penting di sini, surat daripada kami, saya, Ahli Parlimen Kuala Krai, Ahli Parlimen Serdang untuk mendapatkan salinan semua peta persempadanan semula yang dicadangkan oleh SPR dalam bentuk digital kerana kita belanja duit ini, saya terpaksa luluskan untuk teknologi maklumat tetapi malangnya tidak berjawab. Jadi saya fikir kalau setakat ini, inilah respons yang diberikan kepada gabungan yang telah memenangi hampir 52% undi popular, saya amat bimbanglah dengan demokrasi atau defisit demokrasi yang kita hadapi.

Tuan Pengerusi, harus kita ingat...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Minta mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sekejap sahaja, saya tidak ada masa kalau Tuan Pengerusi bagi, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

■1520

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, saya hendak tanya Yang Berhormat Lembah Pantai kerana satu perbelanjaan berjumlah RM5 juta ini diberikan kepada SPR di bawah tajuk Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Lembah Pantai setuju bahawa satu jawatankuasa ataupun *Independent Boundary Committee* perlu ditubuhkan supaya persempadanan semula ini dijalankan dengan lebih telus.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Serdang, saya faham maksud kerana saya bersama Yang Berhormat Serdang dan Yang Berhormat Kuala Krai telah tulis surat yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tentunya kita mahukan sebuah jawatankuasa yang melaksanakan persempadanan semula secara *independent* ditubuhkan kerana ini bukan permintaan daripada pihak Pakatan Rakyat. Ini merupakan ketetapan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Parlimen Khas berkait dengan reformasi sistem pilihan raya. Jadi bayangkan kekecewaan kami, terpaksa hadapi, luluskan dana tetapi pelan, surat tidak berjawab. Jawatankuasa tersebut pun tidak tertubuh lagi. Jadi, saya mahukan jawapan daripada pihak kementerian kerana isu ini amat penting dalam kita pergi ke hadapan, melihat aspek persempadanan semula pilihan raya.

Tuan Pengerusi, saya juga pergi kepada isu yang berkait dengan B.6, Maksud Bekalan 6 – Jabatan Perdana Menteri yang amat penting. Saya nampak di sini kita telah mencatat rekod kerana JPM ini begitu besar mengepalai pelbagai agensi tidak sepertinya di dalam demokrasi dan negara lain. Saya tidak merasakan ini baik buat negara kita kerana kurangnya ketelusan dan keterbukaan dari segi perincian perbelanjaan di bawah JPM. Sebelumnya disebut di bawah B.6. Saya ingin membawakan isu perbelanjaan sebanyak RM58 juta untuk program BTN. Tiba masanya pihak kementerian memperincikan apakah kandungan dalam kurikulum BTN kerana RM58 juta dibelanjakan, rungutan yang kita terima daripada pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswi adalah kandungannya amat membawa sentimen perkauman, sentimen agama dan membangkitkan kebencian kerana beberapa pihak, khususnya pihak pembangkang.

Tambahan lagi apabila cuba diselesaikan dengan perbelanjaan bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di bawah Butiran 210000, sebanyak RM96 juta khusus untuk pembangunan komuniti, bukan perbelanjaan sepenuhnya bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Kebimbangan saya, kita seolah-olah cuba menyelesaikan masalah yang diwujudkan menerusi dasar yang mempromosikan sentimen-sentimen negatif sebegini. Saya juga ingin tanyakan adakah di bawah pengumuman perbelanjaan RM50 juta geran untuk NGO, adakah NGO seperti ISMA dan Perkasa tersenarai dalam pemberian geran tersebut?

Tuan Pengerusi, apabila kita melakar ke hadapan, saya juga minta agar Perdana Menteri memberi jawapan yang terbaru, terkini berkait dengan UPP atau *Implementation Coordination Unit* atau Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan yang mendapat RM631 juta *to be exactly* bagi 2015. Sangat tinggi jumlahnya dan sememangnya semua kawasan diperuntukkan antara RM1 juta hingga RM2 juta setahun. Akan tetapi bagi kawasan yang dipegang oleh anggota Parlimen atau wakil dari Pakatan Rakyat, dinafikan dana ini. Jadi saya pinta di peringkat Parlimen untuk memberi jawapan jelas, sebab-sebab apakah kami tidak diberikan akses kepada dana tersebut sedangkan kami menang dalam pilihan raya? Sebelumnya, mantan Menteri yang menjaga Parlimen Yang Berhormat Padang Rengas menyatakan ini duit Perdana Menteri, dia boleh buat sesuka hati dia. Jadi, saya harap jawapan terkini mungkin lebih mengambil kira keperluan rakyat. Dana ini harus diberikan *without fear or favour*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya juga lihat di sini perlu diperincikan projek-projek khas ini di bawah Butiran 93500, tidak ada penjelasan sedangkan nilainya adalah RM1.6 bilion tidak termasuk *one-*

off, category one-off sebanyak RM727 juta. Maksudnya, projek-projek *one-off* dinamakan sebegini, tidak ada kesinambungannya. Jadi, saya pohon sekali lagi jawapan kepada cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Fiskal Parlimen membincangkan kesemua hal ini secara terbuka. Kalau kita saban tahun hanya disajikan dengan Laporan Ketua Audit Negara tanpa pembaikpulihan atau *improvement*, dengan izin maka tidak ada apa-apa justifikasi dan rasionalisasi dalam kita bersidang, berbahas tetapi tidak ada perkembangan yang baik dari segi tahap defisit yang kita hadapi mahu dikira defisit bagi demokrasi dan juga belanjawan. Jadi, saya pohon jawapan kepada persoalan dan saya mahukan jawatankuasa yang khas menyelenggarakan persempadanan semula kerana persempadanan yang ada memang mengecewakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

3.26 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pengerusi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Pengerusi. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kenapa? Pelik?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebenarnya banyak perkara yang hendak...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa 10 minit sahaja. Sudah habis satu minit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Secara menyeluruh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: T.14, B.1 hingga B.9, bagi Bekalan 40, P.6 dan P.7. Saya mulai dengan Parlimen. Butiran 030900 – Pencen dan Pencen Terbitan - Anggota Pentadbiran Ahli Parlimen, Menteri Gabenor ada? Saya sentuh perkara ini kerana perkara soal elaun Parlimen telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika pembentangan bajet pada minggu-minggu yang lalu. Saya meminta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, soal bagaimana langkah ataupun cara pemberian elaun yang kononnya dinaikkan kepada tahap yang lebih baik daripada yang asal.

Jika kita melihat keperluan, tekanan, desakan daripada rakyat jelata. Terdapatlah tugas-tugas Ahli Parlimen itu mungkin lebih ketat. Rakyat, penduduk, pengundi tidak akan bertemu dengan pegawai-pegawai kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi tunggu juga sehingga wakil rakyat dia datang ke tempat kawasan masing-masing untuk bertanya masalah yang dihadapi oleh mereka di peringkat akar umbi.

Jadi saya memang faham Yang Berhormat Menteri tahu perkara ini yang mana apabila kita menghadiri majlis kahwin, kematian, di situlah rakyat berkerumun hadapan kita meminta penjelasan soal masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat di peringkat akar umbi. Maka itu kita memerlukan lebih elaun bukan untuk Ahli Parlimen tetapi kepada pegawai-pegawai

petugas yang membantu Ahli-ahli Parlimen termasuklah Ahli-ahli Parlimen pembangkang. [Tepuk] Tidak kuat. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin bertanya kerana ada juga segolongan, sebenarnya ramai Ahli Parlimen yang sudah bukan lagi Ahli Parlimen sekarang. Mereka telah bertanya dengan saya, apa pula dengan pencen-pencen yang sudah bukan lagi Ahli Parlimen, bekas mantan Ahli Parlimen yang telah berkorban dan berjasa kepada rakyat kita? Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan jika elaun pencen itu juga diambil kira. Saya terus kepada P.6 Butiran 15000 iaitu Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Parlimen Malaysia.

■1530

Apabila kita melihat keadaan pembinaan penaikan taraf Parlimen di blok lama, seolah-olah ia terbengkalai Tuan Pengerusi sebab saya tidak tahu, dikunci, tiada pergerakan apa-apa kerja pun. Yang dahulu kita minta kontraktor itu akan siapkan pada masa yang telah ditentukan tetapi sampai sekarang belum ada gerak geri atau pun gerak-gerak pembuatan, pembinaan di dalam bangunan yang lama. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *progress* dengan pembinaan naik taraf Parlimen ini.

Satu lagi Tuan Pengerusi soal yang kita desak iaitu bumbung kepada tempat-tempat jalan kaki di tepi jalan yang mana kita melihat sekarang Tuan Pengerusi, pembinaan sedang dilaksanakan di sebelah *parking* dahulu. Sekarang, *parking* sudah agak berkurangan. Jadi, terpaksa bas-bas di luar, kereta-kereta pegawai, orang yang berkunjung ke Parlimen terpaksa diletakkan di luar pagar Parlimen. Jadi, masa ini kita melihat sering berlaku hujan, tiap-tiap hari hujan. Kita melihat budak-budak sekolah yang datang ke Parlimen itu berhujan.

Jadi, ini sudah lama kita minta tetapi belum ada apa-apa yang dilaksanakan walaupun duit kita sudah ada, dana sudah kita ada tetapi kita mahu tahu sebabnya Yang Berhormat Menteri kenapa ini belum dilaksanakan. Pondok pemandu yang ada di luar pun saya tidak tahu kalau ini ada keselesaan kepada pemandu-pemandu terutama sekali *rest room* mereka tidak ada langsung. Jadi, Yang Berhormat Menteri tolong tengok ini macam mana sebab ini kita mahu bangunan Parlimen kita sebagai satu yang dikagumi oleh masyarakat, rakyat kita yang akan berkunjung ke Parlimen.

Jadi, soal *allowance* itu saya rasa setujulah semuanya. Saya rasa macam Yang Berhormat Pokok Sena tidak perlulah, dia banyak duit. Yang Berhormat Bintulu okey, dia kasi makan orang lain, orang kampung. Yang Berhormat Rompin dia okey. Yang Berhormat Kalabakan tidak perlu sebab orang kampung datang kasi dia ayam, kambing. Tidak perlu.

Okey, soal MKN ini. Ini yang paling kritikal sekali. Soal MKN ini saya rasa diperuntukkan sejumlah- ada Butiran B.15000, RM32 juta sahaja. Bahagian pembangunan dia ada – *sorry*, RM9.4 juta sahaja MKN. Kita tahulah kalau peruntukan di butiran lain boleh ditarik sekiranya ada kemusykilan seperti banjir. Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu soal mangsa-mangsa banjir ini perlu diberi perhatian. Apa yang berlaku yang saya telah bahaskan dalam peringkat dasar iaitu permainan daripada pihak PKR di kawasan Penampang dan juga 'Poking Genos' dengan izin, itu *my* kawasan Tuan Pengerusi. Dia pergi ambil gambar banjir di tempat saya,

kononnya saya ini *talk only, no action, terginom-ginom* dia bilang. 'Pui' dia bilang, 'hak tui'. Ini satu perbuatan kurang ajar budak-budak PKR ini. Dia tidak tahu saya menghadiri seminar, *conference* dari dua negeri untuk *conference* global, keselamatan global. Sama-sama dengan kawan-kawan daripada sanalah.

Jadi, kononnya saya ini tukang minum, rumah orang banjir. Ini dipost kan pada 30 hari bulan Oktober. Ini saya rasa kurang ajar betul budak-budak ini. Budak-budak ini saya tahu nama dia Jonandu. Dia terikut-ikut Ahli Parlimen PKR di Penampang dan ADUN Penampang. Dia selalu ikut-ikut, goyang-goyang ekornya di belakang, tercium makanan ada datang. Dia akan suruh *hantam*. Jadi, ini satu penghinaan bagi saya. Orang yang tidak suka minum, dikatakan minum. Jadi, ini...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta celahan, minta celahan. Sedikit.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Laluan sedikit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, inilah kerja-kerja PKR.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi saya mengharap...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sama sahajalah seperti mana...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Pemimpin-pemimpin PKR ini, ajarlah budak-budak kamu jangan jadi kurang ajar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Putatan juga menghina orang itu. Bukan dia cakap baik. Lalu sama-sama lah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini PKR, bukan PAS. PAS bukan begitu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Putatan, kalau banjir baliklah kawasan. Jangan pergi ke luar negeri. Mesyuarat penting tetapi kawasan orang kampung lebih penting.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Apa ini Tuan Pengerusi, siapa suruh cakap ini. Ini *floor* saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Orang kecil sahaja, jangan hina orang kecil. Kalau pembantu-pembantu, terikut-ikut...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kalau setiap tahun ada banjir, ada program...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Putatan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan gulung ya. Boleh gulung.

Seorang Ahli: Gulung, gulung, gulung.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Banyak lagi Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 10 minit sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ramai lagi yang hendak berucap.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Baru dua perkara sahaja. Jadi soal satu lagi pengerusi PR1MA. Saya mahu tanya sedikit. *[Ketawa]* Akan tetapi tidak kedengaran suara. Jadi saya mahu tanya butiran PR1MA. P.6 – Butiran 47000 dan 00100 PR1MA – RM25 juta. Saya mahu tanya dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di mana, bila perumahan-perumahan PR1MA ini di bina di Sabah?

Tuan Pengerusi ada di hadapan, dia belum ada jawapan mungkin. Jadi saya mahu tanya sebab ini pertanyaan daripada media kepada saya semasa saya kena *interview*. Jadi, saya katakan ini kita tunggu masa. Jadi saya mengharapkanlah jawapan daripada kementerian, JPM supaya rakyat Sabah boleh tahu bila, di mana dan berapa unit yang akan dibina di Sabah. Itu sahaja. Ada lagi perkara yang lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Belum habis masa Tuan Pengerusi, tiga minit lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa sudah habis, sudah cukup dah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Satu lagi. Oleh kerana Menteri dia ada di sini, ini P.6. B.20000 – Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN) dan Perpaduan Masyarakat Integrasi Negara. Saya mahu tanya dengan Yang Berhormat Menteri yang ada di sini. Apa keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian? Saya nampak, saya agak sedih sedikit sebab keberkesanan dia itu tidak sampai kepada golongan-golongan sasaran terutama sekali masyarakat-masyarakat yang bermain dengan sosial media ini terutama sekali di pihak di sana itu bermain perkauman, bermain sensitiviti, perihal agama. Jadi, ada juga serimis.

Jadi, saya mahu tanya dengan Yang Berhormat Menteri apa pendekatan Yang Berhormat Menteri supaya ini ada hubung kait, supaya kita duduk sama-sama, supaya perkara seperti Shah Alam yang saya rasa perlu diheret juga kepada satu jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu sahaja? Saya mahu cakap yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Banyak lagi jawatankuasa boleh bercakap.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Taiping.

3.39 ptg.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana izinkan saya bangun untuk berbahas di peringkat jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri. Tuan Pengerusi, saya bangun di bawah kepala B.3 – Jabatan Audit Negara iaitu saban tahun Dewan yang mulia ini dimaklumkan, pagi ini pun kita dimaklumkan dengan satu siri demi siri ketirisan, penyelewengan, salah guna kuasa, pembaziran, pemborosan dan pelbagai pembaziran wang rakyat yang telah pun dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara.

Umpamanya pagi ini sahaja kita dimaklumkan Kementerian Pertahanan membelanjakan RM12 juta membayar RM12 juta kepada 3,780 orang yang telah meninggal dunia tetapi terus dibayar dengan *pension*. Walaupun telah pun didedahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara, jumlah yang dapat dikutip balik hanya 14% sahaja.

■1540

Daripada jumlah RM12 juta yang dibayar hanya dapat kutip balik RM1,600,000. Ini merupakan satu skandal lagi. Selain daripada Kementerian Pertahanan, hospital pun tidak lagi bersih di mana ubat-ubat di hospital, Hospital Besar Kuala Lumpur bernilai RM1,200,000 dicuri tetapi sampai hari ini *no culprit has been charged in court*, dengan izin. Malahan pegawai Jabatan Audit Negara sendiri yang telah pun didapati melesapkan wang awam dekat RM1 juta iaitu RM995,000 yang melesapkan wang dan telah pun didapati telah pun dibangkitkan pada tahun 2011. Rakyat tertunggu-tunggu sudah tiga tahun tidak ada sesiapa pun dihadap ke muka pengadilan.

Maka saya rasa sudah sampai masa apabila tiap-tiap kali Jabatan Audit Negara ataupun Ketua Audit Negara menyerahkan siri audit ini yang cukup tebal ini kita lihat. Bukan sahaja tebal tetapi berat. Hati kita pun berat kerana ini semua melibatkan kepentingan negara kita dan wang rakyat. Apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan? Tiap-tiap kali jika terdesak maka tubuhlah jawatankuasa. Jika terdesak jawatankuasa lagi. Jawatankuasa demi jawatankuasa tetapi rakyat yang nampak siapa yang bertanggungjawab.

Apakah tindakan yang diambil supaya seperti yang dikatakan oleh pepatah Inggeris, *“prevention is better than cure”*. Apakah cara mekanisme kerajaan untuk mencegah supaya tidak ada lagi ketirisan dan penyelewengan yang berlaku dalam perkhidmatan awam sendiri? Ini merupakan satu perkara yang cukup penting memandangkan Jabatan Audit Negara tahun ini, kali ini diberikan anggaran RM146 juta.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak bangkitkan dan bahaskan di bawah kepala B.8 iaitu di bawah Jabatan Peguam Negara yang telah pun diperuntukkan satu jumlah wang yang besar, RM202 juta. Tuan Pengerusi, Jabatan Peguam Negara merupakan satu institusi yang cukup istimewa. Dia diberikan kuasa mutlak di bawah Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan untuk memberikan kuasa mutlak untuk memutuskan pendakwaan.

Kuasa ini datang dengan amanah yang cukup berat dan tanggungjawab yang amat perlu dititikberatkan supaya ia mesti ada mekanisme untuk memastikan Peguam Negara menjalankan tanggungjawab ini penuh bertanggungjawab, berkecuali dan tidak dipengaruhi oleh campur tangan politik. Bagaimanapun di Malaysia ini *Attorney General now, the credibility is at risk*. Kita lihat satu demi satu *selective prosecution*.

Yang pertama saya tanya kenapa yang didakwa Akta Hasutan ini sampai ada pula wakil rakyat yang bahas dalam Dewan yang mulia yang sepatutnya mempunyai imuniti undang-undang yang telah pun dimaktubkan terus dihadap ke mahkamah. Akan tetapi kita lihat Pengerusi Perkasa, Ibrahim Ali, siapa Perkasa, sehingga Menteri di depan mata saya semua setuju. Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun tanya siapa Perkasa? Mengapa dia tidak dihadap ke muka pengadilan walaupun mengeluarkan dakwaan terbuka untuk hendak membakar *holy bible*. Siapa dia? Mengapa dia ada keistimewaan?

Ini Ibrahim Ali siapa dia, kita hendak tahu sebab itu. Apakah budi, bagaimanakah Peguam Negara menjalankan budi bicaranya. Siapakah di belakang yang melindungi Ibrahim Ali? Semua rakyat tertanya-tanya. Pihak sebelah sini akan mempertahankan *holy bible*. Kita juga mempertahankan kitab suci Al-Quran, kita juga mempertahankan mana-mana agama kita kerana demi keharmonian Malaysia kita yang tercinta ini.

Seterusnya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di bawah peruntukan RM200 juta ini Jabatan Peguam Negara mempunyai kakitangan lebih 1,800 orang dan antaranya beberapa ratus orang merupakan pegawai undang-undang yang bertauliah, pegawai undang-undang yang mempunyai kelayakan profesional yang boleh menjalankan kerja-kerja pendakwaan. Akan tetapi saya hendak tanya saya rasa terpanggil untuk bertanya kepada Menteri mengapa Jabatan Peguam Negara dalam kes yang melibatkan fitnah terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu Ketua Pembangkang Parlimen. Jabatan Peguam Negara mempunyai ribuan pendakwa raya tidak ada seorang pun yang layak untuk menjalankan kerja pendakwaan sehingga terpaksa dengan izin Tuan Pengerusi, *outsource* kerja pendakwaan kepada Penasihat Undang-undang UMNO. Peguam peribadi Perdana Menteri. *[Dewan riuh]*

Jika yang kata sebelah sana tidak salah ini menunjukkan kewibawaan dan kredibiliti Peguam Negara memang tercemar dan terjejas. Jika dia bukan berunsurkan politik mengapa Peguam Negara tidak jalankan pendakwaan sendiri sehingga peguam UMNO terpaksa diambil, wang rakyat terpaksa dibazirkan. Saya pernah, kita pernah tanya di Parlimen dahulu, Shafee Abdullah telah pun diambil untuk menjalankan kerja-kerja pendakwaan di RCI. Kita tanya *fees* guaman dia, RM100,000 dan saya hendak tahu kali ini berapakah duit rakyat terpaksa dibazirkan untuk mengupah peguam yang begitu glamor sekali itu. Namanya besar dan telah diomong-omongkan hendak jadi Ketua Jabatan Pendakwaan dan ini Peguam Negara yang akan datang. Betulkah ada ura-ura sedemikian?

Ini duit rakyat jika itu tabung UMNO tidak apalah saya pun tidak hendak kisah. Akan tetapi ini duit rakyat dan apabila kita mempersoalkan kes undang-undang dia ada satu *maxim*, *justice must not only be done. It's about seen to be done*. Adakah dalam kes ini *justice is seen to*

be done? I'm sorry to say that no. Berapakah duit yang dibayar kepada Shafee Abdullah untuk mendakwa Dato' Seri Anwar Ibrahim, Permatang Pauh? Semua rakyat tertanya-tanya. Jika dia tidak berunsur politik, betul-betul kes salah jenayah biarlah Peguam Negara, takkanlah rakan-rakan di sebelah sana tidak ada keyakinan kepada Peguam Negara, betulkah? [*Dewan riuh*] Tidak ada keyakinan kepada Tan Sri Gani Patail maka macam ini tukarlah.

Tuan Pengerusi, ini jangan sekadar kita saya rasa oleh kerana institusi Jabatan Peguam Negara ini dia mempunyai kuasa yang cukup berat dan amanah yang dipikul ini harusnya mempunyai *check and balances* untuk menjaga kewibawaan institusi ini. Apabila perlembagaan meletakkan kuasa pendakwaan dalam tangan *AG Chambers*, dia ada kebijaksanaan. Maka ini seluruh rakyat khususnya kabinet perlu memastikan institusi Jabatan Peguam Negara tidak tercemar. Kredibiliti dan kewibawaannya tidak terjejas.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini adalah tanggungjawab kita semua untuk menjaga kemuliaan Jabatan Peguam Negara. Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kerana memberikan ruang ini dan harap apabila menggulung nanti Menteri boleh memberikan jawapan yang jelas dan penuh bertanggungjawab demi kepentingan awam rakyat negara ini. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Labuan.

3.48 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi memandangkan masa yang diberikan tidak banyak saya terus ke butiran 020200 - Unit Perancang Ekonomi. Seterusnya 250000 – UKAS, 450100 – Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan saya akan sebut lagi yang lain-lain.

Tuan Pengerusi, Labuan walaupun mengalami pembangunan yang begitu pesat dan pada masa ini menyumbang melebihi RM600 juta setahun kepada gabungan *coffer* selain daripada pendapatan-pendapatan lain seperti tax dan sebagainya tetapi rakyat di Labuan semua lapisan masyarakat ataupun pemimpin termasuklah juga pelaksana-pelaksana di Labuan merasakan bahawa Labuan ini selalu terlepas pandang.

■1550

Di Labuan, kita sekarang memang memerlukan beberapa infrastruktur yang begitu kritikal dan diharapkan pada Bajet 2015 ini, pihak EPU akan memberi pertimbangan yang sepatutnya sebab projek-projek tersebut telah pun diberi persetujuan ataupun keutamaan oleh kementerian-kementerian pelaksana seperti KKR dan juga MoT dan sebagainya.

Kita memerlukan jalan raya untuk membolehkan kawasan-kawasan baru perindustrian dibuka disebabkan kemajuan daripada peningkatan aktiviti minyak dan gas di lautan Sabah, Sarawak dan Brunei menyebabkan Labuan sebagai pusat logistik memerlukan tanah yang banyak. Beratus-ratus syarikat dalam negeri dan juga syarikat luar negara yang mendapat kerja

daripada syarikat-syarikat minyak di lautan yang perlukan tanah untuk *fabrication yard* dan sebagainya masih dalam *list* menunggu untuk mendapatkan tanah. Tanah sebenarnya masih ada tetapi kita perlukan jalan raya untuk membuka kawasan-kawasan tersebut.

Begitu juga Labuan memerlukan terminal kargo di *airport*. *Airport* ini memang cantik tetapi ia adalah terminal penumpang dan kita mempunyai sembilan penerbangan yang berjadual kargo dari Kuala Lumpur dan juga dari luar negara setiap minggu selain daripada penerbangan-penerbangan yang *dicharter*, dengan izin, ke Labuan untuk membawa barang-barang berkaitan minyak dan gas tetapi oleh sebab Labuan tidak mempunyai terminal kargo, maka barang-barang ini dipunggah di kawasan lapang dan barang-barang yang tidak dapat dikeluarkan pada hari yang sama, cuma ditutup dengan kanvas-kanvas sahaja.

Syarikat-syarikat yang bergiat ialah syarikat-syarikat multinasional seperti Schlumberger, Baker Hughes, Halliburton. Banyak lagilah kalau hendak disebut termasuk juga *giant* dari lokal seperti Scomi, UMW Oil & Gas, Tanjong, Dayang dan berbagai-bagai lagi. Jadi ia adalah satu yang diperlukan untuk kita menyokong pembangunan ekonomi yang bukan sahaja ia adalah baik untuk Labuan tetapi adalah untuk negara dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Selain daripada itu, sebenarnya Labuan sekarang juga mengalami kekurangan hotel, kekurangan tempat premis perniagaan, kekurangan perumahan dan kita memerlukan pembangunan yang cepat untuk memenuhi permintaan-permintaan ini. Kita faham pembangunan-pembangunan ini tidak boleh dibuat oleh kerajaan semata-mata tetapi lebih baik dan lebih efisien sekiranya ia dibangunkan oleh swasta.

Pada masa ini, sebenarnya sudah ada pelaburan yang ingin dibuat berjumlah lebih kurang RM1.5 bilion yang ingin dilaksanakan secara usaha sama di antara swasta dan kerajaan. Akan tetapi, disebabkan oleh prosedur ataupun struktur untuk kelulusan dan sebagainya yang berkaitan dengan tanah dan sebagainya, maka pembangunan ini yang sebahagiannya sudah mengambil masa melebihi satu tahun setengah masih belum dapat terlaksana dan ini sedikit sebanyak menjejaskan.

Jadi saya merasakan pembangunan-pembangunan yang boleh- yang sepatutnya adalah *local investment* yang sepatutnya dikendalikan oleh *local government* sepatutnya dipendekkan proses kelulusannya. Kalau macam *investment* yang besar-besar yang memerlukan *Federal Government* untuk meneliti dengan lebih dalam seperti *port* yang memang kita masih perlu juga untuk menambah besaran *port* dan yang lain-lain itu mungkin tidak kisah kalau ia mengambil masa yang lebih panjang tetapi untuk pembangunan-pembangunan seperti penambahan premis perniagaan, perumahan, hotel dan sebagainya, sepatutnya *empowerment* diberikan kepada *local government* dan ia dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Local government sebenarnya adalah Labuan Corporation yang mana ia mempunyai *board of directors* dan untuk kita *strengthen board of directors* ini, saya rasakan pihak JPM boleh memperkuatkannya dengan mungkin membawa masuk pegawai-pegawai daripada UKAS dan sebagainya ke dalam *board of directors* Perbadanan Labuan supaya Perbadanan Labuan ini

dapat diberi *empowerment* dan seterusnya pembangunan dapat dilaksanakan semasa ia diperlukan.

Begitu juga sebenarnya hal-hal yang berkaitan dengan sama ada tanah yang diperlukan untuk pembangunan yang besar ataupun hal-hal tanah yang kecil yang berkaitan dengan orang-orang kampung dan sebagainya. Di Labuan, hal-hal berkaitan tanah perlu pergi ke *Federal Land Exco* ataupun Exco Tanah Persekutuan di mana ia dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara yang memang agak sibuk untuk urusan-urusan negara. Jadi kami merasakan di Labuan adalah penting sekiranya kita dapat bentuk satu jawatankuasa khas ataupun *subcommittee* di bawah *Land Exco* ini yang mungkin patut cuma dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi *Land Exco* dan seterusnya ia cuma dibentuk untuk melihat keperluan-keperluan Labuan supaya mesyuarat yang lebih kerap dapat dilakukan dan selepas ia diputuskan oleh *subcommittee*, maka ia boleh dibawa ke pengerusi induk untuk diendorse...

Tuan Pengerusi [Datuk' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Labuan.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Pada masa yang sama, boleh dimasukkan pula *representative* dari Labuan yang lebih faham mengenai hal-hal tanah di Labuan. Tanah di Labuan ini memang menjadi semakin mahal dan ini telah membuatkan rakyat Labuan juga menjadi begitu tertekan, Tuan Pengerusi.

Jadi saya melihat Jabatan Perdana Menteri di bawah mungkin EPU ataupun agensi lain yang berkaitan kena mula melihat keperluan kerajaan terutamanya di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun kementerian-kementerian lain untuk mula melihat dan mengambil alih sebahagian daripada tanah-tanah yang perlu, yang baik untuk kita memastikan pembangunan nanti menjadi pembangunan yang lebih seimbang. Kita perlu belajar daripada pengalaman-pengalaman yang telah dialami oleh Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain di dalam Labuan berkembang pesat dan sekarang ini masih dalam keadaan boleh disusun.

■1600

Saya lihat Jabatan Perdana Menteri melalui agensi-agensi tertentu perlu untuk melihat ke arah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Jadi, berkaitan dengan tanah yang mahal ini juga sebenarnya boleh *dibalance* ataupun dikurangkan tekanan kenaikannya sebenarnya apabila Labuan itu secepat mungkin disambung dengan jambatan ke Tanah Besar. Ini akan membuatkan tekanan pembangunan yang begitu kuat di Labuan akan mula beralih ke tanah seberang. Jadi, tanah seberang akan menjadi bertambah maju dan tanah di Pulau Labuan akan menjadi stabil harga tanahnya dan ini tidak akan memandu keluar orang-orang Labuan yang sebahagiannya memang duduk di bawah...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: ...*Paragraph* ekonomi yang di bawah seperti nelayan dan orang kampung yang kita harapkan akan terus berada di Labuan dan tidak mahu mereka *didrive out* daripada Labuan dan orang baru semua pula masuk ke Labuan. Labuan in sebahagian daripada, saya akan tutup, sebahagian daripada *Straits Settlement* bersama-sama dengan Pulau Pinang, Melaka dan Singapore. Labuan dulu selalu dilihat sebagai di antara yang gagal dalam empat *Straits Settlement*. Akan tetapi saya lihat kali ini masanya sudah sampai untuk Labuan akan melonjak maju. Kita harap dalam ia akan maju ini ia tidak menjadi *experience* yang dialami oleh Pulau Pinang dan Singapore akan dapat digunakan untuk memastikan Labuan akan membangun dengan lebih seimbang. Banyak lagi sebenarnya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Labuan. Cukuplah, cukuplah.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Saya akan masuk ke tempat lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Akan tetapi ada satu *last*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah. Kita ada banyak Jawatankuasa lagi Yang Berhormat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sekalian, kita perbincangkan ini sehingga jam 5.00 petang dan 5.00 petang Yang Berhormat Menteri, giliran Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Saya mintalah kerjasama 10 minit. Ramai lagi yang hendak ambil bahagian hari ini. Ya, Yang Berhormat Kuala Langat. 10 minit saja.

Di peringkat Jawatankuasa ini *point* saja. Jangan ulas panjang-panjang.

4.02 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bijaksana memilih Kuala Langat untuk...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mencilah, boleh mencelah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...bersama-sama membahaskan soal bajet, belanjawan Persekutuan. Saya merujuk kepada Butiran 150000...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jangan lupa gaji itu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Kepala Bekalan B.6. Saya *confuse* Tuan Pengerusi, di atas keadaan yang berlaku di dalam kehilangan MH370. Oleh sebab saya hendakkan mufti melaksanakan tugas memanggil semua pakar-pakar agama untuk meletakkan satu keadaan yang meyakinkan mangsa-mangsa MH370 yang hilang lapan bulan yang lalu. Oleh sebab dalam keadaan sekarang, kekeliruan itu berlaku dalam keadaan terpinga-pinga, yang kehilangan suaminya, yang kehilangan isterinya, hartanya bagaimana, EPFnya

bagaimana, insuransnya bagaimana kedudukannya. Jadi, saya minta- saya tidak tahu di mana jabatan hendak dirujuk tetapi saya mohon Datuk Mufti Wilayah Persekutuan memberikan satu inisiatif untuk memanggil seluruh pakar-pakar ini untuk membuat satu fatwa kedudukan mereka ini. Oleh sebabnya ialah kerana...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Macam mana? Fatwa, ya saya tahu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau hendak sembang, sembang luarlah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Maksud saya ialah memanggil pakar-pakar ini, membuatkan- walaupun kita ada satu Jabatan Fatwa, betul. Akan tetapi hendakkan inisiatif diambil. Saya sebut tadi inisiatif untuk menyelesaikan masalah kekeliruan yang berlaku ini yang menyebabkan banyak datang kepada saya, dia kata apa kedudukan saya dengan insurans saya, EPF saya. Berbagai-bagai. Jadi, saya mohon yang masih muda lagi pun ada juga masalah dia. Jadi, saya mohon supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, faham sudah itu. Faham sudah itu. Perkara yang kedua.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Jadi, saya mohon mewakili mereka ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Mufti itu mengambil tindakan untuk memanggil dan menyelesaikan masalah. Sekurang-kurangnya ada satu inisiatif. Kalau tidak ini penyelesaian tidak akan dapat dicapai Tuan Pengerusi. Jadi, saya melihat ini perlu dibuat kerana kita tidak mahu kekusutan itu berterusan. Saya dapat laporan daripada MAS yang mengatakan bahawa, pentadbiran MAS mengatakan bahawa MH370 *will be declare lost by year end*. Jadi, maknanya hujung tahun ini dia akan *declare* hilang tapi kita kena buat persiapan untuk memastikan keluarga mangsa atau mereka yang terlibat ini tidak dalam kekeliruan. Itu di bawah Butiran 150000.

Saya hendak juga menyinggung Butiran 030900 di bawah *page* yang sedia ada. Seperti kita umum tahu bahawa untuk mengangkat martabat dan darjat Parlimen, perlu ada *check and balance*. Saya percaya bahawa keperluan Ahli-ahli Parlimen untuk mendapat maklumat yang tepat dan terkini perlu ada *researcher* yang baik dan yang berkualiti dan *qualified*. Jadi, saya minta Yang Berhormat Arau *note* benda ini sebab dia minta mohon dia penyelesaian masalah ini. Jadi, apabila kita bercakap tentang kualiti Tuan Pengerusi, kita juga kena fikirkan kualiti mereka yang berada di samping Ahli-ahli Parlimen. Saya tidak mahu kalau boleh *researcher* ini dikeluarkan daripada kelompok yang mendapat peruntukan dalam bajet ini. Oleh sebab saya melihat di dalam perbelanjaan luar jangka sebagai contohnya, kita boleh memasukkan seperti mana yang berlaku sebelum ini.

Saya fikir sekitar dalam lebih RM30 juta yang telah diluluskan tapi tidak digunakan, jadi dikira hapus. Akan tetapi walaupun bagaimana sekalipun ianya telah pun diluluskan dalam pakej. Walaupun dia dianggap sebagai perbelanjaan luar jangka. Akan tetapi saya percaya

bahawa keperluan itu wajib. Begitu juga dengan mereka yang telah pencen, yang dalam kadar waktu itu perkara itu diluluskan tetapi tidak diangkat sebagai implementasi. Jadi, saya mohon supaya mereka-mereka yang pencen pada PRU Ke-12 itu akhirnya, 2013, mereka juga layak mendapat imbuhan dalam proses kenaikan perbelanjaan atau gaji kepada setiap Ahli-ahli Parlimen. Ini ada keperluan yang saya kira munasabah dan wajib kerana di waktu itu kadar sara hidup waktu itu memerlukan pendekatan untuk perbelanjaan dan mereka korbakan lima tahun itu dalam proses waktu perbelanjaan yang sama.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri, Gabenor Menteri supaya memikirkan kembali secara seriusnya supaya mereka juga diambil kira sebagai yang melayakkan mereka dapat daripada penambahan penggajian dan elaun ini. Saya kira teman-teman yang lain juga bersetuju bahawa mereka-mereka ada juga sumbang baktinya pada tahun 2008 hingga ke 2013 perlu juga dinilai sumbangan mereka. Ini bersesuaian dengan tanggungan 14 di bawah paten sedia ada di bawah Butiran 030900 yang telah kita bercakap nahu yang sama dengan Yang Berhormat Putatan yang saya kira ianya perlu diambil serius dan memikirkan keadaan mereka. Saya yakin dan percaya dengan keprihatinan yang ada ini mereka juga tidak dipinggirkan. Oleh yang demikian, saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya mencadang ianya supaya diberi peluang, mereka juga ada hak dalam kenaikan seperti mana yang mereka tidak dapat rasai pada tahun 2012 itu. Tuan Pengerusi, itu saja perbincangan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

4.08 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin merujuk B.6, 010500 – Bahagian PERMATA, 010900 – Biro Tatanegara, 020000 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP). Seterusnya, Butiran 040000 – Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga 3200, 2700, Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa PERMATA Negara memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dan potensi anak-anak yang hebat, cemerlang di seluruh negara untuk dibawa ke pentas yang sepatutnya mereka boleh lakukan. Ini kerana kalau mereka duduk dalam sistem pendidikan yang sama sebagaimana dengan anak-anak yang lain, barangkali bakat yang ada pada mereka tidak dapat dikembangkan.

Untuk itu, saya harap bahawa PERMATA akan terus memainkan peranan ini dan mencari lagi bakat-bakat yang terpendam. Tidak kira dalam bidang apa sekalipun, sesuai dengan agenda ini ke kawasan-kawasan luar bandar. Sebab itu saya harap promosi Permata ini ditingkatkan lagi supaya rakyat faham. Oleh kerana itu juga saya harap supaya program-program seumpama ini dikembangkan sehingga ke kawasan luar bandar. Saya percaya jika ia dapat dilakukan, ia amat baik kepada rakyat. Sebab itu saya minta tolong perkara ini dilakukan dan kerana itu saya minta untuk di kawasan saya juga dilakukan perkara ini.

Biro Tatanegara, kita tahu bahawa ia penting sekali apatah lagi dalam suasana hari ini di mana sudah begitu ramai rakyat dalam negara ini yang kadangkala dalam usaha kita hendak bercakap, hendak menyuarakan pandangan dan sebagainya menyentuh perkara-perkara yang tidak sensitif, saya faham bahawa kita mungkin berbeza pandangan dan pendapat. Akan tetapi dalam soal negara, soal masa depan negara mesti kita ada persefahaman di sini. Oleh sebab itu saya harap supaya Biro Tatanegara ditambahkan peruntukannya lagi untuk terus memainkan peranan, melakukan banyak program dan menepati kumpulan sasaran supaya usul untuk meningkatkan kesedaran semangat patriotisme di kalangan rakyat dapat ditingkatkan.

Oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri dapat melakukan usul supaya pihak atau kumpulan yang terlibat dalam program-program ini mesti diperbesarkan terutama sekali di kalangan anak muda dan program-program ini mesti menepati kehendak dan cita rasa generasi muda yang semakin berubah dan berbeza ketika ini. Saya juga ingin menyentuh Butiran 020000 – Unit Perancang Ekonomi (UPE). Dalam usaha kita memacukan ekonomi negara, dalam kita berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan menambah lagi pendapatan negara, saya percaya bahagian ini penting sekali. Oleh sebab itu, saya harap jika pihak kerajaan melalui EPU untuk merancang supaya memperbanyakkan program-program pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar.

Maknanya kalau pelaburan dalam bidang industri misalnya, kalau selama ini ditumpukan di kawasan-kawasan tertentu sahaja, bawa pembangunan berkenaan ke kawasan luar bandar. Saya percaya ia tidak akan menimbulkan masalah dari segi tanah dan sebagainya, tentu kerajaan-kerajaan negeri akan bersetuju kalau ia dapat membantu memainkan peranan. Kerana apa? Kerana kalau program-program pembangunan ekonomi, projek ekonomi dapat dibawa ke kawasan luar bandar sudah tentu kita boleh menyelesaikan banyak masalah dan mengurangkan kos sara hidup.

Oleh sebab itu saya mohon dan ingin mencadangkan dan minta supaya pihak kementerian beri maklumat program-program seumpama ini. Dalam pada itu juga, oleh kerana kita sedang merancang untuk menyediakan Rancangan Malaysia Kesebelas tidak lama lagi, saya difahamkan awal tahun hadapan akan dibentangkan. Oleh sebab itu saya minta supaya pihak kementerian bertanggungjawab dalam soal penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas ini dapat memberi peluang kepada kami di Parlimen masing-masing untuk mengemukakan projek-projek pembangunan yang saya fikir penting sekali untuk masa depan dan terutama sekali untuk membangunkan kawasan Parlimen masing-masing.

Oleh sebab itu saya minta supaya Yang Berhormat Menteri yang menjaga – ini untuk tidak lupa masukkan projek Lenggong Agro Valley ini yang telah kini dipersetujui oleh kerajaan negeri. Kawasan sudah ada, saya harap dalam Rancangan Malaysia Kesebelas projek Lenggong Agro Valley ini kawasan 'kolam' makanan. Projek ini bukan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, ia bukan projek tapak kekal pengeluaran makanan, ia berbeza tetapi ini projek khusus dalam usaha kita menjadi pelengkap kepada projek pembangunan pelancongan iaitu Lenggong, Tapak Warisan Dunia. Projek ini juga penting sebagai pemangkin untuk menarik

kehadiran ramai di bawah projek pertanian. Jadi, saya harap pihak kerajaan akan membantu untuk membangunkan kawasan yang telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Seterusnya Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP). Saya hendak bangkitkan dalam soal ini, banyak kali saya bangkitkan di Dewan ini dalam beberapa sidang sebelum ini. Unit Penyelarasan Pelaksanaan merupakan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang cukup penting sekali dalam usaha kita untuk memastikan semua projek pembangunan di kawasan luar bandar atau di mana sekalipun dapat berjalan dengan baik. Oleh sebab itulah saya minta supaya JPA terutama sekali bersama-sama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan untuk mengembangkan pejabat mereka di kawasan-kawasan, di daerah-daerah. Selama ini dia hanya berpusat di negeri sahaja dan projek-projek pembangunannya banyak diserahkan kepada jabatan-jabatan lain. Ia di serahkan kepada Jabatan Kerja Raya, pejabat daerah dan jabatan-jabatan yang lain, di mana wang diperuntukkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan tetapi agensi pelaksanaannya orang lain.

Jadi oleh sebab itu, saya rasa lebih baik Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini membuka pejabat masing-masing. Di Perak sudah ada tempoh hari tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu ditutup dan dipusatkan semula di negeri. Saya bercakap begini kerana kita hendak bercakap berkaitan dengan *delivery system*, supaya projek-projek pembangunan yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan cepat. Kita sudah penghujung tahun ini, sudah sampai hendak masuk bulan November, banyak lagi projek kecil-kecil ini tidak dilaksanakan. Dahulu projek-projek di bawah ICU, cepat dan mudah. Kalau kita luluskan RM2,000, RM3,000 makan masa sampai lima, enam bulan. Saya rasa ini tidak baik kepada kerajaan, tidak baik kepada kita pandangan rakyat.

Oleh itu saya hendak cadangkan dalam Dewan ini supaya pihak kementerian yang bertanggungjawab dalam jabatan ini, Unit Penyelarasan Pelaksanaan mengkaji untuk berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah pegawai mereka supaya dibuka. Kalau tidak boleh buka di setiap daerah pun buat *zoning*. Ini supaya wang yang diperuntukkan melalui UPP ini dilaksanakan sendiri oleh UPP dan tidak serahkan kepada jabatan-jabatan lain kerana jabatan-jabatan lain pun banyak tanggungjawab mereka dan mereka tidak mampu dan tidak sempat untuk melakukannya. Jadi saya harap perkara ini dikaji.

Seterusnya Majlis Keselamatan Negara. Yang Berhormat Menteri pun ada dalam Dewan ini, Butiran 040000. Dalam keadaan hari ini dengan perubahan iklim atau cuaca negara kita yang semakin berubah dan tidak sama lagi, saya percaya ia memberikan kesan yang besar terutama sekali dalam soal berkaitan dengan kehidupan rakyat. Hari ini kita lihat bagaimana berlaku bencana yang begitu menyayat hati dan juga besar. Di Cameron Highlands misalnya, dan kita lihat juga berlaku peristiwa-peristiwa yang tidak pernah berlaku dalam negara kita, bila kejadian angin puting beliung di utara, Kedah juga di Pandamaran dan banyak juga kawasan-kawasan yang dulu banjir, hari ini tidak banjir tetapi ada kawasan yang tidak banjir tiba-tiba banjir. Perubahan telah berlaku. Oleh sebab itu saya berharap juga Majlis Keselamatan Negara dapat juga barangkali mengubah sedikit cara dan pendekatan mereka terutama sekali dari segi menurunkan bajet dan bantuan segera kepada rakyat di bawah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, boleh gulung. Tuan Pengerusi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini penting sekali supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan begitu teratur kerana didapati kadang-kadang penyelarasan di antara agensi jabatan kerajaan perlu dipertingkatkan dan perubahan dan pendekatan baru perlu dilakukan kerana hari ini kita dapat lihat bahawa bencana ini tidak ikut musim sudah. Ia boleh berlaku tidak kira masa, tidak kira tempat dan oleh sebab itu saya harap MKN kalau boleh dapat memberi panduan kepada kita dan memberikan maklumat kepada kita terutama sekali Ahli-ahli Parlimen ini apakah bantuan, apakah peruntukan yang ada supaya begitu cepat kita dapat sampai dan menyalurkan kepada rakyat di bawah.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah SUHAKAM. Saya harap SUHAKAM dapat memainkan peranan untuk mendidik rakyat supaya dalam waktu kita berusaha untuk memberi hak dan kebebasan kepada rakyat, SUHAKAM juga mesti memainkan peranan untuk mendidik rakyat supaya waktu kita hendak memperjuangkan hak kita, kita juga mesti memikirkan soal perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang dan sebagainya. Tidak boleh kita membiarkan rakyat dalam negara kita untuk melakukan apa saja yang lari daripada peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Kalau ini tidak dilakukan dan rakyat tidak dididik dengan baik, saya bimbang masa depan negara akan berada dalam keadaan tidak baik dan sudah tentu ia akan hancurkan negara kita. Oleh sebab itu saya harap SUHAKAM dapat memainkan peranan mereka untuk memperbetulkan keadaan ini supaya ia benar-benar dapat memberi kebaikan kepada kita.

Akhir sekali ialah NCIA, saya harap NCIA dapat benar-benar serius dan dapat membantu khususnya dalam soal pembangunan luar bandar. Saya harap NCIA benar-benar serius dan dapat membantu khususnya di kawasan daerah Hulu Perak di Lenggong dan juga di kawasan Gerik sebahagiannya juga terlibat juga dalam kawasan Parlimen saya terutama sekali dalam aspek pelancongan. Saya minta NCIA dapat memainkan peranan untuk membantu membangunkan sektor pelancongan di Lenggong dan juga di kawasan-kawasan sekitarnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput. Kalau boleh ringkas, lima minit lagi bagus.

4.19 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Saya cuba. Ada empat perkara, terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama ialah B.6, Butiran 050200 iaitu JAKIM dan Butiran 120000 – Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU).

■1620

Ini ialah isu pertindihan antara sistem sivil dan sistem syariah, di dalam *Law Reform, (Marriage & Divorce) Act* dengan izin, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian). Di mana akta itu di bawah seksyen 3(3), ia menyatakan ini tidak melibatkan orang

Muslim. Jadi seorang Hindu yang tukar agama menjadi Islam, ia tidak boleh pergi ke Mahkamah Sivil untuk kendalikan masalah penceraian. Pada masa yang sama *Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984 [Akta 303]* dalam seksyen 46(2), ia katakan dia ada kuasa untuk dengan izin, *dissolve the marriage of a non Muslim*, yang tukar agama. Begitu juga seksyen 47(1)(f) juga mengatakan satu Mahkamah Syariah boleh membuat keputusan berkenaan dengan *custody* dan *maintenance* untuk siapa-siapa yang datang ke depan dia dan ini termasuk seorang Hindu yang menceraikan isterinya dan jadi Islam.

Saya rasa ini harus dikaji kerana prinsip satu kontrak perkahwinan harus dipecah dan dikendalikan dalam sistem di mana ia diwujudkan. Jika diwujudkan dalam sistem sivil, adalah adil ia dirujuk balik kepada sistem itu untuk diadili dan diselesaikan. Saya harap dua-dua *group* ini iaitu JAKIM dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang boleh kaji dua-dua undang-undang ini untuk buat satu keputusan yang adillah. Ini kerana sekarang membawa banyak masalah untuk orang-orang yang terperangkap di antara dua sistem ini.

Isu kedua yang saya ingin bawa juga adalah...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Boleh Yang Berhormat Sungai Siput? Masa tidak cukup ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya hendak rujuk dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya hendak rujuk Yang Berhormat kepada seksyen 51, di mana *Law Reform Act* yang boleh dikatakan berkaitan dengan ini, dengan izin, *Dissolution on ground of conversion to Islam. Section 51 when where one party to a marriage has converted to Islam, the other party who has not so converted may petition for divorce*. Selepas itu *the court upon dissolving the marriage* dan sebagainya.

Sebenarnya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa memandangkan ada sesuatu seksyen yang kena mengena dengan perkara ini lebih baik Mahkamah Sivil diberi kuasa untuk *adjudicate* hal ini. Kalau tidak, ada kekeliruan bawa undang-undang untuk mengubah supaya *once and for all* dalam hal ini kita dapat penyelesaian.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat, itulah maksud saya. Saya ingat oleh sebab ada keraguan sekarang, ini harus dijelaskan. Isu kedua ialah sama untuk JAKIM dan juga untuk Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Ini Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988 di negeri Selangor di mana seksyen 9 mengatakan seorang tidak boleh pakai beberapa perkataan dalam apa-apa tulisan, apa-apa ucapan kepada mana-mana perhimpunan orang. Saya faham dalam Perlembagaan Persekutuan, Artikel 11(4) mengatakan ada sekatan mengenai mengembangkan agama bukan Islam di kalangan orang Islam. Akan tetapi juga ini kena diselaraskan dengan Artikel 11(1) dikatakan dalam bahasa Inggeris dengan izin, *“Every person has the right to profess and practice his religion, and subject to clause (4), to propagate it”*.

Begitu juga seksyen 31. *“But other religions maybe practiced in peace and harmony”*. So saya rasa dalam fahaman saya enakmen di Selangor 1988 berkenaan dengan pengembangan agama bukan Islam di kalangan orang Islam adalah keterlaluanlah dan ia mencabuli hak orang bukan Islam. Saya haraplah ini dapat dikaji kerana jika ada satu kesilapan, ini sedang bawa salah faham dan juga ketegangan antara agama. Saya rasa ini harus dikaji dan saya rasa ini ada ramai orang yang salahkan Pengarah JAIS dan MAIS. Saya ingat ini bukan masalah mereka. Ini undang-undang yang dicipta oleh Dewan Undangan. Mereka hanya melaksanakan bukan tugas mereka, tanggungjawab mereka untuk tafsirkan mana undang-undang yang betul. Ini kena ikut undang-undang.

So kita kena *go to the source*. Puncanya ialah *legislation* yang longgar dalam dia punya maknanya dan saya harap ini dapat dikendalikan. Kesilapan adalah biasa. Manusia akan buat kesilapan. Akan tetapi jika manusia tidak membetulkan kesilapan ini untuk beberapa tahun, ini menimbulkan satu persepsi, jadi ini dibuat dengan sengaja untuk menimbulkan masalah di antara agama. So, saya haraplah ini dapat dikendalikan secara yang tegas dan selesaikan.

Isu ketiga yang saya ingin bawa ialah di dalam Butiran 350000 – SPAD. Ini berkaitan dengan muatan lori yang melebihi had. Puncanya ialah ada banyak syarikat kecil yang membawa lori dan mereka bersaing untuk dapat kontrak dari kilang dan syarikat-syarikat. Mereka semua tawarkan harga yang terlalu rendah dan mereka untuk dapat untung untuk *survive*, mereka kena memuatkan lebih daripada had mereka. Kadang-kadang dua kali lebih, dua kali, dua kali, 2.5 *tanks* lebih daripada had muatan dalam undang-undang. Ini akan bawa kepada kemalangan. So hendak kawal lori itu yang terlalu berat dan juga merosakkan jalan kita. So bolehkah SPAD kaji isu ini, mungkin kenakan satu *flow price* yang bergantung pada jarak kontrak itu, daripada Johor ke Pulau Pinang lebih besar, akan tetapi ada *flow price*. Tidak boleh pergi dari bawah itu. Ini kerana persaingan yang membawa kepada masalah ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Last sekali, sekejap sahaja adalah Butiran 200300 dalam B.6 untuk Jabatan Perangkaan dan juga EPU, Butiran 020000. Ini adalah garis kemiskinan. Sekarang ditetapkan pada RM907. Akan tetapi kalau kita tengok di Kuala Lumpur, RM907 untuk satu keluarga dengan dua orang anak, hendak hantar ke sekolah, tuisyen dan hendak sewa satu rumah untuk duduk mana cukup. So apakah ertinya kemiskinan, *what do we mean*, jika mereka duduk di bawah jambatan dan cukup duit untuk beli makanan, cukupkah itu? Itu bukan miskinakah? So saya rasa *something seriously wrong*. Dengan konsep kemiskinan kita, di Kuala Lumpur RM1,000 untuk dua orang isteri, suami dengan dua orang anak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dua orang isteri Yang Berhormat? Seorang isteri?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Seorang isteri cukup. *[Ketawa]* Akan tetapi dengan itu RM1,000 saya ingat tidak cukup, itu miskin. Saya ingat *something wrong with the conception*. Sekarang kita set satu paras yang terlalu rendah dan kita katakan hanya 1.8% yang miskin. Kita kata kita banyak angkuh. Kita kata *very good*. Akan tetapi *it's not realistic*. So saya minta EPU dengan Jabatan Perangkaan kaji balik. Miskin ertinya dia tidak boleh membekalkan yang asas, kemudahan asas seperti penginapan, perubatan, pakaian dan juga pendidikan.

Saya ingat untuk satu keluarga empat orang itu di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya RM2,500. Inilah *rate* yang dipakai oleh Eropah, di mana mereka pakai 60% daripada pendapatan median. Pendapatan median di Malaysia ialah RM4,200, 60% lebih kurang RM2,500. So mungkin kita kena kaji balik ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Paya Besar.

4.29 ptg.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepala B.6, Butiran 040500 – Urusan Bencana Negara. Sekali lagi saya ingin menegaskan rayuan saya supaya bantuan banjir ini dapat diberikan kepada mangsa-mangsa banjir sebelum mereka balik ke rumah. Atas keputusan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, saya telah maklum dalam Mesyuarat Tindakan Daerah pada hari Jumaat lepas bahawa kerajaan bersetuju untuk membayar bantuan banjir ini kepada mangsa-mangsa banjir sebelum mereka balik ke rumah masing-masing dengan syarat Pegawai Daerah ataupun urus setia bencana banjir ini mengesahkan dengan segera supaya borang-borang pengesahan ini dapat diserahkan kepada MKN untuk urusan pembayaran.

■1630

Kepala P.6, Butiran 15000 – Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Parlimen Malaysia. Saya rasa sudah lama sangat kita Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini menunggu, bilakah Parlimen ini boleh disiapkan, kerana kalau kita tengok daripada mula-mula dulu ianya hendak diubahsuai, hingga ke hari ini saya tengok, itulah setakatnya. Yang dapat kita tengok ada dua besi *beam* yang dinaikkan, untuk apa? Kita pun tak tahu.

Akan tetapi di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, hingga hari ini kita tengok tidak ada sebarang perubahan. Oleh itu saya menggesa supaya Menteri yang bertanggungjawab supaya dapat mengarahkan kepada kontraktor yang bertanggungjawab, supaya pengubahsuaian Parlimen ini dapat dibuat mengikut sistem.

Keduanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Sudah, Bintulu pula dah. Sila *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Seputeh ini, saya belum kong sama kamu, jangan bising dahulu.

Yang Berhormat Paya Besar, saya mahu meminta Yang Berhormat Paya Besar punya pandangan macam mana, setuju atau tidak setuju- perkara ini, masalah ini tadi, kita sentuh mengenai Parlimen ini, macam besi naik sahaja pun kita tidak tahu. Akan tetapi sampai hari ini, kita ada perasan atau tidak Tuan Yang di-Pertua di Dewan Rakyat ini, dia punya rumah pun tiada pagar. Macam mana kita punya pandangan, sekuriti macam mana? Kita setuju atau tidak sepatutnya kita mesti mahu Tuan Yang di-Pertua punya *official residence*, dekat Kuala Lumpur, dia punya rumah pun tidak ada pagar. Jadi keselamatan di mana?

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa ini pun kita kena ambil perhatian. Kepada menteri berkenaan tolong ambil perhatian. Keselamatan Tuan Yang di-Pertua juga sama standardnya dengan keselamatan menteri dan timbalan menteri. Kalau di rumah menteri dan timbalan menteri ada pihak polis yang menjaga, kenapa tidak di rumah Tuan Yang di-Pertua?

Seorang Ahli: Ahli Parlimen, Ahli Parlimen.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Ahli Parlimen tidak payahlah. Mengikut laporan, kita ada RM32 juta lagi untuk menyiapkan pengubahsuaian Bangunan Parlimen kita ini. Kalau kita pergi melihat bilik menteri-menteri dan juga timbalan menteri di Parlimen ini begitu teruk sekali. Macam mana menteri hendak mengajak orang-orang yang hendak berjumpa dengan dia di Parlimen ini?

Kalau dulu masa kita memperkenalkan menteri-menteri ada pejabat di Parlimen ini sekarang saya percaya menteri-menteri tidak akan menggunakan pejabat mereka kerana kedaifan tempat ataupun lokasi pejabat itu sendiri. Jadi saya percaya supaya pihak yang bertanggungjawab, tolonglah segerakan pengubahsuaian Dewan Parlimen ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Ya. Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, tolong- terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Paya Besar. Bukan sahaja Menteri, tengoklah kita Ahli Parlimen. Kadang-kadang saya mahu cari satu tempat yang luar daripada Dewan ini, saya mahu tulis ucapan saya atau mungkin kenyataan akhbar saya, saya pun tidak dapat cari. Sini bising. Saya ingat-khususnya bila Yang Berhormat Bintulu ada, tidak boleh tulis... [*Dewan riuh*] Saya hendak cari tempat semuanya bising-bising. Yang bagi kita saya rasa kita dari hari ini jam 10 pagi hingga sembilan malam kita kena ada *space*, ruang kecil kita. Akan tetapi sampai sekarang tidak ada ruang bagi kita.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu- tidak mengapa Yang Berhormat Seputeh. *You* nampak Yang Berhormat Tumpat *handsome you* tak boleh tuliskah, atau fasal saya punya fasal..? [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah pandangan Yang Berhormat Paya Besar? Bukankah saya rasalah, yang isu ini kita sudah bangkitkan tahun lepas Menteri setuju, sini pun setuju, tapi kita lihat tidak ada apa-apa kemajuan ataupun *improvement*. Kalau kontraktor

perlu, saya rasa perlulah tukar ataupun pecat. Kalau tidak, mungkin menteri kita boleh tukar. Setuju?

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Tukar menteri itu saya tidak setuju Yang Berhormat. Akan tetapi menyediakan tempat untuk Yang Berhormat hendak menulis itu tidak ada masalah. Saya percaya. Malah saya di belakang ini pun boleh menulis walaupun Yang Berhormat Bintulu terjerit-jerit. Kongkalikunglah [*Ketawa*] Saya masih lagi boleh menulis. Hendak pula kalau Yang Berhormat Shah Alam. Saya tidak boleh menulis kalau Yang Berhormat Shah Alam bising. Itu saya tidak boleh [*Ketawa*]

Kepala P.6, Butiran 04801 – Pembinaan Masjid, Surau dan Pembaikan Naik Taraf. Saya ingin merujuk kepada senarai yang telah diedarkan oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri pada ketika itu Tan Sri 'Ahmad' Yakcop, berhubung dengan pembinaan sebuah masjid di Kampung Paya Rambutan di Kuantan. Hingga ke hari ini saya masih menunggu peruntukan tersebut. Bila saya rujuk kepada Majlis Agama, Majlis Agama katakan bahawa peruntukan itu tidak ada. Ini senarai yang diedarkan kepada semua wakil-wakil rakyat khususnya daripada Barisan Nasional, projek-projek yang telah diluluskan di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi saya harap kementerian berkenaan mengambil perhatian dan kalau dapat luluskanlah projek tersebut kerana orang kampung menantikan sangat masjid di Kampung Paya Rambutan. Sekian terima kasih Tuan pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

4.36 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.5, mengenai SPA - 010500 mengenai Dasar dan Perancangan. Saya ingin bertanya kepada Menteri, sama ada SPA membuat kajian tentang pengambilan kakitangan awam terutamanya mengenai kelayakan mereka.

Sekarang ini kita ada ramai graduan diploma dan sebagainya. Biasanya kita lihat sekarang ini, ramai juga kakitangan rakyat kita yang memohon menggunakan sijil yang rendah sedangkan dia mempunyai sijil yang lebih tinggi. Mungkin kita patut rasional sedikit sekarang. Negara kita menuju ke arah negara yang maju. Pekerja kita, kakitangan kita perlu *multitasking*. Sekiranya mereka ini berkelayakan ada diploma dan sebagainya maka kebolehan mereka untuk *multitasking* ini lebih baiklah kalau dibandingkan dengan yang daripada SPM. Ini mungkin kita patut kaji.

Kedua ialah, saya ingin bertanya mengenai bekalan Kepala B.6 mengenai Unit Perancangan Ekonomi - 020000. Saya hendak bertanya tentang kemajuan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning Dua. Saya dapat maklumat daripada Menteri dan Timbalan Menteri bahawa ia telah diluluskan. Namun sehingga kini belum nampak proses pembinaan sekolah itu.

Saya juga mendapat maklumat bahawa, ini adalah sekolah menengah pertama yang akan dibina mengikut *Private-Public Initiative* atau PPI, dan syarikat yang diberikan untuk membina sekolah ini menukar- kerajaan beri tanah kepada dia dan mereka sepatutnya membina sekolah ini. Tahun depan sekolah ini dijangkakan- pada tahun 2015, ada tiga kelas *floating class*, dengan izin, dan tahun 2016 bertambah kepada lapan kelas. Jadi sekiranya projek ini tidak dimulakan segera, maka rakyat di kawasan itu mempunyai masalah. Ini adalah satu-satunya sekolah menengah di kawasan Kota Kemuning ini. Saya minta penjelasan daripada Menteri.

Juga saya ingin menyentuh 020200 mengenai Perancangan Ekonomi ini. Saya hendak bertanya kepada menteri tentang EPC ataupun elaun cacat, elaun OKU. Sekarang ini RM300- yang baru ini ditambah RM50. Cuma seperti yang telah disebut tadi oleh Yang Berhormat Sungai Siput ya, elaun yang ada sekarang ini adalah tidak mencukupi.

■1640

Hari itu semasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya bertanyakan mengenai ini. Kata Yang Berhormat Menteri bahawa permohonan daripada KPWKK telah dimajukan kepada kementerian tetapi masih belum mendapat kelulusan untuk meningkatkan EPC. Jadi kita berharap Bahagian Ekonomi, EPU mengkaji hal ini dan saya rasa mereka sudah tidak boleh hidup dengan bantuan RM350 itu.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 350000 – SPAD. Satu masalah yang agak lama iaitu tentang *parking* lori-lori, bas dan kenderaan perniagaan yang besar yang diletakkan di kawasan-kawasan perumahan sedangkan dalam pemberian lesen atau permit untuk lori dan bas-bas tersebut, mereka sepatutnya sudah ada tempat di mana mereka boleh meletakkan bas-bas ini.

Kuasa PBT hanya setakat kompaun. Apabila kita tanya berulang kali, mereka mengatakan bahawa mereka tidak ada hak untuk dengan izin mengunci, *lock the wheels*, tidak ada, tidak boleh dan hanya boleh kompaun. Apabila kita bertanya pula dengan – dahulu saya biasa bertanya dengan semasa itu sebelum SPAD ini – minta maaf, saya lupa nama jabatan itu. Bahawa sebenarnya kalau mereka melakukan kesalahan ini berulang kali, lesen atau permit untuk pengangkutan perniagaan ini boleh ditarik balik tetapi ini tidak berlaku. Penduduk di kawasan perumahan dan sebagainya mengalami masalah kerana apabila mereka parkir bas, treler yang entah beberapa buah tayar yang ada itu, maka bukan sahaja merosakkan jalan tetapi juga mengganggu kehidupan di kawasan taman perumahan. Biasanya rakyat takut hendak menegur pemandu-pemandu lori ini kerana mereka ini ada sikit sifat kesamsengan sikit, jadi tidak ada siapa yang berani menegur. Kita berharap SPAD – apa dia solusi, jalan penyelesaian jangka masa panjang untuk kenderaan berat seperti ini? Kita tidak tegas, kata hendak menarik permit tetapi tidak tarik permit.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jadi sampai bila kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh tumpang satu soalan sahaja untuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak merujuk kepada Butiran 010000 –

Urusan Parlimen. Tiap-tiap Ahli-ahli Parlimen... Ini soalan daripada Ahli-ahli Parlimen dan juga wartawan-wartawan di luar kerana setiap kali kita menerima jawapan soalan daripada Yang Berhormat Menteri, selalunya ia hanya dalam bentuk kertas sahaja tetapi tidak ada *online*. Ini kerana ini adalah tidak *environmental friendly* dan satu lagi, ini adalah selalu tercicir kalau kita tidak membuat *filing*. Jadi ini ialah kita kena maju...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Ke satu tahap...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Parlimen ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat minta penjelasan, tajuk isu itu bukan dibawa oleh Yang Berhormat yang sedang berucap ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi saya nak tumpang soalan ini demi Parlimen kita. Minta Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kota Raja beri restu. Saya minta supaya semua jawapan Parlimen ini dalam bentuk digital dan dimuatkan di *website* kita supaya Parlimen kita menjadi *First Class Parliament* seperti apa yang berlaku di Britain dan sebagainya. Kalau tidak, selalunya esok sudah lupa. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih. Minta maaf. Saya ingat tadi berkenaan dengan SPAD sebab itu saya memberikan izin sebab saya pun ada – *insya–Allah*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya ingin masuk kepada Jabatan Audit itu sendiri, Kepala B.3. Saya ingin bertanya bagaimanakah proses Jabatan Audit memilih jabatan dan institusi mana yang hendak diaudit yang dikatakan secara rawak tetapi bagaimana? Mesti ada sistem. Kemudian saya ingin bertanya kepada Jabatan Audit, adakah ada kebebasan untuk mengaudit Jabatan Perdana Menteri itu sendiri? Saya ingat kalau boleh, saya hendak mencadangkan, oleh kerana banyak sangat soalan mengenai PERMATA dan tidak ada keyakinan bahawa wang rakyat digunakan dengan sebaiknya, bilakah Jabatan Audit hendak mengaudit PERMATA yang telah ditubuhkan daripada 2007 dan kita telah berbelanja ratusan juta ringgit untuk PERMATA? Bilakah kita boleh mendapatkan Laporan Audit ini supaya kita *once and for all* dengan izin, yakni menjelaskan keadaan ini dan kita tahu ke manakah perginya.

Saya hendak menyentuh mengenai PERMATA ini. Walaupun kita mengakui kurikulumnya baik, cuma masalahnya saya tertanya-tanya, kita menghabiskan beratus juta untuk PERMATA, soalnya selepas PERMATA, di manakah anak-anak ini hendak pergi? Adakah sistem kebangsaan kita yang ada sekarang boleh ada kesinambungan di dalam apa yang telah dilakukan oleh PERMATA ataupun hanya dalam masa dua tahun mereka di PERMATA dan kemudian masuk ke sekolah, perkara ini tidak dapat diteruskan dan terbantut begitu sahaja. Jadi adakah ini bermakna kesan yang kita harapkan daripada anak-anak ini tidak dapat diteruskan oleh sistem nasional? Kalaulah program prasekolah ini dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, maka saya lihat mungkin boleh digabung atau ada sambungannya. Saya minta penjelasan.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran B.1 – Parlimen, mengenai urusan Parlimen. Ya, kita ada berasa sedikit kegembiraan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan ada kenaikan elaun. Akan tetapi apa sebenarnya yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Parlimen sebenarnya bukanlah elaun untuk diri kita tetapi adalah elaun untuk menguruskan pejabat kita dan juga untuk kita melaksanakan tanggungjawab. Kita semua ada pembantu. Baru-baru ini, saya terpaksa melepaskan seorang pembantu yang tiga tahun bersama-sama dengan saya. Tidak sampai hati. Kita hanya dapat membayar RM1,500 kepada dia dengan duit elaun yang kita dapat. KWSP dan PERKESO nya tidak ada. Jadi apakah nasib mereka ini yang bekerja dengan kita? Oleh sebab kita beri peluang kepada mereka, tiba-tiba mereka tidak ada. Saya terpaksa melepaskannya kerana saya tahu tiada masa depan dia dengan pejabat Parlimen.

Apa yang sepatutnya Parlimen lakukan ialah supaya setiap kawasan Parlimen diadakan pejabat Parlimen yang kekal. Sesiapa sahaja Ahli Parlimen yang menang, baik daripada pembangkang atau daripada kerajaan, itulah pejabatnya dan tidak perlu berubah-ubah serta kakitangannya adalah mungkin daripada kakitangan kerajaan yang berkhidmat di situ. Kalau tidak pun, kalau kita ambil daripada kakitangan kita, kebajikan mereka perlu dijaga. Di mana PERKESO nya, di mana KWSP mereka. Kita tidak mampu.

Dengan elaun yang bertambah ini, sudah tentu cukai pendapatan kita juga meningkat sedangkan kita membelanjakan elaun itu untuk menguruskan rakyat. Kadang-kadang tidak praktikal. Kita hendak membuat kerja, kita memerlukan satu pasukan dengan kita dan pasukan ini semua bekerja secara sukarela. Sekiranya apa-apa berlaku kepada mereka, dengan motosikal mereka dan dengan masa yang tidak menentu bekerja dengan Ahli Parlimen atau wakil rakyat ini, maka kita sebenarnya tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, tidak memberikan satu keadilan kepada mereka. Itulah cadangan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu.

4.48 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Saya mahu menyentuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 10 minit, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, kurang daripada itu. Butiran 010000, Butiran 020000, Butiran 160000 dan Butiran 430000. Saya hendak sekali gus.

Tuan Pengerusi, mengenai penyelenggaraan bangunan kerajaan. Saya mahu menyentuh isu ini kerana negara kita memang macam-macam bangunan yang dibuat, bangunan yang canggih pun kita ada tetapi di sini saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sedar atau tidak bahawa penyelenggaraan bangunan cukup lemah? Kita boleh nampak di mana-mana bangunan, dalam kapal terbang ataupun bangunan kerajaan, kita boleh nampak. Tak

payah jauh sangat kita pergi, kita tengok tandas sahaja. Kalau tidak banjir di sini, sana tandas *block*, di sini buka paip tidak ada air keluar dan macam-macam. Kita boleh membina berbagai-bagai bangunan yang canggih tetapi bilakah kita ada satu dasar ataupun order keluar daripada Jabatan Perdana Menteri mengarahkan semua kementerian melihat atas penyelenggaraan?

■1650

Kalau kita tidak lihat penyelenggaraan, walaupun kita punya *building* begitu canggih, akhir sekali *will become very run down*, dengan izin.

Kita mestilah ambil perkara ini serius. Terutama sekali, macam sekolah-sekolah pun sama juga, tiada penyelenggaraan. Sampai kita bangunan sana sini sudah runtuh, kita baru mahu ambil perhatian apa rumah mahu dibina. Itulah saya tanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Bila kita baru ada fasa ini ataupun *order* akan keluar atau tidak.

Jadi Tuan Pengerusi, mengenai *maritime*. Saya mahu sentuh *maritime* punya isu. Kita memanglah sekarang *coastal guard* semua menjalankan tugas dari *maritime*, contoh macam Bintulu. Bot memang ada, itu bot saya rasakan kalau bagi Tuan Pengerusi guna, tidak guna juga. Itu bot kalau *start* enjin, sepuluh kali *start* mungkin dua kali sahaja jalan, lain-lain tidak jalan. *Method* penyelenggaraan itu enjin... [Disampuk] Penyelenggaraan demi penyelenggaraan. Itu bot sudah 30, 40 tahun, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Arau, saya berharaplah ini perkara ambil serius.

Bintulu begitu banyak harta daripada Persekutuan, LNG, APMM semua. Kita sampai hari ini, saya nampak ini perkara tidak ambil serius. Tidak ambil berat. Kalau sudah bot-bot 30, 40 tahun kita bagi jualkan. Ganti bot baru, gantilah *well equipped* punya bot untuk kita kakitangan daripada *maritime*. Jangan sampai sudah apa-apa berlaku, barulah kita kelam kabut. Sini turun lagi lagi RM50 juta, sana turun hampir RM100 juta untuk menyelesaikan. Itu sudah terlewat. Kemungkinan itu masa rakyat sudah banyak marah sama kita.

Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, bilalah ini bot-bot di Jabatan *Maritime* ini boleh naik taraf, boleh diganti? Saya harap Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Arau itu, jawab sebaik-baiknya. Jadi Tuan Pengerusi- mahu masuk juga? Okey, sila.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Dua minggu yang lalu saya ada bawa— Yang Berhormat Bintulu dengar dulu. Dua minggu yang lalu saya ada bawa pegawai-pegawai daripada APMM, bawa saya punya bot, saya sudah bagi mereka taklimat dan bawa lebih kurang enam jam masuk ke tempat-tempat penyeludupan. Penyeludupan ini penyeludupan mungkin ini *intruders* pun masuk. Jadi, saya sudah bagi tahu, kita terima kasih mereka berusaha untuk membanteras ini semua. Akan tetapi masalah ia di sini, mereka tidak ada aset. Penceroboh punya bot boleh naik sampai darat tetapi kita punya APMM dan marin, mereka ini pakai bot besar tidak boleh kejar pun. Jadi, bukan salah mereka, salah kerajaan. Suruh orang kerja *overtime*kah, apakah tetapi tidak ada kemudahan. Macam juga polis, Yang Berhormat Bintulu ada kata pagi, mana boleh pakai Proton Saga untuk *round* kawasan— Wira dan lain-lain. Bagilah *4WD*. Itu setujukah Yang Berhormat Bintulu?

Seorang Ahli: Setuju.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Baguslah ini Yang Berhormat Kalabakan, ambil perhatian atas tentang membantu ini APMM. Memang saya setuju apa Yang Berhormat Kalabakan beritahu ini. Yang Berhormat Seputeh, memang tidak boleh pakai punya. Yang Berhormat Seputeh, semua syok sendiri sahaja, kongkalikung. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh, ini apa kena mengena dengan bot-bot yang kamu sebut itu ya?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya lah, lupalah Yang Berhormat Seputeh tidak pakai botlah. Tuan Pengerusi, mengenai isu ini, maritim APMM ini, Yang Berhormat Kalabakan tadi sentuh itu. Kita selalu Kerajaan Persekutuan ataupun mana-mana kerajaan mestilah mahu ambil prihatin atas kemudahan. Kalau kita minta pegawai jalankan tugas, kemudahan yang lebih canggih punya mesti diberi. Janganlah kita beri macam polis kita pakai Waja tetapi itu *crime* itu, dia guna BMW, dia guna Mercedes. Macam mana itu Waja boleh kejar sama ini Mercedes atau BMW? Kitalah— jangan dengar macam Yang Berhormat Seputeh, '*pum pang pum pang*', cakap buang rakyat punya wang.

Bukan buang rakyat punya wang. Kalau rakyat punya nyawa terbang, esok pagi di Parlimen dia hentam sama kita. Inilah kita mahu tengok. Macam tadi saya tengok, ada kawan kata kita mesti kuat tetapi Pulau Pinang ini kali pun defisit juga RM230 juta tetapi dia orang tidak bising. Inilah jadi satu masalah. Ini Yang Berhormat Seputeh macam mahu gaduh, mahu makan oranglah. Dia ada Menteri Besar, dia bukan Ketua Menteri. Ketua Menteri pakai 'S' Class. Kalau kita pakai 'S' Class, '*ho*' satu dunia mesti terbalik punya.

Inilah Tuan Pengerusi, ini mengenai TalentCorp ini. Saya hendak tanya ini Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab. Berapa ramai ini pakar-pakar ataupun kita punya *specialist*kah ataupun konsultan profesional balik dari luar negeri? Isu ini saya mahu sentuh, contoh macam itu hari saya berbahas mengenai isu doktor-doktor ini. Berapa ramai balik? Akan tetapi masalah akhir sekali, berapa orang tinggal dalam berkhidmat di negara kita? Kenapa akhir sekali dia orang lari semua? Akan tetapi kita- TalentCorp ini sepatut kita mestilah mula sampai akhir. Akan tetapi kita mula tidak sampai akhir. *[Disampuk]* Mahu masuk juga? Sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soal TalentCorp ini kita telah mendengar apabila ia ditubuhkan pada 1 Januari 2011. Jadi, pada ketika itu Yang Berhormat Bintulu, kita telah pun membuat satu pendedahan yang mana kita menarik balik minat pakar-pakar kita daripada luar negara yang terunggul, yang ternama di Amerika, Kanada dan Australia supaya balik kepada negara kita untuk berkhidmat. Supaya negara kita ini mempunyai kepakaran-kepakaran yang setanding dengan dunia. Jadi, apakah Yang Berhormat Menteri ini kalau boleh tumpang sikit, keberkesannya? Berapa jumlah sudah yang balik? Berapa jumlah juga pakar-pakar kita yang ada di sini meninggalkan perkhidmatan pekerjaan, terutama sekali di hospital-hospital kerajaan, berapa ramai?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya memang setuju apa Yang Berhormat Putatan bahaskan. Saya memang setuju, saya ambil dia

punya ini minta laluan punya. Kita masuklah sebahagian saya punya perbincangan. Minta Yang Berhormat Menteri tolong jawabkan. Tadi mengenai isu— Yang Berhormat Parit Sulong pun mahu masuk kah?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya lah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: 'Haiya'. Masuklah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, terima kasih Tuan Pengerusi. Selain daripada *bring back expert* daripada luar, dengan izin. Baru-baru ini dalam Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada mengatakan bahawa ada Program *Women Career Comeback* ini akan diwujudkan dan diletakkan di bawah TalentCorp.

Jadinya, pada pendapat Yang Berhormat Bintulu, macam mana kita kena pastikan juga benda ini berjaya. Nanti tidak mahu juga kita buat satu program, selepas itu tidak ada siapa akan *joint* kita. Jadinya ia punya KPI tidak tercapai. Jadi, Yang Berhormat Bintulu cuba komen, masukkan sekali dalam jawapan supaya dijawab.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya lah. Terima kasihlah Yang Berhormat Parit Sulong. Ini dia mahu masuk, kasilah masuk sekali. Wanita mesti kita jaga, masuklah sekali saya punya ucapan. Nanti minta Yang Berhormat Menteri berkenaan tolong jawab.

■1700

Jadi ini masalahnya, kita ada orang yang balik, saya juga tidak tahu betul atau tidak betul, rakyat yang memberitahu ada yang balik cukup begitu susah masuk perkhidmatan ini. Contohnya, doktor-doktor yang balik berkhidmat dalam hospital. Apabila dia balik, MNC lagi, macam-macam cerita. Ini adalah satu masalah yang kita mesti lihat. [Disampuk] Memang dia tidak menarik, dia cuma tarik Yang Berhormat Parit Sulong sahaja. [Ketawa] Jadi, kita mestilah mengambil serius perkara ini kalau tidak akhir sekali, TalentCorp akan jadi *failure* lagi. Rakyat kita begitu ramai, pakar-pakar di luar negara.

Adalah beberapa negeri, kita mesti mahu akhir sekali macam Yang Berhormat Putatan kata, akhir sekali kita tengok, nanti pembangkang balun sama kita. Saya harap kita mengambil serius perkara ini. Sila ambil perhatian dan serius. Janganlah nanti di hujung-hujung, pembangkang bila dalam pilihan raya ia jadikan satu lagi isu *twist and turn*. Dia memang pandai, macam Yang Berhormat Seputeh, memang pandai *twist* satu dunia. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan.

5.01 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan berbahas di bawah B.6 Butiran 046000 dan P.6 Butiran 08800 mengenai ESSCOM dan keselamatan Pantai Timur Sabah. Menurut ucapan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebanyak peruntukan RM660 juta telah diperuntukkan kepada ESSCOM, jauh lebih dari peruntukan tahun 2014, baru RM75 juta untuk menambahbaikkan keselamatan Pantai Timur Sabah. Itu saya memang bersetuju dan mengalu-alukan.

Walau bagaimanapun, jikalau kita lihat peruntukan pada tahun 2014 yang telah diberi kepada ESSCOM adalah RM75 juta. Manakala pihak ESSCOM telah menjelaskan ia hanya mendapat RM7 juta ataupun 10% sahaja. Bagaimana ini boleh berlaku? Saya ingin tahu dalam bajet RM660 juta ini, berapa akan diberi kepada ESSCOM dan saya minta pecahan itu dengan terperinci. Sebagai contoh, berapa akan diagihkan kepada pihak polis dan berapa akan diagihkan kepada pihak tentera? Saya ingin merayu kepada kerajaan, haruslah menyalurkan peruntukkan itu kepada ESSCOM dengan serta-merta.

Di sini saya ingin membangkitkan isu berkaitan dengan dua mangsa yang telah diculik pada Jun dan Julai yang lalu. Dua rakyat Malaysia iaitu Chan Sai Chiun dan Polis Marin Konstabel, Zakia Aliep kini masih dalam tangan pihak pengganas. Chan Sai Chiun merupakan pemilik pusat ternakan ikan dan berasal dari Ipoh Barat telah diculik di Kampung Air, Kunak, Sabah pada 16 Jun. Kumpulan diculik telah menghubungi isteri mangsa itu Chin Pek Nyen untuk meminta wang tebusan sebanyak RM3 juta. Manakala Polis Marin Zakia Aliep yang sedang bertugas telah diculik oleh sekumpulan lelaki yang bersenjata pada 12 Julai di Pulau Mabul Sabah. Penculik juga menuntut wang tebusan sebanyak RM3 juta. Anggota keselamatan yang sedang bertugas untuk menjaga keselamatan kita tetapi kena diculik. Saya fikir ini satu maruah yang tidak sihat kepada kita.

Walau bagaimanapun, isteri mangsa dan keluarga itu telah merayu kepada kerajaan supaya membuat apa juga keupayaan untuk menyelamatkan suaminya. Beliau berkata jika wang tebusan tidak dibayar pada akhir bukan ini, maka kepala mangsa akan dipenggal seperti buatan ISIS. Saya berpendapat bahawa kerajaan harus bertanggungjawab untuk menyelamatkan kedua-dua orang mangsa penculikan berkenaan. Kumpulan penculik itu sama seperti kumpulan ISIS yang memenggal kepala mangsa mereka.

Adakah kerajaan ingin melihat kedua-dua mangsa dipenggal kepala? Saya ingin mendapat tahu, apakah langkah kerajaan untuk menyelamatkan kedua-dua mangsa itu? Rakyat kita diculik di tanah air kita telah menunjukkan kegagalan kerajaan yang tidak mampu melindungi keselamatan rakyat. Kini penculikan itu berlaku ertinya adalah tanggungjawab kerajaan untuk menyelamatkan mereka.

Saya juga harap agar dengan peruntukkan yang begitu besar, diperuntukkan kepada ESSCOM pada tahun 2015 dan seperti yang Menteri sebut, keselamatan rakyat Sabah yang lebih selamat dari Kuala Lumpur. Saya harap perkara ini boleh diselesaikan secepat mungkin. Saya harap juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini boleh mengambil perhatian. Ini satu perkara yang serius. Kita tidak mahu nampak mangsa-mangsa itu dipenggal kepala dan dihantar ke keluarganya.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh P.6 Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak di mana RM160 juta telah diperuntukkan untuk projek kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pertama sekali, berapa peruntukan tersebut telah diberi kepada projek kemiskinan Sabah? Saya juga ingin tahu adakah kementerian memberi perhatian yang lebih banyak kepada Sabah kerana Sabah masih dikenali sebagai negeri yang paling

miskin di Malaysia menurut Laporan Bank Dunia. Saya ingin tahu dengan peruntukan yang begitu besar, apakah perancangan yang akan dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan khususnya di negeri Sabah? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

5.07 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja, saya terus kepada membahaskan B.1...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan ini akan dihentikan lebih kurang jam 6.00 petang, sebelum Menteri akan mula menjawab.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya. B.1 sehingga B.40. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sebanyak RM19 bilion kepada Jabatan Perdana Menteri bagi Bajet 2015 iaitu satu peningkatan sebanyak 15% kalau kita bandingkan dengan Bajet 2014. Kalau kita lihat 2014 ianya ada peningkatan 13% daripada Bajet 2014. Tuan Pengerusi, kita dapat lihat di sini bahawa bajet pada kali ini adalah *people centric* tetapi ia tidak akan berlaku kalau kerajaan tidak mendapatkan satu pulangan yang terbaik terutama daripada *capital economy*.

Apa yang saya hendak sebut di sini, kita berharap dan mencadangkan supaya pihak ICU yang memantau semua sekali projek pelaksanaan supaya penekanan diberikan kepada perancangan yang cukup rapi. Kita berharap semoga pegawai-pegawai yang telah diberikan amanah supaya hendaklah membuat pemantauan dan turun ke bawah. Janganlah hendaknya kita hanya membuat perancangan sebagai *armchair manager* sahaja dengan izin.

Keduanya, kalau boleh apa juga perancangan untuk apa juga pelaksanaan ia mesti dibuat dengan teliti terutamanya tentang *costing*. Kerana kita mahu kalau boleh selain daripada kita hendakkan *good governance* dengan izin, kita mahu projek ini tidak *over pricing* dan ia bukan di bawah siling kerana kita mahu kalau boleh projek ini janganlah hendaknya *low quality project*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada MAS. Kita mahu melihat kalau boleh pihak kerajaan dapat memberikan perancangan dan juga penerangan kepada kita tentang ura-ura dan perancangan pelaburan untuk menyelamatkan syarikat MAS. Janganlah hendaknya kita sentiasa dituduh seolah-olah kerajaan *bailout* bahkan MAS adalah sebuah syarikat yang berdaya saing. Kita yakin dengan kebolehan Khazanah terutamanya apabila dengan pengalaman menyelamatkan Syarikat UEM dan pada ketika ini syarikat ini telah pun berdaya saing dan berdaya maju.

■1710

Seterusnya, kita mahu kalau boleh pihak kerajaan dapat memberikan penerangan yang cukup jelas tentang bagaimanakah wang RM6 bilion ini akan dibelanjakan dan setakat manakah

KPI yang telah diletakkan kepada Khazanah supaya kita mahu duit ini benar-benar menepati apa juga harapan rakyat bagi menyelamatkan sebuah syarikat penerbangan milik kerajaan.

Seterusnya saya pergi kepada perkara yang terus dan seterusnya iaitu pada 7 November yang lalu. Tuan Pengerusi saya bukan bercadang untuk mempersoalkan tentang apa dia keputusan mahkamah. Akan tetapi sebagai rakyat biasa dan sebagai orang Islam saya rasa cukup sedih sekali. Ini kerana Mahkamah Rayuan yang telah membuat satu penghakiman iaitu dengan izin *landmark judgments* iaitu panel ketiga hakim berkenaan telah memutuskan bahawa seksyen 66, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 adalah tidak sah dan terbatal. Ini kerana ia bercanggah dengan perkara 4,5,8,9 dan 10 Perlembagaan Persekutuan. Lalu ketiga-tiga lelaki Muslim saya tidak payah sebutkan namanya, berjaya mendapatkan perintah untuk menghalang daripada didakwa di Mahkamah Syariah.

Keputusan ini sebenarnya Tuan Pengerusi menimbulkan dua isu utama iaitu antara agama dan juga tuntutan undang-undang. Dari segi agama Islam Tuan Pengerusi, terdapat hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang mana Rasulullah SAW telah bersabda, *“Allah melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan juga wanita yang memakai pakaian lelaki.”* Sebagai orang Islam tentulah mereka berpendapat bahawa hadis tersebut adalah merupakan nas dan landasan kepada kesalahan takzir yang diperundangan dalam seksyen 66, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Jika kita patuhi keputusan daripada Mahkamah Rayuan tersebut maka terlepaslah orang Islam daripada dilaknat Allah SWT jika melanggar sabda Baginda Rasulullah SAW itu. Bolehkah ketiga-tiga hakim berkenaan menjaminnya?

Pertamanya dari sudut perundangan, perlembagaan pula beberapa persoalan akan berbangkit. Pertamanya apakah keputusan ini bermakna perlembagaan mengatasi hukum syarak? Keduanya, apakah enakmen yang akan dibuat secara sah daripada segi perlembagaan iaitu berlandaskan senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa bidang kuasa perundangan negeri meliputi antara lain perwujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu. Bolehkah diatasi oleh Mahkamah Sivil yang berpandukan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi Perkara 5, 8, 9 dan 10, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks yang lebih luas, adakah semua prosiding di Mahkamah Syariah Negeri boleh dipersoal oleh Mahkamah Sivil melalui semakan kehakiman? Tidakkah Perkara 121(1A) menyatakan dengan jelas bahawa Mahkamah Tinggi tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Jasin, boleh sedikit sahaja?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sebelum Yang Berhormat Sepang mencelah Yang Berhormat, 36(8) hati-hati dengan itu kerana nasihat hakim hanya boleh ditegur dalam Dewan ini melalui satu usul Yang Berhormat ya. Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya rasa Yang Berhormat Jasin membangkitkan isu yang terbaru

ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Jasin, saya rasa seksyen 66 yang kita bincangkan itu dia jelas menyatakan bahawa seorang lelaki yang normallah, dalam konteks lelaki yang normal tidak ada masalah untuk seksyen itu dipakai. Akan tetapi sekarang ini kita berhadapan dengan satu isu di mana telah dibuktikan melalui perubahan dalam kes itu bahawa lelaki ini ada mengidap yang dipanggil DID inilah iaitu masalah *disorder* ini yang menyebabkan adakah seksyen 66 itu wajar terpakai kepada mereka. Jadi saya telah pun menulis satu artikel mungkin nanti saya akan beri kepada Yang Berhormat Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat saya sudah sebutkan tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap saya hendak nyatakan bahawa dalam isu ini saya rasa perlu ada satu bukan mereka yang seperti ini dikenakan lebih kepada hukuman ataupun dibicarakan di mahkamah. Lebih baik kita memikirkan satu kaedah cara bagaimana hendak selesaikan masalah ini melalui rawatankah, melalui— sebab kalau kita buat dalam bentuk hukuman ini mereka merasa mereka dianggap dizalimi. Jadi saya merasakan, saya bersetuju seksyen 66 itu tidak bercanggah dengan perlembagaan cuma tindakan pihak penguasa undang-undang itu boleh dicabar. Adakah selari...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akur dengan teguran Tuan Pengerusi seharusnya perkara ini tidak kita bincang panjanglah. Ini kerana saya bukan berniat untuk mempersoalkan tentang keputusan daripada mahkamah tetapi apa yang saya berharap semoga perkara ini dapat kita pulangkan kepada pihak-pihak yang berwajib, tertentu yang akan buat rayuan kepada keputusan Mahkamah Rayuan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi saya mohon maaf.

Seterusnya saya pergi kepada rizab Tanah Melayu. Isu kedua yang saya hendak ketengahkan ialah mengenai perkara ini kerana kita dapat lihat bahawa mengikut daripada Perlembagaan Persekutuan iaitu amanah Raja-raja yang telah memperuntukkan 50% daripada tanah-tanah dalam Persekutuan Tanah Melayu tidak termasuk gunung-ganang, sungai-sungai adalah diperuntukkan rizab kepada orang-orang Melayu dan juga bumiputera.

Apa yang terjadi pada ketika ini ianya hanya tinggal sebanyak 12% sahaja. Daripada 32,000 hektar ini, kita dapat lihat hanyalah 20% milik orang-orang bumiputera. Saya berharap semoga pihak kerajaan dapat memberikan nasihat kepada pihak kerajaan-kerajaan negeri supaya dapat menjaga keputusan ataupun perkara yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia supaya perkara ini dapat benar-benar kita dipatuhi. Lebih memeranjatkan lagi luas 32 juta ekar itu keseluruhannya seperti saya sebut tadi janganlah hendaknya tanah kita, tanah dipijak kini milik orang.

Seterusnya saya pergi kepada rasuah. Tuan Pengerusi...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Pengerusi mencelah.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Jasin setuju dengan saya supaya Jabatan Perdana Menteri menjawab surat saya berhubung tanah rizab Melayu ini kepada Menteri Besar Perak. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak mempersoalkan kuasa-kuasa kerajaan negeri tetapi kita mahu kalau boleh Kerajaan Pusat memberikan nasihat. Ini kerana tanah dan juga air adalah kuasa dan juga *jurisdiction* daripada kerajaan negeri.

Saya terus kepada perkara tersebutnya iaitu perkara rasuah. Isu ketiga pula yang saya hendak sebut di sini bagaimanapun saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak SPRM di atas tindakan agresif mereka dalam membanteras rasuah baru-baru ini. Saya harap tindakan ini akan diperhebat dan diperluaskan lagi bukan sahaja daripada pihak agensi-agensi kerajaan bahkan juga ianya meliputi sektor-sektor awam dan juga sektor-sektor swasta.

Tindakan agresif ini diperlukan bagi memperbaiki kedudukan kita di mata rakyat dan juga di peringkat antarabangsa. Jadi berdasarkan daripada CPI 2013 sektor awam Malaysia nombor 53 berada di kedudukan satu pertiga teratas yang terbaik di dunia yang sebanyak 177 tadi. Kita berada di kedudukan ketiga di belakang Singapura di nombor lima, Brunei di nombor 38. Akan tetapi walaupun kedudukan kita nombor 53 tetapi kita berjaya meninggalkan negara China nombor 80, India nombor 94 dan Indonesia nombor 114 jauh di belakang kita. Kedudukan kita ini berbanding tahun 2012 kita nombor 54 maknanya kita berjaya menurunkan lagi kehebatan pihak SPRM.

■1720

Jadi, berdasarkan kepada satu kajian, kenaikan satu mata ini sebenarnya kita boleh menarik tambahan FDI dan juga GNI kita adalah hampir RM1 trilion. Ini bermakna kenaikan satu mata yang telah kita buat ini boleh menarik pelaburan FDI kira-kira sebanyak RM5 bilion. Jadi, kita berharap supaya pihak kerajaan akan terus memperkukuhkan lagi tindakan-tindakan kita bagi memastikan supaya keadaan negara kita sentiasa dipandang tinggi dan juga kepercayaan daripada pihak-pihak pelaburan. Data FDI kita menunjukkan kenaikan sebanyak RM7 bilion pada tahun 2013 yang telah mencatatkan sebanyak RM40 bilion berbanding dengan tahun 2012 sebanyak RM33 bilion. Peningkatan tersebut adalah hasil daripada pelbagai rangkaian usaha seperti MBE, ETP, NKEA, GTP dan juga NKRA yang meliputi usaha membanteras rasuah.

Tuan Pengerusi, saya akur daripada arahan Tuan Pengerusi kerana untuk menjimatkan masa, saya mengucapkan terima kasih dan menyokong.

5.21 ptg.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Pengerusi, mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin menjuruskan kepada B.4 – Suruhanjaya Pilihan Raya, Butiran 040500 – Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya, yang memperuntukkan sebanyak RM5 juta. Hanya satu ini saya ingin bercakap iaitu isu spesifik berkenaan dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya. Dengan hujah yang

dikemukakan, hujah pertama. SPR tidak konsisten menjalankan tugasnya dalam hal-hal persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Tidak konsisten di sini bermakna, gagal memainkan peranan dengan sempurna kerana bercanggah dengan syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan sendiri oleh SPR dan isu penting ini iaitu persempadanan semula kawasan pilihan raya. Justeru, tugas dan peranan SPR dalam hal persempadanan semula di bawah kuasa yang diperuntukkan kepada SPR di bawah perkara 113, Perlembagaan Persekutuan perlu dikaji semula peranannya dan diwujudkan satu mekanisme alternatif ataupun badan alternatif bagi menguruskan hal-hal persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Saya ingin membuktikan ketidakkonsistenan ini dalam hujah saya Tuan Pengerusi. Semenjak kita merdeka pada tahun 1958 hingga ke sekarang ini, telah berlaku sebanyak enam kali kawasan persempadanan semula iaitu tahun 1958, 1966, 1974, 1983, 1999 dan akhir sekali 2003. Asas utama yang digunakan untuk persempadanan semula yang diguna pakai oleh SPR ialah:

- (i) *rationality* jumlah pemilih;
- (ii) topografi ataupun keluasan setiap kawasan pilihan raya;
- (iii) *accessibility* ataupun sesuatu perhubungan antara wakil rakyat dan pengundi.

Asas utama atau penting yang diguna pakai tadi, saya akan katakan ia tidak konsisten kerana asas penting yang diguna pakai SPR ialah purata bilangan pengundi. Ini bermakna ataupun maksudnya ialah jika purata negeri adalah lebih tinggi daripada purata nasional, maka negeri tersebut layak ataupun sepatutnya menerima kerusi tambahan. Jadi, itu yang diguna pakai oleh SPR. Contoh yang tidak konsisten ini saya ingin tunjukkan iaitu dalam persempadanan semula dalam tahun 1994. Contohnya, Selangor dan Wilayah Persekutuan pada masa itu, penambahan kerusi tidak seiring dengan penambahan kerusi ataupun purata negeri. Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan juga Melaka tidak diberikan persempadanan kerusi walaupun purata negeri melebihi purata nasional. Itu ialah pada tahun 1994 Tuan Pengerusi.

Purata nasional yang diguna pakai pada masa itu ialah 47,000 pengundi tetapi purata negeri adalah tidak sampai di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi ataupun melebihi, minta maaf, melebihi daripada purata nasional yang disebutkan oleh- yang dicatatkan oleh SPR. Contoh macam di Selangor, macam saya sebut tadi Selangor dan Wilayah Persekutuan, sepatutnya kalau diambil contoh purata negeri dan purata nasional ini, bagi negeri tersebut patut mendapat tiga kerusi tetapi tidak diberikan. Begitu juga satu contoh lagi dalam tahun 2003, itu contoh yang kedua.

Lagi kita gunakan purata nasional dengan purata negeri. Purata nasional pada masa itu ialah 50,200 undi dan ada negeri-negeri yang sepatutnya mendapat kerusi lebihan ataupun tambahan tetapi tidak mendapat. Sebaliknya negeri yang tidak ada ataupun tidak melebihi purata nasional tetapi diberi penambahan. Contohnya, macam di Perak umpamanya. Saya mungkin tidak ada masa untuk *go detail* yang ini. Kalau saya boleh baca sedikit di sini Tuan Pengerusi.

Kalau gunakan kaedah itu, negeri Kedah tidak ditambahkan kerusi pada masa itu, kita tambahkan kerusi sebab alasan SPR ialah Kedah telah pun diberi kerusi di awal persempadanan semula yang lebih awal. Jadi, Perak walaupun mempunyai purata negeri yang lebih rendah tetapi diberikan juga kerusi tambahan kerana menurut SPR, pertimbangan harus diberikan kepada kawasan luar bandar iaitu Parlimen Lenggong.

Jadi, asas yang sama juga diberikan untuk negeri Pahang dengan dua kerusi Parlimen luar bandar dibentuk dan kedua-dua kerusi tersebut ialah di Cameron Highlands dan juga Bera. Begitu juga di Johor, SPR memberi enam kerusi baru dan ini menyebabkan purata negerinya jauh lebih bawah daripada purata peringkat nasional iaitu 50,200. Padahal purata di negeri Johor jatuh kepada 47,095 pengundi. Itu di antara contoh-contoh tidak konsisten dalam asas ataupun *rationality* yang diguna pakai oleh SPR.

Di peringkat keduanya Tuan Pengerusi, kalau kita ambil satu lagi contoh ialah dengan mengguna pakai *Gerrymandering* ataupun ubah undi ataupun belah bahagi kawasan. Contoh yang kita dapat ambil di sini ialah contoh macam di Pekan umpamanya. Dalam tahun 1999, Yang Berhormat Pekan pada masa itu dapat undi dalam 241 undi sahaja. Akan tetapi apabila tahun 2003, selepas itu apabila persempadanan semula dilakukan, bila dipindahkan pengundi daripada kem tentera daripada Kuantan ke Pekan, maka Yang Berhormat Pekan dapat memenangi kerusi dengan lebih selesa lagi selepas itu. Itu contoh satu di Pekan.

Begitu juga di tempat-tempat yang lain di Pulau Pinang umpamanya, di Batu Lanchang, satu kawasan lagi. Apabila dua daerah mengundi ataupun daerah mengundi, susunan data pilihan raya negeri kita ini disusun daripada *locality*, daerah mengundi, daerah mengundi ke negeri, negeri ke Parlimen. Maka, tidak perlu ubah kawasan pilihan raya tetapi diubah pengundi daripada daerah-daerah mengundi tertentu masuk kepada kawasan-kawasan tertentu di mana kawasan-kawasan yang dijangka yang BN akan kalah beberapa undi itu, maka dipindah masuk ke kawasan pembangkang atau Pakatan Rakyat. Itu di antara...

■1730

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Mana boleh!

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Ya, ada berlaku. Contoh, kalau kita kaji betul data-data pilihan raya itu, Tuan Pengerusi...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ada juga kawasan PR menang.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Betul, betul ada kawasan PR menang. Kalau sekiranya itu tidak dilakukan, maka kemenangan PR akan lebih lagi. Di Kedah umpamanya, di kawasan Alor Setar, kawasan Derga. DUN Derga dipindahkan keseluruhannya ke kawasan Alor Setar. Dari Alor Setar ke Pokok Sena, ha itu contohnya. Kemudian DUN Gurun, satu lagi contoh dia. DUN Gurun dipindahkan keseluruhannya dari Parlimen Merbok ke Parlimen Jerai umpamanya. Itu dan Batu Lanchang lagi saya dah sebutkan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kedudukan yang demikian, maka saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga rakan-rakan tadi yang mengatakan yang peranan SPR khususnya dalam kerja persempadanan semula ini dikaji semula dan kita biarkan yang SPR

menjalankan hal-hal pentadbiran pilihan raya ataupun urusan pilihan raya. SPR mendaftar pengundi tetapi hal-hal tentang persempadanan semula ini diberikan kepada satu badan yang lebih bebas untuk mengendalikan dan ini selari dengan hasrat Perlembagaan Negara dan juga proses pendemokrasian dalam negara kita ini. Itu saranan saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh, Yang Berhormat Nibong Tebal?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia dah habis dah. Dia nak duduk dah itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit, sedikit. Boleh lagi ini. Minta sedikit ya. Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal. Yang Berhormat Nibong Tebal, saya nak tanya Yang Berhormat Nibong Tebal, Yang Berhormat Nibong Tebal setuju tak dengan saya bahawa perlu juga dimansuhkan satu seksyen di dalam Akta Pilihanraya itu mengenai tak boleh *dichallenge* daftar pemilih ini, yang mana seksyen ini diwujudkan selepas kes Likas apabila tak dapat selesaikan pengundi hantu, maka dia masukkan hantu itu dalam daftar pemilih dan hantu itu tak dibenarkan diusik. Hantu-hantu tak dibenarkan diusik, hantu-hantu ini dibela...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Pembangkang pun buat kerja itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Dibela oleh Barisan Nasional dengan dibagi makan semua menyebabkan tak boleh *challenge* di mahkamah. Setuju tak bahawa seksyen itu patut dimansuhkan balik? Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya harap dapat dimasukkan dalam perbahasan saya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang itu.

Jadi Tuan Pengerusi, itulah sahaja berkenaan dengan ini tetapi saya khusus tentang persempadanan semula ya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bukan tak bagi wanita tetapi saya nak bagi Yang Berhormat Lipis.

5.33 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya turut serta berbahas dalam Butiran 040500 – Pengurusan Bencana Negara.

Pertamanya saya ingin menyentuh dalam Pengurusan Bencana Negara ini adalah melibatkan berita yang tergepar baru-baru ini iaitu banjir kilat di Cameron Highlands di mana banjir yang melibatkan lumpur. Ini mungkin berpunca daripada tangan-tangan, jari jemari daripada manusia itu sendiri yang tidak memikirkan soal orang lain, maka berlaku bencana tersebut.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri yang turut serta juga daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk menangani

masalah yang timbul tersebut. Maka berlakulah tertubuhnya Jawatankuasa Pengurusan Banjir Kilat di Cameron Highlands yang melibatkan beberapa perbincangan termasuklah peruntukan sebanyak RM29 juta yang diturunkan oleh Kerajaan Pusat kepada pengurusan tersebut.

Persoalannya, adakah peruntukan itu di bawah jawatankuasa yang ditubuhkan ataupun diserahkan kepada kementerian-kementerian lain yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah tersebut? Akan tetapi dalam soal ini, dengan peruntukan yang saya kira besar daripada pengurusan untuk bencana tersebut, maka langkah-langkah tertentu perlu diambil dengan serius. Mungkin boleh pihak Menteri menjawab bilakah perkara ini boleh diselesaikan? Sama ada dalam masa tiga bulan atau enam bulan? Kalau daripada segi pandangan saya, mestilah selesaikan seberapa segera tidak melebihi tiga bulan hendaklah diselesaikan perkara ini. Ini menyebabkan banyak langkah tertentu yang perlu diambil.

Sebentar tadi saya mengatakan rakaman juga ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang walaupun saya tengok banyak dalam surat khabar yang menghentam Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tetapi ini bencana. Kita kena faham keadaan bencana, apakah sebabnya berlaku sedemikian rupa. Ini adalah tangan-tangan daripada manusia yang menyebabkan air cetek.

Saya ingin menyentuh juga daripada segi saluran air tersebut dari Cameron Highlands yang mengalir sehingga ke Lipis, mengalir sehingga ke Jerantut yang menyebabkan operasi air bersih di Lipis dan di Jerantut terpaksa dihentikan kerana klorin tidak dapat mengatasi air banjir tanah lumpur tersebut. Ini menyebabkan beberapa perkara. Kita puji apakah tindakan yang dilakukan, perkara-perkara banyak yang disebabkan oleh tangan-tangan tersebut. Penerokaan secara haram. Mungkin kerajaan negeri meluluskan beberapa hektar umpamanya tetapi pengusaha-pengusaha mungkin mengambil lebih daripada sedemikian rupa. Maka inilah peranan penguat kuasa yang harus memainkan peranan yang sangat penting menghadapi bencana seperti ini.

Saya percaya, kalau penguatkuasaan dilakukan sepanjang masa, mustahil sebuah *bulldozer*, mustahil sebuah jentolak melaksanakan tugas-tugas penerokaan haram. Tak mungkin para petugas penguatkuasaan ini tidak nampak *bulldozer* sedemikian rupa besarnya.

Perkara ini yang saya katakan tadi, tidak mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar seorang sahaja yang dapat memerhatikan perkara ini. Oleh sebab itu saya rakamkan ucapan tahniah walaupun pergeseran antara beliau dengan surat khabar beberapa hari ini berlaku tetapi niat beliau mungkin sangat bersih dan suci untuk memastikan perkara ini dapat dijalankan dengan lancar.

Kita tahu Cameron Highlands ini merupakan satu pusat pelancongan, satu kawasan rekreasi, satu kawasan yang menjadi sumber hasil yang cukup baik daripada segi penanaman sayur, penanaman bunga-bunga, sudah pastilah juga rebutan di antara mereka ini menyebabkan perkara-perkara ini tidak dapat dikawal. Sepanjang jalan hidro Sultan Abu Bakar sepanjang 20 kilometer melibatkan 112 tanah runtuh dan kereta tidak dibenarkan melalui waktu malam. Ini perkara yang harus diambil tindakan segera yang membolehkan kenderaan melalui

waktu malam, sebab itu salah satu juga pusat perniagaan yang amat penting sekali yang perlu kita laksanakan.

Jadi seharusnya tindakan yang saya katakan dengan peruntukan walaupun kita nampak RM29 juta ini besar tetapi kemungkinan tidak mencukupi tetapi ini harus diselesaikan dalam jangka masa yang segera.

Kita tidak menyalahkan juga kepada mana-mana pihak kerana mungkin ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab umpamanya seperti kontraktor yang mungkin membuat jalan-jalan asas, menimbus tanah yang tidak membuang akarnya menyebabkan tanah runtuh. Kalau kita melihat daripada segi gambar yang diambil oleh pihak Utusan Malaysia yang selalu pembangkang kata surat khabar UMNO, ini tidak sebenarnya, dia mengambil perkara yang benar. Kita melihat air yang cukup cetek sekali yang menimbulkan tanah-tanah yang mungkin turun daripada hakisan-hakisan penanaman sayur ini sendiri.

Jadi saya berharap supaya dengan usaha yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tahniah sekali lagi, maka perkara ini saya mengharapkan tidak akan berlaku lagi di masa akan datang yang mana pada yang terbaru ini menyebabkan lima kematian, 80 buah rumah rosak, 100 kenderaan rosak dan perkara-perkara yang disarankan, perkara-perkara yang dilihat hari ini seharusnya diberi perhatian yang serius.

Saya bersetuju, saya bersetuju semoga SPRM juga menjalankan tugas untuk memastikan perkara-perkara ini siapakah dalang. Kita tidak kira siapa sebenarnya dalang. Sama ada daripada kalangan ahli politik yang dinyatakan oleh surat khabar, kita teruskan usaha untuk memastikan perkara ini dapat diselesaikan dalam jangka masa yang kita nyatakan tadi.

■1740

Jadi Tuan Pengerusi, saya mengharapkan perkara ini dapat diselesaikan seberapa segera dari segi pendarat tanpa izinnya. Kalau kita melihat, seramai 30,000 kalau mengikut laporan. Mungkin tidak rasmi tetapi perkara ini kalau melihat laporan daripada TV pada malam semalam, hanya baru 181 orang sahaja ditangkap daripada 30,000. Adakah benar angka itu? 30,000 itu bersamaan 181? Jangan "*Harapkan pegar, pegar juga makan padi*". Kita hendak supaya pagar ini menjaga padi, supaya padi ini boleh mengeluarkan hasil yang baik. Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Kita mahu supaya penguatkuasaan berterusan yang melibatkan kalau mengikut laporan surat khabar, 390 lebih daripada Imigresen melaksanakan tugas. Daripada 390 lebih, hanya 181. Adakah angka ini benar?

Ini melibatkan semua agensi. Kita hendak semua agensi turun padang supaya dapat diselesaikan masalah Cameron Highlands ini, masalah tempat yang cukup baik, destinasi yang cukup indah. Saya beri laluan Yang Berhormat Sekijang. Pendek sahaja, setengah saat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lipis. Kita baca surat khabar semalam, SPRM ada senaraikan 12 kaedah terbaik yang dikatakan dapat membantu walaupun tidak sepenuhnya, untuk mengatasi masalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis tadi.

Saya kira antara satu yang disebut di dalam 12 cadangan itu ialah untuk memastikan siapa sahaja yang terlibat dalam perkara-perkara yang melibatkan kejadian banjir besar ini berlaku, sudah dua kali, sudah dua tahun berturut-turut, akan dikenakan tindakan tanpa mengira statusnya bagaimana. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Lipis. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya bersetuju dengan 12 perkara itu. Langkah mesti diambil tetapi adakah langkah SPRM ini yang meletakkan garis panduan sebanyak 12 garis panduan ini dilaksanakan dengan sebenar-benarnya. Kalau dari segi hal tanahnya, kita ada Pejabat Tanah Daerah. Tidak kira daerah mana. Yang berlaku ini Daerah Cameron Highlands. Kita ada penguatkuasaan sebab itu saya katakan tadi kenapa *bulldozer*, *excavator*, *tractor* dan jentera-jentera berat ini masuk menerokai tanah-tanah haram ini, tidak nampak. Sebab itu saya selalu kata, adakah kita pakai cermin mata hitam? Tidak nampak *bulldozer* itu masuk.

Inilah sebenarnya garis panduan yang harus dilakukan untuk mengelakkan daripada bencana yang berlaku yang mungkin mangsanya ialah orang yang tidak terlibat dengan perusahaan-perusahaan seperti ini. Jadi, terima kasih sebenarnya kepada Yang Berhormat Datuk Seri Pengerusi membenarkan sedikit saya memberi pandangan perbahasan supaya pihak menteri dapat menjawab dengan sehabis baik dalam hal ini. Ini kerana kita tidak mahu lagi dalam masa hujan tahun depan, ada lagi tanah runtuh di Cameron Highlands.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat, sudah habis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat ini. Hendak buat macam mana ini, tanah itu sudah habis diteroka secara haram. Hendak buat lagu mana ini? Takkan hendak *pi* tanam pokok balik kah lagu mana atau pun satu kos yang besarlah hendak kena perbaiki balik keadaan yang telah kritikal, sangat-sangat kritikal ini, sudah rosak dah. Jadi, macam mana penyelesaian dia sebab kalau kita tengok dari segi penguatkuasaan apa semua, cukup lemah. Tahun depan berulang pula. Jadi, macam mana hendak selesaikan masalah? Sudah dua *guai* dah, orang Kedah panggil, dua *guai* dah. Habis pokok, apa semua sudah habis dah. Hendak buat lagu mana?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih. Yang Berhormat Temerloh, orang Pahang saya bagi lah.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya lihat selain daripada pihak penguat kuasa yang dilihat tidak mengambil tindakan serius tetapi kita juga dapat maklumat dan saya tengok dalam akhbar pun ada melaporkan bagaimana pihak kerajaan telah meluluskan ribuan ekar tanah untuk projek balak dan seumpamanya kepada pihak-pihak tertentu. Jadi, jangan hanya dilihat kepada pihak penguat kuasa tempatan dan juga badan-badan tertentu tetapi kerajaan negeri juga dilihat perlu saya kira disiasat lebih mendalam, kenapa memberi kelulusan yang sedemikian sehingga akhirnya berlaku tragedi yang seperti ini. Setujukah Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Temerloh yang sudi juga baca Utusan Malaysia, kerana dia kata laporan daripada Utusan Malaysia. Terima kasih Temerloh, sahabat karib.

Sebenarnya saya sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat Pokok Sena, kalau kita melihat daripada laluan daripada Gua Musang sehinggalah ke Cameron Highlands iaitu melalui loji. Laluan utama saya satu ketika dahulu. Maknanya, loji ini termasuk Cameron Highlands membekalkan air tanah kepada kami yang di bawah ini sebenarnya. Maknanya, kalau kita hendak mengatasi perkara ini, mestilah penguatkuasaan atau pun yang dikatakan oleh pihak Temerloh tadi, kelulusan-kelulusan ini seharusnya kerajaan negeri menapis semula kelulusan-kelulusan ini dan satu rangka yang amat besar untuk kita memperbaiki seluruh Cameron Highlands atau pun loji-loji yang dikuasai oleh negeri Kelantan itu sendiri.

Bukan sekadar di Cameron Highlands sahaja. Di Lojing pun sama keadaan kegondolannya. Itu laluan utama saya daripada Gua Musang sehinggalah naik ke Cameron Highlands saya menggunakan jalan Lojing. Saya melihat perkara ini berlaku yang sangat ketara sekali di antara sempadan dua negeri ini yang mana saya ingat kita tidak boleh lagi berhenti di sungai-sungai. Suatu ketika sebelum penerokaan ini, saya pernah lalu dengan keadaan yang sangat cantik sekali. Air sungai yang boleh digunakan untuk mandi terus tetapi sekarang tidak boleh lagi. Jadi, seharusnya kita mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya memastikan supaya Cameron Highlands ini seperti seolah-olah dilihat kembali seperti tahun 1980-an. Kalau tahun 70-an sudah pasti tidak dapat.

Saya tahu tahun 70-an kita boleh beli minyak dengan secara potong, bukan lagi secara timbang kerana sejujnya minyak tersebut boleh beku. Akan tetapi sekarang tidak boleh lagi. Kita boleh pakai t-shirt waktu malam. Kalau dahulu tidak boleh, kita pakai jaket. Ini yang sangat kita sayang supaya satu langkah mungkin kita boleh laksanakan berbagai perkara yang melibatkan penanaman jauh daripada sungai umpamanya. Kita banyak lagi sebenarnya kawasan antara boleh turun ke Jelai umpamanya. Ada kawasan lagi. Kenapa sekarang ini langkahnya mesti mengambil satu langkah yang drastik supaya satu usaha meneliti semula kebanyakannya kawasan-kawasan di Cameron Highlands ini kawasan pajakan sementara.

Maka, pajakan sementara kita hendak lihat akan datang ini berapakah banyak pajakan sementara ini. Bukan hendak tarik semua, kita ini satu perusahaan tetapi kita kaji sejauh mana sebenarnya langkah-langkah supaya mengelakkan daripada banjir lumpur ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sebenarnya ada beberapa lagi tetapi saya berhentikan, hendak beri kepada rakan-rakan yang lain untuk berbahas juga. Terima kasih, mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat Bukit Gantang. Selepas itu Yang Berhormat Silam. Kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai minta maaf, tidak sempat. Mungkin Kementerian Kewangan akan beri keutamaan nanti. Terima kasih ya. Yang Berhormat Bukit Gantang.

5.48 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak bicara berkenaan dengan B.6, 060000 iaitu – Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH). Jadi, persoalannya ialah berkenaan dengan bagaimana prosedur tanah-tanah kerajaan yang kedudukannya tempat strategik tetapi telah dibangunkan dengan bangunan komersial. Apakah SOP atau pun syarat-syarat, terma-terma yang diberikan oleh pihak kerajaan supaya tanah kerajaan ini didirikan bangunan komersial.

Contohnya, bangunan Tesco di Taiping. Dahulu merupakan Istana Larut, kemudian menjadi pula Pejabat Agama Daerah Taiping. Sekarang ini sudah pun didirikan bangunan Tesco di tanah yang dahulunya tanah kerajaan. Begitu juga sepanjang jalan Muzium. Dahulu merupakan kuarters kerajaan, dekat dengan Sekolah King Edward Taiping. Dahulu merupakan kuarters kerajaan untuk pegawai-pegawai kerajaan. Sekarang, sudah dibangunkan dengan pusat atau pun bangunan kondominium. Persoalan saya, apakah SOP yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk membolehkan tanah tersebut didirikan bangunan komersial. Sedangkan kita kena ingat, esok satu ketika nanti pejabat kerajaan perlu diperbesarkan. Tiba-tiba tanah tidak ada.

■1750

Adakah pusat pentadbiran akan berpindah di atas Bukit Larut ataupun gunung-ganang yang jauh daripada Bandar Taiping? B.6 iaitu Butiran 060300 iaitu Pengurusan Kuarters. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan Kompleks Institusi Pendidikan Simpang dekat Taiping. Bangunan itu telah disiapkan hampir dekat 10 tahun, tiba-tiba bangunan itu tidak digunakan. Saya pun ada gambar ini hendak tunjukkan kalau Menteri tidak turun, ada gambar dekat sini. Saya tangkap gambar.

Seorang Ahli: Boleh *WhatsApp*... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Ada gambar saya, saya cakap ini betul punya bukan cubaan punya. Ada rumah guru lebih kurang 50 unit, ada surau juga ada dewan serba guna. Tiba-tiba bangunan itu tidak digunakan. Saya pergi pula baru-baru ini, kita tengok habis kelengkapan dalam itu termasuk perabot-perabot diambil oleh pencuri-pencuri dan termasuk juga *wiring* yang terdapat di dalam bangunan tersebut.

Kemudian yang ketiga B.7, Butiran 040000 iaitu Pengurusan Sumber Manusia. Hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan macam mana penilaian berkenaan kenaikan kakitangan kerajaan sedangkan kalau kita lihat dari segi mutu kerjanya itu kita tengok amat mendukacitakan. Contohnya ialah berkenaan dengan macam mana kita boleh bayangkan satu surat yang dikeluarkan oleh pejabat tanah, pejabat daerah yang memakan masa hampir setahun kepada peneroka tanah yang terdapat di Sungai Tinggi iaitu di Kampung Sungai Batu di Sungai Tinggi, hampir setahun.

Persoalan saya macam mana DO yang *efficient* kerja sedemikian rupa tiba-tiba boleh dinaikkan menjadi Datuk Bandaraya Ipoh. Persoalan saya, saya hendak tanyakan macam

manakah prosedur kenaikan pangkat kalau macam ini punya *performance*, dengan izin, kerja yang dilakukan tiba-tiba boleh berlaku kenaikan pangkat dengan mendadak. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis sudah. Yang Berhormat Silam.

5.52 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan dalam Jawatankuasa ini. Saya akan menyentuh satu perkara sahaja iaitu B.6 Butiran 460000 berhubung dengan ESSCOM ataupun *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Seperti yang kita tahu ESSCOM telah diberi peruntukan berjumlah RM660 juta. Kalau kita tengok dengan angka ini ia cukup besar tetapi apabila kita semak apabila butiran-butiran lain yang telah dimasukkan di bawah peruntukan ini seperti kos pengurusan, *sea-basing*, radar yang canggih dan juga pembesaran Lapangan Terbang Lahad Datu maka jumlah ini sebenarnya tidak mencukupi. Sebenarnya ia kecil sahaja.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara ini dengan memberi sedikit cadangan-cadangan berhubung perkara yang telah dicadangkan di dalam perkara ini. Satu perkara ialah penculikan. Penculikan telah berlaku dengan kerap dalam beberapa tahun ini dari tahun 2000 hinggalah tahun 2014, ada sembilan penculikan dan yang akhir sekali yang dilaporkan ialah yang disebut oleh Yang Berhormat Sandakan tadi seorang polis yang telah terkorban pada bulan Julai 2014 dan seorang lagi sedang diculik sekarang dan masih lagi belum dibebaskan.

Jadi, saya difahamkan daripada surat khabar bahawa penculik-penculik telah minta RM3 juta sebagai wang tebusan. Kalau kita mengharapkan mangsa penculikan ini dan keluarganya untuk mengumpul duit RM3 juta saya rasa dia tidak mampu sampai bila-bila masa. Seperti yang saya tahu dia hanya polis yang berpangkat rendah sahaja. Jadi saya mencadangkan dan merayulah kepada pihak kerajaan supaya mengusahakan RM3 juta ini walaupun saya tahu kerajaan mempunyai pendirian bahawa kerajaan tidak mahu membayar pampasan ataupun membayar wang tebusan ini sebab ia akan menggalakkan lagi penculik-penculik ini untuk menculik kerana ini adalah antara mata pencarian mereka.

Akan tetapi saya rasa kita mesti bersikap adil kepada polis ini dan juga keluarganya, saya merayu kepada kerajaan supaya usahakanlah, usahakanlah untuk mendapatkan duit RM3 juta ini dan bayarlah supaya dia boleh dilepaskan, dibebaskan daripada penculikan ini. Saya juga ingin mencadangkan juga berkenaan dengan *sea-basing* ini. *Sea-basing* ini adalah satu cadangan yang baik sekali sebabnya kita tahu masalah pendatang haram yang mendarat di sepanjang Pantai Timur Sabah ini sebab sempadan kita senang dibolosi. Mereka senang lalu.

Jadi maknanya *the front line* itu ataupun barisan hadapan yang dijaga oleh *Navy* itu perlu diperkuasakan. Oleh sebab ada *sea-basing* ini di mana pangkalan berada di tengah-tengah laut

di sempadan maka saya rasa ia membantu untuk mengurangkan pendaratan-endaratan pendatang haram di Pantai Timur Sabah khasnya di kawasan saya, Silam.

Seperkara yang saya juga ingin tekankan ialah satu perkara di Lahad Datu ini adalah satu kawasan yang digemari oleh pendatang haram untuk mendarat tetapi di Lahad Datu tidak ada CIQ. CIQ ini adalah tempat pendatang-pendatang ini datang secara sah untuk masuk ke kawasan Lahad Datu. Jadi apa yang berlaku tidak ada tempat yang sah, mereka akan mendarat di merata tempat mendarat, jadi ini adalah tidak baik. Saya terlibat dalam memutuskan, mencadangkan di mana CIQ ini diletakkan. Kami bercadang dengan jabatan-jabatan yang lain untuk diletakkan di pekan Lahad Datu, di pelabuhan lama yang sudah tidak dipakai, jadi itu akan dinaiktarafkan untuk menjadi satu CIQ.

Jadi kalau itu dapat dilaksanakan tetapi sekarang ini belum lagi ada pergerakan walaupun sudah ada keputusan sudah dibuat di mana diletakkan, peruntukan pun sudah ada tetapi belum ada lagi diambil tindakan. Saya merayu kepada Menteri berkenaan supaya dipercepatkan pembinaannya supaya tidak ada lagi alasan kepada pendatang-pendatang haram untuk mendarat di tempat-tempat lain sebab adanya tempat mendarat yang sah di Lahad Datu.

Seterusnya saya juga mahu menyentuh tentang Ops Gasak. Ops Gasak ini juga di bawah ESSCOM. Dia sebenarnya telah lama menjalankan tugas untuk menangkap pendatang-pendatang haram di Pantai Timur khasnya tetapi saya lihat pendatang-pendatang haram yang ditangkap ini apabila ditangkap dan dihantar ke negara asal mereka, tidak lama kemudian mereka balik juga ke Sabah. Orang yang sama dengan identiti yang berlainan. Jadi, saya minta...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia ada IC kah? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tidak dia tidak ada IC, dia pendatang haram. Jadi, saya minta kepada kerajaan untuk ketatkan lagi supaya – kita berbelanja banyak, Ops Gasak ini berjuta-juta ringgit digunakan untuk menangkap tetapi dia tidak menghasilkan apa-apa sebab apabila dihantar ke negara asal dia balik ke negeri Sabah dengan identiti yang lain.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Silam...

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Jadi saya minta kerajaan... Okey silakan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Silam. Satu perkara yang harus kita pandang dengan serius cadangan, Yang Berbahagia Tan Sri Harris cadangan supaya lapangan tentera udara di Labuan itu dipindahkan ke Tawau supaya mencegah keborosan pendatang ke sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nanti Labuan bantah itu Yang Berhormat. Labuan bantah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak ini cadangan daripada Tan Sri Harris. Jadi, kita harus tengok kepada keberkesanan menjaga... ESSCOM ini dan juga soal *airport* Lahad Datu itu, tidak ada nampak peruntukan yang boleh melaksanakan pembesaran

airport kerana kita terpaksa memindahkan 5,000 rumah haram di Kampung Batu Satu Setengah di Kampung Durian, di Kampung **Tekwan** itu. Dia ada 5,000 rumah itu kalau dipanjangkan itu bagaimana, adakah peruntukan yang khas untuk pemindahan rumah-rumah di sana?

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan. Itu satu cadangan yang baik, pandangan yang baik. Sebenarnya Lahad Datu telah dicadangkan dan saya akan sentuh itu kemudian sebab ada lagi perkara yang belum habis berhubung dengan Ops Gasak.

■1800

Ops Gasak ini sebenarnya saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menggunakan sepenuhnya sistem biometrik supaya sesiapa sahaja yang ditangkap gunakan biometrik dan kerajaan mesti juga buat pangkalan data untuk biometrik ini supaya boleh digunakan oleh semua agensi yang berhubung dengan pendatang-pendatang haram ini. Seperkara lagi yang saya ingin cadangkan juga ialah supaya hukuman diberatkan tentang mereka. Sekarang ini pendatang haram ini ditangkap, dipenjara dan juga disebut tetapi saya rasa perlu diberatkan hukuman ini supaya mereka akan takut dan tidak menggalakkan mereka untuk datang balik.

Akhirnya Tuan Pengerusi berhubung juga dengan ESSCOM ini ialah Lapangan Terbang Lahad Datu. Lapangan Terbang Lahad Datu telah dimasukkan sebenarnya kepada Yang Berhormat Putatan ada peruntukan RM50 juta. Ada peruntukan RM50 telah diberi oleh kerajaan untuk memanjangkan Lapangan Terbang Lahad Datu. Sekarang ini Lapangan Terbang Lahad Datu hanya boleh menampung pesawat-pesawat ATR yang sekarang ini digunakan oleh MASWings dan juga oleh FireFly.

Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya apabila projek ini dilaksanakan mestilah dibawa berbincang Kementerian Pengangkutan supaya boleh memberi input yang lebih baik sebab lapangan terbang ini sekarang ini adalah dipunyai oleh MAB. Jadi kalau boleh Kementerian Pengangkutan terlibat dan peruntukan ini memang tidak cukup. RM50 juta tidak mencukupi sebab dia memberi kos, dia juga perlu memberi pampasan kepada mereka, penduduk-penduduk kampung yang tinggal di hujung lapangan terbang itu.

Jadi ini perlu diberi pampasan tapi orang-orang yang tinggal di hujung padang ini mendapat keizinan daripada MAHB sebelum mereka tinggal di sana. Tanah itu ialah tanah kepunyaan MAHB dan mereka telah meminta izin dan izin diberi oleh MAHB atas syarat bahawa apabila MAHB perlukan tanah untuk digunakan maka mereka mesti sukarela berpindah daripada tanah itu. Ini ialah syarat, ada perjanjian, ada tertulis. Jadi kita tahu itu.

Jadi ini Tuan Pengerusi saya harap apabila dilaksanakan dengan cepat projek untuk memanjangkan Lapangan Terbang Lahad Datu ini saya harap Kementerian Pengangkutan dilibatkan secara langsung dan saya harap juga projek ini dapat dibuat dengan secepat mungkin. Saya tahu pada dasarnya RM50 juta ini diperuntukkan untuk kegunaan TUDM. Jadi saya berbalik kepada Yang Berhormat Putatan. Saya rasa tidak perlu dialihkan *base* TUDM di Labuan itu di Tawau sebabnya dia ada keperluan di Labuan sebabnya di kawasan Laut China Selatan itu juga ada pergolakan. Jadi saya rasa memang ada kebaikannya ia di Labuan tetapi Lapangan

Terbang Lahad Datu itu dibesarkan. Dipanjangkan supaya ia menjadi *front base* ataupun *forward base* kepada TUDM di Labuan.

Tuan Pengerusi [Datuk' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Silam.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Satu lagi perkara, sikit sahaja Tuan Pengerusi. Akhir sekali ialah saya juga mengharapkan supaya apabila lapangan terbang ini dibina untuk kegunaan TUDM ia juga dibina untuk pesawat-pesawat besar seperti Boeing 737 mendarat di lapangan terbang ini supaya ia boleh digunakan oleh pesawat-pesawat swasta supaya AirAsia boleh turun, Malindo Air boleh turun dan rakyat Lahad Datu boleh menikmati tambang-tambang murah yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan ini. Seperkara akhir Tuan Pengerusi ialah...

Tuan Pengerusi [Datuk' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua, tiga kali akhir ini. [Ketawa]

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Saya juga minta supaya kerajaan memikirkan untuk memasang alat-alat pendaratan waktu malam supaya pesawat-pesawat boleh menggunakan lapangan terbang ini waktu malam. Sekian Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Arau di Jabatan Perdana Menteri. Sila.

6.05 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, Datuk Seri Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum dapat Seri lagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oh, *coming soon*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi minta Yang Berhormat tolong cadangkanlah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Insyaa-Allah, no problem.* [Ketawa] Tuan Pengerusi, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2015 peringkat jawatankuasa untuk Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap tadi yang menyentuh beberapa perkara berhubung kait dengan Jabatan Perdana Menteri di bawah portfolio yang Arau jaga ialah Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Sandakan, Yang

Berhormat Jasin, Yang Berhormat Nibong Tebal, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Bukit Gantang dan juga Yang Berhormat Silam.

Majlis Keselamatan Negara. Yang Berhormat telah menimbulkan beberapa perkara berhubung dengan bantuan. Sekali lagi saya ingin maklumkan bahawa tugas utama MKN ialah *coordinate* bantuan terutamanya dari segi logistik supaya perpindahan dapat dijalankan dengan baik dan setelah mereka berpindah mereka akan diuruskan dengan baik di pusat perpindahan dan selepas itu mereka pulang bila keadaan pulih. Yang Berhormat mencadangkan supaya bayaran dibuat semasa di pusat perpindahan.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam peringkat dasar bahawa kita bersetuju, MKN bersetuju, kerajaan bersetuju supaya kita bayar sebelum mereka pulang ke tempat masing-masing. Malah dalam kes Cameron Highlands ini saya telah minta supaya ia diberi sedikit – bukan pampasan, sedikit wang yang mana MKN boleh bagi iaitu kita ada tahap ataupun peruntukan yang dikhususkan untuk MKN terlibat. Yang lain-lain itu ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mungkin bagi orang Islam Baitulmal, bagi orang-orang yang beragama lain mungkin daripada yayasan tertentu. Akan tetapi MKN akan bagi wang secara terus kepada mereka yang kadarnya pada dasarnya ialah RM500 tetapi ada keadaan di mana kita naikkan dan ada keadaan di mana kita kurangkan. Jadi saya telah minta supaya ia dibayar sebelum mereka berpindah balik.

Sekali lagi Tuan Pengerusi, perkara besar ialah kita hendak pastikan ialah supaya nama itu bersih. Dibersihkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan disahkan oleh pegawai daerah. Kita bayar terus. MKN di peringkat negeri cuma bawa kepada MKN pusat dan kita akan bayar serta-merta dalam masa 24 jam ataupun selewat-lewatnya dua hari ataupun lebih tetapi macam kes Cameron Highlands ini kita boleh bayar dengan cepat sebab tidak ramai yang terlibat. Itu sebab kita minta supaya jawatankuasa peringkat daerah menyediakan nama serta-merta kepada kita.

Kita dapat maklumat bahawa terdapat 25 keluarga yang berpindah tapi baru-baru ini saya pergi mereka kata 28 pula. Jadi tidak ada masalah. Ini ialah angka yang tidak ada masalah untuk kita selesaikan dengan serta-merta. Kalau kita dapat nama dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang disahkan oleh pejabat daerah ataupun pejabat daerah yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana semua pengurusan tempat perpindahan dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Paya Besar saya rasa Yang Berhormat sahabat baik saya terutamanya kita sering berjumpa pada waktu makan tengah hari, boleh memikirkan bahawa kita bersetuju Yang Berhormat. Cuma kita hendak pastikan kalau Yang Berhormat terlibat dalam mana-mana kawasan bencana nanti pastikan nama itu sampai cepat dan saya akan pastikan di peringkat MKN di sini, kita boleh bayar dengan cepat.

Berhubung dengan penerokaan tanah runtuh dan juga penerokaan haram di Cameron Highlands.

■1810

Saya juga setuju dengan Yang Berhormat Lipis, kita ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat TPM, MB, Ketua UMNO Bahagian dan juga Ahli Parlimen yang telah memberi perhatian yang khusus mengenai perkara ini.

Kita tidak menyalahkan mana-mana pihak dan kita juga tidak mengatakan mana-mana pihak tidak bersalah. Semua bertanggungjawab sedikit. Malah, orang yang meneroka tanah, lepas itu mengambil pekerja ini dan selepas itu pekerja ini tertimbus, dia juga harus bertanggungjawab. Kalau perlu, tindakan undang-undang mesti dilibatkan dengan mereka ini sebab mereka teroka secara haram, kemudian di kawasan bukit, cerun yang mana kita sudah ada peraturan untuk membuat bangunan dan juga untuk aktiviti pertanian tapi mereka buat juga dan ada keadaan-keadaan di mana bila kita tahan, mereka mencabar balik dengan pergi korek lagi banyak ataupun mereka teroka lagi banyak. Jadi berlaku keadaan di mana peneroka haram ini yang mereka bukan saja meneroka untuk diri mereka tetapi juga untuk disewakan kepada pendatang asing terutamanya Bangladesh.

Saya tengah menyemak semua maklumat yang telah diberikan oleh orang ramai. Semalam saya pun buka *posting* saya dalam *Facebook* cuma hendak dapat maklumat sebab saya pun pengikut tidak berapa ramai, dalam 50,000 begitu saja. Jadi mereka telah bagi maklumat dan bagi nombor *passport* seorang pendatang asing yang mempunyai sepuluh kebun di sana dan sedang mengiklankan untuk menyewa lebih banyak kebun di sana dengan bayaran yang cukup tinggi. Benda ini berlaku dan berlakulah simpang siur sebagaimana yang telah disebutkan.

Semua benda yang berlaku ini menyebabkan kita telah ambil tindakan dan Jawatankuasa Bencana khas di peringkat federal kita telah tubuhkan yang dipengerusikan oleh Kabinet telah bersetuju untuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempengeruskannya. Mesyuarat telah diadakan pada kelmarin dan kita telah memutuskan banyak perkara termasuk Yang Amat Berhormat minta supaya saya mengetuai usaha untuk menolong kerajaan negeri membanteras penerokaan haram dan juga membanteras warga asing yang juga bermaharajalela di sana. Warga asing di antaranya yang kita tahu angka yang tepat ialah dari Rohingnya yang berjumlah 4,500 orang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian warga asing lain kita tidak dapat jumlah yang tepat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri.

Saya melihat dalam jawapan sebentar tadi masih lagi meletakkan fokusnya ialah kepada soal peneroka haram dan juga mungkin kontraktor-kontraktor, mereka yang berada di tapak di kawasan itu. Akan tetapi saya melihat isunya bukan berhenti di situ, sebab kalau setakat berlaku penerokaan haram tanpa ada dalangnya sebagaimana yang difokuskan oleh semua pihak pada

hari ini, tertanya-tanya siapa sebenarnya yang memberi kelulusan, yang melepaskan berlakunya penerokaan itu dan bagaimana tapak itu tidak dikawal, jadi selama mana kita tidak beri fokus kepada pihak atasan atau pihak berwajib, maka selama itu dia tidak dapat diselesaikan. Macam mana pendatang asing itu boleh bebas masuk, peneroka haram berlaku? Itu yang saya rasa pihak kementerian perlu memberikan fokus.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, apabila berlaku bencana ini, kita dapat melihat bahawa lebih banyak lagi perkara-perkara yang kita harus bagi perhatian. Malah, kalau Yang Berhormat tanya saya, kita akan bermesyuarat pula pada hari Rabu ini untuk mengambil tindakan serta-merta dan segera. Walau bagaimanapun, agensi-agensi lain telah pun masuk untuk memulakan tindakan.

Sebagaimana biasa, ini sifat manusia. Kerajaan Pahang bagi kelulusan dua hektar. TOL, dia bukan bagi geran, dia bagi TOL tetapi mereka akan memperluaskan. Akan tetapi, makin lama makin menyeronokkan kerana pendapatan daripada sayur cukup tinggi. Malah mereka bagi tahu pada saya, mereka boleh jadi jutawan dalam masa dua tahun. Jadi kita tahulah keghairahan ini telah menyebabkan mereka buka tambah. Selepas itu mereka bukan saja buka tambah tetapi mereka buka pula di kawasan-kawasan baru yang mana keadaan tersebut cukup bahaya. Kerajaan Pahang tidak memberi kelulusan kepada kawasan baru tapi mereka buka.

Jadi kalau Yang Berhormat tanya siapakah dalang dan sebagainya, mesyuarat nanti kita akan perincikan perkara-perkara yang telah disebutkan oleh banyak pihak. Sekarang ini saya hendak jawab secara khusus. Saya tidak mampu untuk berbuat demikian dan kalau saya ada dalang pun saya tidak boleh cerita di Parlimen ini sebab ini nanti dalang itu lari, susah. Kita akan ambil tindakan kepada semua pihak yang terlibat tanpa pilih kasih yang menyebabkan tanah runtuh dan juga penerokaan haram.

Malah, secara tidak rasmi, Kerajaan Kelantan melalui Exconya yang sekarang jadi Ahli Parlimen pernah menyebutkan kepada saya bahawa Kerajaan Negeri Kelantan sendiri tidak mampu untuk mengatasi masalah Lojing. Kalau Yang Berhormat tanya saya berdasarkan pengalaman saya berada di dua-dua kawasan ini, Lojing walaupun kawasan baru tetapi keadaannya lebih teruk daripada Cameron Highlands dan dia juga menunggu masa untuk malapetaka tanah runtuh ini boleh berlaku. Sebab apa, di sana lagi teruk, penerokaan halal dan haram dibuat dengan cara berleluasa. Sampai kubur Orang Asli pun mereka korek untuk ditanam sayur, itu sebagai contoh. Itu sebablah Yang Berhormat, Orang Asli di Kelantan itu sukar untuk menyokong Kerajaan PAS kerana kubur mereka yang telah tercemar oleh peneroka halal dan juga haram.

Akan tetapi, pemberian tanah yang begitu luas kepada dua, tiga orang tauke adalah tidak wajar seperti yang berlaku di Lojing. Akan tetapi di Cameron Highlands tidak berlaku demikian rupa. Tanah kecil tetapi mereka membuka secara haram kawasan-kawasan baru. *Insyaa-Allah*, Yang Berhormat, selepas hari Rabu ini kita akan mendengar laporan tentang apa yang berlaku.

Sekarang ini Yang Berhormat Lipis menyebutkan bahawa buldozer yang besar, takkan orang tidak nampak dan sebagainya. Yang Berhormat, semua orang nampak dan buldozer ini

bergerak, malah tuan punya buldozer ini sudah pasti bila kerjanya habis, dia hendak teruskan kerja, maka dia buka tempat baru dan saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa tanah runtuh ini bukan runtuh di tempat sayur. Ini di jalan raya ya. Daripada mini hidro iaitu lebih kurang separuh perjalanan ke Tapah, jarak lebih kurang 27 kilometer.

Semasa saya datang berjalan kaki separuh, separuh lagi naik kenderaan, saya bilang secara rambang ialah 106 runtuhan tapi bila saya balik ke tempat mini hidro tadi, kita bilang dia tambah lagi enam. Dalam jangka masa tiga jam itu, enam lagi runtuhan berlaku dan sebab itu pegawai polis tidak membenarkan laluan itu digunakan sehingga pembersihan dibuat. Akan tetapi bila pembersihan ini dibuat pun, kenderaan boleh lalu tetapi kita tidak tahu apa yang berlaku di atas sana kerana tanah itu boleh runtuh lagi pada bila-bila masa.

Ini bukan kawasan baru, ini kawasan jalan raya yang telah dibina begitu lama dari Tapah ke Simpang Pulai ke Cameron Highlands. *Hat* ini pun sudah mula runtuh kerana bila pembesaran dibuat, kita tidak bagi perhatian kepada pokok-pokok yang ada. Kita hanya tolak tanah, tapi kita lupa bila kita tolak tanah, kita telah memotong akar bagi setengah pokok dan pokok tersebut hanya berdiri dengan separuh akar dan menunggu masa untuk jatuh. Sebab itu kita lihat tanah runtuh sepanjang jalan tersebut iaitu satu angka yang cukup besar. Malah, semasa kenderaan kami berhenti semasa *traffic jam* berlaku di situ, tanah runtuh di hadapan mata. Sebagai contoh ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Walau bagaimanapun, bencana ini membuktikan bahawa....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Kita akan bagi perhatian serius. Malah, dengan izin Allah, kita tahu bahawa kalau bencana ini tidak berlaku, mungkin kita tidak nampak benda yang besar sedang berlaku di sana dan sekarang ini semua pihak akan bagi perhatian untuk usaha-usaha kita banteras penerokaan haram dan juga kehadiran orang-orang asing yang begitu ramai.

Yang Berhormat Pokok Sena...

■1820

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa tidak boleh bertolak ansur dalam hal berkaitan dengan penerokaan haram ini dan perlu dibanteras sebaiknya yang perlu dilakukan oleh pihak berkuasa. Itu boleh dilakukan kalau ada komitmen dan saya percaya bahawa setelah kejadian yang kedua berulang pada tahun ini, sudah tentu ada komitmen yang tinggi.

Persoalan saya sekarang ini ialah bagaimana untuk kita hendak pulihkan kawasan tersebut supaya perkara yang berlaku pada tahun yang lalu dan juga yang berlaku pada tahun ini

tidak akan berulang? Ini kerana bagi saya bahawa kalau sekadar membanteras penerokaan haram, saya bersetuju, tetapi keadaan itu tidak dibaiki, maka sudah tentu bahawa apa yang berlaku pada tahun ini akan berulang lagi pada tahun yang akan datang. Jadi macam mana kaedah teknologi untuk memastikan pemulihan kawasan tersebut untuk mengelak daripada apa yang telah pun berlaku pada tahun lalu dan juga tahun ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya ada sedikit pengalaman dalam perkara ini. Oleh kerana asalnya kawasan ini adalah kawasan hutan, kita kena hutankan semula. Kerajaan Pahang ada pengalaman yang luas tentang perkara ini di mana kawasan balak yang diberi *concession*, mereka hendaklah tanam balik pokok balak sebagai contoh. Jadi dengan cara tersebut, hutan ini dapat dipulihkan balik.

Jadi demikian juga kawasan tanaman sayur ini, Jabatan Hutan Malaysia akan dilibatkan termasuk Jabatan Hutan Pahang untuk memastikan bahawa apabila kita ambil tindakan untuk menolong Kerajaan Negeri Pahang supaya tidak membenarkan lagi kawasan baru dibuka, malah Kerajaan Pahang beritahu bahawa TOL ini telah dihentikan sepuluh tahun yang lalu. Jadi kawasan yang berlebihan daripada apa yang telah dibenarkan, kita akan hutankan semula. Ini kerana asal kawasan ini ialah hutan, kenalah dihutankan semula dan saya ingat tidak ada masalah untuk menghutankan semula kawasan ini kerana Jabatan Hutan mempunyai benih yang mencukupi untuk menghutankan semula kawasan Cameron Highlands.

Penerokaan secara keseluruhannya di Cameron Highlands ini, penerokaan haram itu tidak sampai 10,000 hektar. Jadinya, kita mampu untuk memulihkan semula kawasan tersebut. Kalau kita tidak pulihkan, maka mereka akan teroka semula dan sudah pasti cadangan kepada kawan-kawan supaya tindakan yang lebih keras diambil kepada mereka ini. Kerajaan negeri mempunyai hak untuk membuat peruntukan undang-undang tambahan.

Seperti contohnya di Thailand, kalau sekiranya kita tebang pokok dalam kawasan hutan, saya tidak pasti berapa pokok tetapi dendanya ialah penjara seumur hidup. Berdasarkan pengalaman negeri-negeri yang berkenaan, Perlis memperkenalkan undang-undang yang keras iaitu satu pokok kita denda RM10,000 dan sebagainya. Kalau lebih daripada lima pokok, denda dan juga penjara. Jadi walaupun negeri Perlis sudah tidak ada hutan tetapi sekurang-kurangnya kita dapat memulihkan semula hutan yang telah hilang.

Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tahu..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut bangun. Yang Berhormat Jerantut.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, tragedi yang berlaku di Cameron Highlands ini sudah berulang banyak kali. Tahun lepas berlaku, tahun ini pun sudah berlaku dua tiga kali. Pada saya, tidak wajar kalau kita meletakkan kesalahan yang berlaku ini semata-mata kepada kerajaan negeri. Ini kerana pada hemat saya, apa yang berlaku ini membongkar kelemahan sistem pemantauan kita. Sebagai contoh, kita dimaklumkan ada 36,000 pendatang haram di Cameron Highlands dan begitu banyak kawasan yang diteroka secara haram ataupun halal berlaku di Cameron Highlands. Daripada segi pendatang haram, mengapa begitu banyak, begitu ramai pendatang yang boleh berada di situ sedangkan kita punya agensi penguatkuasaan, pemantauan dan sebagainya ramai? Sudah dihebahkan oleh *Utusan Malaysia*- maknanya seolah-olah *Utusan Malaysia* lebih cekap daripada agensi penguatkuasaan yang kita ada.

Kedua, sistem pemantauan kita. Kalau setakat pergi ke tempat itu Yang Berhormat Menteri, pergi ke kawasan itu dihalang oleh kayu balak dan penguat kuasa tidak boleh masuk ke dalam, lepas itu balik semula ke pejabat, hari esok pergi lagi buat benda yang sama, ini berlaku sejak dulu. Dengan kecanggihan teknologi sekarang ini, apakah tidak ada kaedah lain yang boleh kita gunakan sebagai membuktikan negara kita juga ada teknologi yang maju untuk pengawasan? Setidak-tidaknya pengawasan melalui helikopter. Ini boleh dibuat kalau kita benar-benar serius untuk menjaga alam sekitar yang menjadi khazanah negara. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hai, garang nampak! Yang Berhormat, bagilah peluang sikit untuk jawatankuasa yang telah ditubuhkan ini untuk menggerakkan kerja. Walau bagaimanapun, agensi lain yang telah umumkan bahawa mereka terlibat, sebenarnya mereka telah pun mengambil tindakan. KDN mengambil tindakan membuat tangkapan. Sekali tangkap bukan sikit, 181. Akan tetapi saya hendak beritahu, lokap di Cameron Highlands hanya boleh muat 40 orang sahaja. Seramai 181 orang itu saya tidak pasti di mana mereka diletakkan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, seramai 181 orang daripada 36,000 orang pendatang asing. Takkanlah polis punya jentera besar itu boleh tangkap 181 orang daripada 36,000 orang seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerantut tadi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, di Sabah, macam-macam orang kata tentang kedudukan pendatang asing. Kita membuat tangkapan tiap-tiap hari. Tangkapan kita *average* di antara 50 orang hingga 100 orang setiap hari. Jadi demikian juga di Cameron Highlands ini, kita akan buat seterusnya. Kita tidak bolehlah pergi tangkap katakan kita tangkap sekali dapat 1,000 orang, tidak. Usahnya berterusan dan kita akan lihat, walaupun Yang Berhormat Lipis bagi tempoh tiga bulan kepada saya, ini adalah satu cabaran dan *insya-Allah* kita akan nampak perubahannya dalam jangka masa yang terdekat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulim Bandar Baru

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat semua saya minta supaya bagi sokongan kepada usaha-usaha yang akan kita buat nanti dan Yang Berhormat sedia maklum bahawa bila kita diberi tugas, kita akan pastikan kita akan dapat kejayaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kulim-Bandar baru dan Yang Berhormat Gerik.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh tidak, saya hendak ubah tajuk ini.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Sikit Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ada setengah jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Sikit saja Yang Berhormat. Cuma saya hendak masuk sikit saja Yang Berhormat. Hendak masuk sikit saja. Saya menyokong penuhlah hasrat dan semangat untuk menyelesaikan masalah di Cameron Highlands ini. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, macam mana boleh ada sampai 36,000 itu? Kalau kita hari-hari bercakap tentang *enforcement, enforcement, enforcement* ini, hari-hari kita ada macam-macam punya peraturan ini, macam mana kita tidak sedar sudah sampai 36,000 itu. Seramai 36,000 itu kalau stadium, penuh, Yang Berhormat Menteri. Macam mana kita boleh *miss* itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.

Kita berharap kerajaan tidak hangat-hangat tahi ayam. Dahulu bila Highland Tower, maka tidak ada pembangunan lah di tanah tinggi. Ini berlaku pula di Cameron Highlands. Dua perkara yang saya nampak. Satu, kalau kita bercakap dalam Parlimen ini nampaknya tidak ada ambil tindakan. Akan tetapi kalau *paper* keluar tiap-tiap hari, serupa judi, serupa Cameron Highlands, maka kerajaan akan ambil tindakan.

Perkara yang kedua, jangan pula peristiwa ini berlaku, ini di kampung ini bila kita hendak tanam pokok getah di tanah tinggi ini dia ikut serupa peraturan tadi, kan? Kalau salah, salah kerajaan negeri lah dia tebang habis, kita patut tanam getah. Mari Jabatan Alam Sekitar kata tidak boleh tanam getah pasal bila tanah tinggi lebih daripada 300 meter. Jadi minta tolong kerajaan tengok perkara-perkara tersebut. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri sikit, sikit.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kota Raja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Cukuplah, cukuplah..

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kota Raja boleh?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Satu cadangan..

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Cukuplah. Saya cuma ada lagi setengah jam.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Dua puluh saat saja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nanti jawapan yang lain tertinggal ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri. Yang mana satu Yang Berhormat Menteri?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kota Raja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya serahkan kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri jawab. Teruskan saja jawapan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh saya buat satu cadangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kerana dengan adanya *drone* sekarang, di Malaysia pun kita ada teknologi dan kalau kita gunakan *drone*...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas, saya tidak jemput lagi. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, kita habis tentang MKN ini. Yang Berhormat, semua cadangan Yang Berhormat menggunakan *drone*, helikopter dan lain-lain lagi, kita ambil perhatian dan kita akan bincangkan pada hari Rabu nanti.

■1830

Berhubung dengan hangat-hangat tahi ayam. Yang Berhormat, banyak benda yang diberi tugas, saya buat sampai menjadilah ya. Jadi, saya akan jawab yang penghabisan yang itu, tentang Parlimen nanti. Kemudian tentang kehadiran pendatang asing, kita tidak tahu jumlahnya. Mungkin 36,000. Kalau ikut cakap-cakap di bawah, lebih lagi, mungkin kurang, saya tidak tahu. Kita akan cuba dapat maklumat berhubung dengan perkara ini. Yang Berhormat kena sedar bahawa kita bawa masuk orang, yang ini kita telah timbulkan dalam Jawatankuasa Orang-orang Asing ini. Kita bawa masuk orang, kita beri dia tempoh dua tahun berada di sini. Kita bawa masuk tetapi agensi, syarikat yang bawa masuk orang tadi, habis tempoh dua tahun, habis. Akan tetapi banyak di antara mereka ini tidak balik.

Dia tidak balik kerana kita belum lagi mengenakan syarat kepada orang yang import orang ini supaya dia pastikan lepas dua tahun, dia sendiri kena hantar balik. Dia kena tunggu di *airport* dan sebagainya. Jadi, kita mengharapkan mereka balik sendiri, ada yang tidak balik. Sudah pastilah mereka cari tempat-tempat yang terpencil, termasuk di dalam hutan dan sebagainya. Malah ada Yang Berhormat tadi bagi tahu bahawa semasa dia memegang jawatan dalam kerajaan dulu, terdapat orang-orang asing yang berkhemah dalam hutan sementara menunggu masa untuk mereka keluar dan berada di dalam pasaran orang asing ini. Semua ini berlaku kerana hendak kaya cepat.

Jadi, kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini saya ucapkan terima kasih. MKN akan bagi perhatian yang serius untuk menyelesaikan perkara ini. Berhubung dengan kerosakan bencana ini, ini bukan di bawah MKN. MKN ini adalah peruntukan khusus kita bagi seperti yang saya sebutkan tadi. Kerosakan ini akan ditampung selalunya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan wakil rakyat. Wakil rakyat mungkin selepas ini boleh tampung

lebih sikitlah. Kalau elaun sudah naikkan, boleh tampung bagi lebih sikit untuk bencana ini. Jadi, sebab saya tahu wakil rakyat, bila dapat apa peruntukan pun, peruntukan itu tidak pernah ada yang berlebihan dalam poket. Malah sekarang ini orang ramai pun sudah tahu. Sudah pasti kalau yang biasa kita bagi RM50, dia akan minta RM100 dan sebagainya. Jadi, lagi banyak dapat, lagi cepat habis.

PERMATA. Yang Berhormat cakap fasal PERMATA tadi, PERMATA ini kita bagi perhatian di bawah umur empat tahun ya Yang Berhormat. Selepas empat tahun, dia pergi tadika. Jadi, tidak ada masalah dengan PERMATA, malah kehadiran PERMATA telah membuka ruang kepada ibu bapa dan juga lain-lain pihak, termasuk pasangan yang bekerja minta kita adakan PERMATA. Oleh sebab PERMATA ini sudah ada jenama dan kurikulum yang disediakan terbaik. Jadi, kita di samping bekerjasama dengan tadika yang ada sekarang seperti KEMAS, Perpaduan dan juga kerajaan negeri, permintaan terlampau tinggi. Malah guru-guru di antara yang banyak minta, terutama yang baru berkahwin dan ada anak sebab mereka hendak pagi-pagi hantar ke PERMATA dan selepas itu sebelah petang mereka datang mengambilnya semula. Jadi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Program ini sebenarnya mendapat sambutan dan tidak ada masalah, sebab apa? Program ini akan diaudit, tidak ada masalah. Diaudit apabila sampai masanya. Jadi, kita beri perhatian kepada- maaf, bukan bawah empat tahun. Empat sehingga enam tahun. Maaf, iaitu di bawah empat tahun. Empat sehingga enam tahun ialah di bawah tadika. Jadi, yang itu kita pergi kepada tadika sekolah. Sekolah yang uruskan. Yang ini diuruskan oleh PERMATA.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit boleh?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh tidak saya benarkan kerana saya tengok belah Barisan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebelah pembangkang satu dan makcik ini. Apa dia?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Ketawa]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pembangkang satu, Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Makcik! Makcik, kesian dia Yang Berhormat. Jangan macam itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Makcik bukan dari segi umur.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, boleh? Makcik pun, makciklah [Ketawa]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Makcik ini ialah panggilan gelaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat Sepang, ringkas ya, ringkas sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Selepas ini Yang Berhormat Kapar kena panggil makcik *auntie*. Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih- Eh, siapa dulu ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang dulu, selepas itu Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Oh, Yang Berhormat Sepang, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Dato' Menteri, terima kasih 'pakcik' Menteri. *[Ketawa]*

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, Menteri adakah sedar bahawa di bawah sekarang ini sudah mula ramai orang kompelin. Contohnya, saya hendak beritahu di Sepang sendiri, baru-baru ini saya didatangi oleh guru-guru sekolah KEMAS, Tadika KEMAS minta bantuan daripada kami, sebab hendak buat lawatan ke Kelantan tetapi tidak dapat duit. Dia kata sekarang ini duit ini banyak pergi kepada PERMATA. Jadi, ini kebimbangan pihak bawah ini. Jadi, saya harap Menteri dapat jawab bagi meleraikan kebimbangan ini sebab sekarang orang rasa PERMATA ini diberikan satu keutamaan dibandingkan dengan- termasuk Tadika-tadika KEMAS.

Saya pihak pembangkang, kita bagi juga sebab kita rasa ini ada keperluan budak-budak. Kita tidak mengira sama ada dia daripada PAS dan UMNO. Saya lihat di depan rumah saya sekarang ini, sekolah KEMAS memang kesian, guru seorang sahaja. Budak tahun lima tidak diajar langsung, dia suruh nyanyi 24 jam. Budak tahun enam sahaja dia ajar, sebab dia kata tidak cukup cikgu. Jadi, ini orang-orang UMNO semua tidak- apa dia buat ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi saya dengar juga apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai PERMATA ini. Baru-baru ini saya ada merasmikan program macam kecemerlangan yang dibuat oleh PERMATA Parit Sulong. Berlainan daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sepang. Saya tengok infra dekat PERMATA ini pada sayalah, terutamanya di kawasan saya, perlu ditambah. Oleh sebab setelah dibina selama lima tahun, saya tengok keadaan tempat itu pun perlu di naik taraf. Selepas itu daripada segi pendidik, pendidik itu juga sekarang ini cuma ada dua, tiga sahaja pendidik dan selepas ini akan jadi dua.

Saya rasa kalau dua pendidik dengan tidak ada pembantu dan segala-galanya, ini akan menyukarkan juga dalam usaha hendak mengajar kepada anak-anak, terutamanya mereka ini di bawah empat tahun. Bila di bawah empat tahun, dia perlukan konsentrasi yang lebih daripada guru-guru. Jadinya, saya tidak setuju apabila dikatakan peruntukan itu banyak diberikan kepada PERMATA. Oleh sebab pada saya KEMAS juga menerima manfaat daripada modul yang diambil daripada PERMATA itu sendiri. Jadinya, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan dengan lebih lanjut lagi mengenai perkara ini, terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Boleh tidak, satu lagi soalan. Saya pun bangkitkan fasal PERMATA tadi Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh saya jawab dulu Yang Berhormat. Fasal tuduhan Yang Berhormat bahawa RM711 juta itu untuk PERMATA itu salah. Ini sangkaan buruk yang harus dimansuhkan daripada hati kita supaya hati-hati kita bersih daripada sangkaan buruk.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM711 juta telah diperuntukkan bagi memperkukuhkan pendidikan awal kanak-kanak untuk tahun 2015. Pendidikan awal kanak-kanak terbahagi kepada dua sektor iaitu sektor prasekolah, kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun dan program didikan dan asuhan awal untuk kanak-kanak di bawah empat tahun. Pecahan peruntukan mengikut agensi adalah seperti berikut:

- (i) RM474 juta untuk Kementerian Pendidikan bagi menampung bilangan 8,664 buah kelas prasekolah;
- (ii) RM130 juta kepada KEMAS dengan bilangan kelas 8,883 kelas tadika dan juga 414 buah tadika; dan
- (iii) RM37 juta kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi dengan bilangan 1,693 kelas Tadika Perpaduan dan 41 buah taska.

Bahagian PERMATA tidak melaksanakan program pendidikan prasekolah. Bagi tahun 2015, bahagian PERMATA diperuntukkan RM70 juta di mana peruntukan sebanyak RM48 juta untuk belanja mengurus sementara- Maaf, di bawah peruntukan belanja mengurus adalah bagi mengoperasi program PERMATA negara di 89 buah pusat anak PERMATA negara. Manakala peruntukan sebanyak RM22 juta adalah bagi melaksanakan dan menguruskan lima buah program PERMATA iaitu PERMATA Pintar termasuk Kolej PERMATA Pintar, PERMATA Insan termasuk Kolej PERMATA Insan, Pusat PERMATA Kurnia, tiga buah pusat komuniti perkasa dan juga PERMATA Seni.

■1840

Jadi, itu dia kedudukannya iaitu yang PERMATA sendiri kita hanya ada peruntukan RM30 juta. Yang Berhormat sepatutnya maklumkan kepada orang ramai sebab Yang Berhormat akan dapat pahala, pakcik Yang Berhormat Sepang kalau kita cakap benda yang betul ya. Akan tetapi kalau kita biarkan orang mengata kepada kita tetapi benda itu tidak benar, Yang Berhormat diam, Yang Berhormat tumpang dapat dosa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini yang *complaint* orang sendiri, orang UMNO sendiri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tiada ketirisan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan saya. Orang UMNO.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Orang UMNO *complaint*. Orang UMNO itu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sepatutnya UMNO yang beri penerangan, buat apa saya beri penerangan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, orang UMNO...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini tidak jaga parti sendiri ini... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya juga ada orang yang datang mengaku dia orang UMNO tetapi sebenarnya dia orang PAS.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya boleh bagi bukti ini. Tadika KEMAS di Sepang, saya boleh bagi bukti kalau hendak.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *No problem.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya ada surat-surat dia. Minta bantuan... [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Wakil rakyatlah selesaikan, apa pula...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagus. Okey, dia hendak minta pergi rombongan. Jadi, kadang-kadang kita bagi rombongan ini, orang datang cerita dia tidak dapat bantuan daripada mana-mana pihak, kita pun seronok sebab orang lain dihentam.

Yang Berhormat, saya kalau orang minta duit untuk buat rombongan, dia kata kepada Ahli Parlimen lain termasuk dia kata kepada PAS, saya tidak bagi. Oleh sebab bagi saya kata kepada orang itu adalah satu benda yang tidak bagus menjaja keburukan orang kerana hendak ambil pendapatan... [*Disampuk*] Akan tetapi dia cerita bahawa dia tidak ada duit yang mencukupi untuk pergi ke Kelantan, ke Terengganu maka saya bagi serta-merta. Jadi, itulah cara orang UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mereka kata dia jumpa ADUN UMNO tidak bagi. Dia jumpa sayalah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Yang Berhormat *lawyer* tetapi kadang-kadang begitulah ya...

Seorang Ahli: Loyar buruk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Engkau diamlah!

Seorang Ahli: Loyar buruk, macam itulah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [*Bangun*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Kota Raja...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Kota Raja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Kota Raja saya bagi ya. Tiada ketirisan di pihak kerajaan kerana peruntukannya telah disalurkan kepada agensi pelaksana yang terlibat dalam melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan yang difokuskan untuk memperkukuhkan pendidikan awal kanak-kanak di bawah program PERMATA. Sekali gus saya menjawab kepada adik saya Yang Berhormat daripada Parit Sulong bahawa tidak ada... [*Dewan riuh*] Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ini adik atau anak ini? [*Ketawa*]

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri boleh saya sambung?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa tidak ada ketirisan dan tidak ada peruntukan yang begitu besar yang bagi kepada PERMATA. Cadangan Yang Berhormat untuk PERMATA mendapat peruntukan yang lebih, saya setuju dan kita akan bawa kepada kerajaan untuk mempertimbangkannya. Yang Berhormat Kota Raja *last one* ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu persoalan yang ada pada saya agak lama kerana saya pun dulu biasa menjadi pensyarah. Saya bercakap mengenai kurikulum dan kesinambungan kurikulum tersebut.

Tadi Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang ada berbagai-bagai jenis PERMATA. Makna dia kurikulum ini ialah kurikulum yang agak istimewa. Anak-anak itu telah menjalani satu program yang sudah meletakkan tahap pemikiran mereka, cara mereka belajar dan sebagainya kepada satu tahap yang lebih baik daripada mungkin tadika. Jadi, selepas mereka tamat daripada program PERMATA kita hendak salurkan mereka di KEMAS. Kita hendak salurkan mereka di Tadika Perpaduan dan juga tadika kementerian.

Adakah ada kesinambungan di dalam kurikulum ini sebab di dalam pendidikan terima dua tahun kemudian tidak ada kesinambungan di dalam kurikulum untuk membawa ekspresi PERMATA itu sendiri, maka perkara itu boleh hilang sebab mereka pada umur yang muda. Jadi, kita sudah belanja beratus-ratus juta tiba-tiba masuk Tadika KEMAS di mana kita tahu selalunya *feedback* maklum balas kita dapat dari Tadika KEMAS di situ belajar melukis, mewarna, menyanyi dan tidak banyak benda lain. Adakah satu penurunan di dalam satu kurikulum dikatakan cukup baik kepada satu yang tidak? Kita sudah habis berjuta-juta, kita hendak tengok kesan ke atas anak-anak kita ini tiba-tiba masuk di dalam satu kurikulum yang tidak begitu memberangsangkan. Belum lagi saya bercakap masuk dalam sekolah kebangsaan yang sekarang ini kita ada banyak persoalan tentang cara pendidikan di dalam sekolah kebangsaan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, sebenarnya tajuk ini telah dicakapkan begitu lama oleh banyak pihak. Tahun 80-an dulu pun cakap tentang perkara ini iaitu bila kita mendidik anak-anak ini di peringkat yang pintar tetapi apabila dia pergi sekolah rendah tiba-tiba dia terpaksa belajar ABC balik dan dia jadi boring.

Kita ada anak yang pernah masuk dalam surat akhbar dahulu, dari Kedah. Boleh membaca novel sebelum pergi sekolah, dia boleh baca novel dan namanya terkenal. Akan tetapi bila dia pergi sekolah dia diminta untuk belajar seperti anak-anak yang lain, ABC dan sebagainya, dia jadi boring dan sekarang ini anak yang begitu pintar itu kita dimaklumkan dia tidak dapat meneruskan pelajarannya mungkin kerana dia tidak dapat teruskan kepintarannya di sekolah yang dimasuki. Itu ialah cerita yang berlaku di Kedah dan saya cuba *trace* di mana pemuda ini berada sekarang. Bila saya tahu dia bekerja di tempat itu jadi saya rasa cukup sedih.

Akan tetapi kita lihat kerajaan tidak berhenti setakat itu. Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh hendak memastikan supaya mereka yang telah belajar di peringkat awal ini supaya ada kesinambungan. Saya bagi contoh yang lain dululah. Contoh macam Kementerian Belia dan Sukan dulu selepas dia menjadi atlit, saya tidak sempat jadi Presiden KOM baru-baru ini. Selepas dia menjadi atlit di sekolah rendah, dia sepatutnya menjadi atlit di sekolah menengah. Akan tetapi malangnya peruntukan tidak mencukupi dan selepas itu dia hilang begitu sahaja. Jadi bakat yang begitu hebat tiba-tiba hilang dan ada anak-anak yang mempunyai ketinggian yang luar biasa. Dia boleh menjadi orang yang hebat semasa di sekolah menengah tetapi dia dilupakan begitu sahaja oleh kerana kita tidak mempunyai peruntukan yang cukup...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi baru-baru ini kerajaan telah meluluskan lebih daripada RM100 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk mencari bakat. Makna kata selepas sekolah rendah dia boleh beri kesinambungan di sekolah menengah. Jadi, *one minute* sahaja.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sedikit sahaja. Sedikit sahaja sebab tengah bercakap fasal kesinambungan itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Degil, degil. Okey, silakan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Boleh ya. Terima kasih ayahanda. Ayahanda Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak salah saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong, tidak terima kasih kepada Tuan Pengerusi?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tuan Pengerusi kakanda.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Terima kasih daun keladi [Ketawa] Okey, Yang Berhormat Menteri kalau tidak salah saya modul PERMATA ini juga cuba diterapkan di dalam KEMAS dan juga yang lain-lain, *I mean* dalam proses tabika. Jadi, saya hendak tahu tahap pelaksanaan itu, sama ada ianya telah banyak dijalankan dan berapa banyak yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah KEMAS ini? Adakah ianya akan terus dilaksanakan sebab tadi *argument* yang dibawakan itu adalah proses selepas empat tahun itu, ke arah mana mereka? Kita tidak mahu agar ianya berhenti setakat itu. Itu saya setuju.

Akan tetapi saya tahu kerajaan dalam waktu yang sama juga mahu supaya modul yang elok di dalam PERMATA ini juga dibawa ke dalam tadika dan taska supaya kerajaan tahu bahawa kita tidak mahu ianya berhenti setakat itu. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri supaya katakan berapa banyak ataupun berapa peratus yang telah dilaksanakan? Kalau ada perincian itu dapat diberikan kepada kami di dalam Dewan ini. Terima kasih ayahanda Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri banyak isu lagi ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Semasa dia berumur 26 tahun, saya baru berumur 33 tahun. Dia datang bekerja di Parlimen. Jadi, ayahanda kurang tepatlah [*Ketawa*] Kakanda ya.

Tuan Pengerusi bagi anak-anak yang telah mengikuti program PERMATA Negara, mereka akan berkembang dalam holistik di dalam enam bidang kemahiran dan menepati *milestone* perkembangan kanak-kanak. Hasil kajian *National Child Development Research Centre* (NCDRC) mendapati 80% kanak-kanak di PERMATA Negara mencapai perkembangan emosi yang baik selain membentuk personaliti tenang, ceria dan berkeyakinan. Mereka seterusnya akan memasuki prasekolah sama ada di bawah KEMAS, Perpaduan dan juga lain-lain lagi.

Saya setuju Yang Berhormat, kita telah bentuk mereka ini di peringkat yang begitu hebat. Bila mereka pergi ke tadika nanti, apakah tadika tadi sanggup meneruskan usaha untuk mengembangkan kemahiran mereka?

■1850

Jadi ini nampaknya kena bagi secara bertulis sebab kalau bagi cara ini ia jadi panjang. Saya juga akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat Parit Sulong berhubung dengan apa yang telah disebutkan tadi. Jadi saya berharap semua pihak akan memberikan sokongan kepada PERMATA dan janganlah salah sangka, salah faham dan cubalah berbaik sangka kerana PERMATA ini akan diperkembangkan di setiap Parlimen dan seterusnya mungkin akan diperbesarkan lagi. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan mendapat manfaat. Sekali lagi Yang Berhormat daripada pembangkang, saya hendak memaklumkan bahawa apa sahaja yang kami lakukan, Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan mendapat manfaat bersama. Tidak ada program tadika untuk orang UMNO atau untuk orang Barisan Nasional sahaja tetapi sesiapa sahaja boleh menyertai program tadika dan kita ada program yang kita berikan tumpuan kepada luar bandar dan juga dalam bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita pergi kepada tajuk baru iaitu PR1MA. Seperti yang telah dimaklumkan dari semasa ke semasa iaitu PR1MA merupakan badan berkanun terasing yang diberikan kuasa untuk merancang, membangun dan membina serta menyelenggarakan rumah mampu milik. Ini adalah untuk mereka yang berpendapatan sederhana. Jadi Yang Berhormat yang bercakap tadi bahawa kita seharusnya memberikan perhatian kepada rumah mampu milik serta lain-lain lagi, rumah mesra rakyat yakni khusus kepada golongan sederhana yang kita tidak nampak usaha yang bersungguh-sungguh untuk membantu kumpulan yang berpendapatan sederhana termasuk di antaranya kerani ataupun pegawai-pegawai muda yang berada di dalam bandar di mana mereka tidak mungkin boleh memiliki rumah dengan pendapatan yang begitu rendah. Jadi PR1MA hadir untuk membantu mereka yang berpendapatan sederhana.

Di samping itu, seperti yang kerajaan telah maklumkan— yang saya kena umum, saya beritahu sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di antara keunikan PR1MA ialah apabila kita memperkenalkan program *Rent-to-Own* (RTO) yang mana mereka yang mendapat tawaran rumah PR1MA, mereka boleh membuat pinjaman sehingga 110%. Jadi mereka tidak perlu untuk membuat pembayaran awal seperti wang pendahuluan, khidmat peguam, duit setem dan sebagainya. Sekali gus apabila mereka mendapat rumah PR1MA, mereka sudah boleh masuk dan tinggal di sana. Institusi kewangan yang telah bersetuju untuk menyertai program kita ialah seperti Maybank, CIMB dan juga MBSB. Jadi, RTO ini bukan sahaja membantu golongan sederhana memiliki rumah tetapi juga membantu memudahkan cara kan bagi mereka yang tidak mendapat pinjaman bank.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bangun*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Mereka yang mendapat pinjaman bank akan diuruskan seperti yang disebutkan. Kita tahu bahawa apabila saya mengumumkan pada akhir tahun ini 40,000 buah unit yang berada di tahap kebenaran merancang sebab rumah- kalau rumah di atas tanah mengambil masa mungkin dua tahun tetapi rumah strata mengambil masa tiga tahun. Jadi mereka bertanya, '*Manakah rumah itu?*' Jadi kalau tanya macam itu agak sukar sebab kita tidak boleh membina sekali gus seperti itu kerana kita terpaksa melalui proses. Bagi negeri Sabah, kita telah meluluskan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri boleh berikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekejap, sekejap, seminit ya. Kita telah meluluskan 7,750 unit. Kedua-duanya di kawasan pembangkang iaitu di kawasan Yang Berhormat Kota Kinabalu dan juga di Sandakan. Di Kota Kinabalu, kita meluluskan 6,000 unit *apartment* dan di Sandakan sebanyak 1,750 unit *apartment*. Sekarang ini ialah proses sekarang ini ialah menimbulkan pelan dan apabila kita siap kita akan memulakan pembinaan. Sudah pasti tahun hadapan adalah tahun yang cukup sibuk dan cukup rancak bagi PR1MA dan sekali gus ia akan menolong negara ini untuk meningkatkan pertumbuhan. Sebab apa?...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*] Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Aktiviti ekonomi yang begitu besar kita akan buat. 40,000 dan mendapat kemudahan kemudian tahun depan kita mendapat lagi 80,000 – kita akan berusaha supaya mencapai matlamat kita.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Last* ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tentang Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Beruas.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tentang Sabah tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri tahu bahayanya atau kemungkinan disalahgunakan jika pihak kerajaan membenarkan pinjaman melebihi 100% hinggan 110% dan memang daripada pengalaman saya, kadang-kadang ia disalahgunakan kerana pihak penjual akan menaikkan harga yang jauh lebih tinggi dan pembeli yang mendapat pinjaman 110% ini mendapat wang luar daripada jumlah harga rumah. Oleh sebab mereka tidak membayar apa-apa terhadap rumah ini, mereka tidak akan ada tanggungjawab terhadap pinjaman ini dan akhirnya pinjaman tidak dibayar dan kerajaan ataupun pihak yang memberikan pinjaman terpaksa menanggung rumah yang terbengkalai ini. Jadi berharap agar pihak kerajaan dapat menangani masalah ini supaya ia tidak disalahgunakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Putatan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini soalan Putatan tadi. Sedikit penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akhir ya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, soal Kota Kinabalu mendapat 6,000 unit Tuan Pengerusi. Saya mahu bertanya di manakah sebenarnya letaknya. Jika diletakkan di kawasan Kota Kinabalu itu, saya sedikit khuatir kerana tidak ada kawasan Yang Berhormat Menteri. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu di manakah letaknya kawasan itu, di Likas, Di Putatan kerana Putatan juga kawasan Kota Kinabalu.

Jadi satu persoalan yang spesifik, soal siapakah yang layak? Yang Berhormat Menteri katakan tadi yang layak ialah individu-individu yang berpendapatan sederhana. Kadang-kadang kita melihat harga sederhana ini amat menarik kepada para pemohon. Apa yang saya khuatir ialah saya takut akan ada *middle man* yang *booking* semua unit dan di *escalate* kan harga unit-unit ini untuk mendapatkan keuntungan terutama sekali para *developerr*. Ini telah berlaku beberapa kali. Oleh itu tidak ada kawalan langsung. Harga yang ditawarkan pada mulanya itu akan *escalate*. Apakah jaminan daripada kerajaan bahawa harga ini ditetapkan dengan harga sepatutnya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kita memberikan jaminan kerana spekulasi yang berlaku sekarang ini ialah rumah yang dibina oleh pihak swasta. PR1MA ini kita

bina sendiri walaupun kita mengambil projek tersebut daripada projek orang lain tetapi kita bina sendiri dan kita pastikan orang yang dapat ialah individu-individu yang memerlukan rumah dan mana-mana pihak tidak boleh membeli rumah ini dan membuat spekulasi, tidak boleh. Ini kerana PR1MA telah menetapkan bahawa harga rumah-rumah PR1MA ialah 20% rendah daripada harga pasaran. Saya sebutkan sekali lagi tetapi pembangkang akan marah juga kan bahawa ini antara program luar biasa pihak kerajaan untuk membantu rakyat dengan mengurangkan 20% harga.

Yang Berhormat tahu bahawa dalam pasaran macam-macam spekulasi dan sebagainya yang mereka boleh buat tetapi PR1MA masuk pasaran dan kita pastikan harga kita 20% rendah dan kita bagi kemudahan kepada orang yang membeli, tidak perlu lagi pinjam Ah Long dan sebagainya. Saya beritahu Yang Berhormat Beruas bahawa tidak ada mana-mana pihak yang boleh membuat spekulasi ataupun menyalahgunakannya kerana semuanya kita uruskan terus dengan pembeli. Rumah mampu milik yang disediakan oleh PR1MA dalam lingkungan harga RM100,000 sehingga RM400,000 bergantung pada jenis dan lokasi.

Apakah kaedah kawalan harga rumah PR1MA yang akan dilaksanakan oleh PR1MA? Untuk memastikan harga rumah tidak meningkat, rundingan dan perbincangan akan diadakan dari semasa ke semasa di mana rumahnya tidak mungkin boleh membuat spekulasi dan sebagainya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Bagi mereka yang...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dapat rumah PR1MA..

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, kalau boleh dapat penjelasan...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Nanti sekejap, tidak boleh. Cukuplah, saya baca dahulu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tentang lebih pinjaman. Apa yang saya maksudkan ialah rumah itu kemungkinan harganya RM300,000 tetapi pemaju akan menandatangani rumah yang sama dengan harga RM400,000 dengan pembeli memandangkan kerajaan akan memberikan pinjaman sehingga 110%, RM440,000. Maksudnya mereka menyalahgunakan pinjaman yang tinggi sehingga mereka mendapat lebih RM100,000 di luar dan kerana nilai rumah tersebut tidak begitu tinggi, akhirnya tidak ada perasaan tanggungjawab untuk membayar ansuran dan ini berlaku seperti yang saya tahu. Sebab itu saya mahu pihak kerajaan mengambil perhatian dengan penyalahgunaan pembelian sedemikian.

■1900

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita akan ambil perhatian, teguran Yang Berhormat. Akan tetapi saya hendak bagi tahu bahawa benda ini sukar berlaku sebab kita uruskan terus. Kita tidak semudah itu untuk mengikut kehendak *developer* bagi rumah-rumah yang kita bina. Kita akan pastikan rumah berada dalam tahap harga pasaran dan kita kurangkan 20% seperti yang saya sebutkan tadi.

Bagi Yang Berhormat juga ada timbulkan bahawa pembeli rumah PR1MA yang ingin menjual rumah miliknya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh moratorium PR1MA ialah sepuluh tahun. Di mana individu yang berjaya tidak dibenarkan untuk menjual atau menyewa rumah tanpa kebenaran PR1MA. Oleh demikian, sebarang urusan berkaitan rumah PR1MA, individu tersebut hendaklah mendapat kebenaran daripada PR1MA terlebih dahulu. Jadi, mana-mana pihak sukar untuk membuat spekulasi, sebab kalau dia hendak buat spekulasi dia tidak boleh jual semula.

Oleh sebab rumah ini akan ada moratorium selama 10 tahun. Sasaran PR1MA ialah seperti yang saya sebutkan iaitu 40,000 unit di akhir tahun ini. Walaupun sebelum ini saya umumkan 37,000 unit tetapi di atas permintaan pihak kerajaan supaya kita naikkan 40,000 unit. Kita berusaha untuk menaikkan di tahap 40,000 unit. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, PR1MA telah memulakan pembinaan sebanyak 11,868 unit di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Perak, Johor dan Negeri Sembilan. Terima kasih.

Kemudian, tentang perbincangan di antara PR1MA dan juga pihak pemaju dan sebagainya. Saya ingat Yang Berhormat boleh bagi kepercayaan sebab kita ada kepakaran mengenai perkara ini ya.

Kemudian, Yang Berhormat telah menimbulkan tentang APMM. APMM sebagaimana kita sedia maklum bahawa menguatkuasakan undang-undang daripada gigi pantai, *shoreline* kepada EEZ, kawasan Zon Ekonomi Bebas. Jadi, kawasan sungai pula akan diuruskan oleh pihak polis marin. Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Marang tadi, berhubung dengan lesen yang dikeluarkan kepada bot secara berleluasa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, lesen ini dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan tugas APMM ialah menguatkuasakannya. Oleh kerana soalan ini daripada Yang Berhormat Marang, mungkin Yang Berhormat berminat tentang negeri Terengganu. Ingin saya maklumkan bahawa bot Vietnam yang dirampas oleh APMM sejak tahun 2006 sehingga 2014 adalah sebanyak 355 buah. Bagi tahun 2014 sahaja, 35 tangkapan telah dibuat dari bulan Januari sehingga sekarang.

Berhubung dengan bot APMM yang telah tua, selepas itu minta diganti. Memang itulah yang kita telah pohon daripada pihak kerajaan untuk mengganti bot. Maaf, tadi saya sebut EEZ ialah Zon Ekonomi Eksklusif ya, bukan Zon Ekonomi Bebas, sebab EEZ ya. Berhubung dengan bot yang berumur 50 tahun, kemudian ada 30 tahun dan sebagainya. Yang Berhormat, kita tahu bahawa kita kekurangan aset tersebut. Akan tetapi apa yang ada pada kita, kita guna sebaik mungkin walaupun 50 tahun tetapi masih mantap dan gagah.

Bot ini lain daripada manusia, manusia mungkin 50 tahun, dia mungkin lagi gagah selepas 50 tahun. Macam Tuan Pengerusi, sebelum 50 tahun pun sudah gagah perkasa. Jadi, sesetengah manusia, dia selepas 40 tahun dia gagah. Setengah orang selepas 50 tahun, macam Yang Berhormat Pokok Sena mungkin kurang sikit, kan? Akan tetapi macam saya makin bertambah kuat ya [*Ketawa*] Ini sebagai contoh tetapi sebenarnya itu sedikit gurauan. Akan tetapi bot ini ia lain sikit. Ia makin lama makin kurangnya ia punya...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang hebat Tuan Pengerusi. Itu tidak boleh lawan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Itu *confirm, confirm*. Tuan Pengerusi *confirm* tetapi itulah, itu manusia ya. Akan tetapi bot ini, ia makin lama ia makin kurang. Pernah bot kita mungkin kekuatannya 30 knot masa mudanya tetapi di umur lewatnya mungkin tinggal 15 knot. Akan tetapi ia masih boleh beroperasi. Walaupun setengahnya ada yang berumur 50 tahun, masih boleh beroperasi. Kita kena guna semaksimum yang mungkin aset yang kita ada untuk membuat rondaan dan sebagainya. Kita tahu bahawa pihak kerajaan telah menambahkan peruntukan untuk kita tambah 7 biji kapal pada tahun ini dan *insya-Allah* mungkin 7 atau 6 biji pada tahun hadapan. Jadi, ini adalah pertambahan aset yang sangat diperlukan oleh pihak APMM untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

Jadi, saya ingat saya telah sebutkan kepada Yang Berhormat berhubung dengan apa yang telah disentuh oleh APMM. Saya sedar bahawa pihak Yang Berhormat cuba sedaya upaya untuk membantu pihak kerajaan, termasuklah daripada Kalabakan, memberi bot mereka untuk sama-sama kita ambil tindakan kepada orang-orang yang melakukan penyeludupan. Kita akan bekerjasama dengan semua pihak untuk hendak pastikan supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan di kawasan tikas air surut atau *low water mark* sehingga Zon Ekonomi Eksklusif untuk hendak pastikan bahawa penyeludupan, pencerobohan dapat diatasi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pencerobohan nelayan asing ini agak berleluasa di semua kawasan kita. Kita juga tidak ada maaf bagimu. Kita akan terus ambil tindakan kepada mereka yang cuba menceroboh di kawasan kita. APMM akan terus berada di pasaran walaupun asetnya lama dan kita masih mampu untuk melaksanakan tugas kita dengan baik.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada maklumat-maklumat terkini berhubung dengan apa sahaja perkara-perkara yang melibatkan penguatkuasaan termasuk penyeludupan, boleh maklumkan kepada kita. Setengah daripada Yang Berhormat, ada bot sendiri yang ingin kita kongsi bersama, tidak ada masalah. APMM sentiasa mengalu-alukan usaha-usaha daripada Yang Berhormat.

Kemudian saya sentuh pasal Jabatan Perdana Menteri. Ada Yang Berhormat Lembah Pantai tadi menyebut dan juga banyak pihak menyebut kononnya kita memberi bantuan kepada ISMA dan Perkasa. Kerajaan tidak memberi peruntukan khusus kepada Perkasa ataupun ISMA. Dengan itu tidak timbul bahawa kita menyokong mana-mana pihak. So, semua perkara Yang Berhormat telah timbulkan mengenai Jabatan Perdana Menteri...

Seorang Ahli: Pilihan raya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Khusus- pilihan raya *coming soon* ya? Khusus untuk bekalan tadi, kita akan ambil tindakan dan setengahnya kita akan jawab secara bertulis.

JPA, ini Yang Berhormat telah timbulkan. Saya percaya Yang Berhormat Kinabatangan walaupun dia menggunakan bahasa tadi, itu dia sebutkan bukan dia sebut. Dia kata orang lain yang sebut. Sudah pasti tuduhan yang mengatakan JPA tidak cekap dan sebagainya mungkin didasarkan kepada pemerhatiannya kepada beberapa pegawai dan sebagainya.

■1910

Kita akan ambil tindakan Yang Berhormat, kepada mana-mana maklumat yang kita dapat ataupun mana-mana pegawai yang kita dapati tidak menjalankan tugas.

Akan tetapi, pada pandangan saya, tidak bolehlah kita menghukum satu jabatan yang telah begitu berjasa kepada negara ini dengan kita nampak dua tiga kes berhubung dengan jabatan yang berkenaan. Contohnya macam polis. Kita nampak, kita ambil gambarkah, saya tengok sudah *viral* dalam media sosial kononnya seorang anggota polis menerima wang, kita tak boleh kata semua anggota polis menerima wang padahal kita tahu bahawa kehadiran polis telah dapat menjamin keamanan di negara ini. Malah Yang Berhormat sendiri pun rasa terjamin bila kita ada anggota polis. Malah Yang Berhormat sentiasalah- orang yang paling banyak menggunakan anggota polis ini adalah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang. Tak berhenti membuat laporan polis dan sentiasa minta pertolongan polis kalau sekiranya berlaku apa-apa perkara.

Kami ini ialah orang yang sentiasa mengikuti keadaan dan sentiasa memberi penghargaan kepada anggota-anggota kerajaan yang melaksanakan tugas yang baik. Saya sebutkan baru-baru ini bahawa orang-orang yang kaya di Malaysia ini termasuklah YTL, Ananda Krishnan, Lim Goh Tong dan lain-lain lagi, mereka kaya kerana pertolongan kerajaan. Termasuk orang-orang kaya biar sederhana kerana pertolongan kerajaan. Kerajaan itu menggunakan anggota kerajaan. Tidak adil kita kata anggota kerajaan macam itu, macam ini setelah kita rasa kita *comfortable* sikit.

Kita kena ingat bahawa dulu banyak tempat tidak ada guru. Kita bawalah guru-guru ini untuk datang mengajar. Bila anak-anak kita cerdik, kita kata guru-guru ini tak guna dan sebagainya. Jangan buat macam itu, tak elok. Kita ini rakyat Malaysia. Kita mesti bersama untuk menghadapi segala bentuk keadaan dan kalau kita dapati mana-mana ada kekurangan, kita akan bantu dan kita akan ambil tindakan.

Berhubung dengan tuduhan mengatakan bahawa pegawai dari Sabah datang ke sini tidak dapat peruntukan, pegawai Semenanjung pergi ke sana dapat peruntukan, tak betul Yang Berhormat. Pegawai yang bertukar wilayah menikmati elaun bertukar wilayah seperti berikut- Elaun Perumahan Wilayah; Bayaran Insentif Wilayah; Elaun Gangguan; Pegawai Bertukar Wilayah sama ada pegawai itu berasal dari Sabah dan Sarawak yang dilantik untuk berkhidmat di Semenanjung ataupun pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar di antara negeri-negeri juga diberi peruntukan.

Yang Berhormat, kadar Elaun Perumahan Wilayah atau EPW ini dia berbeza-beza. Berbeza-beza. Putrajaya lain, Selangor lain, Perak lain. Ia ikut bandar ya. Kita juga mengikut kategori yang berpindah sama ada dia Turus 'A', 'B', 'C' ataupun gred 54 dan seterusnya. Jadi, semua peringkat. Sesetengah bandar mungkin perumahannya agak tinggi. Kita tahu bahawa di Sabah ini dan Sarawak rumahnya agak tinggi daripada Semenanjung. Jadi kadang-kadang

nampak bahawa pegawai Semenanjung yang pergi ke Sabah dan Sarawak itu dapat elaun lebih. Tidak. Ia berdasarkan kepada Elaun Perumahan Wilayah.

Contohnya macam Kota Kinabalu, untuk pegawai kategori yang paling rendah, dia dapat Elaun Perumahan Wilayah ialah RM730 sementara Putrajaya ialah RM500 untuk kategori yang paling rendah. Jadi kita kata ini perbezaan. Tidak. Ini berdasarkan kepada Elaun Perumahan wilayah yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan setelah mendapat maklumat berhubung dengan keadaan ekonomi dan sara hidup bagi sesuatu kawasan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini tidak tepat mengatakan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Itu saya rasa Yang Berhormat Menteri patut kaji semula harga-harga sewa rumah sekarang. Kalau dibandingkan dengan sewa harga rumah di Semenanjung, di Putrajaya, di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana negeri di Semenanjung, jika dibandingkan dengan sewa harga rumah di Sabah, saya tidak begitu setuju dengan Yang Berhormat sebab sewa rumah di Sabah ini murah, lebih murah dari sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan, bila masa nak ikut peraturan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kadang-kadang kita ikut cara perasaan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, saya ingat tidak lama lagi kita akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Lepas ini tiada pencelahan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiada pencelahan daripada Yang Berhormat Putatan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Putatan yang dikasihi, Dr. Marcus ya. Saya nak beritahu bahawa saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita patut mengkaji elaun ini semula dan JPA beritahu pada saya bahawa akan ada pengumuman nanti— bukan tahun ini. Saya ingat mungkin tahun depan atau mungkin tahun ini iaitu berhubung dengan Elaun Pembangunan Wilayah yang baru. Sebab elaun ini ialah berkuat kuasa pada Januari 2002. Ia 12 tahun yang lalu. Yang Berhormat, saya setuju bahawa ini patut dikaji semula. Kita tidak ada masalah. Kita cukup terbuka Yang Berhormat. Kita tak garang-garang ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagi isu? Hampir satu jam 15 minit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh habis dalam masa 15 minit lagi? Banyak isu?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oh, Tuan Pengerusi, tak mampu saya berbuat demikian sebab apa...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada lima lagi Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang penghabis itu nak kena bincang juga sebab itu melibatkan elaun Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ataupun Yang Berhormat nak saya jawab bertulis yang itu?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang itu kena bagi dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, yang lain boleh jawab bertulis kecuali elaun... [*Dewan riu*] Setuju tak Yang Berhormat?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini berkaitan dengan Speaker ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat lain setuju.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian berhubung dengan Yang Berhormat Kinabatangan sebab dia sebut khusus tadi. Projek pembinaan memang telah selesai iaitu yang kita belum siap lagi ialah pecahan lot bagi rumah-rumah yang dibina. Senarai nama peserta masih belum diperakukan oleh pihak berkuasa negeri. MKN akan menyerahkan serta-merta bila kita dapat senarai peserta dan rumah ini dia buat pecahan lot. Jadi, kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkannya.

Jadi yang lain Yang Berhormat Kinabatangan dan juga yang lain-lain Yang Berhormat yang menyentuh perkara ini- JPA saya akan jawab secara bertulis dan Yang Berhormat...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah. Cukuplah, cukuplah.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tak, saya nak minta...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada enam lagi Yang Berhormat Menteri...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Bukan. Yang Berhormat Arau, jawapan bertulis itu kena menepati janji sebab jawapan bertulis dari minggu lepas belum bagi lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: So, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau nak bagi jawapan bertulis itu, kena bagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sabar itu separuh daripada iman.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Satu minggu belum dapat lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sabar itu separuh daripada iman.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: [*Ketawa*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, berhubung dengan perkara Yang Berhormat telah timbulkan, berhubung dengan JPA dan lain-lain anggota kerajaan, kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat bagi sedikit masa dan kepercayaan kepada

saya. Yang Berhormat tahu bahawa bila saya berjanji saya nak buat, saya akan buat. Janji ditepati sebab saya ini adalah orang Barisan Nasional ya.

Berhubung dengan Jabatan Audit Negara, Yang Berhormat, berhubung dengan teguran Audit yang telah dibuat berulang kali dan sebagainya, saya – yang ini telah saya jawab. Telah saya jawab tetapi saya ingin sebut sekali lagi. Laporan Audit 2012 dan 2013 Siri 1 dan Siri 2 sehingga 3 Oktober 2014, seramai 225 pegawai telah dikenal pasti terlibat dalam kes salah laku dan kecuaiian lain yang melibatkan urusan tatatertib ataupun surcaj.

Lembaga Tatatertib berkenaan telah memutuskan 81 pegawai didapati bersalah, 20 pegawai didapati tidak bersalah. Hukuman yang dijatuhkan terhadap pegawai yang didapati bersalah adalah seperti berikut iaitu seorang pegawai telah dibuang kerja, 29 orang pegawai telah dikenakan surcaj, manakala 12 orang pegawai dikenakan surcaj dan amaran dengan nilai keseluruhan berjumlah RM86,767.85. Surcaj dikutip secara terus daripada pegawai melalui pemotongan emolument. Jadi hukuman amaran yang menyebabkan pegawai berkenaan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan. Seramai 124 pegawai sedang dalam prosiding tatatertib.

Yang Berhormat, Laporan Audit disampaikan, ini tindakan yang kita ambil. Kita nak ambil apa lagi Yang Berhormat? Kita berdasarkan Laporan Audit, kita ambil tindakan apa yang telah disentuh oleh Laporan Audit dan inilah laporan yang saya telah maklum kepada Yang Berhormat.

Bagi yang lain-lain yang saya tidak dapat menjawab, saya akan sentuh secara bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, tanya pasal audit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Audit, audit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Audit? Ya, boleh tak Tuan Pengerusi?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh, boleh. Sikit. Boleh sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi ini kawan baik Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak mempertikaikan apa yang telah pun dilaporkan dan tindakan yang telah pun diambil. Akan tetapi yang saya kemukakan tadi ialah kenapa laporan audit pengurusan program Hari Belia Negara 2011-2013 yang saya difahamkan sepatutnya dibentangkan sebagai siri kedua pada Jun yang lalu, sehingga sekarang masih belum dikemukakan di Dewan ini?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Siri 3 pun dah keluar.

■1920

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Siri 3 dah keluar. Jadi laporan khusus yang berkaitan dengan pengurusan program Hari Belia Negara. Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat ada jawapan, itu sebab saya hendak minta secara bertulis. Jadi Tuan Pengerusi, boleh saya jawab sedikit? Jabatan Audit Negara

telah menjalankan satu pengauditan susulan terhadap pengurusan program Hari Belia. Memandangkan sebahagian besar isu berbangkit adalah sama seperti tahun 2012 dan telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada 21 November 2013 serta Jabatan Audit Negara juga telah berpuas hati terhadap tindakan pembetulan yang telah diambil, maka ia tidak dibentangkan dalam Laporan Audit Negara 2013 Siri 2 yang lalu. Itu jawapan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Perkara yang lain-lain Yang Berhormat sentuh, saya akan jawab bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Saya minta mahu kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini yang tidak boleh Yang Berhormat Pokok Sena beri satu ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Ini penting sebab saya hairan kenapa tidak boleh dibentangkan. Saya fikir bahawa ada masalah-masalah yang masih belum dijawab. Kalau melihat kepada apa yang kita tanya selalunya ialah kerajaan mengatakan bila kita tanya peruntukan Hari Belia berapa setahun, RM10 juta sedangkan perbelanjaannya sudah menjangkau, melebihi daripada RM10 juta untuk setahun. Umpamanya kalau contoh, dari tahun 2011 sampai tahun 2013, saya difahamkan sudah pun sampai RM93.2 juta, sedangkan dalam bajet hanya diperuntukkan RM10 juta.

Jadi, bagaimana Audit kata okey, bagus semua? Saya pun hairan Audit, pelik ini. Selalunya Audit begitu telus dalam pembentangnya. Jadi, oleh sebab itu saya katakan bahawa perlu kepada penjelasan Audit itu dibentangkan kepada kita. Apa yang telah ditemui dalam laporan pengauditan pengurusan program Hari Belia Negara. Memang saya difahamkan bahawa satu surat telah pun dihantar oleh Jabatan Ketua Audit kepada Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan memaklumkan beberapa perkara yang menyentuh pelanggaran dan sebagainya dan diharapkan ada perubahan. Akan tetapi persoalannya sekarang ini bukan kita hanya mengharapkan kepada perubahan, kita hendak tahu apa isu-isu spesifik sebab sampai tahun 2014 masih tidak ada perubahan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sebut kepada Yang Berhormat, Jabatan Audit Negara berpuas hati. Akan tetapi oleh sebab perkara baru yang telah dibangkitkan, *insya-Allah* saya akan jawab secara bertulis Yang Berhormat sebab Yang Berhormat minta perincian dan sebagainya.

ESSCOM. Berhubung dengan ESSCOM iaitu penculikan dua orang warga Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini tidak melibatkan jenayah rentas sempadan dan ia dikendalikan sepenuhnya oleh pihak polis. Yang Berhormat, saya minta timbulkan semula dalam masa kita membincangkan fasal KDN nanti.

Kemudian berhubung dengan *sea-basing* di kawasan ESSZONE. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pembelian *oil rigs* oleh Petronas daripada SapuraKencana yang berada di Lumut sedang berjalan dan ia akan diubahsuai mengikut keperluan anggota

keselamatan yang terlibat dalam operasi di kawasan *sea-basing*. Dijangka ia akan selesai diubahsuai dan akan ditempatkan di beting bot Gaya, Semporna pada 2 April 2015.

Berhubung dengan peruntukan RM600 juta bagi ESSCOM tahun 2014, berbanding dengan RM75 juta pada tahun 2014, namun ia menerima RM8 juta sahaja. Untuk makluman, peruntukan yang diluluskan bagi ESSCOM bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM65.9 juta. Manakala bagi kawasan ESSZONE keseluruhannya ialah RM660 juta seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2015. Dalam Bajet 2014, ESSCOM hanya diluluskan peruntukan belanja mengurus sebanyak RM8 juta.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan untuk maksud pembangunan sebanyak RM11 juta bagi membaik pulih 32 pos kawalan di kawasan ESSZONE, RM2.3 juta bagi membina baru 33 unit rumah yang musnah di kawasan Kampung Tanjung Labian, RM3.5 juta untuk membangunkan *fusion centre* dan RM4 juta diperuntukkan tambahan bagi belanja mengurus. Oleh itu, keseluruhan peruntukan bagi ESSCOM bagi tahun 2014 ialah RM28.8 juta.

Isu yang lain-lain saya akan jawab secara bertulis dan kebimbangan Yang Berhormat Seremban itu sebenarnya tidak perlu dibimbangkan sebab jawapan sudah berada di sini. Beliau melarikan diri.

Kemudian, berhubung dengan SPR. Ini *last*. Elaun *last*, SPR dahulu. Lebih deposit sebab yang ini Yang Berhormat Pokok Sena, dia berada di sana dengan begitu hebat, kita tolong jawab. SPR mengenakan deposit bahan kempen pilihan raya di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1958 iaitu pada perenggan 24(4)(b) iaitu RM5,000 bagi calon Parlimen dan RM3,000 bagi calon DUN. Deposit tersebut akan dikembalikan apabila bahan kempen dibersihkan dalam masa 14 hari daripada tarikh pengundian. Sekiranya gagal dibersihkan dalam tempoh tersebut, deposit demikian dilucuthakkan dan digunakan untuk tujuan pembersihan oleh PBT. Jika deposit tersebut tidak mencukupi, bayaran tambahan akan diminta daripada calon berkenaan. Namun sekiranya terdapat lebih, ia akan dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Berhubung dengan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, ini duit ini. Kalau kurang kos pembersihan, minta balik tambahan itu kepada calon yang bertanding tetapi kalau lebih dimasukkan dalam Wang Yang Disatukan. Saya rasa sepatutnya bila kalau ada lebih, kosnya RM1,000 pembersihan sepatutnya, bagi calon kos dia RM1,000, yang lebih itu lagi RM2,000 beri balik kepada calon. Mengapa hendak masuk ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kira sedekahlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini saya fikir ini tidak adil apatah lagi kepada calon yang kalah. Kalau yang menang itu bolehlah. Kalau calon yang kalah, sudahlah kalah, lepas itu duit untuk deposit calon pun selesai. Saya begini Tuan Pengerusi, duit itu sebenarnya untuk PBT, fasal apa pula SPR kata bahawa yang lebih itu masukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan. Itu sudah tidak betul sudah. Kalau kurang daripada kos, duit itu

semua diberi kepada PBT, itu satu hal lain. Ini tidak, ambil daripada SPR masuk ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan. Jadi, saya fikir bahawa sepatutnya kerajaan melalui SPR beri balik yang lebihan itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Cadangan Yang Berhormat akan dipertimbangkan, yang lain-lain akan dijawab secara bertulis. Ini kerana benda itu sebenarnya saya boleh jawab tetapi lebih elok saya jawab bertulis sebab ia akan melibatkan wang ini, kerajaan cukup berhati-hati.

Kemudian SPR, SPR mengkaji secara keseluruhan bahagian pilihan raya di seluruh negara termasuklah bahagian pilihan raya Kinabatangan. SPR telah mengambil kira faktor pembangunan, pertambahan penduduk dan pertambahan bilangan pengundi selaras dengan Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat, prosesnya ialah seperti berikut. Pertama, persiapan awal di peringkat SPR. Pelantikan dua orang pegawai dari Jabatan Perangkaan, Jabatan Ukur dan Pemetaan secara rasmi untuk membantu SPR sepanjang pelaksanaan urusan kajian semula persempadanan. Itu sudah selesai.

Keduanya, memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Perdana Menteri selaku ketua kerajaan, menyiarkan dalam warta sekurang-kurangnya sebuah akhbar, maka bermulalah proses dua tahun kajian semula persempadanan. Selepas itu, pameran dan syor semula kajian semula persempadanan akan menerima representasi, bantahan atau cadangan daripada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan ataupun kumpulan pengundi berdaftar sekurang-kurangnya seorang dalam bahagian pilihan raya.

SPR meneliti dan akan mengadakan siasatan tempatan ke atas representasi yang diterima daripada bahagian pilihan raya yang terlibat. Kemudian berdasarkan hasil representasi tersebut, maka SPR akan membuat pindaan terhadap syor-syor tersebut, pindaan syor tersebut dipamerkan sekali lagi selama satu bulan dan proses representasi dan siasatan tempatan untuk kali kedua akan dibuat. Berdasarkan hasil selepas representasi kali kedua, SPR menyediakan laporan akhir kajian persempadanan. Laporan akhir akan diserahkan kepada Perdana Menteri dan tarikh penyerahan diwartakan, berakhirilah tempoh dua tahun kajian persempadanan.

Yang Berhormat Perdana Menteri akan membentangkan laporan di Dewan Rakyat selaras dengan Perkara 8, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan yang perlu disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan Ahli Dewan Rakyat. Jika laporan persempadanan tidak diluluskan oleh Dewan Rakyat, akan diserahkan balik kepada SPR untuk dibuat pindaan seperti cadangan Dewan Rakyat. Jika laporan diluluskan oleh Dewan Rakyat, perintah persempadanan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk ditandatangani bagi tujuan pewartaan.

■1930

Untuk kelulusan ini perlukan separuh, untuk menambahkan kerusi Dewan, kita memerlukan 2/3. Peta kajian semula bahagian- tidak diserahkan kepada Yang Berhormat. Peta-peta berkenaan akan dipamerkan selama sebulan semasa tempoh pembayaran di tempat

pameran. Kemudian, Yang Berhormat lain berhubung dengan SPR, Yang Berhormat telah timbulkan, saya...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hendak maklumkan bahawa SPR mampu untuk membuat kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya dan laporan bagi setiap negeri tidak kurang dari lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian semula dan persempadanan semula tersebut. SPR tidak ada masalah untuk menjalankan persempadanan dan tidak memerlukan apa-apa jawatankuasa kerana kita ikut apa yang telah ditentukan oleh perlembagaan bahawa SPR ini ditubuhkan mengikut Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan fungsi utama SPR ialah seperti berikut, termasuklah membuat persempadanan semula, menjalankan urusan dan pendaftaran pemilih dan semakan pemilih. Jadi, yang lain-lain akan dijawab secara bertulis.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akhir sekali...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tanya sedikit, tanya sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang berkeyakinan SPR boleh membuat persempadanan ini mengikut yang diberi jaminan oleh Menteri. Cuma, saya hendak minta sedikit bayangan daripada Menteri, bila agak-agaknya proses dua tahun itu akan bermula? Ertinya bilakah kerja awal SPR ini akan dipersembahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya proses dua tahun itu boleh bermula? Agak-agak bila?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bila Yang Berhormat, saya tidak boleh beri jawapan sebab ini kuasa SPR. SPR ini bila dia melaksanakan kerja, sesiapa pun tidak boleh dapatkan maklumat daripada mereka termasuk Menteri sendiri... *[Disampuk]* Jadi Yang Berhormat bertanya bila, saya akan tanya kepada mereka "Bila?" dan mereka menjawab, saya akan jawab kepada Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...SPR begitu bebas, luar biasa sehingga Menteri sendiri tidak tahu bila tetapi sudah pasti dalam jangka masa yang terdekat... *[Disampuk]* Kalau

Yang Berhormat tidak percaya, semoga Allah SWT membuka pintu hati Yang Berhormat untuk percaya kepada saya. Saya tidak bohong ya. Saya tidak tahu dan bila saya bertanya SPR, dia kata “*Dato’, rujuk perlembagaan. Mampu kah kami untuk menjawab kepada Menteri*”. “*Saya berterima kasih sebab kamu telah menjalankan tugas kamu yang terbaik, saya menghormati dan saya menunggu*”. Apabila mereka beri jawapan bila, saya akan jawab bila ya. Saya tidak boleh lebih daripada itu.

Berhubung dengan ICU, Yang Berhormat telah menimbulkan perkara-perkara mengenai ICU dan juga peruntukan dari Jabatan Perdana Menteri. Saya sudah jawab berkali-kali. Jadi Yang Berhormat, semua sekali peruntukan yang dibelanjakan melalui Jabatan Perdana Menteri, yang melibatkan 84 jabatan, sudah pasti peruntukan tersebut menepati apa yang dikehendaki dan Yang Berhormat jangan lupa bahawa di antara peruntukan tersebut, termasuk juga bayaran pencen kepada anggota-anggota kerajaan yang cukup tinggi. Jadi Yang Berhormat, yang lain-lain itu saya akan jawab secara bertulis.

Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Jadi ICU...

Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan ICU Yang Berhormat Lenggong sebut tadi, bila ICU meletakkan pegawai-pegawainya di Kedah, Perak dan beberapa buah negeri lagi, saya hendak beritahu bahawa semua pegawai tersebut kekal di tempat mereka. Oleh kerana ada permintaan yang tinggi untuk ICU berada di beberapa buah negeri kerana banyak peruntukan yang tidak dapat diselesaikan, ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Demikianlah pegawai kerajaan, akhirnya diperlukan juga.

Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri, di negeri memang ada ICU. Yang saya sebut ini menempatkan pegawai di daerah-daerah. Kalau tidak mampu di daerah, buat *zoning* supaya memudahkan urusan pentadbiran dan mempercepatkan projek-projek pelaksanaan. Ini yang saya maksudkan. Kalau boleh, minta runding dengan JPA.

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat. Pegawai yang berada di sana, kalau di Perak masa dahulu buat *zoning*, *zoning*lah sekarang. Kalau dahulu kita beri di peringkat daerah, akan berterusan. Saya sudah berbincang dengan JPA dan semua pihak bahawa mereka bersetuju pada dasarnya supaya pegawai-pegawai yang telah dilantik itu dikekalkan.

Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Di peringkat daerah ataupun di sesetengah tempat di peringkat...

Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh Tuan Pengerusi? Yang Berhormat Menteri, boleh? Kalau di daerah, tidak ada lagi Yang Berhormat. Sekarang ini yang saya maksudkan kekalkan. Maknanya ada pejabatnya di daerah-daerah kerana projek daripada

ICU ini banyak Yang Berhormat. Kalau diserahkan kepada pejabat daerah atau agensi, jabatan lain untuk melaksanakannya, saya lihat ada kelemahan daripada segi pelaksanaan, lambat. Saya ingat sudah sampai bulan November ini ada masih lagi projek-projek kecil yang belum lagi dilaksanakan pun. Jadi kalau ini berlaku, saya fikir peruntukan besar yang turun tidak dapat dilaksanakan dengan baik, kalau peruntukan dua ribu, tiga ribu pun lambat sampai lima bulan atau enam bulan, saya ingat ini tidak patut berlakulah. Saya fikir kalau ICU ada pejabat dan pegawainya di daerah-daerah, cepat dan boleh dilaksanakan dengan segera. Oleh sebab itu saya minta dipertimbangkan juga. ICU kena ambil kira perkara ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, akan dipertimbangkan tetapi pegawai ICU yang berada di peringkat daerah sekarang akan diteruskan. Akan tetapi permohonan Yang Berhormat supaya mereka ditempatkan khusus di peringkat daerah ataupun di peringkat zon, yang itu juga akan dipertimbangkan tetapi yang ada sekarang ini tidak akan ditutup ataupun ditarik balik, diteruskan. Kalau sekiranya telah tertutup sementara, akan dibuka balik. Tidak ada masalah Yang Berhormat. Usaha Yang Berhormat untuk memperjuangkan perkara ini sedang didengar oleh rakyat Malaysia dan saya menghargai usaha-usaha yang telah disebut oleh Yang Berhormat Lenggong. Yang lain-lain kalau Yang Berhormat setuju, kita akan jawab secara bertulis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Speaker pun setuju [*Ketawa*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Termasuk juga perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Putatan berhubung dengan bantuan banjir di KK baru-baru ini. Saya hendak beritahu bahawa Putatan adalah termasuk dalam senarai bantuan banjir sebagaimana lawatan saya ke Sabah baru-baru ini. Akhir sekali ialah Parlimen. Parlimen, menimbulkan minat daripada pelbagai pihak. Kalau saya hendak baca jawapan ini juga agak panjang tetapi...

Seorang Ahli: Hilang pula.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukan hilang, tersalah letak. Kemudian Yang Berhormat daripada – ramai Yang Berhormat bertanya, apa yang telah terjadi kepada Parlimen sekarang? Kalau Yang Berhormat bertanya saya, saya pun bertanya benda yang sama. Saya pun bimbang tentang apa yang berlaku tetapi bila kita melihat jadual-jadual yang telah ditetapkan berhubung dengan pembinaan bangunan baru Parlimen ini yang mana sayalah di antara orang yang baharu masuk Parlimen, masuk semula ya. Jadi saya pun hendak ambil tahu sebab saya sudah berada di sini selama satu tahun lebih tetapi saya tengok macam tidak ada perubahan tetapi sebenarnya ada perubahan.

Yang Berhormat, JKR telah melantik kontraktor bernama Trans Resources Corporations Sdn. Bhd. untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Blok Utama Parlimen Malaysia Fasa 2B. Kerja-kerja telah bermula pada 1 Ogos 2014 dan akan berakhir pada 31 Januari 2017. Skop kerja meliputi pembinaan pejabat sementara, tempat letak kereta Zon D. Mula kerja pada 1 Ogos 2014 sehingga 31 Disember 2014. Naik taraf padang kawad, mula kerja pada 15 September 2014 sehingga 2 Mac 2015. Kemudian perpindahan pegawai dan kakitangan dari Blok Utama pejabat

sementara pada 2 Januari 2015 sehingga 31 Januari 2015. Mereka akan berpindah dalam jangka masa hampir 29 hari. Kemudian naik taraf Blok Utama – mula kerja pada 1 Februari 2015 sehingga 31 Januari 2017.

Di samping itu JKR telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja mekanikal dan juga *electrical* iaitu kontraktor SPA Integrated Sdn. Bhd. yang menjalankan kerja-kerja sokongan mekanikal dan *electrical*, landskap dan juga lain-lain lagi. Kerja-kerja telah bermula pada 3 November 2014 dan akan berakhir pada 2 November 2016. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan bagi penyediaan bilik rehat pemandu Ahli Parlimen telah dimasukkan dalam skop kerja fasa 3B projek pembinaan blok Ahli Parlimen. Malah cadangan pembinaan bumbung pejalan kaki, yang ini jawapannya ialah tidak dapat dipertimbangkan kerana bangunan ini adalah bangunan warisan. Akan tetapi saya baru berbincang dengan Ketua Pentadbir Parlimen sekejap ini tadi bahawa cuba rancangkan supaya bumbung itu bergerak ke arah corak bangunan warisan ini. Jadi, dia bersetuju dan mereka akan merancang perkara ini dan *insya-Allah*, sekurang-kurangnya kita dapat melihat orang yang berjalan dari bilik keselamatan ke sini, ada bumbung.

■1940

Kalau tidak, hujan turun dan melalui kawasan panas yang terik dan kadang-kadang kita kesian kepada bukan sahaja pengunjung-pengunjung termasuk Ahli-ahli Parlimen sendiri.

Kemudian elaun Ahli-ahli Parlimen, saraan. Ini telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat semua, *insya-Allah* kita akan bentang rang undang-undang ini kalau mengikut cadangan awal ialah Bacaan Kali Pertama pada 24 tapi saya telah minta supaya bacaan kali pertama itu dilewatkan sedikit. Mungkin buat 25 dan selepas itu 27 ini kita mengundi.

Walau bagaimanapun, kita akan memberi taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada minggu ini. Jadi kepada semua barisan dan juga pembangkang. Jadi Yang Berhormat datang, saya akan maklumkan semasa taklimat tersebut. Buat masa sekarang ini sebab benda ini ialah kita perlu bentangkan sebagai rang undang-undang termasuklah rang undang-undang berhubung dengan kenaikan pencen yang sekarang ini telah disamakan dengan anggota kerajaan. Termasuk juga mereka yang mempunyai ibu bapa yang mana Gerik saya sebutkan bahawa dia mempunyai ibu bapa tapi ibu bapa tidak dapat menerima perkhidmatan perubatan seperti anggota kerajaan lain dapat.

Sekarang ini anggota Parlimen juga dapat dan kita termasuk pencen sekarang ini telah dinaikkan sama seperti ahli-ahli anggota kerajaan. Akan tetapi semua ini akan dibentangkan di dalam rang undang-undang pada 24 ataupun 25 ini. Akan tetapi Yang Berhormat akan dapat maklumat awal berhubung dengan perkara-perkara yang hendak dibincangkan sebab cara kita buat kerja ialah apa-apa rang undang-undang yang kita hendak laksanakan kita akan maklum lebih awal sedikit supaya Yang Berhormat dapat membuat persediaan mengenai... [Disampuk] So, saya percaya apabila Yang Berhormat melihat apa yang saya akan bentangkan nanti semuanya akan bergembira dan berpuas hati serta rakyat pun berpuas hati.

Saya tidak mahu bahawa benda ini menimbulkan perkara yang dipermainkan dan diperlekeh-lekehkan di dalam media sosial. Saya hendak bagi tahu kepada rakyat Malaysia yang dikasihi bahawa anggota Parlimen hanya 222 orang. Tak boleh dibandingkan kalau mereka naik, macam mana kami tidak naik. Kita tidak boleh bandingkan dengan anggota kerajaan ialah 1.5 juta orang. Kemudian kita hendak bandingkan dengan yang lain-lain ada jumlah yang begitu besar. Ini 222 orang pemimpin kita yang mana tempat kita bergantung harap. Kenaikan itu bukan satu kenaikan yang besar. Kenaikan yang sederhana yang tidak merupakan pendapatan kepada mereka tetapi lebih merupakan kepada peningkatan usaha-usaha kebajikan oleh Ahli-ahli Parlimen sama ada di pihak Barisan yang paling banyak dan juga di pihak pembangkang.

Dulu pembangkang ini rakyat jarang minta sebab rakyat bagi peluang kepada mereka tak perlu minta apa-apa. Akan tetapi sekarang ini pembangkang pun sama juga menghadapi tekanan yang cukup berat untuk menyelesaikan perkara-perkara yang melibatkan kebajikan termasuklah anak-anak yang pergi sekolah, anak-anak ibu tunggal, OKU, PPRT dan sebagainya. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan bagi mereka yang saya tidak dapat jawab saya akan jawab secara bertulis.

Lain-lain perkara Yang Berhormat telah sebutkan telah dicatat dan telah diberi tindakan yang sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, *wabilahitaufikwalhidayah. Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sebelum saya jemput Menteri selanjutnya, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membacakan usul.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

7.44 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan di peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2015 dan selepas itu majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 11 November 2014. Terima kasih.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masih di Jabatan Perdana Menteri, saya menjemput Yang Berhormat Jerai.

7.45 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam agensi di bawah tanggungjawab saya dalam perbahasan Bajet 2015 di peringkat Jawatankuasa ini di mana saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Sungai Siput.

Bagi memudahkan penggulungan ini saya ingin menjawab berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan mengikut jabatan agensi berikut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Ahli Yang Berhormat Maran telah menimbulkan dengan meminta JAKIM dan jabatan berkaitan Islam di JPM membuat kajian lebih serius untuk menjiwai Islam dalam urusan pentadbiran dan pengurusan.

Kerajaan daripada JAKIM telah pun melaksanakan pelbagai program dalam usaha memartabatkan Islam dalam pengurusan dan pentadbiran negara termasuk di antaranya Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara di mana dasar ini telah diterima dengan baik di semua peringkat pentadbiran dan terkini konsep *wasatiyyah* dalam pentadbiran negara dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat Maran juga menimbulkan peranan JAKIM untuk memasukkan roh Islam dalam penguatkuasaan undang-undang kerana roh Islam kerana syariah Islam ada roh Islam berbanding dengan undang-undang barat. Contohnya hukuman mati tidak semestinya digantung sehingga mati, boleh dikaji dengan cara-cara lain seperti memberi pendekatan saintifik menggunakan bias dan sebagainya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dalam konteks negara

Malaysia sistem perundangan terbahagi kepada tiga iaitu undang-undang sivil, undang-undang syariah dan undang-undang adat.

Pada masa ini pelaksanaan undang-undang di Mahkamah Syariah telah mengambil kira semangat dan juga roh undang-undang Islam manakala dalam pelaksanaan undang-undang jenayah di Mahkamah Sivil satu kajian terperinci perlu dibuat bagi membolehkan semangat undang-undang Islam dilaksanakan. Sebagai contoh, mangsa dan keluarga diberi hak untuk memberikan pengampunan kepada pesalah berserta ganti rugi ataupun disebut dengan *díat* ataupun dengan tidak memberi.

Sehubungan itu antara usaha kerajaan ialah dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah peringkat Persekutuan yang bertujuan untuk mengkaji mekanisme pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syariah termasuk daripada segi pelaksanaan hukuman bagi memastikan ianya selaras dengan Perlembagaan Persekutuan undang-undang lain yang berkaitan dan hukum syarak.

Ahli Yang Berhormat Maran juga telah menimbulkan Lembaga Pengampunan sekarang tidak melibatkan mangsa jenayah mengikut Islam. Mangsa jenayah perlu ditanya dan dilibatkan. Oleh itu JAKIM perlu memainkan peranan dalam hal ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Undang-undang Jenayah Islam mangsa dan keluarga mangsa diberikan hak untuk memberikan pengampunan kepada pesalah berserta ganti rugi *díat* ataupun tidak mengambil *díat*. Dalam hal ini, kajian terperinci perlu dibuat dengan melibatkan kesemua kementerian dan agensi yang berkaitan bagi membolehkan peranan mangsa dan keluarga dimasukkan dalam Lembaga Pengampunan.

■1950

Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menimbulkan tindakan SIS yang mencabar fatwa di negeri Selangor berkaitan liberalisme dan pluralisme. Antara fatwa yang telah diwartakan- mana-mana fatwa yang telah diwartakan adalah mengikat umat Islam di negeri di mana fatwa itu dikeluarkan. Oleh itu orang Islam adalah tertakluk pada fatwa yang telah diwartakan tersebut, dan boleh dikenakan tindakan sekiranya melanggar ataupun mempertikaikan fatwa berdasarkan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah sedia ada. Sebagai contoh seksyen 9, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 [Akta 559] telah memperuntukkan berkenaan kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agam termasuk fatwa. Manakala seksyen 12, Akta 559 pula telah memperuntukkan berkenaan kesalahan memberi, mengembang atau menyebabkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa. Walau bagaimanapun, tindakan pihak tertentu yang mencabar kesahihan fatwa di negeri Selangor berkenaan liberalisme dan pluralisme melalui Mahkamah Sivil, adalah disarankan agar kesemua pihak menunggu keputusan mahkamah berkenaan perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat Jerlun...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengakui bahawa memang pihak Majlis Fatwa ini boleh memberikan fatwa tetapi saya dalam masa yang sama saya ingin minta supaya Yang Berhormat Menteri juga memberikan penekanan supaya fatwa-fatwa yang diberikan, seelok-eloknya diberikan satu alasan yang jelas. Sebab saya risau, jika tidak jelas akan menyebabkan fatwa itu sendiri akan dicabar. Jadi ia akan menyebabkan Institusi Fatwa itu diletakkan di dalam keadaan yang tidak baik, dari segi imejnya. Saya hendak bagi contoh, ini bukan makna saya setuju tetapi saya hendak katakan, saya menghadapi masalah untuk memahami fatwa sebagai contoh. Dalam fatwa yang berkaitan pengharaman Syiah, sebagai contoh. Dalam salah satu sebab dia kata kenapa Syiah ini sesat kerana dikatakan bahawa dalam mengambil air sembahyang ini, dia tidak membasuh kaki, sebaliknya menyapu kaki. Saya merasakan- saya sebagai seorang pelajar Syiah.

Kita belajar *Usul Fiq*, kita belajar bahawa di sana memang ada *ikhtilaf*, masalah *khilafiah* berdasarkan ayat Quran juga. Ayat iaitu... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ada ulama yang baca "...fa'arjulakum", ada ulama yang baca, "...fa'arjulikum" Maka kerana itulah ada ulama yang kata, "sapu", ada ulama kata, "basuh". Dari situ menunjukkan bahawa ada perbezaan *Fiq*, tetapi kenapakah kerana perbezaan *Fiqiah* itu yang dibenarkan dalam Islam tiba-tiba digunakan sebagai satu alasan - kenapa Syiah itu haram, kenapa Syiah itu sesat? Adakah itu satu fatwa yang kita boleh katakan berwibawa. Jadi ini yang saya risau.

Begitu juga dengan fatwa *Sisters in Islam* ini, bukan orang persoalkan tidak boleh fatwa, tetapi apakah sebenarnya pluralisme, dan kenapa *Sisters in Islam* dikaitkan dengan pluralisme itu? Apakah kenyataan-kenyataan mereka, apakah tindakan mereka yang dikaitkan itu? Jadi ini semua patut dijelaskan supaya mudah untuk kita pertahankan fatwa yang diberikan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Berkaitan dengan fatwa ini, saya perlu jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya ada dua kedudukan fatwa. Pertamanya Majlis Fatwa Kebangsaan. Satu lagi ialah daripada peringkat fatwa negeri, di mana sama ada fatwa kebangsaan ia tidak akan menjadi satu undang-undang, ia tidak boleh dikanunkan ataupun untuk dilaksanakan untuk tindakan, melainkan perkara itu dibawa di peringkat negeri. Ataupun dalam konteks Yang Berhormat sebutkan tadi Syiah, ia tidak hanya berlegar dalam lingkungan perkara-perkara cabang tetapi sebenarnya dalam hal yang berkaitan dengan Syiah ini dia berkaitan dengan perkara yang begitu asas. Di antara yang paling besar ialah berkaitan dengan soal aqidah iaitu dalam konteks syahadah dibincangkan, begitu juga dalam konteks kepercayaan bawah selepas Nabi Muhammad saw. itu dengan kehadiran rasul-rasul begitu juga dengan imam-imam 12 dan sebagainya. Itu menjadi pokok perbincangan asas.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat bawa hanya sekadar untuk perbincangan tentang sapu kaki dan basuh kaki semata-mata, ini tidak menjadi asas sebagaimana yang pengharaman kepada Syiah yang sebagaimana yang berlaku di Malaysia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau Yang Berhormat Menteri tengok pada penjelasan...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Saya ingat Yang Berhormat kena baca bagi habis dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya sudah baca habis.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Baca semua sekali.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, saya baca semua...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Rujuk kepada JAKIM fatwa tentang pengharaman.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab saya baca semualah saya tanya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Itu yang saya hendak bagi jawapan. Bukan satu sudut. Terima kasih.

Peranan HDC dan JAKIM dalam memajukan industri halal- Yang Berhormat Jerlun HDC buat masa sekarang dahulunya adalah di bawah JAKIM, tetapi sekarang HDC adalah di bawah MITI yang memfokuskan soal latihan pembangunan industri dan mempromosikan industri halal dalam dan luar negara. JAKIM sebuah agensi di bawah JPM yang melaksanakan persijilan halal Malaysia, di mana fokusnya ialah mengeluarkan sijil sebagaimana yang dipohon. Manakala JAKIM sentiasa menjalankan kerjasama dengan HDC dalam program, iaitulah program latihan dan perundingan, hubungan antara agensi dan industri, pembangunan dan perkongsian ilmu, promosi persijilan dan produk halal Malaysia.

Yang Berhormat Kuala Langat yang bertanya tentang Jabatan Agama yang bertanggungjawab mengambil satu inisiatif dengan mengumpulkan pakar-pakar agama bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berkaitan hukum-hakam dan juga tragedi MH370. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah membincangkan isu MH370 pada muzakarah khasnya iaitu pada 25 Mac 2014 yang lalu, di mana muzakarah telah bersetuju memutuskan bahawa semua penumpang MH370 adalah dikategorikan sebagai *mahkut* yang secara zahir dan kebarangkalian kuatnya telah dianggap terkorban. Oleh itu kerajaan telah mengikhtiarkan usaha-usaha pencarian yang telah dijalankan dan dihentikan. Pihak yang berkaitan perlu mengemukakan pengesahan ataupun sabitan kematian untuk diputuskan oleh mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

Mengenai hal berkaitan pengagihan harta pusaka, pembubaran status perkahwinan mangsa atau hukum-hukum lain yang bersangkutan dari tragedi ini hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa berkaitan berasaskan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan setelah pengesahan atau mensabitkan kematian diputuskan oleh mahkamah. Dalam bahasa yang mudah iaitulah hukum orang *mahkut* ataupun orang hilang ini tergaris dalam hal-hal hukum berkaitan apabila kematian ini diumumkan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Limbang telah mencadangkan supaya mewujudkan bangunan Mahkamah Syariah yang baru di kawasan Limbang, Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Mahkamah Syariah di negeri Sarawak adalah di bawah kuasa

kerajaan negeri selaras dengan Perlembagaan di mana kuasa agama terletak di bawah bidang kuasa negeri, termasuk penyediaan tapak dan peruntukkan kewangan untuk pembangunan fizikal. Walau bagaimanapun, usaha bersama antara JKSM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, dan pihak berkuasa negeri sentiasa berjalan bagi menumpukan pembangunan Mahkamah Syariah Negeri.

Yang Berhormat Sungai Siput telah menimbulkan berkaitan dengan perkara pengkajian penyelesaian terhadap kes jagaan anak di mana ada satu daripada ibu bapanya memeluk agama Islam, dan supaya memberikan keadilan kepada semua pihak.

Cadangan supaya penyelesaian dibuat di mahkamah di mana perkahwinan itu didaftarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini usaha rundingan semula sedang dijalankan dengan negeri-negeri dalam usaha mencari penyelesaian terhadap kes-kes hak penjagaan anak membabitkan pasangan di mana salah satu daripada ibu atau bapanya memeluk agama Islam, dalam kes hak jagaan anak, pertimbangan utama yang perlu diambil perhatian adalah kebajikan kanak-kanak tersebut.

Walaupun bagaimanapun, pihak ibu dan bapa yang terlibat juga turut mempunyai kepentingan dalam penjagaan kanak-kanak. Kepentingan kanak-kanak lebih mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain sama ada ibu atau bapa atau penjaga. Dalam hal ini kerajaan sedang meneliti dari semua sudut secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak, demi menjaga kepentingan masyarakat Islam dan bukan Islam, antaranya dengan membuat cadangan pindaan terhadap undang-undang yang berkaitan.

Sedikit yang dapat saya berikan sebagai tambahan kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput iaitu bagi menyelesaikan kes hak jagaan anak apabila salah sorang daripada ibu atau bapa memeluk Islam, Jabatan Peguam Negara berdasarkan arahan Jemaah Menteri pada 4 Januari 2006 telah menyediakan cadangan pindaan kepada akta mengenai Undang-undang Perkahwinan / Penceraian 1976, [*Akta 164*]; Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 [*Akta 505*]; Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 [*Akta 303*].

■2000

Memandangkan cadangan pindaan kepada ketiga-tiga Akta 164, Akta 505, Akta 303 tersebut turut melibatkan pindaan undang-undang Islam yang berkuat kuasa di negeri-negeri, cadangan pindaan tersebut telah dibentangkan kepada Majlis Raja-Raja atas arahan Jemaah Menteri pada 29 Jun 2009 untuk perkenan Majlis Raja-Raja. Walau bagaimanapun, Majlis Raja-Raja telah memutuskan supaya cadangan pindaan tersebut dikemukakan untuk penelitian dan pandangan Majlis Agama Islam Negeri-negeri terlebih dahulu.

Pada bulan November 2013, satu mesyuarat telah diadakan antara Jabatan Peguam Negara dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri bagi menjelaskan tujuan cadangan pindaan tersebut. Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh negeri-negeri kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada masa ini, hanya satu majlis agama Islam sahaja yang bersetuju dengan keseluruhan cadangan pindaan Akta 164, Akta 505 dan Akta 303 itu.

Memandangkan tiada persetujuan dari negeri-negeri berhubung dengan cadangan pindaan tersebut kecuali sebuah negeri, mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Jun 2014 telah memutuskan supaya Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengusahakan semula proses untuk meminda Akta 164, Akta 505 dan Akta 303. Bagi tujuan ini, rundingan semula hendaklah diadakan dengan pihak berkuasa agama Islam di negeri-negeri termasuk menyemah taklimat atau memberi penjelasan kepada Raja-raja Melayu berkenaan dengan cadangan pindaan Akta 164, Akta 505 dan Akta 303. Kerajaan akan membentangkan cadangan pindaan kepada undang-undang tersebut setelah mendapat persetujuan daripada Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan perkenan Majlis Raja-raja.

Ahli Yang Berhormat Sungai Siput telah menimbulkan semula peruntukan dalam Enakmen Kawalan dan Sekatan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Enakmen Kawalan dan Sekatan Agama Bukan Islam...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak bagi Yang Berhormat?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: ...Digubal adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat perkembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama selain daripada Islam di kalangan orang yang menganut agama Islam. Memandangkan undang-undang tersebut telah pun diluluskan di peringkat dewan undangan negeri masing-masing, oleh itu, semua pihak adalah tertakluk kepada undang-undang yang telah sedia ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, sikit Menteri. Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Sepang.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri.

Yang Berhormat Menteri, tadi terima kasih kepada penjelasan Menteri pasal, saya ke belakang sikit, Menteri, yang pasal cadangan pindaan. Menteri telah menyatakan seawal tahun 2006 dah ada usaha untuk pinda itu. Cuma saya minta Menteri boleh jelaskan, tadi Menteri kata ada satu negeri sahaja yang menyokong segala pindaan itu dan nampaknya negeri lain tidak bersetuju. Boleh tak Menteri terangkan sikit kepada Parlimen ini, apakah cadangan pindaan itu secara ringkaslah yang telah dicadangkan itu dan kenapakah satu negeri ini dia boleh terima dan yang lain tak boleh terima? Apa alasan antara mereka yang menolak pindaan ini? Boleh Menteri terangkan sikit supaya kita dapat panduan? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya dalam cadangan itu ialah sebagaimana yang diminta ialah supaya seseorang yang memasuki ataupun yang memeluk agama Islam bagi tujuan penyelesaian perkahwinan adalah bergantung pada di mana perkahwinan asal itu didaftarkan. Begitu juga yang berkaitan dengan untuk tujuan penjagaan anak-anak dan juga pengagihan

ataupun pembahagian harta sepencarian. Maka, itu yang dicadangkan. Dan sejauh sekarang, hanya sebuah yang saya sebutkan sebentar tadi dan itulah kedudukan yang ada pada saat dan ketika ini.

Namun, sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa kerajaan meneruskan untuk bersama-sama melalui Pejabat AG sendiri untuk kita membawa isu ini diperbincangkan di peringkat Majlis-majlis Agama Islam kerana sebagai contoh tadi, majlis mempunyai peruntukan di bawah Akta 505, Akta 303 dan melibatkan soal pindaan Akta 164. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa bangun, Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Ya.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya mengenai persetujuan negeri-negeri ini. Adakah bermakna sekiranya kita ada tujuh negeri contohnya, enam negeri setuju dan satu negeri tidak setuju maka ia tidak boleh dilakukan atau mesti mendapat ketujuh-tujuh negeri itu, kesemua negeri, baru boleh dijalankan perkara ini?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa. Sebenarnya bila sebut kata undang-undang ini melibatkan negeri, JAKIM dalam konteks ini tidak mempunyai kuasa perundangan. JAKIM untuk mudah saya sebutkan, dia tidak memegang satu peruntukan perundangan di bawah peruntukan JAKIM. Bahkan di Wilayah sendiri pun ialah di bawah kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dalam erti kata yang mudah saya katakan dalam konteks 14 buah negeri yang ada di Malaysia ini, dia adalah di bawah kuasa peruntukan yang diberikan melalui Perlembagaan kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Dalam erti kata yang lain ialah pelaksanaan sesuatu peraturan yang berkaitan dengan kuasa agama, dia tak kiralah kalau semua setuju ataupun separuh setuju, satu setuju, dia kena bawa balik di peringkat negeri masing-masing untuk tujuan diluluskan di Dewan, kemudian digazet dan barulah ianya berstatus undang-undang bertaraf undang-undang di negeri masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri dan khususnya agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Menteri, satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah habis dah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tentang Akta Kawalan tadi Menteri tak jawab tadi, Menteri cuma cakap sahaja. Akta Kawalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Sungai Siput tadi.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah gulung dah, Yang Berhormat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Boleh? Satu, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tak apalah Yang Berhormat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sengaja menunggu sehingga akhir sebab tak nak ganggu Menteri memberikan penjelasan.

Saya merujuk kepada isu soal peruntukan kepada mahkamah syariah dan disebut kepada kita bagaimana diberikan perhatian kepada pembinaan dan juga pembentukan mahkamah syariah di negeri-negeri. Persoalan yang kita timbul ialah sering kali berlaku soal pembangunan dari sudut pentadbiran dan pengurusan sama ada soal hakimnya dan juga soal pengendalian dalam mahkamah.

Saya merujuk kepada kes penceraian. Banyak sangat aduan daripada masyarakat kepada kita tentang tertanggungnya kes penceraian di mahkamah syariah. Mungkin mereka telah lama pun habis idah tetapi menunggu pengisytiharan mahkamah terlalu lama sehingga menyebabkan mereka terganggu emosi dan mungkin boleh terjebak dalam maksiat dan sebagainya. Jadi apakah komitmen daripada Kementerian untuk mengatasi masalah yang berantainya sejak sekian lama di Mahkamah Syariah?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Temerloh, perlu saya ulang bahawa Majlis Agama Islam itu dan juga termasuk mahkamah-mahkamah di negeri ialah sepenuhnya di bawah kuasa negeri. Bagi tujuan yang tersebut, saya memahami amat bahawa masalah penceraian ini dia sehingga mengambil tempoh yang begitu panjang.

Dalam konteks ini, kita di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang kebetulan saya selaku Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, telah mengambil pendekatan di mana kita telah memberikan KPI kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk mengurangkan jumlah tempoh yang terpaksa menunggu bagi kes penceraian dan *Alhamdulillah*, untuk tahun ini sahaja, kita dah selesaikan masalah yang penceraian tiga tahun, dua tahun dan juga satu tahun kita telah selesaikan dan untuk tahun ini, kita mengambil KPI yang baru iaitulah dengan memberikan arahan supaya penceraian dah selesai dalam tempoh setahun tetapi ada pula rantaianya daripada itu iaitulah memberikan nafkah kepada anak-anak dan juga termasuk kepada isteri yang perlu dibayar dengan bayaran yang tertentu. Jadi, kes-kes yang seperti ini kita jadikan seperti KPI.

Cuma, saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin dapat menggesa kepada Ahli-ahli Dewan Undangan di peringkat negeri untuk menggesa pula di peringkat negeri mengarahkan dan meletakkan KPI kerana kuasa pengarahannya ini dia tidak ada di peringkat Persekutuan. Hanya kita mampu memberikan cadangan dan pandangan. Maka, oleh sebab yang demikian, boleh di peringkat negeri untuk meminta supaya disegerakan penceraian-penceraian yang saya amat memahami dia ada yang sampai lima tahun, enam tahun, tujuh tahun dan sebagainya.

■2010

Yang lebih menyedihkan, waktu perceraian itu pada lingkungan umur 38 katakan dan kalau 39 selesai, dia kahwin 39 setengah, boleh dapat anak lagi Yang Berhormat Temerloh. Akan

tetapi kalau dah 38, campur pula tujuh tahun baru selesai, 38 campur tujuh dah jadi 40 lebih, dia dah masuk 45 Tuan Pengerusi, mungkin dia tidak boleh bersalin dah. Jadi, maknanya kerugian...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong kata masih boleh Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Parit Sulong boleh barangkali. Jadi, itulah yang dapat saya berikan tetapi saya minta sangat kepada rakan-rakan di sini untuk minta kepada Majlis Agama Islam Negeri yang ada di peringkat masing-masing bagi tujuan meletakkan KPI yang seperti ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

8.11 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang diberi kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Pertamanya, saya ingin menyentuh terlebih dahulu berkaitan dengan peruntukan keseluruhannya kepada JAPNIN iaitu sejumlah RM185 juta. Sebenarnya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, peruntukan RM185 juta ini diagih-agihkan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

- (i) RM77,549,000 diperuntukkan kepada pengurusan;
- (ii) RM793,000 ialah untuk hubungan antarabangsa yang merangkumi program dan lawatan ke luar negara;
- (iii) RM96,983,700 yang diperuntukkan kepada pembangunan komuniti, saya akan kembali kepada topik ini selepas ini oleh kerana ini telah disentuh khas oleh Yang Berhormat daripada Lembah Pantai;
- (iv) RM7,561,600 telah diperuntukkan kepada Bahagian Perpaduan Masyarakat dan Integrasi Nasional yang merangkumi untuk menyelenggarakan Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Program Jaringan Sosial dengan NGO, Unity Intensif program yang baru dan juga Program Silang Budaya; dan akhir sekali;
- (v) peruntukan sejumlah RM2,310,400 yang bertujuan untuk menjalankan penyelidikan, kajian mengenai perpaduan dan hubungan antara kaum, komuniti yang juga diberi peruntukan sebanyak di sini ialah NUCC dan juga Jawatankuasa Mempromosi Penganut Keagamaan.

Butiran Pembangunan Komuniti yang mendapat peruntukan RM96,000,000 yang saya katakan sebentar tadi ialah bukan untuk tujuan menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak sihat, maklumat-maklumat yang negatif. Akan tetapi ia sebenarnya ialah bertujuan untuk menjalankan aktiviti Rukun Tetangga yang sejumlah 6,600 di seluruh negara. Skim Rondaan

Sukarela berjumlah 4,355, Tabika Perpaduan – 1,781, Taska PERMATA Perpaduan berjumlah 41, *toll library* di seluruh negara adalah sejumlah 47, Skuad Uniti bagi mereka untuk menjalankan aktiviti. Skuad Uniti ini ialah berjumlah 16 di seluruh negara. Program Sayangi Komuniti di kawasan - 15 dan juga klinik sosial – 2.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Putatan telah menyoal berkaitan dengan keberkesanan atau prestasi ke atas program-program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. JPNIN senantiasa memantau keberkesanan prestasi program-program yang telah dirancang dan seterusnya dilaksanakan. Kami menggunakan beberapa pendekatan tertentu seperti berikut:

- (i) penilaian reaksi;
- (ii) penilaian pembelajaran;
- (iii) penilaian tingkah laku; dan
- (iv) penilaian hasil daripada pelaksanaan program-program ini.

Program-program perpaduan meninggalkan kesan positif sebenarnya dan mendalam di dalam diri masyarakat agar ahli-ahli masyarakat terus hidup bersatu padu dan memastikan keharmonian terus terpelihara.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Pengerusi...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Boleh, fasal perpaduan?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang perpaduan yang saya nampak ialah pegawai-pegawai tidak mencukupi di kawasan. Umpamanya macam tempat saya di Parit, berkongsi pegawai perpaduan dengan daerah Manjung dan di Parit cuma dua orang sahaja pegawai perpaduan. Seorang ialah penolong pegawai perpaduan dan seorang lagi ialah pegawai pengembang perpaduan.

Jadi, ini sebenarnya tidak cukup Yang Berhormat Menteri, kalau perpaduan ini merupakan satu yang penting, haruslah ditambah lagi dengan cara mewujudkan pegawai perpaduan di semua daerah di seluruh negara dan menambah pegawai-pegawai lain di peringkat daerah supaya usaha-usaha perpaduan dapat dilakukan dengan lebih berkesan lagi kalau sebenar-benarnya usaha untuk perpaduan ini hendak dilakukan di seluruh negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Teguran ini bukannya teguran dikemukakan kepada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, ia berlaku juga di mana-mana jabatan. Ini ada berkaitan dengan adanya kewangan untuk mencukupi pegawai-pegawai tertentu. Sememangnya kita sedari bahawa jabatan ini merupakan satu jabatan yang amat penting. Walau

bagaimanapun, kita cuba untuk mengagih-agihkan kerja-kerja itu di mana ia boleh menghasilkan sesuatu. Akan tetapi secara amnya, saya akan mengambil berat ke atas teguran Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, di sini saya hanya boleh bercakap pada keseluruhannya iaitu berkaitan dengan keberkesanan atau prestasi program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Secara keseluruhannya, program-program perpaduan sama ada dianjurkan oleh JPNIN melalui Rukun Tetangga dengan kerjasama pihak-pihak tertentu, sebenarnya telah berjaya menyumbang ke arah keharmonian dan kesejahteraan masyarakat sebagai platform interaksi yang berterusan. Itu sahaja penjelasan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selangau.

■2020

8.20 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh agensi ataupun portfolio di bawah jagaan saya iaitu SPA. Yang Berhormat Kinabatangan menimbulkan isu pengambilan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang berada di bawah bidang kuasa SPA yang menyebabkan pegawai-pegawai yang diambil memiliki integriti yang kurang dan proses pengambilan yang mengambil masa bertahun-tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan sama ada pegawai-pegawai di bawah SPRM ataupun jawatan-jawatan yang lain adalah di bawah kuasa SPA mengikut Fasal 1, Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan dan termasuk jugalah pegawai-pegawai SPRM.

Dari segi pengambilan untuk menentukan integriti, kredibiliti dan sebagainya SPA telah menetapkan sembilan kriteria yang perlu ada pada calon-calon yang akan dilantik. Calon-calon perlu memiliki kriteria seperti cepat, tepat, berintegriti, produktif, kreatif, inovatif, setia kepada organisasi, terbuka dan bersedia membantu wakil-wakil, kawan-kawan yang lain. Wakil-wakil SPRM juga terlibat dalam proses pemilihan calon sehingga ke peringkat temu duga. Jadi, orang dari SPRM juga terlibat memilih calon yang bakal dilantik. Ini bermakna tidak timbul sama sekali isu kalau pegawai-pegawai yang akan dilantik SPRM akan lebih berintegriti kalau ianya dipilih oleh orang SPRM sendiri kerana mereka sendiri memang terlibat dari awal.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [Bangun]

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, Tuan Pengerusi terima kasih. Senarai yang Menteri baca tadi, kriteria tadi, adakah ini dilakukan sebelum mereka *appear* semasa *interview* ataupun adakah proses-proses lain? Contohnya ada *pre interview* ataupun latihan-latihan atau *test* yang lain sebelum *finally* mereka datang untuk *interview*. Ini sebab tujuh kriteria

itu, macam mana kita hendak access berkebolehan mereka ataupun kedudukan yang Menteri kata tadi? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Pengerusi ia diadakan sebelum dilantik. Ada proses pra temu duga juga dan selepas dilantik juga mereka masih melalui latihan khusus dan sebagainya untuk menentukan kredibiliti ataupun integriti yang kita kesan pada peringkat awal berkekalan.

Yang Berhormat Kota Raja membangkitkan isu mengenai keperluan mengadakan kajian bagi membolehkan calon yang berminat memohon jawatan dalam perkhidmatan awam, memohon jawatan yang lebih rendah daripada kelayakan yang dimiliki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPA sememangnya telah melaksanakan dasar *one-step lower* yang membenarkan calon-calon yang memohon jawatan yang lebih rendah walaupun memiliki kelayakan yang lebih tinggi. Ini pun dia sendiri yang pilih jadi kita tidak boleh tegur ataupun salahkan dia, dia yang memilih. Dasar ini merupakan salah satu daripada inisiatif SPA untuk merakyatkan perkhidmatannya dengan memberi peluang kepada calon-calon yang berminat untuk menyertai perkhidmatan awam. Walaupun dengan kelayakan yang lebih tinggi daripada jawatan yang ditawarkan. Tuan Pengerusi...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri, boleh saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya Menteri saya membangkitkan isu ini kerana saya hendak menunjukkan bahawa sebenarnya bila seseorang yang mempunyai kelayakan yang lebih tinggi meminta kerja yang lebih rendah kerana mereka faham kerana syarat kelayakan itu rendah. Sekiranya mereka meletakkan dengan kelayakan yang tinggi mereka tidak diterima. Ini yang kita diberitahu, mereka tidak diterima sebab itu ialah kira kuota untuk orang yang berkelayakan lebih rendah. Jadi soalnya Menteri ialah dengan kita sekarang mempunyai ramai graduan ataupun yang memiliki sijil diploma dan sebagainya dan mereka lebih berkelayakan.

Sejauh mana kementerian mengkaji supaya jawatan-jawatan ini sekarang diisi oleh orang-orang yang lebih berkelayakan makna syaratnya dipertingkatkan. Memandangkan bahawa kerja-kerja jawatan sekarang ini memerlukan orang yang lebih, kita hendak maju ke depan. Kalau kita ambil orang yang berkelayakan rendah untuk satu kerja dia hanya boleh buat kerja itu. Saya pernah diberitahu kalau kita mengambil misalnya untuk satu kelayakan SPM kah apa, perlu berbulan-bulan untuk hendak melatih mereka dan mereka hanya boleh buat kerja itu. Mereka tidak boleh hendak buat kerja lebih daripada itu kerana itulah kerja mereka. Jadi, kalau dalam ke depan kita hendak maju *multitasking is needed. You need more qualified people*, dengan izin.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Pengerusi, saya berpandangan ada dua isu yang timbul daripada pandangan Yang Berhormat Kota Raja tadi. Pertama, isu kelayakan yang lebih tinggi dari *post* yang dipohon. Kalaulah kita benarkan orang itu memohon dengan kelayakan yang lebih tinggi dan dia takut dia tidak diterima. Kita tidak mahu orang memohon dengan kelayakan yang tinggi itu menggunakan *post* yang akan ditawarkan sebagai satu transit *point*

sahaja oleh kerana dia tidak dapat kerja lain. Jadi, itu akan membuang masa dan membazirkan usaha-usaha semua pihak. Itu yang pertama.

Kedua, apabila kelayakan itu telah ditetapkan untuk sesuatu jawatan ini bermakna SPA yang mempunyai ahli-ahli yang begitu *experience*, berpengalaman. Itulah sebabnya ahli-ahli ini dia ada kriteria yang tertentu, siapa yang dapat diambil sebagai ahli-ahli SPA ini dari segi pengalaman mereka dahulu. Mereka sudah menetapkan dan mereka tahu setakat manakah yang perlu kelayakan itu untuk jawatan tersebut. Sekiranya ada perubahan dari segi skop kerja dan sebagainya dan disebabkan perkembangan seterusnya di masa depan.

Maka orang ini, pegawai-pegawai ini yang mulanya layak akan diberi khusus sepanjang hayat. Itulah sebabnya kita mengadakan *lifelong learning* lah, lebih kurang macam itu di peringkat pegawai-pegawai masing-masing. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan bagi pihak SPA saya sangat menghargai pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat Batang Sadong.

8.28 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera.

Pada malam ini kita sama-sama mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menimbulkan isu-isu di bawah Jabatan Perdana Menteri yang di bawah seliaan saya. Sesungguhnya kita amat menghargai apa yang telah disuarakan dan dimajukan kepada kita. Pertama sekali, saya hendak menjawab perkara yang telah dirujuk oleh Yang Berhormat Limbang yang mengatakan tidak cukup pegawai atau Peguam Syariah di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Miri. Cawangan Miri ketika ini memberi perkhidmatan untuk Limbang. Banyak kes tidak dapat dibantu akibat kekurangan pegawai ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Limbang telah membangkitkan isu ini di mana untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat tiga cawangan JBG di Sarawak iaitu di Kuching, Miri dan Sibul. Sebenarnya ini berdasarkan kepada kawasan-kawasan di mana ada *High Court*, dengan izin. JBG cawangan Miri diketuai oleh Pegawai Undang-undang Gred L41 dengan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Undang-undang Gred L32 dan seorang Penolong Pegawai Syariah Gred LS27. JBG cawangan Miri mengendalikan kes di Limbang, Bintulu, Miri, Marudi dan Lawas. Kes syariah yang didaftarkan di cawangan Miri dikendalikan oleh Penolong Pegawai Syariah Gred LS27.

■2030

Sehingga bulan September 2014, sebanyak 161 kes syariah masih lagi dalam prosiding. Dengan bilangan pegawai yang ada dan kedudukan lokasi mahkamah yang jauh antara satu sama lain, JBG mengambil maklum bahawa ia menyukarkannya untuk memberikan

perkhidmatannya secara optimum. JBG mengambil maklum masalah tersebut dan dalam proses untuk memuktamadkan kertas cadangan penstrukturan semula bagi pertambahan dan penggredan semula pegawai di semua cawangan JBG di Malaysia.

Sementara itu, bagi mengatasi masalah ini sehingga bulan November 2014, JBG Miri telah mengadakan 25 klinik bantuan guaman di semua lokasi di bawah bidang kuasanya bagi memudahkan orang awam mendapatkan akses kepada khidmat JBG. Di Limbang sebanyak enam klinik bantuan guaman telah dijalankan di Mahkamah Syariah dan Pejabat Daerah Limbang.

Di samping itu juga Tuan Pengerusi, sukacita dimaklumkan terdapat perancangan untuk membuka cawangan JBG di Limbang sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen pengurusan strategik JBG 2014 hingga 2018 bagi membolehkan masyarakat di Limbang mendapat akses kepada perkhidmatan JBG dengan mudah.

Berhubung dengan pembinaan mahkamah baru yang telah disuarakan pagi tadi, pada masa ini tiada keperluan untuk membina mahkamah baru di Limbang walaupun ia pernah disebutkan oleh menteri yang sebelum ini kerana Mahkamah Limbang hanya bersidang dua kali sebulan dengan perjawatan seramai 10 orang pegawai. Cadangan pembangunan projek mahkamah disenaraikan mengikut keutamaan berdasarkan faktor-faktor berikut:

- (i) statistik peningkatan bilangan kes yang dibicarakan;
- (ii) keadaan fizikal bangunan; dan
- (iii) keperluan semasa penduduk setempat.

Sebenarnya kita tidak mahu apabila kita membina mahkamah, ia menjadi satu bangunan yang *under utilize*, dengan izin. Jadi, sebab itu kita perlu berhati-hati kalau kita hendak membina mahkamah di satu-satu tempat.

Seterusnya saya menjawab soalan Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada dalam ini. Walau bagaimanapun, sebenarnya oleh kerana perkara ini telah diminta juga saya jelaskan, ada pihak yang tertentu yang menunggu untuk mendengarnya di mana Yang Berhormat Kinabatangan telah mencadangkan agar diberi peruntukan khas untuk mahkamah bergerak. Sebelum itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan semasa Yang Berhormat Kinabatangan berbahas tadi, saya di luar bersama rakan-rakan yang menunggu soalan ini.

Jadi, berhubung dengan mahkamah bergerak atau *mobile court*, dengan izin, sukacita dimaklumkan bahawa sebuah bas telah diberikan kepada pusat tanggungjawab atau pun PTJ Sabah pada tahun 2012 untuk dijadikan *mobile court* di negeri Sabah. Peruntukan juga telah disediakan untuk belanja mengurus *mobile court* tersebut termasuk pembayaran elaun-elaun kakitangan yang bertugas. *Mobile court* ini akan diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negara tetapi ia mengikut keutamaan. Masa ini kita memberi keutamaannya kepada negeri Sabah kerana keperluan yang begitu *pressing* dengan izin, di Sabah di mana mereka perlu banyak pergi ke pedalaman untuk mengendalikan kes-kes, mendaftarkan kes-kes kelahiran yang lewat dilaporkan.

Jadi Tuan Pengerusi itu mengenai *mobile court*. Sebenarnya untuk negeri Sabah ada dua yang dipohon di mana satu telah ditunaikan, satu lagi belum lagi. Untuk negeri Sarawak saya telah menulis sendiri kepada pihak mahkamah untuk menyediakan *proposal* untuk kedua-dua *mobile court* ini untuk negeri Sabah dan Sarawak yang pertambahannya untuk negeri Sabah dan Sarawak untuk yang akan dilaksanakan sekiranya diluluskan. Namun begitu, setelah dikaji keperluannya untuk negeri Sarawak ini belumlah begitu mendesak seperti mana di negeri Sabah. Jadi, sebab itu negeri Sabah telah ditunaikan pada tahun 2012. Jadi, kita tidak akan berputus asa. Kita akan terus memohon lagi seperti mana yang diperlukan oleh negeri Sarawak juga.

Jadi Tuan Pengerusi, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Kinabatangan mengenai pelantikan Yang Arif Hakim di Sabah dan Sarawak diberi kuasa kepada Yang Arif Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Yang Arif Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah berdasarkan kepada Perkara 122B, Perlembagaan Persekutuan. Manakala kelayakan seseorang itu untuk dilantik sebagai Yang Arif Hakim adalah tertakluk kepada Perkara 123, Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- (i) dia seorang warganegara;
- (ii) bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya, dia menjadi peguam bela bagi mahkamah atau menjadi anggota perkhidmatan perundangan persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu negeri;

Dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan tersebut, ada menyatakan bahawa jika pelantikan itu adalah pelantikan hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Ini bermakna, Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah diberi kuasa dan peranan dalam urusan pelantikan hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat juga kriteria pemilihannya diberi bagi calon-calon pula adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 iaitu Akta 695.

Antaranya calon-calon mestilah memenuhi kehendak di bawah Perkara 123, Perlembagaan Persekutuan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (ii) objektif tidak berat sebelah, adil dan peribadi modal yang baik;
- (iii) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (iv) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (v) kesihatan fizikal dan mental.

Seterusnya, Yang Berhormat Kota Raja ada dekat sini. Mengenai SPAD. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kota Raja telah membangkitkan isu-isu berkenaan lori dan bas yang diletakkan atau di parkir di kawasan perumahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sentiasa mengadakan perbincangan dengan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mewujudkan parkir atau terminal sementara. Selain daripada itu, SPAD juga telah bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menangani permasalahan ini.

Pada masa ini, permohonan untuk mendapatkan permit kenderaan barangan atau pun lori perlu disertakan kawasan parkir untuk kelulusan. SPAD juga telah menubuhkan Unit Penggantungan dan Penarikan Lesen di bawah Bahagian Pelesenan Jalan Raya ataupun dengan izin, *road based licensing* pada Januari 2014 ini. Bagi mendisiplinkan semua pengendali pengangkutan awam termasuk kenderaan barangan, pengendali yang berulang kali melanggar syarat lesen boleh diambil tindakan sehingga kepada penarikan yang telah diberi.

Oleh yang demikian, saya menyeru Ahli Yang Berhormat atau pun sesiapa sahaja yang berhadapan dengan keadaan ini untuk segera melaporkan kepada pihak SPAD. Seterusnya, tadi...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setakat *enforcement*, setakat badan baru ini diwujudkan pada Januari 2014 ini Yang Berhormat Menteri, berapakah lesen yang telah digantung atau ditarik kerana inilah jawapan yang saya dapat semasa institusi yang lagi satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: LPKP.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya. Semasa dahulu, semasa Datuk Halimah menjadi pengerusinya pun menjawab begitu juga bahawa lesen dan permit akan ditarik balik apabila kesalahan ini berlaku berulang kali. Saya *follow up* dengan PBT saya, MPK bahawa mereka telah menghantar senarai dan nombor pendaftaran lori-lori ini, kenderaan ini tetapi sampai hari ini masih tidak ada tindakan ke atas pemilik-pemilikinya.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ada rujukan itu boleh bagi saya supaya saya dapat melihat sendiri kepada perkara ini. Untuk statistik itu saya akan beri secara bertulis kerana saya tidak ada jawapan khusus untuk statistiknya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah bangun, Yang Berhormat

■2040

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri sini, boleh Menteri? Terima kasih Menteri tadi dalam jawapan yang diberi Menteri ada mengatakan bahawa memang SPAD akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mewujudkan kawasan-kawasan tertentu untuk *parking* kenderaan berat.

Akan tetapi sejauh manakah perkara ini sedang dilaksanakan? Ini sebab masalahnya memang saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja, penduduk

sesuatu taman atau kawasan perumahan itu mereka tidak setuju apabila ada kereta, apabila ada lori ataupun bas masuk ke kawasan perumahan.

Akan tetapi masalahnya, bila kita berbincang dengan pengoperasi lori dan bas dan sebagainya, mereka pula memberitahu mereka tidak ada tempat lain kalau tidak disediakan tempat untuk mereka hendak *parking*, di mana mereka hendak *park*? So, itu menjadi satu masalah yang besar. So, saya hendak tahu sejauh manakah SPAD telah bekerja dengan semua PBT untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana kawasan parkir itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PBT dengan izin, di mana merekalah yang bertanggungjawab untuk mencari. Namun begitu, sebab itu SPAD akan berbincang dengan mereka untuk meminta manakah kawasan-kawasan yang bersesuaian. Cuma saya bersetuju dengan Yang Berhormat, sebab ini adalah satu daripada masalah yang sering kali menjadi masalah yang diterima oleh kita mendengar ini, sebab orang-orang yang tinggal, *residence*, dengan izin yang tinggal di kawasan tersebut kebanyakannya tidak bersetuju.

Jadi apa yang perlu, sama-samalah kita menyeru SPAD bekerjasama dengan PBT tetapi mintalah mereka bersama-sama SPAD dengan PBT ini mintalah PBT minta supaya dapatlah tanah atau kawasan yang sesuai untuk mereka parkir kenderaan-kenderaan ini. Saya setuju sebab Yang Berhormat sebab saya pernah bekerja dengan PBT dahulu.

Ini menjadi masalah walaupun *intention*, dengan izin, itu memang untuk melaksanakannya mengikut undang-undang tetapi dari segi pelaksanaannya memang saya faham agak sukar kerana ada kawasan-kawasan tertentu itu memang ianya tidak dipersetujui oleh orang-orang tempatan, sebab inilah di mana kita memerlukan *enforcement* yang ketat dalam hal ini. Saya setuju dengan komen Yang Berhormat tadi Cuma apa yang kita hendak supaya pihak yang mendengar ini, pihak PBT juga bersama dengan SPAD supaya, bukan hanya bekerjasama begitu sahaja memastikan ianya satu pelaksanaan yang betul-betul efektif. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, sedikit saya hendak beri maklumat di sini. Untuk kenderaan yang memohon- itu daripada kawasan PBT tertentu, misalnya saya daripada kawasan Klang untuk SPAD memberi kelulusan, dia perlu mendapat persetujuan daripada PBT, menunjukkan di mana tempat parkirnya.

Masalahnya Yang Berhormat Menteri ialah apabila, pemandu-pemandu ini ya, dia bekerja untuk satu syarikat yang mendaftarkan kenderaannya di kawasan lain bila dia habis kerja dia bawa balik lori itu parkir tempat kediaman dia. Jadi inilah menjadi satu masalah. Lagi satu adalah kerana ada bayaran untuk menggunakan tempat-tempat parkir ini yang menyebabkan mereka tidak, ataupun *reluctant* juga sikap pemandu adalah, apa yang mudah bagi mereka. Letak di hadapan rumah mereka walaupun mengganggu orang lain.

Lagi satu ialah parkir di tepi-tepi bahu jalan di antara sebab berlakunya kemalangan terutamanya sebelah malam apabila kenderaan lain tidak nampak di bahu jalan kenderaan yang besar ini.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih di atas komen yang telah diberi oleh Yang Berhormat. Sama juga seperti yang dikomen tadi. Saya bersetuju tetapi apa yang kita hendak sekarang ini supaya pihak *enforcement* mengambil tindakan tegas dalam hal ini. Dari segi polisi memang dia baik, cantik, tinggal kalau tidak dilaksanakan dari segi *enforcement*, kalau tidak dijalankan dengan ketat maka ia tidak akan berjaya.

Jadi saya akan cuba memastikan supaya pihak-pihak SPAD, untuk memastikan PBT menjalankan tugas bersama dengan mereka dan pastikan tugas penguatkuasaan berlaku. Terima kasih.

Saya teruskan lagi dengan Yang Berhormat Sungai Siput ada dekat sini?... Tidak ada? Kalau tidak ada saya akan beri jawapan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput ada, Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ada? Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Siput telah membangkitkan isu lori kecil yang membawa lebih muatan. Beliau mendakwa bahawa ia berpunca kerana mereka ingin bersaing dengan syarikat yang mempunyai lori yang lebih besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini, SPAD hanya menguatkuasakan lori yang membawa berat dengan muatan ataupun BDM, dengan izin, muatan yang melebihi 5 tan ke atas. Jadi selain daripada itu berdasarkan maklumat daripada SPAD, lori yang sering membawa muatan lebih adalah jenis lori-lori yang mengangkut pasir dan barangan berderai.

Justeru isu persaingan sehingga menyebabkan perkara ini, melakukan kesalahan adalah tidak wujud tetapi ia lebih merupakan kepada model perniagaan mereka itu sendiri. Sementara itu berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sungai Siput berhubung mengenakan harga lantai ataupun dengan izin, *floor pricing*, ia tidak lagi dipraktikkan kerana caj perkhidmatan lori kini telah diliberalisasikan sejak tahun 2013. Terima kasih.

Saya rasa itu sahaja yang lain yang tidak ada di sini. Jawapan saya akan hantar jawapan secara bertulis. Terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Muar.

8.46 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Saya mohon Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk menyambung jawapan-jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Lembah Pantai mohon untuk perincian butiran projek khas yang berjumlah RM1.61 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini dari jumlah tersebut beberapa perbelanjaan telah pun ditetapkan. Antara lain:

- (i) dana eksport perkhidmatan sebanyak RM300 juta. Ia bertujuan untuk melaksanakan aktiviti tender dan rundingan serta menjalankan kajian kemungkinan bagi mendapatkan projek antarabangsa termasuklah promosi eksport perkhidmatan;
- (ii) Skim Insentif Penyelidikan sebanyak RM200 juta. Bagi menyediakan skim insentif untuk menggalakkan syarikat menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan- R&D di Malaysia; dan
- (iii) untuk menaik taraf Jalan Ansit-Dansit-Kahaba-Keningau, Sabah sebanyak RM188.6 juta iaitu menaik taraf kepada standard JKR R3 sepanjang 40 kilometer termasuk pembinaan jambatan.

Yang Berhormat Lenggong bertanyakan tentang supaya menjalankan program-program ekonomi di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai program dijalankan untuk mempertingkatkan sektor ekonomi di luar bandar di antaranya ialah pembangunan mengkomersialkan aktiviti pertanian luar bandar, pelancongan desa luar bandar serta meningkatkan keupayaan pengeluaran produk aktiviti ekonomi desa supaya penduduk luar bandar mampu bersaing di pasaran terbuka. Langkah juga diambil untuk kukuhkan peranan koperasi di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi luar bandar.

Yang Berhormat Permatang Pauh bertanyakan tentang laporan penyiasatan pendapatan isi rumah seperti yang diterbitkan oleh kerajaan, bercanggah dengan kajian yang dijalankan oleh pensyarah Universiti Malaya Doktor Lee Hok Khoon dan *Khazanah Research Institute*, Dr. Mohd Khalid iaitu:

- (i) penemuan HIS, *Household Income Survey* adalah bertentangan apabila dibandingkan dengan data gaji sektor kerajaan dan sektor swasta serta Pusat Maklumat Harta Negara;
- (ii) ketidaksamaan pendapatan kasar dalam HIS menunjukkan penurunan, sebaliknya kajian oleh Khazanah menunjukkan peningkatan ketidaksamaan dalam aspek pendapatan peribadi dan milikan rumah.

Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak wujud sebarang percanggahan di antara kedua-dua penemuan ini. Penyiasatan pendapatan isi rumah, HIS adalah penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan semenjak tahun 1974. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan juga untuk mengenal pasti golongan isi rumah miskin.

Konsep dan definisi pendapatan yang diguna pakai adalah berdasarkan kepada saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pendapatan yang dimaksudkan mestilah terakru dan berlaku berulang kali dalam tempoh rujukan.

■2050

Konsep ini sejajar dengan amalan negara-negara lain di dunia di mana menjadikan data-data Malaysia boleh dibandingkan dengan negara-negara tersebut. Pendapatan kadar isi rumah boleh diterima oleh isi rumah melalui pelbagai sumber iaitu pendapatan daripada pekerjaan bergaji, daripada bekerja sendiri, pendapatan daripada harta dan pindahan semasa yang diterima oleh ahli isi rumah sama ada daripada pihak kerajaan mahupun individu lain. Manakala kajian oleh pihak *Khazanah Research Institute* dan Universiti Malaya hanya menumpukan kepada pendapatan gaji dan upah sahaja.

Yang Berhormat Labuan mohon untuk JPM atau Jabatan Perdana Menteri memberi pertimbangan yang sepatutnya untuk projek-projek infrastruktur seperti yang disebut dalam Bajet 2015 tentang jalan raya untuk jaringan perhubungan dan kawasan perindustrian, terminal kargo di lapangan terbang.

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri buat masa ini sedang giat dalam menimbang projek-projek infrastruktur dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, pembinaan terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan memerlukan kajian yang lebih terperinci bagi menentukan skala pembangunan dan kesesuaiannya. Maka, adalah dicadangkan untuk Yang Berhormat untuk mengemukakan cadangan tersebut dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Tambahan pula, Lapangan Terbang Labuan turut digunakan oleh pihak TUDM.

Yang Berhormat Labuan turut membangkitkan isu mesyuarat Jawatankuasa Tanah Kerja Wilayah Persekutuan Labuan serta kelulusan tanah dan mencadangkan Timbalan Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah menjadi Pengerusi iaitu untuk menurunkan kuasa kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan yang buat masa ini dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dan Timbalan Pengerusi dibenarkan untuk mempengerusikannya atas sebab-sebab tertentu. Namun, kehadiran ahli tetap mesyuarat masih perlu mematuhi kuorum yang ditetapkan untuk mesyuarat diadakan. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan dianggotai oleh ahli-ahli mesyuarat yang berbeza bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Mesyuarat Jawatankuasa Wilayah Persekutuan Labuan hanya khusus membincangkan isu berkaitan tanah di Labuan dan bermesyuarat setiap dua bulan sekali. Walaupun jadual mesyuaratnya setiap dua bulan sekali tetapi ia tidak terikat dengan jadual yang ditetapkan di mana mesyuarat juga diadakan lebih daripada satu kali dalam tempoh dua bulan. Ia bergantung kepada keperluan dan bilangan permohonan yang diterima di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan.

Yang Berhormat Permatang Pauh bertanyakan tentang tujuan peruntukan dana fasilitiasi sebanyak RM2.5 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian dana mudah cara ialah satu insentif dalam bentuk geran yang disediakan oleh kerajaan bagi merencanakan pelaburan swasta di dalam negara. Misi dan objektif utamanya adalah merangsang pelaburan swasta dalam bidang-bidang keutamaan strategik dan berpotensi serta memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara. Di samping itu, dana ini juga adalah bagi tujuan pembayaran pengambilan balik tanah projek-projek lebuhraya.

Yang Berhormat Jerlun bertanyakan tentang NCIA yang...

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan bangun Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya, Yang Berhormat Labuan.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya kalau kekerapan mesyuarat Exco tanah untuk Labuan itu dapat dibuat lebih kerap seperti sebulan sekali dan kalau boleh lebih ramai representatif daripada pemimpin masyarakat Labuan untuk duduk di dalam jawatankuasa yang mana pada masa ini saya faham Ketua Pegawai Eksekutif dan mungkin Pengarah Tanah sahaja yang duduk di dalam. Ini kerana ada juga isu-isu yang berkaitan dengan *native land* dan sebagainya yang memerlukan kefahaman yang lebih daripada pemimpin tempatan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Pertama, boleh untuk kita adakan dengan lebih kerap bergantung- dan saya beri jaminan, kalau Yang Berhormat merasakan bahawa ada keperluan atas permohonan yang dirasakan tertangguh atau perlu disegerakan.

Keduanya, memang selama ini Tan Sri KSN berjaya mempengerusikan mesyuarat tanpa gagal. Namun begitu, katakan ada masalah dari segi untuk mengendalikan mesyuarat yang lebih kerap, ia boleh diberikan kepada Timbalan Pengerusi. Akan tetapi yang paling penting, saya akan bersama dengan Yang Berhormat sebab saya pun sudah tanya dengan pegawai-pegawai dalam perbincangan tadi, perkara itu sebenarnya boleh kita kendalikan *case by case*. Kita tidak mahu perkara tersebut hanya kerana kegagalan untuk memenuhi tempoh mesyuarat, dia melengahkan inisiatif yang dicapai.

Namun begitu, dari segi penglibatan, ia sebenarnya tertakluk kepada keanggotaan yang telah ditetapkan. Dari segi komposisi kuorum dan sebagainya, itu saya tidak boleh bagi jaminan yang boleh melibatkan semua sebab Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan berkaitan tanah ini sudah ada keanggotaan yang telah ditetapkan. Akan tetapi apa juga perkara yang boleh mengganggu kelewatan, saya beri jaminan, saya akan bersama-sama Yang Berhormat untuk memastikan perkara tersebut tidak berlaku. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Jerlun menyatakan bahawa NCIA terlalu fokus kepada sektor pembuatan dan bukan pertanian dan menyarankan NCIA untuk meningkatkan aktiviti di sektor

pertanian dan meminta untuk menyatakan aktiviti yang melibatkan penyelidikan untuk meningkatkan sektor pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2008 hingga 2013, NCIA telah berjaya mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 bilion dan telah mewujudkan sebanyak 8,377 peluang pekerjaan dalam bidang pertanian di serata negeri di koridor utara. JPM bersetuju dengan saranan Yang Berhormat untuk NCIA sentiasa bekerjasama dengan pihak swasta bagi meningkatkan kegiatan-kegiatan dalam sektor pertanian.

Antara yang sedang dijalankan oleh NCIA ialah, pertama, membangunkan Pusat Kecemerlangan Agri Bioteknologi di mana NCIA telah bekerjasama dengan Kedah BioResources Corporation Sdn Bhd, Bio TechCorp, MARDI, pakar-pakar dari USM dan UKM untuk membangunkan projek sains tumbuhan dan kultur tisu dan memberikan pembenihan teknologi tinggi untuk kemajuan industri pertanian.

Kedua, NCIA juga telah bekerjasama dengan pihak peneraju tempatan untuk melatih para pelatih Pusat Latihan Kolej Pertanian Malaysia Bukit Tangga, Kedah. Inisiatif ini akan menjadikan koridor utara sebagai pengeluar biji benih hibrid bernilai tinggi. Sehingga kini, sebanyak enam buah rumah hijau tertutup telah dibina di Kedah untuk tanaman Labu Jepun di Kuala Nerang. Ini dapat meningkatkan bidang pertanian dan mentransformasikan bidang pertanian ke tahap yang berdaya saing.

Akhir sekali, NCIA telah bekerjasama dengan JBP Asia Pacific dan UNIMAP untuk membangunkan pusat pertanian komersial bersepadu untuk penanaman mangga di Sungai Chuchuh di Padang Besar, Perlis. Program ini terdiri daripada 25 buah rumah hijau untuk penanaman mangga India merah dan harumanis dengan penggunaan teknologi khusus yang dibangunkan oleh UNIMAP dan juga teknologi Jepun. Kedua-dua spesies bernilai tinggi akan dapat ditanam sepanjang tahun di persekitaran yang terkawal dan bebas daripada serangan serta penyakit.

Yang Berhormat Bintulu bertanyakan tentang berapakah jumlah pakar yang telah dibawa pulang melalui REP atau *Returning Expert Program* dan berapakah bilangan doktor pakar yang telah kembali melalui REP daripada jumlah tersebut dan berapakah yang telah atau masih kekal berkhidmat dalam negara.

Sejak pelaksanaannya yang dikendalikan oleh TalentCorp, hampir 3,000 orang profesional warga Malaysia telah diluluskan di bawah program ini sehingga Ogos 2014. Pelaksanaan inisiatif ini terus menekankan aspek kualiti, profesionalisme yang akan dibawa pulang melalui kelulusan yang telah dibuat. Usaha ini tidak terhad kepada memudah cara kepulangan mereka ke tanah air melalui pelaksanaan REP, bahkan ia merangkumi pendekatan *knowledge sharing* dalam memanfaatkan pengetahuan profesional Malaysia dari luar negara melalui perwujudan jaringan modal insan berkemahiran tinggi iaitu *Global Malaysian Network*. Jaringan ini merupakan platform yang memudah cara usaha rakyat Malaysia di luar negara untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat yang memanfaatkan golongan modal insan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2014, jumlah *Healthcare Professional Approved* seramai 232 dan *Medical Specialist Approved* seramai 135.

Mengenai kajian kepada jumlah yang masih berkhidmat dalam negara, sukacita saya nyatakan bahawa kajian semakan menyeluruh hanya akan dapat dibuat dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menyemak jumlah pemohon yang telah *claim* atau menuntut insentif dan berkhidmat atau tidak berkhidmat dalam negara bermula Disember 2014 kerana kelulusan diberi melalui 2012 dan 2013.

Yang Berhormat Parit Sulong ketika mencelah Yang Berhormat Bintulu menyatakan tentang apakah langkah memastikan pelaksanaan FWA atau *Flexible Working Arrangement* mencapai sasaran yang ditetapkan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, FWA ialah merupakan satu inisiatif bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta syarikat-syarikat daripada sektor swasta. Pencapaian FWA setakat ini adalah seperti berikut:

■2100

- (i) prestasi *Flex Work Life* sehingga 30 Oktober 2014. Jumlah bilangan *flexi jobs* - 374 telah diiklankan oleh 80 majikan. Bilangan yang memohon adalah seramai 4,415 dan laman web telah pun dilawati oleh 94,943 *hits*.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tersebut, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat nyatakan bahawa program ini dibuat bersekali dengan Kementerian Wanita. Jadi dengan siapa? Boleh tidak Yang Berhormat maklumkan siapa yang sebenarnya, kementerian mana yang sebenarnya *monitor*? Oleh sebab kalau kita ada buat sesuatu program, kadang-kadang saya tengok masalahnya adalah dari segi *monitoring*. Bila *monitoring* ini tolak sana, ini tolak sana. Jadinya, boleh tidak Yang Berhormat nyatakan, dari segi ini, siapa, Kementerian Wanita kah, kementerian Yang Berhormat ataupun kementerian mana mengambil kira mengenai perkara ini? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kedua-dua ini tidak akan berjaya kalau tanpa penglibatan syarikat. Sebab syarikat-syarikat yang menawarkan ruang kerja itu juga merupakan komponen dalam memastikan kejayaan FWA. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah kumpulan sasar iaitu pekerja yang terdiri daripada kaum wanita. Akan tetapi perkara ini diletakkan di bawah TalentCorp. sebagai badan yang melihat kepada peluang-peluang pekerjaan baru termasuk yang kita jawab awal tadi. Jadi maknanya, kalau *Talent Corp.* saja hendak buat, ia tidak akan mencapai tahap optimum. Ini selaras dengan dasar kerajaan NBOS di mana kita menggunakan *National Blue Ocean Strategy*. FWA ini hanya akan berjaya jika ketiga-tiga saya nyatakan tadi dapat bekerjasama dengan baik. Namun begitu, sebagai menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit Sulong, ia berada di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Sandakan ada membangkitkan perkara yang sebenarnya telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ketika peringkat dasar iaitu mengenai kadar kemiskinan di Sabah yang masih tinggi yang tidak perlu saya ulangi kerana ia berkaitan perkara yang telah pun diperjelaskan. Namun begitu, Yang Berhormat Sandakan ada menyatakan tentang berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak dalam program-program atau projek-projek membasmi kemiskinan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sejumlah RM60 juta telah diperuntukkan kepada Semenanjung, Sabah dan Sarawak di bawah projek kemiskinan.

Yang Berhormat Lenggong mohon pihak NCIA untuk mengemukakan inisiatif yang telah dijalankan bagi meningkatkan sektor pelancongan di kawasan Lenggong. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, pihak NCIA masih lagi mengenal pasti program-program di dalam kawasan Yang Berhormat berkaitan bidang pelancongan ini. Antara program yang dijalankan oleh pihak NCIA termasuklah Program Pembangunan Kampung Warisan dan *Cultural Heritage Specialist Guide*, dengan izin, yang diiktiraf oleh UNESCO yang boleh Yang Berhormat bantu pihak NCIA dengan mengemukakan cadangan-cadangan terhadap program yang boleh dimajukan di kawasan Yang Berhormat.

Namun begitu, suka saya kongsi di sini, pihak NCIA sentiasa memastikan sektor pelancongan terus berkembang di Wilayah Koridor Utara. Sebagai contoh, bagi negeri Perak, Program Pembangunan Taiping Bandar Warisan yang terdiri daripada dua projek, Zoo Taiping dan *Night Safari* serta Laman Taman Tasik Taiping telah pun dilaksanakan. Keduanya, projek pembangunan Taman Negeri Diraja Belum dan juga projek pembinaan Kompleks Membeli Belah Taiping, Taiping Mall dan pembinaan hotel empat bintang di Taiping.

Yang Berhormat Sungai Siput bertanyakan tentang kaedah, mohon supaya kaedah dan maksud paras garis kemiskinan dikaji semula terutama di bandar-bandar besar. Untuk Yang Berhormat Sungai Siput, pendapatan garis kemiskinan (PGK) ialah pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya. Pengiraan PGK mengambil kira ciri-ciri demografi isi rumah seperti umur dan jantina serta lokasi isi rumah mengikut negeri dan kawasan bandar atau luar bandar. Walau bagaimanapun, nilai PGK adalah tertakluk kepada saiz isi rumah bagi isi rumah yang diambil kira. Model pengukuran PGK Malaysia ini juga merupakan amalan yang diguna pakai oleh kebanyakan negara bagi mengukur kemiskinan mutlak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model pengukuran PGK telah dikaji semula pada tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP). Kajian semula tersebut menggunakan input dan pandangan oleh pakar-pakar dalam dan luar negara yang mempunyai pengalaman dan kepakaran khusus dalam pengukuran kemiskinan. PGK yang digunakan di kemas kini bagi setiap 2½ tahun sekali seiring dengan pelaksanaan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) dan keperluan perancangan pembangunan. PGK juga mengambil kira perubahan harga serta

pendapatan semasa. Oleh yang demikian, PGK semasa yang diguna pakai adalah realistik dan buat masa ini tiada keperluan untuk mengkaji semula model pengukuran tersebut.

Yang Berhormat Jerlun bertanya tentang penanaman semula getah FELDA Lubuk Merbau yang belum selesai. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Jerlun, projek tanaman semula di FELDA Lubuk Merbau dimulakan dengan proses menebang pokok getah asal sehingga menanam anak pokok getah. Projek ini bermula pada 19 Februari 2013 melibatkan kawasan seluas 776.75 hektar tanah. Purata kemajuan keseluruhan kerja tanam semula sehingga 9 November sehingga sekarang ialah 93.45% dan projek ini dijangka siap sepenuhnya sebelum 30 November.

Yang Berhormat Puan Nurul Izzah, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat Lembah Pantai bertanya tentang peruntukan sebanyak RM58.6 juta yang diperuntukkan kepada Biro Tatanegara untuk menjalankan modul-modul. Akan tetapi masih terdapat aduan terutamanya daripada golongan mahasiswa mengatakan modul kandungan BTN menjerumuskan kepada sentimen perkauman. Jadi, apakah perancangan dan modul BTN? Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberikan kepada Biro Tatanegara adalah untuk membolehkan jabatan ini melaksanakan program memupuk semangat patriotisme, nilai-nilai murni dan kenegaraan.

BTN tidak pernah menginstitusikan fahaman perkauman dalam semua aktiviti yang dijalankan. BTN sentiasa melakukan penambahbaikan dan pengubah suaian sejajar dengan keperluan semasa. Tuduhan berkenaan tidak benar sama sekali kerana tiada bukti yang menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti BTN bersifat perkauman dan bercanggah dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Malahan BTN menjadi pelengkap kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berusaha untuk merealisasikan Gagasan 1Malaysia.

Dalam usaha memupuk semangat cinta kepada negara, Biro Tatanegara telah memberikan penekanan khusus dalam aspek modul yang mana modul kursus kepada golongan muda sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa. Selain itu, modul yang bersesuaian turut diperkenalkan dalam usaha memupuk semangat cinta kepada negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sikit? Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tentang Biro Tatanegara ini, adakah Yang Berhormat Menteri betul-betul jawab secara jujur kah? Saya rasa ada dua orang di sini yang boleh- bekas-bekas orang dalam Biro Tatanegara ini yang boleh menjelaskan bahawa memang wujudnya...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Sabarlah, *relax*lah. Saya hendak katakan bahawa memang wujudnya keadaan di mana penceramah-penceramah Biro Tatanegara ini memang memainkan isu perkauman. Jadi, saya rasa perlulah- kalau Yang Berhormat Menteri boleh tunjukkan mungkin satu video macam mana rakaman-rakaman itu semasa mereka

memberi ucapan. Saya bercakap ini berdasarkan pengalaman. Pernah hadir, memang dia mainkan isu perkauman. Jangan hendak bohonglah. Jadi, saya rasa jawapan yang begitu janganlah...

Dato' Razali bin Ibrahim: Okeylah, sudah, sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan cuba hendak bercakap jujur. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya cuba bagi jawapan dengan baik, waktu pun tenang ya. Yang Berhormat pergi zaman bila ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tahu sampai sekarang pun sama.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak, tidak.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat, kalau kita dibesarkan dalam keadaan di seksa oleh bapa kita, kita akan membesar dengan keadaan memang terseksa. Kalau Yang Berhormat terseksa, jangan salahkan orang lain. Kita buat kursus yang melibatkan hampir 1 juta orang pada tahun 2013. Boleh sembunyikan rahsiakah hendak latih 1 juta orang ini. Kalau zaman Yang Berhormat dulu, saya tidak tahulah. Itu waktu itu mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh dia punya pengkerusinya yang jaga BTN. Bila Yang Berhormat kali terakhir...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tanya Yang Berhormat Batu Pahatlah.

Dato' Razali bin Ibrahim: Nanti, nanti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tanya Yang Berhormat Batu Pahat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak apa Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan hendak bohonglah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Razali bin Ibrahim: Bila kali terakhir Yang Berhormat pergi kursus? Yang Berhormat lagi tidak pernah pergi. Duduk la dulu, saya hendak jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya ada terima aduan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu Pahat, sila bagi jawapan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya pun ada terima aduan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini jawapan tidak usah hendak bohonglah.

Dato' Razali bin Ibrahim: Bagi aduan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ada diskriminasi.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak, tidak, bagi aduan. Jangan cakap zaman Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan zaman...

Dato' Razali bin Ibrahim: Duduklah dulu, saya hendak jawab yang ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak jadi saksilah, memang ada ucapan yang berunsur perkauman.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ikut peraturan ya.

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat, hendak cakap fasal perkauman, Yang Berhormat Seputeh tidak pernah pergi kursus pun boleh jadi orang yang perkauman. Mengeluarkan video-video. Dia tidak payah pergi program BTN.

■2110

Janganlah buat muka. Bila Yang Berhormat cakap pasal perpaduan perkauman, Yang Berhormat tidak mengaku. Tidak payah pergi program BTN boleh jadi orang yang *racist*.

Beberapa Ahli: Betul, betul!

Dato' Razali bin Ibrahim: Ini bukan soal tetapi saya hendak bagi tahu kita melatih...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Akan tetapi lubuk perkauman...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu *comedy*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Biro Tatanegara lubuk perkauman...

[*Dewan riuh*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak kira. Perkauman boleh dibuat dalam apa juga perkara...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri dibesarkan di bawah lubuk itulah, sebab itu jawab macam itu... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat dibesarkan dengan latihan dahulu. Saya hendak tanya, bagi satu orang yang boleh dengan spesifik apa yang kita buat. Kalau Yang Berhormat ada masalah dahulu, Yang Berhormat yang di belakang Yang Berhormat itu pun sama. Pernah juga melatih orang. Hari ini kita melatih satu juta orang. Sebanyak 47 orang peserta dari kaum Cina. Tidakkanlah kita boleh sembunyi rahsia ini. Saya baca tadi sebab saya hendak bagi tahu benda yang betul dan saya sangat tunggu Yang Berhormat bangun. [*Dewan riuh*] Hendak bagi tahu supaya lain kali jangan bangkit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tunggu jawapan Yang Berhormat yang jujur tetapi tidak dapat jawapan yang jujur.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya jemput Yang Berhormat pergi kursus BTN.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Rupanya inilah jawapan Menteri taraf BTN.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya jemput Yang Berhormat untuk pergi kursus BTN.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Mari. Tidak ada benda kita hendak sembunyi, Yang Berhormat sekali mari datang. Jangan kita cerita dekat orang sehinggakan kita buat program yang terbaru Aku Ikon Patriotik (AkuIP), kita buka secara *online*, pemohon daripada kaum Cina sangat rendah. Ini bukan kita hendak bagi gaji, hendak bagi kerja. Hendak suruh mohon pun tidak mohon sebab Yang Berhormat asyik cerita BTN ini perkauman. Kita buat program terbuka

dalam televisyen. Zaman sekarang mana boleh sembunyi Yang Berhormat, kursus tengah jalan orang boleh *tweet*. Jadi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Betul saya terima.

Dato' Razali bin Ibrahim: Apa terima? Beritahulah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebab aduan cara sejarah dibentangkan kita boleh bagi satu *syllabus* baru. [*Dewan riu*] Boleh kah?

Dato' Razali bin Ibrahim: Bagi, bagi. Yang Berhormat saya bukan takut dengan maklumat. Saya jemput Yang Berhormat pergi kursus BTN. [*Dewan riu*]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, saya minta kalau boleh *syllabus* terbaru diberikan kepada saya satu salinan kerana memang...

Dato' Razali bin Ibrahim: Ini ceritalah Yang Berhormat. Zaman Yang Berhormat dulu entah apa yang... saya pun tidak tahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, tolong bagi *syllabus* boleh, tolong bagi *syllabus*...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya cabar bagi *syllabus*.

Dato' Razali bin Ibrahim: Bagilah. Bagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tolong bagi kitalah.

Dato' Razali bin Ibrahim: Bagi apa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Syllabus*.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Syllabus*.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak ada, awak datang kursus kita lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa awak, awak ni? [*Ketawa*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat datang kursus.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat menuduh kita...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Pembentangnya memang berunsur perkauman.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya minta bukti, Yang Berhormat peguam, berilah...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi, saya mohon satu *syllabus*.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya akan bagi jaminan kalau ada fasilitator, sahabat yang buat unsur-unsur perkauman kita akan ambil tindakan. Akan tetapi Yang Berhormat bagi. Jangan bagi saya hukum orang yang tidak bersalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Macam mana kita hendak tahu, kita tidak masuk. Menteri yang masuk dalam itu, Menteri tahulah... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, saya mohon satu *syllabus*. Setuju atau tidak setuju bagi satu *syllabus* terbaru. [*Dewan riu*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tolong bagi *syllabus*...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan macam itu Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: *Syllabus* mana Yang Berhormat hendak?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Takut dibongkar, apa salahnya bagi *syllabus* terbaru?

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak ada masalah. Yang Berhormat hendak yang mana? Kita ada korporat, kita birokrat, kita ada..., pemimpin masyarakat. Yang mana satu Yang Berhormat hendak?

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Razali bin Ibrahim: ...Yang Berhormat datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Razali bin Ibrahim: ...Semua, kalau penjara pun Yang Berhormat masuk, ini masuk sekali. PLKN pun Yang Berhormat hendak tengok, BTN pun masuk. Dengan tangan terbuka kita.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Secara menyeluruh, bagi saya mengaji. [*Dewan riuh*]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Kita buat... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Titiwangsa bangun Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya beri Yang Berhormat Titiwangsa...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak cadangkan *invite* ahli-ahli PAS dan DAP ini *attend* kursus BTN ini baru dia tahu apa kita buat. Kalau dia tidak masuk jadi dia main tuduh-tuduh, mana boleh pakai kat sini? *You attend* lah. *You* bawa *you* punya orang dengar Yang Berhormat Menteri, baru kita cakap. Kita tengok apa *syllabus*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, kalau kita ada cara pun tidak sama...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat mana boleh bangun pada peringkat ini, tengah mencelah itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat boleh datang, tidak payah *syllabus*.

Dato' Razali bin Ibrahim: *Syllabus* kita ada banyak Yang Berhormat. Okey lah, kalau Yang Berhormat tidak hendak datang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Rakaman siarkan, boleh?

Dato' Razali bin Ibrahim: Boleh. Tidak ada masalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Akan tetapi ada banyak, kita ada belia korporat, korporat mahasiswa, birokrat, mahasiswa... pemimpin masyarakat, pendidikan remaja belia, tenaga penggerak. Ada banyak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tolong bagi semua, tidak apa. Kita *check*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan macam ini Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Hendak bagi macam mana? Dia modul ini, Yang Berhormat pun pernah buat...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, jangan berdebat dengan mereka Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau macam itu, untuk kita baca apa salahnya kalau tidak ada yang hendak di...

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya menawarkan Yang Berhormat... saya tawarkan Yang Berhormat datang tengok. Tidak ada masalah. Akan tetapi saya minta Yang Berhormat jangan cerita dekat luar, menuduh tanpa asas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas. [*Dewan riuh*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat, saya pun kadang-kadang sudah bosan dengan perangai ini. Kita jawab lain kat sini, Yang Berhormat cerita lain di luar.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kalau hendak rakam, rakam saya punya cakap sekali. Saya bagi tahu SPRM kata undang-undang yang ada memadai. Yang Berhormat Gelang Patah pergi cerita kerajaan enggan untuk menyiasat. Bila masa saya kata enggan? Ini kerja pembangkang. Ini semua yang saya rasa tidak membantu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Dewan riuh*] Sekarang sudi atau tidak sudi untuk bagi *syllabus* satu? Kalau tidak sudi kata enggan, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat datang...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Hendak bagi atau tidak bagi, itu sahaja.

Dato' Razali bin Ibrahim: *No, no, no.* Saya hendak jemput Yang Berhormat untuk...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya mohon untuk *syllabus*, sudi atau tidak sudi...

[*Dewan riuh*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Terus lalui sekali program.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau tidak sudi ada yang hendak di...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tunjukkanlah *syllabus* nya, bagi kita tengok.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Disembunyikan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Rakaman-rakaman itu... *[Dewan riuh]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya hendak bagi tahu, kalau saya tidak bagi pun tidak bermakna saya *racist* sebab saya tawarkan benda yang lebih besar daripada itu. Bukan bagi *syllabus* untuk Yang Berhormat baca, Yang Berhormat boleh ikut program kita, tidak ada masalah. *[Disampuk]* Hendak tutup mulut satu juta orang yang datang kursus tidak senang Yang Berhormat. Tidak senang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang...

Dato' Razali bin Ibrahim: Hendak bagi tahu satu juta orang, jangan bagi tahu orang kita ada buat program perkauman, susah! Zaman sekarang tidak boleh buat. Tidak ada.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kenapa takut hendak bagi *syllabus*, itu sahaja. Jawab!

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya kata saya boleh bagi dengan Yang Berhormat datang kursus. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Kenapa tidak boleh datang kursus?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Okey, bagi satu...

Dato' Razali bin Ibrahim: Kenapa Yang Berhormat tidak hendak datang kursus?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Takut kah?

Dato' Razali bin Ibrahim: Kenapa tidak datang kursus?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Buang masa. Kursus perkauman, kenapa hendak datang? Buang masa. *[Dewan riuh]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Tengok, perkara yang sama juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Buang masa sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh macam ini Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat bangun tanya saya pasal perkauman itu tadi. Kalau tidak jawapan saya boring.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasihlah sebab jawapan Yang Berhormat macam ini meyakinkan rakyat bahawa UMNO patut ditolak. Ini adalah parti perkauman. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang...

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya hendak ulangi kita beritahu bahawa kita tidak mengamalkan perkauman dan menjemput Yang Berhormat pembangkang untuk menyertai kursus.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Ha! Bagi Yang Berhormat Sepang sekolah dulu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak ada masalah, tidak ada apa yang kita hendak sembunyikan. Untuk itu, kita hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong kerana mencadangkan untuk ditambahkan peruntukan kepada Biro Tatanegara dalam menyemai semangat cintakan negara dan sikap patriotisme walaupun kita melihat sedikit penurunan daripada jumlah yang kita terima namun kita mempunyai iltizam untuk meneruskan usaha-usaha menanamkan semangat cintakan negara di kalangan rakyat.

Justeru BTN tidak pernah lupa untuk menilai cita rasa anak muda pada zaman ini selaras dengan kemajuan teknologi bagi menepati cita rasa anak muda Biro Tatanegara dengan kerjasama TV3 turut memperkenalkan program bercorak semi realiti televisyen kepada anak-anak muda yang diberi nama Aku Ikon Patriotik (AkuIP) di mana program menggabungkan elemen patriotisme, sukan dan kecerdasan. Pasangan dari setiap negeri akan disaring dengan pelbagai ujian dan cabaran sebelum layak ke pusingan akhir. Program ini mendapat sambutan di mana hampir seramai 500 pasangan peserta telah hadir sesi uji bakat dan program ini juga sudah ditayangkan di TV3 mulai 7 November 2014 pada jam 6 petang setiap hari Jumaat dan Sabtu. Yang Berhormat boleh tengok dakwaan perkauman Yang Berhormat buat, kita tunjuk kat televisyen.

Akhir sekali Yang Berhormat Kinabatangan menyarankan supaya dibentuk satu jawatankuasa khas bagi SPRM melantik kakitangannya sendiri seperti yang dilakukan oleh pihak PDRM. Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, cadangan ini telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan diberi pertimbangan serius oleh kerajaan. Pada masa ini pihak kerajaan sedang mencari kaedah bagaimana pindaan ini boleh dilaksanakan, antaranya termasuklah mendapat kelulusan sokongan 2/3 Ahli Parlimen.

Yang Berhormat Lipis mencadangkan supaya tindakan diambil oleh SPRM berkaitan kes pencerobohan tanah di Cameron Highlands. SPRM akan melaksanakan tindakan secara serampang tiga mata berdasarkan di bawah peruntukan Akta SPRM dalam menguatkuasakan penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan. Perkara ini dipandang sangat serius berikutan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini .

Akhir sekali, pihak SPRM ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin, saya percaya ramai seperti Yang Berhormat Jasin kerana memuji langkah SPRM dalam membanteras rasuah dalam sektor awam baru-baru ini sehingga menunjukkan peningkatan CPI yang juga telah meningkatkan FDI dalam negara. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya mohon untuk mencadangkan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM89,132,000 untuk Maksud B.1; RM2,294,000 untuk Maksud B.2; RM164,670,000 untuk Maksud B.3; RM73,852,000 untuk Maksud B.4; RM50,622,000 untuk Maksud B.5; RM6,025,239,000 untuk Maksud B.6; RM2,670,130,000 untuk Maksud B.7; RM202,200,000 untuk Maksud B.8; RM294,326,800 untuk Maksud B.9 dan

RM16,629,400 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM89,132,000 untuk Maksud B.1; RM2,294,000 untuk Maksud B.2; RM164,670,000 untuk Maksud B.3; RM73,852,000 untuk Maksud B.4; RM50,622,000 untuk Maksud B.5; RM6,025,239,000 untuk Maksud B.6; RM2,670,130,000 untuk Maksud B.7; RM202,200,000 untuk Maksud B.8; RM294,326,800 untuk Maksud B.9 dan RM16,629,400 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM13,034,769,500 untuk Maksud P.6 dan RM40,545,300 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM13,034,769,500 untuk Maksud P.6 dan RM40,545,300 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Selasa 11 November 2014.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 9.20 malam]